

CITRA WIRA RAKYAT DALAM LEGENDA

Mat Salleh





11-15 SEPTEMBER 2001
KOTA KINABALU, SABAH

CITRA WIRA RAKYAT DALAM LEGENDA
Mat Salleh

LOW KOK ON

28 JUN 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01070172

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu

2001

© Low Kok On
First Printing / Cetakan Pertama, 2001

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning,
Universiti Malaysia Sabah.

*Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Low, Kok On

Citra wira rakyat dalam Legenda Mat Salleh / Low Kok On.

Bibliografi: ms. 166

Mengandungi indeks

ISBN 983-2188-61-X

1. Mat Salleh 2. Heroes-Sabah-Biography 3. Sabah-History

I.Judul.

M
959.521
low
Published in Malaysia by / Diterbitkan di Malaysia oleh
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH,
Locked Bag 2073, 88999 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

*Printed in Malaysia by / Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan CCS Sdn. Bhd. (225662-A)
No.11, Block G, Sri Kemajuan Industrial Estate,
Mile 6-1/2, Jalan Tuaran, 88450 Inanam, Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-437120, 426120 Fax : 088-426120*

*Istimewa untuk
setiap bangsa Malaysia
yang cinta akan wira bangsanya*

Kandungan

Penghargaan

Bab 1 Pengenalan

3

Bab 2 Legenda dan Subtipa Legenda

8

- Definisi dan Ciri-Ciri Formal Legenda
- Subtipa Legenda.

- Legenda Keperwiraan Dan Latar Kemunculannya
- Tokoh-Tokoh Legenda Keperwiraan di Semenanjung Malaysia
- Legenda Keperwiraan Mat Salleh

Bab 3 Ketokohan Mat Salleh : Dari Sejarah Ke Legenda

30

- ✓ Asal Usul dan Keturunan Mat Salleh
- ✓ Sejarah Penentangan Mat Salleh Terhadap Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU)
- ✓ Mat Salleh Sebagai Tokoh Sejarah dan Tokoh Legenda yang Dihormati dan Disanjungi
- Dari Tokoh Sejarah ke Tokoh Legenda : Proses Kemunculan Wira Legenda
- Kepercayaan Masyarakat Terhadap Dimensi Ghaib
- Proses Kemunculan Wira Legenda

Bab 4 Teks dan Konteks

81

- Kaedah Penyelenggaran - Kerja Lapangan
- Biodata dan Maklumat Sosiobudaya Pemberi Maklumat
- Dokumentasi Teks

| | | |
|----------------|--|-----|
| Bab 5 | Analisis Struktural Atas Teks-teks Legenda Mat Salleh | 113 |
| | Asal Usul Mat Salleh | |
| | Hal-hal Peribadi Mat Salleh | |
| | Perwatakan Mat Salleh | |
| | Kebaktian dan Eksplot Mat Salleh | |
| | Sudut Pandangan Pencerita | |
| | Rumusan Analisis | |
| Bab 6 | Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh | 142 |
| | Pengertian dan Konsep Wira | |
| | Citra Wira Rakyat - Mat Salleh | |
| Bab 7 | Legenda Mat Salleh dan Cerita Asal Usul | 158 |
| | Cerita Asal Usul Nama Tempat : Api-API | |
| | Cerita Asal Usul Kubu Mat Salleh di Putatan | |
| | Cerita Asal Usul Kesaktian Surau | |
| | Cerita Asal Usul Meriam Mat Salleh | |
| | Cerita Asal Usul Jaket Kebal Pengikut Mat Salleh | |
| Penutup | | 164 |
| <i>Rujukan</i> | | 166 |
| <i>Indeks</i> | | 172 |

Penghargaan

Penulis terhutang budi kepada semua pihak yang telah menghulurkan bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Pertama, dirakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y. Bhg. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah dan Profesor Madya Dr. Noriah Taslim, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan galakan, tunjuk ajar dan bimbingan yang tidak terhingga kepada penulis selama ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Muzium Negeri Sabah, khususnya Datuk Jamdin Buyong, Pianus Guntavid, Rebin Noyo dan Suchin yang telah membantu penulis memperoleh maklumat penting yang diperlukan.

Pihak Arkib Negeri Sabah turut memberikan sumbangan yang tidak terhingga kepada penulis. Di Arkib Negeri Sabahlah penulis telah banyak memperoleh bahan rujukan yang amat penting seperti *The British North Borneo Herald* yang tersiar di antara tahun 1894 hingga 1921, dan sebuah diari asal Alexander Rankin Dunlop yang bertarikh 1894 hingga 1905. Tidak ketinggalan, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Awang Yaakub bin Duraman, Ismail bin Abbas, Nasip bin Kumpar, Tuan Haji Atim, Sito bin Duraman, Ampuan Hamzah bin Ampuan Ali, Syarif Yusof bin Syarif Bidin, Mali bin Nayan, Usu bin Siagah dan Lues binti Sepah yang telah sudi menjadi pemberi maklumat. Tanpa kisah legenda Mat Salleh yang diceritakan oleh mereka, penyelidikan ini pasti tidak dapat disempurnakan.

Seterusnya, ribuan terima kasih ditujukan kepada Ooi Beng Keong, Ch'ng Kim San, Wong Yun Leong, Lee Poh Choo, Mahat bin Saiz, Saat bin Razak, Abot@Cornelius bin Lawandai, Mohd Azri Ibrahim dan semua staf S.M. St. Michael, Penampang. Akhir sekali, tanpa sokongan moral dan pengorbanan daripada isteri saya, Goh Moi Hui, anak-anak saya Low Wei Shang dan Low Wei Ying, buku ini pasti tidak akan terbentuk sebagaimana yang ada seperti ini.

Low Kok On
Universiti Malaysia Sabah
Kota Kinabalu

-Bab 1-

Pengenalan

Sepanjang tempoh pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) di Sabah dari tahun 1894 hingga 1900, Mat Salleh telah dianggap oleh pihak berkuasa sebagai ketua penjenayah yang paling menggerunkan di seluruh Borneo Utara. Dalam tempoh tersebut, apabila berlakunya sebarang kekacauan, kes pembunuhan atau rompakan di Borneo Utara; pihak polis KBBU akan mengaitkan kejadian tersebut dengan angkara Mat Salleh. Imej buruk Mat Salleh ini kermudiannya disebarluaskan dan diturunkan kepada generasi muda penduduk tempatan di Sabah. Hal ini disebabkan sejarah Mat Salleh yang ditulis oleh sejarawan (sama ada sejarawan tempatan atau sejarawan Barat) kebanyakannya adalah berdasarkan laporan atau catatan pihak pentadbir KBBU yang sememangnya tidak memihak kepada seorang penentang kerajaan seperti Mat Salleh. Tregonning (1956:20) umpamanya mencatatkan bahawa Mat Salleh adalah sompong, menakutkan dan memiliki segala ciri-ciri nenek moyangnya yang gemar bermusuhan serta benci akan kerajaan.

Kemudian, timbul pula kesedaran di kalangan pemimpin dan penduduk tempatan Sabah untuk memberikan persepsi yang lebih adil terhadap imej Mat Salleh. Tun Datu Mustapha bin Datu Harun (bekas Ketua Menteri Sabah), umpamanya menekankan pendiriannya dalam akhbar *Daily Express* (24 Januari 1970:5) bahawa Mat Salleh bukanlah penderhaka tetapi merupakan wira tempatan Sabah yang memperjuangkan nasib penduduk tempatan yang ditindas oleh pihak penjajah British. Begitu juga dengan penulis lain seperti Cecilia Leong (1982) dan R.M. Jasni (1981) dalam tulisan mereka cuba membentulkan catatan sejarah yang selama ini telah memberikan gambaran negatif dan berat sebelah terhadap Mat Salleh. Bagi kedua-dua penulis

tempatan Sabah tersebut, sudut pandangan orang tempatan yang lebih adil dan seimbang patut diberikan kepada Mat Salleh.

Selain *The North Borneo British Herald*, iaitu satu-satunya akhbar rasmi pada zaman pentadbiran KBBU di Sabah pada 1880-an hingga 1900-an yang sering menyiarkan berita tentang Mat Salleh; ramai pengkaji (sama ada sejarawan Barat atau tempatan) telah mengkaji ketokohan Mat Salleh dari perspektif sejarah. Hasil daripada itu, banyak buku, jurnal dan rencana yang merakamkan sejarah perjuangan Mat Salleh telah diterbitkan. Antara jurnal sejarah awal yang mengkaji penentangan Mat Salleh terhadap KBBU ialah *The Mat Salleh Rebellion*, hasil kajian Wookey (1956) dan *The Mat Salleh Revolt 1894-1905*, hasil kajian Tregonning (1956). Kemudian, Crisswell (1971) telah membuat satu kajian tentang sejarah penentangan Mat Salleh yang berjudul : *The Mat Salleh Rebellion Reconsidered*.

Seterusnya, Black (1981) dalam *A Gambling Style of Government* ada memuatkan satu bab yang berjudul: "The Mat Salleh Revolt". Seorang lagi sejarawan Barat, iaitu Tarling (1985) turut menghasilkan satu lagi jurnal sejarah tentang Mat Salleh yang berjudul: *Mat Salleh and Kerani Usman*. Semua tulisan ini memberikan tumpuan kepada sejarah penentangan Mat Salleh terhadap KBBU bermula dari tahun 1894 di Sandakan sehingga beliau dilaporkan mati pada 31 Januari 1900. Alexander Rankin Dunlop, iaitu Residen Pantai Barat, Borneo Utara pada masa itu turut mencatatkan detik-detik beliau dengan pasukan polis KBBU cuba memburu Mat Salleh dalam diari beliau yang bertarikh antara tahun 1898 hingga 1905. Diari Dunlop ini merupakan satu-satunya sumber tentang sejarah penentangan Mat Salleh terhadap KBBU dari perspektif pegawai tinggi KBBU pada masa itu.

Penulis tempatan Sabah juga tidak ketinggalan menghasilkan beberapa kajian sejarah terhadap penentangan Mat Salleh terhadap KBBU. Umpamanya Cecilia Leong dalam bukunya yang berjudul: *Sabah The First 100 Years* ada memuatkan satu bab yang berjudul "The Mat Salleh Rebellion" (1982:111-145). R.M. Jasni pula menghasilkan sebuah buku dalam bahasa Melayu yang berjudul *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh* (1981). Jamdin Buyong (1981) dalam kertas kerjanya yang berjudul "Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes terhadap Nilai Barat" turut memberikan tumpuan kepada sejarah perjuangan Mat Salleh. Kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah di Kota Kinabalu di antara 12 Ogos 1981 - 16 Ogos 1981. Ketiga-tiga orang penulis tempatan Sabah tersebut cuba melihat perjuangan Mat Salleh dari perspektif penduduk tempatan. Hal ini disebabkan

pada mereka, kebanyakan laporan mengenai perjuangan yang dikeluarkan oleh pihak KBBU pada masa itu berat sebelah.

Berita demi berita yang ada kaitan dengan Mat Salleh turut mendapat tempat di akhbar-akhbar tempatan Sabah, khususnya *Daily Express*, *Sabah Times* dan *The Borneo Bulletin* dari tahun-tahun 1970-an hingga 1990-an. Antaranya, dalam *Daily Express* (6 Januari 1970:4) ada menyiarkan berita yang ditulis oleh Amil Jaya bertajuk: "Benarkah Mat Salleh Masih Hidup?" Dalam tulisan ini, Amil Jaya memberitahu pembaca bahawa kemunculan semula Mat Kilau di Semenanjung Malaysia membuatkannya memikirkan kembali ada kemungkinan Mat Salleh juga masih hidup sebagaimana yang dipercayai orang tua-tua di Sabah pada masa itu. Akan tetapi Amil Jaya mencadangkan agar kajian yang terperinci perlu dijalankan. Penyataan Amil Jaya itu disanggah oleh satu lagi berita yang tersiar dalam *Daily Express* (8 Januari 1970 : 4) bertajuk: "Mat Salleh Benar Mati di Tibabar". Sehubungan dengan itu, Mohammad Abdul Rahman melihat dari sudut bukti sejarah menyatakan bahawa Mat Salleh sememangnya telah ditembak mati semasa mempertahankan kubunya di Kampung Tibabar, Tambunan.

Kemudian, *Daily Express* (24 Januari 1973 : 5) menyiarkan berita yang bertajuk "Mat Salleh bukan Penderhaka – Tun". Dalam teks ucapan upacara pelancaran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Sabah; Tun Datu Mustapha (Ketua Menteri Sabah pada masa itu) mengingatkan pembaca bahawa Mat Salleh sebenarnya ialah wira rakyat Sabah dan banyak catatan sejarah tentang perjuangannya telah diselewengkan oleh pihak pemerintah pada masa itu.

Seterusnya, dalam *Sabah Times* (27 Jun 1981 : 6) tersiar pula satu hasil temu bual antara K.E.A. Hiew dan Thani Hashim dengan Dayang binti Lingkung yang berjudul "Mat Salleh : Pahlawan Sabah yang Teragung". Dalam temu bual tersebut mereka telah bertemu dengan Dayang binti Lingkung (100 tahun pada masa itu) yang dilaporkan sememangnya berada di dalam kubu Mat Salleh di Tambunan bersama-sama dengan Mat Salleh dan pengikutnya yang lain. Hasil kajian mereka itu banyak memuatkan kenangan Dayang binti Lingkung terhadap Mat Salleh. *The Borneo Bulletin* (6 Februari 1982 : 14) pula menyiarkan satu berita yang bertajuk: *Did Mat Salleh Use This Gun?* Berita tersebut melaporkan bahawa penduduk di sebelah Tuaran, Sabah menggunakan sepucuk meriam saiz kecil yang dipercayai pernah digunakan oleh Mat Salleh untuk memperoleh kekuatan fizikal dan batin dengan mandi dalam air rendaman meriam tersebut.

Sehingga tahun-tahun 1990-an, masih banyak tersiarinya berita mengenai Mat Salleh yang mendapat perhatian umum penduduk di Sabah.

Umpamanya berita yang berjudul: *Dispute Over Mat Salleh's Jacket* (*Daily Express*, 19 Julai 1995 : 1) melaporkan berita dua orang bersaudara, iaitu Jaimah Mandangka dan Miassin berebut hak milik sehelai jaket usang yang dipercayai pernah dipakai oleh Mat Salleh sehingga pihak Mahkamah Anak Negeri, Kota Kinabalu terpaksa mengadili kes ini. Kesudahannya, jaket tersebut dibeli oleh pihak Muzium Negeri Sabah dan dipamerkan di ruang pameran muzium untuk tatapan awam.

Seperkara yang menarik di sini adalah terdapat beberapa laporan rasmi tentang penentangan Mat Salleh yang tersiar dalam *The British North Borneo Herald* dan juga kebanyakan tulisan sejarawan (yang mengkaji sejarah perjuangan Mat Salleh) telah memasukkan unsur-unsur legenda tentang Mat Salleh dalam hasil kajian mereka. Sebagai contoh, *The British North Borneo Herald* (16 September 1897 : 253) melaporkan bahawa sepuak telegraf dari Hong Kong telah memuatkan pernyataan bahawa penduduk peribumi Sabah menganggap Mat Salleh sebagai nabi yang dihantar dari syurga. Tambahan pula, terdapat penduduk tempatan yang percaya bahawa Mat Salleh telah menjalani satu upacara "kebal" yang menjadikannya tidak lut daripada sebarang jenis senjata. Dalam satu lagi laporan yang tersiar dalam *The British North Borneo Herald* (16 February 1899 : 58) mencatatkan bahawa sesetengah penduduk tempatan di Sabah percaya bahawa mulut Mat Salleh dapat menghembuskan api, parangnya akan memancarkan sinaran kilat dan beras yang ditaburkan dari tangannya boleh bertukar menjadi tebuan.

R.M. Jasni (1981 : 21) menyatakan bahawa sehingga kini, orang-orang kampung di Sabah yang mewarisi cerita kepahlawanan Mat Salleh menganggapnya tokoh legenda yang masih hidup. Tregonning (1956 : 246) pula dalam *The Mat Salleh Revolt 1894-1905* mencatatkan bahawa:

Mat Salleh dikenang selama-lamanya oleh penduduk tempatan Sabah. Di Ranau umpamanya, masih ada orang yang boleh menunjukkan lokasi batu di mana nenek moyang mereka pernah bersumpah di hadapan Mat Salleh agar mereka tidak menyokong kerajaan.

Catatan R.M. Jasni dan Tregonning ini meyakinkan penulis bahawa sehingga ke hari ini (tahun 1996), masih terdapat penduduk Sabah yang mewarisi kisah kepahlawanan dan ketokohan Mat Salleh. Akhir sekali, Mohd Khalid Taib (1989 : 185), salah seorang pengkaji legenda tempatan pernah mengatakan :

Kini, terpulanglah kepada kita, sama ada hendak memberikan perhatian yang lebih serius terhadap manifestasi genre legenda di kalangan masyarakat Melayu dan menjadikannya sebahagian daripada kegiatan kontemporari yang digelar sebagai sejarah lisan, ataupun sekadar membiarkan maklumat yang berunsur sejarah di dalam legenda berkubur dengan penutur-penuturnya yang semakin hari semakin lanjut usianya.

Untuk menyahut saranan tersebut, kisah legenda Mat Salleh yang masih disampaikan secara lisan di kalangan penduduk tempatan di Sabah telah dirakam dan didokumentasikan. Pada penulis, alangkah sayangnya jika kisah legenda Mat Salleh yang masih didukung oleh warga tua di Sabah hilang dengan pemergian warga tua pada suatu hari nanti. Dengan itu, kisah legenda Mat Salleh yang telah dirakam dan ditranskripsikan secara verbatim akan dibuat analisis ke atasnya berdasarkan beberapa topik yang akan dibincangkan dalam bab yang akan datang.

-Bab 2-

Legenda dan Subtipa Legenda

Definisi dan Ciri-Ciri Formal Legenda

Kata *legend* dalam bahasa Inggeris sebenarnya berasal daripada kata bahasa Latin *legenda* yang membawa maksud sesebuah cerita yang bakal diceritakan (*a story to be read*). Subjek legenda pada peringkat awal di dunia Barat amat berkait rapat dengan kisah hidup para wali Kristian (*The World Book Encyclopedia, vol II*, 1962 : 161). Pengkaji sastera rakyat kontemporari pula telah menggolongkan legenda sebagai salah satu genre cerita rakyat dalam bentuk tradisi lisan yang wujud dalam mana-mana masyarakat atau budaya (Mohd.Khalid Taib, 1989 : 165). Genre legenda ini telah wujud di kalangan masyarakat antarabangsa sejak beribu-ribu tahun dahulu. Hampir setiap bangsa, bermula daripada masyarakat kuno atau primitif berkembang kepada beberapa pusat tamadun tua seperti tamadun Sumeria, Mesir, Yunani, Romawi, Hindu dan tamadun-tamadun lain mempunyai kumpulan cerita yang berbentuk saga dan legenda tentang seseorang wira bangsa (Noriah Taslim, 1994 : 65). *Encyclopedia International, vol 10*(1973 : 452) menggambarkan tokoh legenda Barat yang tersohor dengan penjelasan seperti berikut :

Iliad dan Odyssey (wira Yunani), *Aenied* (wira Rom), wira-wira Gallic dalam 'the Song of Roland', dan wira 'imaginary' yang terkemudian seperti Robin Hood turut dapat digolongkan sebagai wira legenda.

Dalam masyarakat Melayu pula, *Ensiklopedia Malaysiana Jilid 7* (1995 : 419) memberikan contoh-contoh tokoh legenda masyarakat Melayu

seperti Hang Tuah, Tok Janggut, Dol Said, Datuk Bahaman, Tun Fatimah, Mahsuri dan Mat Kilau. Selain legenda yang berkaitan nama tokoh, subjek sesebuah legenda itu turut melibatkan benda-benda lain seperti legenda nama tempat dan cerita asal usul. Antara contoh legenda nama tempat yang terdapat di negara kita ialah "Asal Usul Nama Kampung Alor Janggus" (Kedah), "Asal Usul Nama Sitiawan" (Perak), "Pembukaan Johol" (Negeri Sembilan), "Asal Usul Kampung Merlimau" (Melaka), "Bukit Tengku Puteri" (Terengganu) dan banyak lagi (Mohd Khalid Taib, 1991 : 262-263).

Sebenarnya, genre legenda ini memiliki satu rentetan sejarah yang amat panjang sifatnya. Akan tetapi, usaha untuk menjadikan konsep dan definisi legenda itu lebih sistematis hanya bermula pada kira-kira tahun 1960-an. Dalam perkembangan yang seterusnya, satu jawatankuasa untuk mengkaji legenda rakyat telah ditubuhkan sejurus selepas mesyuarat *International Society for Folk-Narrative Research* di Budapest pada tahun 1963. Ekoran daripada itu, Linda Deigh melaporkan bahawa *International Society for Folk-Narrative Research* telah menjadikan pembentukan "Indeks Legenda Kebangsaan dan Antarabangsa" sebagai satu aturcara tetap dalam agendanya (Mohd. Khalid Taib, 1989 : 165).

Perkembangan ini menyebabkan semua pengkaji genre legenda di Barat cuba mencari satu definisi yang tepat untuk istilah legenda. Dalam pada itu, salah seorang pengkaji legenda dari Amerika, Robert A. Georges (dalam Mohd Khalid Taib, 1989 : 165) yang telah meninjau beberapa definisi legenda telah merumuskannya menjadi satu definisi tersendiri seperti berikut:

Legenda adalah sebuah cerita atau naratif yang berunsurkan sejarah yang baru berlalu, dan dipercayai benar oleh pencerita dan pendengarnya.

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa Georges telah menggariskan tiga penegasan umum terhadap sesuatu genre legenda, yakni (i) sesebuah legenda mempunyai satu cerita atau naratif, (ii) sesebuah legenda mempunyai satu sejarah yang lampau atau baru berlalu, dan (iii) sesebuah legenda dipercayai benar oleh kedua-dua pihak yang berkomunikasi tentangnya. Mohd Khalid Taib (1991 : 260-261) dalam memberikan komentarnya tentang definisi umum yang diberikan oleh Georges menyatakan :

Ada sesetengah legenda disampaikan dengan cara yang begitu ringkas sehingga tidak wujud sama sekali ciri "cerita"

atau unsur "plot" yang harus ada pada sesebuah naratif. Kemudian, dari segi aspek "sejarah yang lampau atau baru berlalu", Robert A. Georges sendiri pernah menemui legenda rakyat yang lebih relevan kepada unsur kekinian dan bukannya sejarah yang baru berlalu. Mengenai penegasan yang ketiga itu pula, ada kalangan ahli masyarakat yang pada zaman sekarang sudah tidak berapa mempercayai kebenaran isi cerita sesuatu kisah legenda yang disampaikan kepada mereka.

Berkenaan dengan unsur 'naratif', Robert Scholes dan Robert Kellog (1966 : 2) mencatatkan bahawa terdapat dua ciri utama dalam sesebuah naratif. Pertama, adanya cerita dan kedua, adanya pencerita. Ekoran daripada itu, Mohd Khalid Taib (1991 : 261) telah mengemukakan satu definisi legenda yang dianggapnya sesuai untuk rantau Nusantara seperti berikut:

Legenda adalah sebuah pernyataan yang selalunya bercorak cerita; berlatarkan masa atau sejarah yang masih boleh diingati oleh masyarakat berkenaan; yang mungkin menghubungkan pengalaman masa lampau dengan yang kekinian. Legenda dipercayai benar oleh penyampainya dan oleh mereka yang menerima penyampaian cerita itu, terutama sekali apabila wujudnya tanda-tanda di muka bumi yang seolah-olah mengesahkan sesuatu cerita legenda.

Berdasarkan perbincangan tentang definisi legenda yang diberikan oleh pengkaji sastera rakyat, dapatlah disimpulkan bahawa sesuatu legenda merupakan cerita atau naratif dalam bentuk pengucapan lisan yang kisahnya mungkin berkenaan dengan manusia atau pun bukan manusia yang diterima benar oleh masyarakat tempatan. Kisah legenda biasanya merupakan cerita yang bercampur aduk antara fakta sejarah dan unsur imaginasi yang dimiliki oleh masyarakat yang berkomunikasi tentangnya. Latar masa dan tempat pula boleh diletakkan pada zaman kontemporari atau lepas. Biasanya terdapat tanda-tanda alam tentang kewujudan legenda di satu-satu tempat; mengesahkan perlakuannya, justeru itu dianggapkan benar oleh masyarakat tempatan yang bercerita tentangnya.

Sesuai sebagai salah satu genre sastera rakyat yang tersendiri, sesebuah legenda mempunyai ciri-ciri formalnya. Pertama, sesebuah legenda merupakan sebuah naratif yang diwarisi secara lisan oleh

pendukung tradisi ini. Subjeknya sama ada mengenai manusia atau bukan manusia dan kisah mengenainya amat bersifat tempatan. Pendukung tradisi legenda terdiri daripada golongan pencerita bukan profesional. Menurut Amin Sweeney, seseorang pencerita profesional merupakan golongan pencerita yang dijemput untuk menyampaikan atau mempersembahkan sesebuah cerita di sesebuah majlis dan pada masa yang telah ditetapkan. Dengan berbuat begitu, pencerita profesional ini akan menerima upah. Antara pencerita profesional terkenal yang terdapat di Perlis ialah Ismail bin Hasan (tok selampit) dan Mahmud bin Wahid yang mempersembahkan cerita Awang Batil (Sweeney, 1973 : 8). Dalam kajian ini, kesemua koleksi kisah legenda yang diperolehi itu dirakam dalam situasi yang tidak formal dan kesemua pemberi maklumat tidak meminta sebarang upah untuk ceritanya. Berdasarkan situasi penceritaan dan sifat pencerita, maka bahasa yang digunakan dalam penyampaian sesebuah kisah legenda merupakan bahasa perbualan sehari-hari (*non-stylised*). Sebagai penjelasan lanjut, Sweeney (1973 : 3) menyatakan bahawa :

Istilah 'non-stylised oral form' adalah digunakan sebagai penerangan untuk penggunaan bahasa percakapan sehari-hari manakala 'stylised oral form' adalah merujuk kepada gaya bahasa persembahan .

Lumrahnya, isi kandungan cerita legenda ringkas, pendek dan tidak mempunyai plot yang skematik kerana legenda tidak bersifat 'story oriented'. Namun ada juga kisah legenda yang agak panjang dan memperlihatkan unsur plot dalam ceritanya. Jenis legenda yang dimaksudkan ini ialah legenda pendosa. Noriah Taslim (1998 : 7) menghuraikan bahawa plot dalam sesebuah legenda pendosa itu agak skematik dan terdiri daripada dua motif, yakni : "perlakuan dosa" diikuti dengan "balasan dosa". Dikatakannya juga bahawa plot yang begini di samping mengajar manusia untuk membuat pilihan moral, selalunya memberi 'poetic justice' kepada cerita-cerita rakyat yang mudah. Jadi, boleh dikatakan di sini bahawa sesebuah legenda mungkin ada atau tidak ada plot yang skematik.

Dari segi fungsinya, sesebuah legenda lebih kepada menjelaskan sesuatu fenomena (asal usul) dan ada kalanya lebih cenderung kepada menyampaikan mesej (umpamanya legenda pendosa yang mementingkan mesej moral). Sesebuah legenda juga lebih mementingkan kesan kerana ingin dipercayai kebenarannya; kalau ceritanya panjang maka lambatlah kesannya. Dengan kata lain, ciri kisah legenda yang bersifat pendek bertujuan untuk mudah disebar

dan diingat. Hal ini penting untuk sesebuah legenda terus hidup di kalangan masyarakat yang bercerita tentangnya. Tema sesebuah legenda juga berbeza : ada legenda yang bertemakan asal usul nama sesuatu tempat ("Legenda Nama-nama Tempat"), ada legenda yang bertemakan ketokohan seseorang tokoh tempatan ("Legenda Orang Terkenal"), dan ada legenda yang bertemakan unsur moral ("Legenda Pendosa"). Setiap tema legenda sememangnya tergolong dalam beberapa subtipa legenda yang akan dibincangkan kemudian, dan setiap satunya mempunyai ciri-ciri formalnya yang tersendiri.

Bandingkan sebahagian daripada ciri-ciri "Legenda Orang Terkenal", "Legenda Nama Tempat" dan "Legenda Keramat" serta "Legenda Etiologikal" dalam Jadual 1.1 yang telah digariskan secara umum oleh Mohd Khalid Taib (1991 : 285) dengan sebahagian daripada ciri-ciri "Legenda Pendosa" yang telah disimpulkan daripada tulisan Noriah Taslim mengenai "Legenda Pendosa" (1998 : 6-8) dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.1

Ciri-Ciri Legenda "Orang Terkenal", "Memorat", "Legenda Nama Tempat", "Keramat" dan "Legenda Etiologikal"

| Jenis Legenda/Perhitungan | Legenda Orang Terkenal dan Memorat | Legenda Nama Tempat dan Keramat | Legenda Etiologikal (Cerita Asal Usul) |
|---------------------------|------------------------------------|---|--|
| Bentuk /Struktur | tidak mantap/ berlenturan | mulai mantap | Sudah mantap atau hampir mantap |
| Ukuran Masa | Hampir kepada yang kekinian. | Jauh ke masa belakang tetapi boleh diingati. | Zaman silam yang sukar dipastikan/ada yang percaya dan ada yang tidak percaya. |
| Gaya Penceritaan | Gaya berbual yang amat bersahaja. | Gaya berbual yang mahu menyakinkan sesuatu kebenaran. | Mempunyai gaya yang agak mantap; berunsur didaktik. |

Ciri-Ciri "Legenda Pendosa"

| Jenis Legenda | Legenda Pendosa |
|------------------|--|
| Bentuk | Bersifat amat pendek namun bulat dan cukup utuh |
| Tema | Bertemakan unsur-unsur moral. |
| Plot | Plot yang agak skematik, perlakuan dosa diikuti dengan balasan dosa. |
| Gaya Penceritaan | Gayanya bersahaja dan tidak berlebih-lebihan. |

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa sesebuah legenda mempunyai struktur bentuk kisah yang mudah dan senang diingati; dituturkan secara lisan dengan gaya pertuturan sehari-hari. Kebanyakan legenda tidak mempunyai plot yang skematik dan sesetengah legenda (seperti "Legenda Pendosa") pula mempunyai plot yang skematik. Latar tempat untuk sesebuah legenda merupakan tempat yang benar-benar wujud dan latar masa pula boleh merupakan latar masa yang kekinian, baru berlalu atau lampau sifatnya.

Subtipa Legenda

Seperti juga dengan genre sastera rakyat yang lain, legenda mempunyai subtipanya yang tersendiri. Antara subtipa legenda yang dapat dikenal pasti adalah seperti :

- (i) Legenda Etiologikal (Cerita Asal Usul)
- (ii) Legenda Pendosa
- (iii) Legenda Orang Terkenal
- (iv) Legenda Keramat
- (v) Legenda Keperwiraan

Umumnya, kelima-lima subtipa legenda yang tersenarai di atas memenuhi definisi umum sesebuah legenda sebagaimana yang telah

dibincangkan sebelum ini. Secara terperincinya pula, "Legenda Etiologikal" berkait rapat dengan kisah asal usul nama sesebuah tempat yang memperoleh namanya yang kekal sehingga ke hari ini. Antara contoh Legenda Nama Tempat yang terdapat di negara kita adalah seperti : Asal Usul Kampung Alor Janggus (Kedah), Asal Usul Kampung Permatang Tuk Jaya (Pulau Pinang), Tanjung Keramat (Selangor), Johol (Negeri Sembilan), Pekan Chukai (Kelantan) dan banyak lagi (Mohd Khalid Taib, 1991 : 262-263). Cerita asal usul juga meliputi penjelasan terhadap sesuatu kejadian seperti: "bagaimana gagak menjadi hitam", "mengapa air laut masin?" (Umar Junus, 1989 : 19) dan banyak lagi yang tersebar luas di kalangan masyarakat Melayu. Subtipa "Legenda Orang Terkenal" pula boleh dibahagikan kepada beberapa jenis orang terkenal yang berlainan. "Legenda Orang Terkenal" yang dimaksudkan di sini sememangnya merupakan kisah tokoh istimewa yang disanjungi penduduk tempatan. Subtipa jenis legenda ini masih boleh diberikan kategori-kategori kecil yang lebih terperinci sebagaimana yang disenaraikan oleh Mohd Khalid Taib (1991 : 276-278) seperti berikut :

- (a) Tokoh yang ahli dalam kepimpinan atau ilmu kepahlawanan.
- (b) Tokoh yang ahli dalam agama dan ilmu akhirat.
- (c) Tokoh yang ahli dalam pencarian harta atau urusan keduniaan.
- (d) Tokoh yang ahli dalam pelbagai hal sehingga aura cerita mirip kepada marchen dan mitos.

Antara contoh tokoh "Legenda Orang Terkenal" dalam kategori (a) adalah seperti Sultan Abdul Samad, Datuk Panglima Hitam dan Panglima Bauk. Sultan Abdul Samad ialah tokoh yang memiliki sifat kepimpinan manakala Datuk Panglima Hitam dan Panglima Bauk memiliki ciri-ciri kepahlawanan. "Legenda Orang Terkenal" yang tergolong dalam kategori (b) adalah seperti Tok Surau, Sheikh Omar Basheer dan Pawang Langkat. Mereka semua ini adalah golongan masyarakat yang ahli dalam ilmu agama dan ilmu akhirat (Mohd Khalid Taib, 1991 : 277).

Dalam kajian yang sama, Mohd Khalid Taib mencatatkan bahawa tokoh-tokoh tempatan seperti Awang Tunggal di Kelantan, Si Tenggang di Selangor dan Si Awang di Muar memperlihatkan keahlian yang nyata dalam soal pengumpulan harta. Akan tetapi, harta dan kekayaan itu telah merosakkan akhlak mereka dan menyebabkan mereka dikategorikan dalam jenis legenda pendosa pula (Mohd Khalid Taib, 1991 : 277). Seterusnya, kisah Legenda Puteri Saadong yang dipercayai wujud dalam sejarah lama Kelantan memiliki ciri kepimpinan dan kisahnya telah dicampuradukkan dengan unsur-unsur mitos (Mohd Khalid Taib, 1991 : 278). Begitu juga

dengan Legenda Mahsuri (Pulau Langkawi) yang telah dicampurkan unsur-unsur mitos, khususnya darahnya yang berwarna putih untuk melambangkan kesuciannya (Wan Ibrahim Wan Soh, 1996 : 18) turut boleh digolongkan ke dalam "Legenda Orang Terkenal", kategori (d) ini.

Apabila kita menyebut "Legenda Keramat", sekali lagi pengkategorian jenis legenda ini bertindih dengan "Legenda Orang Terkenal" atau "Legenda Tokoh". Yang berbeza adalah "Legenda Tokoh" merujuk kepada tokoh pengasas negeri, tokoh agama dan tokoh-tokoh lain. Legenda tokoh tidak semestinya diangkat menjadi keramat manakala "Legenda Keramat" menurut Noriah Taslim (1991 : 310) pula melibatkan tokoh yang dianggap suci oleh sesebuah masyarakat. Tokoh legenda keramat juga memiliki ciri-ciri luar biasa dan mistikal. Oleh itu, seseorang tokoh keramat dianggap suci dan lebih berpengaruh dalam membentuk corak hidup dan pemikiran ahli masyarakat.

Pada zaman dahulu, watak keramat dimasukkan ke dalam pemikiran ahli masyarakat sesuatu kawasan melalui upacara ritual, umpamanya sewaktu upacara buka gelanggang silat, biasanya nama-nama keramat atau penunggu tempatan akan disebut untuk meminta perlindungan. Keramat juga dihidupkan dengan cara mengabadikannya dalam bentuk objek-objek alam seperti batu, bukit, kubang, pokok-pokok besar dan sebagainya (Noriah Taslim, 1991 : 312). Setelah pemujaan keramat dikategorikan sebagai perbuatan syirik, maka pembawa tradisi ini menuturnkannya dalam bentuk cerita untuk menghidupkan legenda tersebut di kalangan ahli masyarakatnya (Noriah Taslim, 1991 : 311-312). Seseorang boleh mengenali genre "Legenda Keramat" ini melalui panggilan "keramat" di hadapan judul cerita seperti Keramat Pulai (Perak), Keramat Rubiah (Selangor) dan Keramat Lebai Kader (Kedah).

"Legenda Keperwiraan" juga terdiri daripada tokoh tempatan yang terkenal. Yang berbeza dengan "Legenda Orang Terkenal" ialah tokoh yang diangkat menjadi legenda keperwiraan seharusnya memiliki ciri-ciri universal wira seperti sifat yang gagah berani, berjuang untuk kepentingan anggota masyarakat dan tidak tunduk kepada kuasa yang lebih besar. Ada kalanya, sesebuah anggota masyarakat juga akan memberikan sifat mitos kepada tokoh legenda keperwiraan. Tokoh tersebut mungkin diberikan sifat istimewa yang tidak dimiliki orang kebanyakan seperti kekuatan fizikal yang luar biasa, kebal, tidak mati dan sebagainya. Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa setiap subtipa legenda mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menjadikannya satu kisah legenda yang unggul dan pada masa yang sama menunjukkan betapa kayanya khazanah legenda itu sendiri.

Legenda Keperwiraan dan Latar Kemunculannya

Tumpuan seterusnya akan diberikan kepada subtipa "Legenda Keperwiraan". Memandangkan tokoh legenda keperwiraan merupakan wira dalam hati anggota masyarakat yang menciptanya, jadi, ada baiknya untuk kita memahami definisi "wira" terlebih dahulu. Menurut Munro S. Edmonson, wira tidak dilahirkan di dunia ini sebagaimana kelahiran manusia biasa tetapi wira dibina daripada suatu tradisi yang diwarisi. Wira merupakan tokoh yang berjaya menakjubkan manusia sekeliling sehingga mereka boleh diangkat menjadi legenda walaupun mereka masih hidup. Wira-wira ini memiliki beberapa ciri dan perlakuan istimewa yang dikenali sebagai ciri-ciri keperwiraan (Edmonson, 1971 : 150). Tambahan daripada itu, Mohd Khalid Taib dalam tulisannya yang berjudul : "Konsep dan Kedudukan Wira dalam Teks Melayu Klasik Terpilih : Satu Tinjauan dari Sudut Etika Sezaman dan Universal" (1993 : 25) mencatatkan bahawa :

Manusia yang dianggap sebagai wira perlu memenuhi beberapa syarat. Selain memiliki sifat keperwiraan seperti kegagahan, keberanian, ketangkasan menggunakan senjata, kebolehan mempertahankan diri daripada musuh, dan elok rupa paras – seseorang tokoh wira perlu juga sedia berkhidmat kepada pihak yang memberi naungan kepadanya.

Kesimpulannya, tokoh legenda pilihan dalam penyelidikan ini, iaitu Mat Salleh boleh diletakkan ke dalam kategori tokoh legenda keperwiraan disebabkan beliau merupakan pemimpin berkaliber di kalangan penduduk Sabah ; pahlawan gagah berani yang terbukti dalam catatan sejarah dan memiliki ciri-ciri keperwiraan (akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 5) yang disanjungi oleh penduduk tempatan Sabah. Oleh itu, istilah legenda keperwiraan sesuai digunakan dalam kajian ketokohan Mat Salleh.

Antara ciptaan lisan yang amat popular di seluruh dunia sejak beribu-ribu tahun yang lalu ialah karya riwayat yang bertemakan dan memperlihatkan ketokohan dan keperwiraan seseorang. Karya-karya ini muncul dalam bentuk cerita atau pun puisi dengan ciri-ciri sepunya yang khusus dan dapat digolongkan ke dalam satu genre cerita rakyat yang amat signifikan, dikenali sebagai saga, legenda keperwiraan atau puisi keperwiraan (Noriah Taslim, 1994 :65). Tokoh legenda keperwiraan adalah manusia yang bukan kepalang keberanian, kegagahan, dan ketangkasannya sehingga mereka dijadikan model kelelakian atau kepimpinan (Noriah Taslim, 1994 :66). Mereka ini

mungkin adalah tokoh-tokoh sejarah yang ditingkatkan kedudukan dan keperibadiannya sehingga bersifat legenda.

Seperkara yang mungkin menarik perhatian ramai adalah mengapakah tokoh sejarah boleh bertukar menjadi tokoh legenda keperwiraan pula? Sebenarnya, kemunculan tokoh legenda keperwiraan mempunyai evolusi dan latar kemunculan yang tertentu. Dalam konteks kemunculan tokoh legenda keperwiraan antarabangsa, Noriah Taslim (1994 : 69) mencatatkan:

Ada beberapa faktor sosiopolitik yang memunculkan zaman keperwiraan ini. Faktor yang terpenting ialah situasi politik yang tidak stabil akibat ancaman luar, penaklukan dan peperangan yang berlarutan. Keadaan ini memunculkan situasi sosial yang tidak damai dan tenteram. Dalam zaman yang sebeginilah masyarakat memandang tinggi terhadap tokoh-tokoh yang berjuang untuk mempertahankan kepentingan suku dan bangsa. Di dalam keghairahan mengagung-agungkan pahlawan bangsa inilah watak-watak wira diberikan sifat-sifat overman atau supra-human.

Penjelasan evolusi kemunculan tokoh wira legenda yang dibincangkan oleh Noriah Taslim amatlah jelas, yakni semasa sesuatu masyarakat berhadapan dengan ancaman atau ketidakstabilan politik, maka mereka mengalau-alukan khidmat wira yang dipercayai dapat mempertahankan kepentingan mereka. Peperangan Trojan umpamanya melahirkan rangkaian-rangkaian saga dan legenda keperwiraan pada zaman Mycenaean di Greek. Begitu juga dengan Ramayana yang terhasil daripada situasi kekacauan yang berlaku dalam kerajaan raja Dasaratha yang telah menyebabkan Rama, putera sulungnya dibuang negeri. Di Rusia, zaman keperwiraan muncul pada abad sebelum penjajahan kuasa luar, zaman yang disebut sebagai *the kievan period*, iaitu pada kurun ke-10 dan ke-11. Begitu juga di Perancis, zaman pemerintahan Charlemagne dianggap zaman keperwiraan terutama oleh pengarang yang melahirkan epik Perancis yang terkenal, iaitu *The Song of Roland*. Zaman-zaman yang memunculkan kisah keperwiraan seperti ini disebut *heroic age* yang dikatakan oleh Joseph T. Shipley sebagai : satu tahap masa yang ditandakan dengan pencapaian yang cemerlang oleh wira-wira (Noriah Taslim, 1994:69).

Latar kemunculan legenda keperwiraan di Semenanjung Malaysia juga tidak jauh berbeza daripada latar kemunculan legenda keperwiraan antarabangsa yang telah dibincangkan oleh Noriah Taslim. Sebagai

contohnya cuba telitian latar kermunculan wira epik Melayu yang terkenal, iaitu Hang Tuah. Menurut Braginsky (1990 : 400), isi kandungan yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* mempunyai perkaitan dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di Johor dalam tempoh lewat 1650-an hingga 1680-an. Oleh itu Braginsky (1990 : 403) membuat kesimpulan bahawa besar kemungkinan *Hikayat Hang Tuah* dihasilkan di Johor dalam tempoh di antara tahun 1688 hingga 1710.

Seterusnya Josselin de Jong dalam *The Rise and Decline of a National Hero* (Noriah Taslim, 1986 : 13-14) semasa menghuraikan faktor-faktor tentang kenaikan dan kejatuhan Hang Tuah sebagai wira rakyat menyatakan bahawa tatkala Kesultanan Melayu Melaka dalam tahap kegemilangannya (terutama sekali ketika sosio-politik dalam negeri Melaka stabil); kedudukan Hang Tuah pada masa itu merupakan manusia biasa sahaja. Di samping sifat kekuatan yang diberikan kepada Hang Tuah; terdapat juga sifat kelemahan manusia biasa yang diberikan kepada Hang Tuah. Hal seperti ini dapat ditemui dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983). Akan tetapi, apabila keadaan sosio-politik menjadi tidak stabil; khususnya pada masa negeri-negeri milik orang Melayu jatuh ke tangan Portugis dan Belanda, dan ketika orang-orang Melayu menerima tekanan politik dan ekonomi daripada kuasa-kuasa asing, maka Hang Tuah ditukarkan daripada seorang manusia biasa menjadi wira epik yang sempurna sifatnya. Dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 1992), Hang Tuah diberikan sifat-sifat luar biasa serta unggul dan dikatakan boleh hidup sehingga lebih daripada 110 tahun.

Kemunculan wira-wira Melayu lain yang terkemudian daripada Hang Tuah di Semenanjung Malaysia seperti Tok Janggut, Abdul Rahman Limpong dan Panglima Nayan (sekadar beberapa contoh) turut berlaku dalam satu zaman ketika masyarakat tempatan berhadapan dengan kesusahan dan hidup mereka tertekan akibat daripada penjajahan British, iaitu antara akhir kurun yang ke-19 dan awal kurun yang ke-20. Biar kita bandingkan latar kemunculan legenda keperwiraan Tok Janggut (Kelantan), Abdul Rahman Limpong (Terengganu) dan Panglima Nayan (Kedah) daripada hasil kajian beberapa orang sejarawan tempatan. Dalam konteks kemunculan pergerakan protes yang diketuai oleh Tok Janggut, Ibrahim Nik Mahmood dalam *The Tok Janggut Rebellion of 1915* (1974 : 63) ada mencatatkan :

Penubuhan Pejabat Daerah dan pelaksanaan kuasanya pada tahun 1905 telah mendatangkan banyak gangguan atas

gaya hidup secara turun temurun orang kampung. Perubahan sosial-ekonomi inilah yang menyebabkan tercetusnya pemberontakan di kalangan orang tempatan.

Dengan kata lain, kita dapat bawa bahawa ketokohan Tok Janggut muncul dalam situasi sosial yang tertekan di kalangan masyarakat Melayu Kelantan pada masa itu. Seterusnya, Abdullah Zakaria Ghazali (1984 : 277) mencatatkan bahawa :

Penglibatan British dalam pentadbiran dan pengenalan undang-undang Inggeris di negeri Terengganu telah membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan ulama, beberapa orang pegawai pentadbir dan anggota masyarakat di desa. Timbulnya rasa tidak puas hati ini disebabkan banyak perkara yang sebelum ini diselesaikan mengikut landasan agama Islam kini telah berubah, dan diselesaikan berdasarkan undang-undang Barat pula.

Perbincangan Abdullah Zakaria Ghazali ini berkaitan dengan kemunculan Abdul Rahman Limpong sebagai pemimpin agama di Terengganu pada masa itu yang diberikan kepercayaan untuk membela nasib rakyat Terengganu yang tertekan oleh pihak penjajah British. Secara perbandingan, terdapat persamaan situasi sosio-politik tentang kemunculan Tok Janggut dan Abdul Rahman Limpong sebagai wira yang diberikan kepercayaan untuk membela nasib penduduk tempatan yang tertekan pada masa itu. Sekarang, (1966 : 2) perhatikan pula latar kemunculan seorang penyamun yang telah diangkat sebagai wira petani di Kedah, iaitu Panglima Nayan. (Mohamad Abdullah, 1982 : 73-75).

Orang Kampung Selarong Batang (berdekatan dengan Alor Setar) yang menghadapi kesusahan dan penderitaan meminta jasa baik Nayan untuk mengambil kembali hak-hak mereka yang dirampas oleh tuan tanah, orang tengah atau tauke-tauke yang menjadi lintah darat, menghisap darah orang miskin terutamanya petani-petani di sekitar kampung tersebut. Hasil rompakan yang berupa wang, emas, perak, pakaian, lembu dan kerbau dibahagikan kepada orang-orang yang patut menerimanya. Yang miskin mulai gembira, kerana nasib dan penderitaan mereka telah dibela.

Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa penduduk tempatan memerlukan wira (seperti Tok Janggut dan Abdul Rahman Limpong) untuk mengetuai dan membela nasib mereka yang tertekan oleh pihak penjajah British. Bagi petani miskin di Kampung Selarong Batang pula, mereka memerlukan wira seperti Panglima Nayan untuk mengembalikan hak-hak mereka yang telah dirampas oleh orang-orang yang lebih berkuasa dan kaya daripada mereka. Dalam konteks kemunculan legenda keperwiraan di Sabah, zaman pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU : 1881 – 1905) turut menimbulkan beberapa masalah dan rasa ketidakpuasan di kalangan ketua-ketua dan penduduk tempatan. Perhatikan satu catatan sejarah yang telah dibuat oleh Wookey (1956 : 405) tentang ketidakpuasan yang menyebabkan ketua-ketua tempatan menentang pihak KBBU di Sandakan seperti berikut:

Kuasa tradisi yang ada pada ketua tempatan semakin berkurangan. Pelaksanaan undang-undang dan peraturan-peraturan baharu pula menyebabkan pendapatan mereka semakin merosot. Dengan itu tidak hairanlah kenapa sesetengah pembesar tempatan berasa tidak puas hati, dan beranggapan bahawa hak mereka secara turun temurun telah dicabuli oleh pihak yang berkuasa pada masa itu.

Dalam situasi kegawatan yang sedemikianlah ketua-ketua tempatan memerlukan seorang wira yang dapat memimpin mereka untuk menuntut kembali hak mereka. Sehubungan dengan itu, Mat Salleh telah dianggap oleh ketua-ketua tempatan sebagai pemimpin yang mempunyai perwatakan yang tinggi, gagah perkasa dan bukan kepalang berani. Berikut diturunkan gambaran ketokohan Mat Salleh yang diberikan oleh R.M. Jasni (1981 : 29) :

Mat Salleh memiliki tubuh yang tinggi dan tampan. Beliau gagah, berani dan memiliki kekuatan tubuh badan dan tenaga yang luar biasa. Dengan adanya perwatakan yang tegas, sifat yang tidak mementingkan diri dan banyak kebaktian yang telah disumbangkannya kepada masyarakat sekeliling, beliau amat disayangi dan dihormati oleh penduduk tempatan di Sabah.

Dengan memiliki ciri-ciri keperwiraan inilah maka ketua-ketua tempatan di sepanjang Sungai Sugut memilihnya untuk mewakili mereka

demi menuntut hak mereka kembali daripada pihak KBBU. Berikut diturunkan bukti yang dicatat oleh Wookey (1956 : 406) :

Akibar 'the British North Borneo Herald' bertarikh 15hb September 1894 melaporkan bahawa Mat Salleh bersama-sama dengan sejumlah bilangan pengikutnya yang besar telah melawat Sandakan pada 17 Ogos. Kesemua mereka dilengkapi senjata. Mereka singgah di Buli Sim Sim, sebuah pekan kecil berdekatan dengan bandar Sandakan. Didapati sesetengah ketua tempatan yang sebelum ini tidak pernah menimbulkan sebarang kekacauan terhadap Kompeni juga menyertai rombongan Mat Salleh. Tujuan kedatangan rombongan Mat Salleh ini adalah untuk membuat aduan secara rasmi atas tingkah laku wakil kerajaan di Pulau Jambongan. Di samping itu, mereka juga membantah tindakan kerajaan mewajibkan penduduk tempatan untuk membayar cukai kepala, cukai perahu dan banyak lagi.

Catatan lawatan rombongan Mat Salleh ke Sandakan terang-terang menunjukkan bahawa Mat Salleh merupakan pemimpin yang terpilih untuk memperjuangkan hak-hak ketua tempatan yang teraniaya. Pada masa yang sama juga, peraturan baharu yang diperkenalkan oleh pihak KBBU, khususnya cukai kepala, cukai perahu dan banyak lagi telah membebankan penduduk tempatan. Jadi, dalam situasi yang begini; Mat Salleh muncul sebagai wira rakyat terpilih di Sabah yang dipercayai dapat membela nasib ketua dan penduduk tempatan yang teraniaya oleh kuasa lain.

Tokoh-Tokoh Legenda Keperwiraan di Semenanjung Malaysia

Sebelum membincangkan legenda keperwiraan Mat Salleh; ada baiknya beberapa orang tokoh legenda keperwiraan yang terkenal di Semenanjung Malaysia dibincangkan terlebih dahulu. Tokoh-tokoh legenda keperwiraan yang dipilih ini masing-masing memenuhi definisi legenda dan memiliki ciri-ciri keperwiraan yang telah dibincang sebelum ini. Mereka yang dimaksudkan adalah seperti Tok Janggut (Kelantan) dan Panglima Nayan (Kedah). Salah seorang tokoh legenda keperwiraan di Semenanjung Malaysia yang tidak asing lagi ialah Tok Janggut. Dari segi latar sejarah, Tok Janggut merupakan salah seorang pejuang tempatan yang mencetuskan

penentangan terhadap penjajahan British di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1915 (Ibrahim Mahmood, 1974 : 459-472). Perjuangan tokoh sejarah ini turut diwarnai dengan tradisi lisan penduduk tempatan di Kelantan yang menjadikan Tok Janggut sebagai tokoh legenda keperwiraan.

Pertama, asal usul keturunan Tok Janggut dikatakan mempunyai pertalian darah dengan keluarga Engku Besar dalam generasi yang sebelumnya. Seterusnya, kelahiran Tok Janggut diwarnai dengan unsur-unsur kesaktian dalam catatan Ibrahim Mahmood (1974 : 65) seperti berikut :

Diceritakan bahawa semasa Tok Janggut dilahirkan, seorang bidan kampung telah menyaran kepada ibunya bahawa urinya yang luar biasa besar itu dikeringkan dan kemudian dicampurkan dalam buburnya. Ibu Tok Janggut menuruti apa yang disaran oleh bidan kampung semasa Tok Janggut masih kecil lagi. Perbuatan inilah yang menyebabkan Tok Janggut menjadi kebal.

Di sini, dapat diperhatikan bahawa sejak dilahirkan, Tok Janggut sudah memiliki uri (*caul*) yang luar biasa tebal. Kemudian, dengan memakan uri sendiri yang dicampurkan dalam bubur, Tok Janggut telah menjadi orang yang kebal. Hal seperti ini merupakan kepercayaan penduduk tempatan bahawa wira mereka itu bukanlah manusia biasa yang dengan senang sahaja dapat dibunuh. Selain itu, Tok Janggut juga digambarkan sebagai pemimpin rakyat tempatan (Pasir Puteh, Kelantan) yang mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Berikut adalah satu gambaran mengenainya (Abdullah bin Amirah Seling Kelantan, 1957 : 1-2) :

Menurut satu sumber, Tok Janggut ini seorang yang pintar dan berani. Ia bertubuh sasa dengan ketinggian enam kaki. Renungan matanyanya tajam. Kepalanya besar dan bulu keningnya tebal. Semua ciri ini melambangkan kehebatan dan ketegasan yang ada pada Tok Janggut.

Tambahan pula, diceritakan bahawa kekuatan dan ilmu kebatinan yang ada pada Tok Janggut adalah disebabkan beliau pernah berguru dengan tok guru handal yang berasal dari Minangkabau (Ibrahim Mahmood 1974:65). Sebagai wira yang sanggup membela nasib rakyat tempatan yang tertekan akibat peraturan demi peraturan yang dilaksanakan oleh pihak penjajah British; gerakan penentangan Tok Janggut terhadap penjajahan British

memang mendapat sokongan ramai. Sebagai buktinya, dilaporkan Tok Janggut mempunyai pengikut yang tidak kurang daripada 2,000 orang pada ketika beliau menentang pihak penjajah British secara terbuka (Ibrahim Mahmood, 1974 : 66).

Daripada perbincangan ini, maka jelaslah bahawa ciri-ciri kepemimpinan dan kebaktian yang dicampuradukkan dengan kepercayaan penduduk tempatan seperti kebijaksanaan, kekuatan fizikal dan kesaktian pada Tok Janggut yang menjadikan beliau tokoh legenda keperwiraan di Kelantan. Tidak ketinggalan, Panglima Nayan (1896-1923) yang pada asalnya merupakan petani kemudian bertukar menjadi penyamun di Kedah turut diangkat menjadi legenda keperwiraan oleh golongan petani biasa di sekitar kampungnya pada zaman itu. Berdasarkan kajian Mohamad Abdullah yang berjudul : "Panglima Nayan, 1896-1923 : Riwayat Hidup Seorang Penyamun dari Tradisi Lisan Kedah"(Mohamad Abdullah, 1982 : 70 - 71), tahulah kita bahawa kisah legenda keperwiraan Panglima Nayan pada asalnya diwarisi daripada tradisi lisan oleh saudara-mara dan orang-orang kampung Panglima Nayan sendiri.

Menurut Teh (adik perempuan Nayan), semasa kecil Nayan serta adik-adiknya tinggal serumah dengan ibu bapa mereka di Kampung Bukit Jambul. Tatkala itu, Nayan mempunyai perangai yang baik dan rajin menolong ibu bapanya mengerjakan sawah yang tidak begitu jauh dari rumah mereka. Beliau juga bersopan santun, sesuai sebagai anak kampung yang mempunyai perwatakan dan tatasusila ketimuran. Dari segi susuk tubuh badannya, Haji Ibrahim bin Wahab (bekas Penolong Penghulu Mukim Sungai Petani, Kedah) menyatakan bahawa Panglima Nayan bukanlah sebarang orang. Dia adalah gagah, tegap dan kacak orangnya".

Gambaran fizikal Panglima Nayan seperti ini tidak berapa jauh berbezanya dengan kekuatan fizikal yang ada pada Tok Janggut sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Hal ini boleh disimpulkan bahawa pada kebiasaannya wira mempunyai ciri tubuh badan yang gagah, tegap dan kacak. Keadaan fizikal yang sedemikian sememangnya diperlukan oleh seseorang tokoh wira seperti Tok Janggut dan Panglima Nayan supaya menjadi pahlawan yang kuat dan gagah perkasa. Seperti juga dengan Tok Janggut, ciri menuntut ilmu daripada seorang tok guru yang handal juga terdapat dalam legenda keperwiraan Panglima Nayan. Dalam pada itu, Lebai Mahmud bin Haji Osman (Mohamad Abdullah, 1982 : 71) mengatakan :

"Nayan selama dua tahun di Kampung Batu 9 telah mendapat didikan sebagai pahlawan dan ahli silat yang cekap. Beliau cekap bermain senjata seperti parang panjang, keris dan tongkat. Dia juga ada menuntut ilmu kepahlawanan seperti menangkis sebarang serangan, sama ada benda besi, kayu atau tembaga. Nayan juga ada mempelajari ilmu yang sentiasa dipandang gerun oleh musuh, iaitu ilmu mengaburi mata musuh pada ketika kecemasan".

Berdasarkan temu bual ini, jelaslah bahawa dengan berguru, Nayan memperoleh pelbagai ilmu mempertahankan diri yang menjadikannya pahlawan yang handal. Tambahan pula, menurut Mansor Abdullah (seorang lagi pemberi maklumat dalam kajian Mohamad Abdullah (1982 : 72), dalam upacara penutupan gelanggang silat, Tok Guru Awang Panjang (iaitu tok guru Panglima Nayan) ada memberikan sebiji tangkal azimat berbalut kain kuning kepada Panglima Nayan dengan pesanan seperti berikut :

"Tangkal berbalut kain kuning ini mempunyai kuasa lebih daripada orang lain. Kau akan menjadi seorang panglima pada masa akan datang. Kalau kau lakukan perkara-perkara terkutuk, kau akan dibinasakan dengan izin Allah"

Secara perbandingan, kita diberitahu dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 1992 : 165-166) bahawa Keris Taming Sari yang ada pada Hang Tuah telah menjadikan Hang Tuah pahlawan yang lebih handal dan kebal. Dalam konteks yang sama, tangkal azimat berbalut kain kuning yang diberikan oleh Tok Guru Awang Panjang kepada Nayan turut memberikan kuasa tambahan kepada Nayan. Yang menarik, dari awal-awal lagi Tok Guru Awang Panjang telah menasihatkan Nayan supaya tidak melakukan perkara yang terkutuk. Jika beliau mengingkarinya, balasan buruk akan menimpanya kelak. Lebih-lebih lagi, dipercayai umum bahawa Nayan juga mempunyai kesaktian yang luar biasa. Antara beberapa kesaktian sebagaimana yang diperoleh dalam hasil kajian Mohamad Abdullah (1982 : 80-84) disenaraikan seperti berikut :

- i) Pernah sekali Nayan sedang makan nasi di rumah ibunya. Pada masa itu sepasukan polis sedang mengepung dan mengetuk pintu, tetapi apabila mereka masuk ke dalam rumah; Nayan telah menghilangkan diri.*

- ii) Pernah sekali Nayan ditangkap oleh polis di Sungai Petani dengan tangannya digari. Nayan dikurung di balai polis. Tetapi tak berapa lama, ia hilang. Yang tinggal gari sahaja.
- iii) Oleh sebab Nayan takut diintip dan ditangkap oleh polis, ia terpaksa balik melalui Sungai Besar (Sungai Petani). Seorang budak telah disuruh oleh Haji Mohd. Isa untuk menunjukkan arah ke sungai tersebut. Apabila sampai di sungai itu, Nayan menyuruh budak itu balik. Budak itu tidak balik tetapi menyorok di sebalik semak melihat bagaimana Nayan menyeberangi sungai tersebut. Nayan berpusing-pusing dua tiga kali, tepuk belakang, sapu muka terus menyeberangi (berjalan) di atas air, dan
- iv) Menurut Puan Teh, parang itu diberi sendiri oleh Nayan kerana dengan parang itulah saja yang dapat membunuh Nayan.

Berdasarkan keempat-empat petikan tersebut, didapati bahawa Panglima Nayan mempunyai kesaktian yang tidak dimiliki oleh orang biasa. Pertama, diceritakan Panglima Nayan dapat menghilangkan diri walaupun seluruh rumahnya dikepung oleh pasukan polis. Kedua, walaupun tangannya telah digari, tetapi Panglima Nayan masih dapat melepaskan diri. Ketiga, Panglima Nayan dikatakan dapat menyeberangi sungai dengan berjalan di atas air. Dan keempat, Panglima Nayan tidak dapat dibunuh dengan senjata biasa melainkan parangnya sendiri. Seterusnya, kita cuba meninjau apakah jenis kebaktian yang telah diberikan oleh Panglima Nayan kepada masyarakat sekelilingnya sehingga beliau diangkat menjadi tokoh legenda keperwiraan. Untuk itu, perhatikan catatan yang dibuat oleh Mohamad Abdullah (1982 : 73) seperti berikut:

Panglima Nayan sering mengambil berat terhadap kesusahan dan penderitaan rakan-rakan dan penduduk kampung di Selarong Batang (berdekatan dengan Alor Setar). Mereka selalu meminta bantuan Nayan agar menolong mereka mengambil kembali hak-hak mereka yang dirampas oleh lintah darah (tuan tanah, orang tengah dan tauke-tauke).

Catatan seperti ini jelas memberitahu kita bahawa Panglima Nayan telah diangkat menjadi wira petani miskin di tempatnya agar nasib mereka yang ditindas oleh orang kaya, orang tengah dan tauke-tauke yang merupakan lintah darat dapat dibela. Kita juga diberitahu bahawa sebelum

Panglima Nayan dan rakan-rakannya bertindak untuk merompak sesebuah keluarga kaya, beliau akan mengutuskan surat pemberitahuan yang ditulis dalam tulisan Jawi terlebih dahulu. Dengan kata lain, pada mulanya Panglima Nayan akan meminta dengan cara yang baik. Hanya apabila orang kaya yang degil dan mahu melawan akan disanggah oleh Panglima Nayan. Lagi pun, hasil rompakan mereka yang berupa wang ringgit, emas, perak, pakaian, kerbau dan lembu akan dibahagikan kepada orang kampung yang patut menerimanya. Akibatnya yang miskin mula berasa gembira kerana nasib mereka telah dibela. Dengan itu, ramailah orang kampung yang menyertai dalam satu pergerakan yang dikenali sebagai "Kumpulan Penyamun" (Mohamad Abdullah, 1982 : 74-75).

Jika diamati, peranan yang dimainkan oleh Panglima Nayan menyerupai wira legenda Barat yang terkenal, iaitu Robin Hood. Serupa juga dengan watak Robin Hood, Panglima Nayan akan merompak daripada yang kaya dan kemudian memberi kepada mereka yang miskin. Yang berbeza hanyalah Robin Hood dikategorikan sebagai tokoh legenda keperwiraan dalam bentuk fiksyen (*Encyclopedia International Vol 10*, 1973 : 452). Natijahnya, orang kaya dan pihak polis menganggap Nayan sebagai penyamun yang menggerunkan. Jadi, pada mereka Nayan patut ditangkap dan menerima hukuman undang-undang yang sewajarnya. Perjuangan Nayan akhirnya berkesudahan dengan satu tragedi pembunuhan oleh sepasukan polis.

Secara keseluruhannya, seseorang tokoh legenda keperwiraan bukanlah orang sembarangan. Dengan kata lain, ada ciri-ciri tertentu yang menyebabkan seseorang itu (seperti Hang Tuah, Tok Janggut, Panglima Nayan dan banyak lagi) diangkat daripada orang biasa menjadi tokoh legenda keperwiraan pada hari kemudiannya. Ciri-ciri yang dimaksudkan ialah golongan manusia ini pada dasarnya mempunyai fizikal yang tegap, tinggi, kuat dan juga dipercayai mempunyai kesaktian yang tertentu. Hal ini penting untuk mereka menjadi pahlawan rakyat yang gagah dan dapat mengalahkan musuh.

Seterusnya, sebagai pemimpin yang berwibawa, perjuangan tokoh-tokoh sejarah yang dijadikan wira legenda seperti Tok Janggut, Panglima Nayan dan Mat Salleh (akan dibincangkan nanti) telah memberikan kebaktian yang besar terhadap masyarakat di sekelilingnya. Oleh itu, mereka turut mendapat sokongan ramai daripada penduduk tempatan. Dalam perjuangan Tok Janggut menentang penjajahan British di Kelantan, dilaporkan oleh sejarawan bahawa Tok Janggut mempunyai seramai hampir 2,000 orang pengikut yang bersedia menentang pihak penjajah atau kerajaan

pada masa itu (Ibrahim Mohmood, 1974 : 73). Bagi Panglima Nayan pula, yang miskin mulai berasa gembira kerana nasib dan penderitaan mereka telah dibela. Dengan itu, ramailah yang masuk campur dalam pergerakan Nayan yang dikenali "Kumpulan Penyamun".

Seseorang tokoh legenda keperwiraan juga dipercayai oleh penduduk tempatan sebagai manusia yang mempunyai kesaktian yang tertentu. Umpamanya Tok Janggut dan Panglima Nayan dipercayai oleh pembawa tradisi legenda bahawa mereka ini merupakan wira istimewa yang mahir dalam ilmu mempertahankan diri, mempunyai ilmu kebatinan yang luar biasa, mempunyai senjata luar biasa dan sebagainya. Ciri-ciri kesaktian inilah yang menjadikan sesebuah kisah legenda keperwiraan bercampur aduk dengan fakta sejarah dan unsur imaginasi. Namun yang penting, golongan legenda keperwiraan ini terus disanjung ramai dan menjadi kebanggaan masyarakat kita sehingga ke hari ini.

Legenda Keperwiraan Mat Salleh

Di Sabah juga terdapat tokoh legenda keperwiraan yang mempunyai persamaan dengan Tok Janggut dan Panglima Nayan. Beliau ialah Mat Salleh. Dari segi sejarah, Mat Salleh merupakan salah seorang pejuang tempatan yang menentang pentadbiran Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) di Sabah antara tahun 1894 hingga 1900. Beliau buat kali pertamanya mula menentang KBBU secara terbuka di Sandakan pada bulan Ogos 1894 sehinggalah beliau dilaporkan ditembak mati oleh polis KBBU pada 31 Januari 1900 (Wookey, 1956 : 405-450).

KBBU pada dasarnya merupakan sebuah pertubuhan perniagaan yang berjaya memperoleh piagam daripada Kerajaan British untuk menjalankan kegiatan pelaburan dan perniagaan mereka di kawasan Borneo Utara (Crisswell, 1971 : 155). Jelaslah kepada kita bahawa tujuan utama KBBU mentadbir Borneo Utara adalah untuk mengaut keuntungan dalam pelaburan dan perniagaan di Borneo Utara. Jadi, keadaan penjajahan dalam konteks KBBU atas Sabah pada masa itu berbeza dengan keadaan penjajahan pihak British di Tanah Melayu. Soalnya, apakah ciri-ciri yang ada pada Mat Salleh sehingga beliau layak dikategorikan sebagai tokoh legenda keperwiraan seperti Tok Janggut dan Panglima Nayan di Tanah Melayu? Untuk menjawab pertanyaan yang sedemikian, ada baiknya ditinjau dan kemudian dibandingkan ciri-ciri yang ada pada Mat Salleh dengan beberapa orang tokoh legenda keperwiraan di Semenanjung Malaysia yang telah dibincangkan sebelum ini.

Pertama, latar kemunculan legenda Mat Salleh tidak jauh berbeza dengan keadaan yang menyebabkan munculnya wira-wira rakyat yang lain seperti Tok Janggut dan Panglima Nayan. Berdasarkan catatan sejarawan (semasa pentadbiran KBBU); penduduk tempatan di Sabah telah dibebankan dengan pelbagai jenis peraturan baharu, pengenalan cukai kepala dan cukai perahu serta bidang kuasa ketua-ketua tempatan secara turun-temurun telah terjejas (Wookey, 1956 : 405). Dalam keadaan yang tertekan ini, memang wajarlah penduduk tempatan mengharapkan kemunculan wira yang dapat membela nasib mereka. Kedua, dicatatkan oleh sejarawan bahawa Mat Salleh memiliki karisma dan sifat kepemimpinan yang tinggi. Beliau juga bijaksana, tampan, bertubuh tinggi dan kuat (Wookey, 1956 : 405).

Dari segi keturunan, bapanya Datu Balu merupakan pembesar Sulu di sekitar Sungai Sugut di Residensi Sandakan (Wookey, 1956 : 405). Black dalam bukunya *A Gambling Style of Government* (1983 : 140) turut mencatatkan bahawa semasa di Inanam (Residensi Pantai Barat Selatan, Sabah), Datu Balu menjadi ketua tempatan orang Bajau. Kemudian mereka berpindah ke Sungai Sugut untuk bermiaga. Isteri Mat Salleh, Dayang Bandang pula mempunyai pertalian darah dengan Sultan Sulu. Menurut kepercayaan, beliau merupakan puteri suci dan pantang memijak tanah. Jadi, ke mana sahaja Dayang Bandang pergi, beliau harus diusung (R.M. Jasni, 1981 : 31). Kebanyakan orang percaya bahawa Dayang Bandang merupakan bomoh perempuan yang handal. (Crisswell, 1971 : 157).

Tidak ketinggalan, penduduk tempatan Sabah yang hidup sezaman dengan Mat Salleh mempercayai bahawa Mat Salleh merupakan manusia yang mempunyai kekuatan dan kesaktian yang luar biasa. Perhatikan salah satu laporan yang termuat dalam *The British North Borneo Herald* (1897 : 253):

Berdasarkan laporan yang terkandung dalam 'the Hong Kong Telegraph', Mat Salleh telah dianggap oleh penduduk tempatan sebagai seorang nabi. Sesetengah orang pula tertarik dengan cerita mulut yang menyatakan bahawa Mat Salleh pernah menjalani satu "upacara kebal" yang menyebabkan ia tidak lut senjata

Tambahan pula, sesetengah penduduk tempatan di Sabah percaya bahawa mulut Mat Salleh dapat menghemuskan api, parangnya akan menghasilkan cahaya kilat dan beras yang ditaburkan dari tangannya akan menjadi tebuhan penyengat (*The British North Borneo Herald*, 1899 : 58).

Secara keseluruhannya, serupa juga dengan tokoh legenda keperwiraan di Semenanjung Malaysia (khususnya Tok Janggut dan Panglima Nayau) yang merupakan orang yang bijaksana, memiliki ciri-ciri fizikal yang tinggi, tegap dan kuat, dipercayai mempunyai pelbagai kesaktian (seperti kebal, mempunyai senjata yang luar biasa dan banyak lagi) dan disanjungi ramai kerana kebaktian mereka terhadap masyarakat; jelaslah di sini bahawa Mat Salleh juga memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan mereka. Oleh itu, Mat Salleh layak tergolong sebagai tokoh legenda keperwiraan seperti Tok Janggut dan Panglima Nayau.

.Bab 3-

Ketokohan Mat Salleh : Dari Sejarah Ke Legenda

Asal Usul dan Keturunan Mat Salleh

Nama sebenar Mat Salleh ialah Muhammad Salleh. Setakat ini, tiada sejarawan yang mencatatkan tarikh lahir Mat Salleh yang sebenarnya dalam kajian atau tulisan mereka. Seseorang yang berminat untuk mengetahui tarikh lahir Mat Salleh hanya dapat membuat andaian berdasarkan tulisan Tarling yang berjudul : *Mat Salleh and Krani Usman*. Sehubungan dengan itu, Tarling (1985 : 47) mencatatkan :

Mat Salleh ialah sepupu Usman Sangkalang. Usman Sangkalang dilahirkan di Buli Sim-Sim, Sandakan pada tahun 1863. Ia merupakan seorang kerani Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Semasa di Sandakan, Mat Salleh pernah tinggal di rumahnya.

Berdasarkan catatan Tarling, umur Mat Salleh mungkin tidak jauh berbeza daripada umur Usman Sangkalang yang dilahirkan pada tahun 1863. Jadi, sesuailah untuk kita andaikan bahawa Mat Salleh dilahirkan selepas pertengahan kurun ke-19. Dari segi asal usul keturunan, kebanyakan sejarawan memberikan keturunan suku kaum Mat Salleh yang agak berbeza. Wookey dalam jurnal sejarahnya *The Mat Salleh Rebellion* (1956 : 405) umpamanya menyatakan bahawa bapa Mat Salleh, iaitu Datu Balu ialah Ketua Suku Kaum Sulu di kawasan Sungai Sugut (Residensi Sandakan) dan ibu Mat Salleh berketurunan Bajau. Black dalam bukunya *A Gambling Style of Government* (1983 : 140) telah menyebut asal usul

suku kaum bapa Mat Salleh yang agak berbeza dengan catatan yang dibuat oleh Wookey itu. Black mencatatkan bahawa bapa Mat Salleh, iaitu Haji Datu Balu berketurunan Bajau Inanam. R.M. Jasni, iaitu sejarawan tempatan Sabah dalam bukunya: *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh* (1981 : 29) turut memberikan satu catatan yang agak berbeza dengan mengatakan bahawa bapa Mat Salleh merupakan suku Sulu Paitan dan bukannya suku Sulu Sugut sebagaimana yang dicatatkan oleh Wookey. Selain itu, *The British North Borneo Herald* (16 September 1895 : 235) juga memberikan gambaran keturunan Mat Salleh yang berbeza daripada semua sumber yang lain dengan melaporkan bahawa Mat Salleh yang berketurunan Dumpas telah melawat Sandakan.

Berdasarkan perbezaan keturunan suku kaum Mat Salleh sebagaimana yang diberikan oleh sejarawan, kita tidak dapat memastikan asal usul keturunan Mat Salleh yang sebenarnya. Dari segi penguasaan loghat tempatan, terdapat bukti yang menunjukkan Mat Salleh dapat bertutur dalam pelbagai loghat peribumi di Sabah. Sehubungan itu, Anthony Gibon (1986 : 15) mencatatkan bahawa semasa Mat Salleh melawat Tambunan, ketua kampung yang bernama Lunggai telah berjumpa dengannya. Ketua kampung ini berasa sangat gembira kerana Mat Salleh dapat bertutur dengannya dalam dialek Dusun. Cecilia Leong (1982 : 117) mencatatkan bahawa Mat Salleh dibesarkan di Inanam. Apabila Mat Salleh dewasa, beliau telah berkahwin dengan Dayang Bandang yang merupakan puteri Sultan Sulu. R.M. Jasni pula menyatakan bahawa ibu Dayang Bandang merupakan ibu saudara kepada Sultan Jamalul Kiram, iaitu sultan yang memerintah Sulu pada masa itu. (R.M. Jasni, 1981 : 30).

K.E.A. Hiew dan Thani Hashim dalam "Mat Salleh Pahlawan Agung Sabah" (1981 : 6) mencatatkan bahawa Dayang binti Lingkung memberitahu mereka bahawa Mat Salleh sebenarnya mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertama beliau ialah seorang puteri Sulu, Dayang Bandung. Dayang Bandung tidak melahirkan anak. Isteri keduanya ialah gadis Paitan bernama Aisah. Hasil perkahwinan Mat Salleh dengan Aisah telah melahirkan dua orang anak lelaki Ahmad dan Kapayan, dan seorang anak perempuan, Anang namanya. Hasil perkahwinan Mat Salleh dengan isteri ketiga, Sitimah (Dusun), telah melahirkan dua orang anak lelaki, iaitu Palalun dan Tagaas.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa Mat Salleh berasal daripada sebuah keluarga ketua tempatan di Sabah. Itulah sebabnya R.M. Jasni menyatakan bahawa dalam tubuh Mat Salleh mengalir darah bangsawan Sulu yang diwarisi daripada ayah dan nenek moyangnya

(R.M. Jasni, 1981 : 29). Crisswell (1971 : 157) pula menggunakan gelaran "pangeran" untuk Mat Salleh. Selain latar belakang keluarganya, tidak banyak yang dibincangkan oleh sejarawan tentang usia muda Mat Salleh. Kita hanya diberitahu oleh sejarawan bahawa setelah dibesarkan di Inanam, Mat Salleh berpindah ke Sungai Sugut bersama-sama keluarganya untuk bermiaga. Di sekitar Sungai Sugutlah Mat Salleh buat kali pertamanya menarik perhatian umum apabila beliau mula menentang pemerintahan KBBU. Semua peristiwa itu berlaku pada sekitar tahun-tahun 1890-an. Sehubungan itu, Wookey (1956 : 406) mencatatkan:

Pada tahun-tahun 1890-an, Mat Salleh merupakan seorang pedagang di sekitar Sungai Sugut. Buat kali pertamanya ia berselisih dengan kerajaan (Kompeni) berikutan dengan kejadian dua orang pengikutnya telah membunuh dua orang suku Dayak. Percubaan kali pertama pihak berkuasa untuk menangkapnya gagal. Walau bagaimanapun pada bulan November 1894, ia telah berdamai dengan pihak Kompeni dan bersumpah dengan Koran bahawa ia akan mengikuti segala undang-undang yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Sejarah Penentangan Mat Salleh Terhadap Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU)

Penentangan Mat Salleh terhadap KBBU telah berlarutan selama enam tahun, iaitu dari pertengahan 1894 hingga awal 1900. Dalam tempoh hampir enam tahun ini, Mat Salleh telah mencipta banyak peristiwa bersejarah di Sabah. Selain menarik perhatian penduduk tempatan dan pihak pentadbir KBBU, sejarah penentangan Mat Salleh turut menarik perhatian penduduk di luar Sabah pada masa itu (*The British North Borneo Herald*, 1897 : 253).

Punca dan corak penentangan Mat Salleh terhadap pemerintahan KBBU di Sabah serupa juga dengan punca dan corak penentangan pembesar Melayu lain terhadap penjajahan British. Menurut kajian sejarawan, punca pembesar atau rakyat jelata menentang penjajahan British di Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19 hingga ke awal kurun yang ke-20 adalah disebabkan oleh perubahan baharu yang diperkenalkan oleh pihak Birtish, terutamanya sistem cukai. Kedua, hal ehwal penduduk tempatan telah terganggu oleh segala perubahan baru yang diperkenalkan

itu. Ketiga, kuasa pembesar tempatan telah tergugat serta peraturan lain yang melanggar adat resam tempatan. Para pembesar tempatan di Tanah Melayu yang dimaksudkan adalah seperti Dol Said di Naning (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1977/78 : 13-15), Tok Janggut di Kelantan (Ibrahim Mahmood, 1974 : 63-65), Dato Maharaja Lela di Perak (Abdullah Zakaria Ghazali, 1981 : 103-105), Dato Bahaman di Pahang (Haji Buyung Adil, 1984 : 297-299), Abdul Rahman Limpong di Terengganu (Abdullah Zakaria Ghazali, 1980 : 55-56) dan banyak lagi. Berikut diturunkan satu laporan rasmi tentang punca penentangan Mat Salleh terhadap KBBU pada peringkat awal yang tersiar dalam *The British North Borneo Herald* (16 September 1895 : 235) :

Mat Salleh bersama-sama dengan pengikutnya yang bersenjata telah melawat Sandakan pada 17 Ogos 1894. Ramai juga di kalangan ketua tempatan yang sebelum ini tidak pernah menentang dasar kerajaan turut mengikuti rombongannya. Tujuan lawatan mereka adalah untuk mengemukakan aduan tentang tindakan pegawai kerajaan di Pulau Jambongan yang mula mengutip cukai kepala, cukai perahu, dan pada masa yang sama campur tangan dalam hal ehwal penduduk tempatan.

Yang jelas, pihak pemerintahan KBBU pada masa itu menganggap Mat Salleh sebagai 'pengacau keamanan' atau "ketua penjahat". Menurut pihak pentadbiran KBBU, Mat Salleh bertanggungjawab memberi perlindungan kepada orang buruan polis KBBU yang terlibat dalam kes jenayah pada masa itu. Umpamanya, Badang yang berketurunan Sulu disyaki membunuh seorang Dayak; Si Long, Ketua Bajau yang sering menimbulkan kekacauan dan banyak lagi telah dilindungi oleh Mat Salleh (Tarling, 1985 : 49). Selain itu, orang kanannya yang lain seperti Langkong, Mat Sator dan Langkap semuanya merupakan pencuri atau penjahat yang dikehendaki oleh pihak polis KBBU (Wookey, 1956 : 450).

Di samping itu, terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan Mat Salleh dan pengikutnya turut berjuang atas nama Islam di Sabah. Dalam satu operasi pasukan polis yang diketuai oleh Barraut (Residen Sandakan) dan Jones (*Adjutan-in-charge*, Sandakan) untuk menangkap pengikut Mat Salleh di Pulau Jambongan pada 29 September 1894, Wookey (1956 : 408) mencatatkan:

Pihak pemberontak telah mendirikan sebuah kubu untuk menentang serangan yang dilakukan oleh pihak polis Kompeni. Tambahan pula, payung kain sutera, panji dan lambang kebesaran lain telah ditemui di pulau tersebut. Semua ini merupakan bukti bahawa Mat Salleh telah diangkat oleh penduduk tempatan sebagai pejuang Islam yang unggul di Borneo Utara.

Inskripsi untuk mengangkat martabat agama Islam yang dijumpai di kubu Mat Salleh itu bukan sahaja membimbangkan pihak pentadbiran KBBU malah membuktikan kepada kita bahawa Mat Salleh bertindak sebagai pejuang Islam di Sabah. Datu Bandira Datu Alang dalam buku *Iranun : Sejarah dan Adat Tradisi* (1992 : 9) menyatakan bahawa suku kaum Iranun, Bajau dan Sulu yang bergabung di bawah panji-panji Islam sentiasa sahaja mengancam kedudukan penjajahan Inggeris. Mereka tidak sanggup bertuarkan orang bukan Islam, apatah lagi pemerintah Inggeris yang berlandaskan kebendaan dan mengamalkan penindasan demi mencapai matlamatnya tanpa mengambil kira hak asasi penduduk tempatan.

Dalam *Suara Perkim* (1997 : 12) yang berjudul "Kebangkitan Datu Paduka Mat Salleh" mencatatkan bahawa Mat Salleh tidak dapat menerima nilai-nilai Barat yang telah menghapuskan pemerintahan Islam di Sabah. Selepas beliau dilaporkan ditembak mati di Tambunan pada 31 Januari 1900; perkembangan pengaruh Islam di kawasan pedalaman turut tersekat. Pihak Inggeris tidak membenarkan penganut Islam memasuki kawasan pedalaman lagi. Lebih-lebih lagi, Gabenor L.P Beaufort pernah mengingatkan Mat Salleh bahawa pihak KBBU akan memberikan hadiah kapadanya jika beliau sanggup memastikan keamanan di Tambunan dan Gabenor sendiri akan membantu menuaih cita-citanya untuk naik haji di Mekah (Wookey, 1956 : 431).

Dalam tempoh masa enam tahun menentang pihak KBBU secara terbuka, Mat Salleh dan pengikutnya mengamalkan taktik perang gerila. Bukti pada tahun 1897, Mat Salleh berjaya menyerang Pulau Gaya dan Ambong, Kota Belud secara mengejut. Dengan kata lain, beliau membina kubu pertahanannya di tempat-tempat strategik. Jika pertahanan di kubunya gagal, beliau dan pengikutnya yang lain akan melarikan diri melalui hutan. Selepas itu, beliau akan membina kubu baharu di tempat lain (Cecilia Leong, 1982 : 118). Pergerakan penentangan Mat Salleh meliputi kawasan geografi yang amat luas. Dalam tempoh 1894 hingga

1900, beliau pernah membina kubu pertahanannya dari Residensi Sandakan ke Residensi Pantai Barat Sabah. Memandangkan sejarah perpentangan Mat Salleh terhadap KBBU meliputi kawasan geografi yang agak luas, yakni dari seluruh Residensi Sandakan hingga ke Residensi Pantai Barat Selatan dan Daerah Tambunan, jadi ada baiknya tumpuan seterusnya diberikan kepada peristiwa penting yang berkaitan dengan penentangan Mat Salleh berdasarkan tempat-tempat yang berlainan juga.

Sebagaimana yang tercatat oleh hampir semua sejarawan yang mengkaji sejarah perjuangan Mat Salleh seperti Wookey, Tregonning, Tarling, Black, Cecilia Leong, R.M. Jasni (sekadar menyebut beberapa nama); di Residensi Sandakanlah nama Mat Salleh menjadi tersohor. Sebabnya, di sinilah Mat Salleh buat kali pertamanya menentang pentadbiran KBBU secara terbuka. Berikut dibincangkan penentangan Mat Salleh terhadap KBBU di Sandakan secara kronologi.

Pada bulan Mei 1894, balai polis di Pulau Jambongan telah diserang dan dua orang polis keturunan Dayak terbunuh. Walaupun Si Gunting, Ketua Marudu yang disyaki terlibat dalam kes tersebut namun nama Mat Salleh turut disebutkan (Tarling, 1985 : 47). Jika benar dakwaan tersebut, maka peristiwa ini merupakan penentangan pertama Mat Salleh terhadap pihak KBBU. Dalam pada itu, percubaan awal pihak polis KBBU untuk membawa Mat Salleh ke balai polis untuk disoal siasat menemui kegagalan. Akan tetapi pada bulan November 1894, Mat Salleh telah membuat perdamaian dengan pihak KBBU berikutan tindakan beliau mengangkat sumpah di khalayak ramai menggunakan Koran bahawa beliau akan menjadi rakyat yang mematuhi undang-undang kerajaan (Wookey, 1956 : 406). Beikutan dengan peristiwa mengangkat sumpah itu, pihak pentadbiran KBBU menganggapkan kekacauan yang ditimbulkan oleh Mat Salleh itu telah tamat.

Malangnya, perdamaian ini tidak dapat bertahan lama. Pada Januari 1895; Gabenor Creagh melaporkan bahawa pihak polis KBBU mempunyai bukti yang kukuh untuk menuduh Mat Salleh dan pengikutnya mengganggu perjalanan kegiatan perdagangan di sepanjang Sungai Sugut. Ekoran daripada itu, Gabenor Creagh telah menemu bual Mat Salleh sebanyak beberapa kali di Sandakan dan beliau menyatakan bahawa tidak ada sebarang masalah untuk berunding dengan Mat Salleh. Hal ini jelas daripada catatan Creagh bahawa Mat Salleh menaruh dendam akan sebarang celaan yang pernah dibuat ke atasnya (Tarling, 1985 : 48). Sebagai contohnya, jika ia diperkecilkan di hadapan pengikutnya maka ia pasti akan berlawan berhabis-habisan daripada menyerahkan diri.

Catatan Gabenor Creagh seperti itu membuktikan kepada kita bahawa Mat Salleh mempunyai perawakan yang dihormati ramai. Beliau sebenarnya bukanlah penjahat yang sukar dirunding malah beliau memiliki sifat-sifat yang dihormati oleh penduduk tempatan di sekitar Sungai Sugut pada masa itu. Setelah Gabenor Creagh digantikan oleh Gabenor baharu, iaitu L.P Beaufort; sekali lagi Mat Salleh mula menimbulkan kekacauan terhadap pentadbiran KBBU di Sandakan. Tatkala Gabenor L.P Beaufort melawat Teluk Darvel, Alexander Cook iaitu Bendahari KBBU telah menyandang tugasnya. Pada 16 Ogos 1895, Cook menerima sepucuk surat daripada Mat Salleh menyatakan bahawa beliau ingin berjumpa dengannya. Hal ini dijelaskan oleh Tarling (1985 : 48-49) seperti berikut :

Rombongan Mat Salleh tidak muncul di Sandakan. Didapati mereka bersinggah di Buli Sim-Sim (hal ini mungkin disebabkan hari itu ialah hari Sabtu, dan pejabat Kompeni hanya beroperasi setengah hari). Jones (the Adjutant) dengan pegawai polis yang lain sedang berjaga-jaga takut-takut nanti berlakunya sebarang serangan oleh pengikut Mat Salleh. Di satu pihak yang lain, Cook mendapati bahawa rombongan Mat Salleh ini terdiri daripada 21 buah perahu di mana setiap perahu membawa 20 hingga 30 orang pengikut Mat Salleh. Menurut Mat Salleh, mereka mengikutinya secara rela. Mat Salleh mengadu keras tentang Haji Salahudin yang masuk ke dalam kampung untuk memungut cukai kepala dan menetapkan peraturan lain.

Kunjungan Mat Salleh dan rombongannya yang begitu besar ke Sandakan pada 16 Ogos 1895 ini mengejutkan seluruh warga Sandakan. Gabenor L.P Beaufort ternyata tidak berpuas hati dengan cara Alexander Cook dan pegawai tingginya yang lain menyelesaikan masalah lawatan Mat Salleh dan rombongannya di Buli Sim-Sim. Ekoran daripada itu, satu siri pemburuan untuk menangkap Mat Salleh telah dilancarkan oleh polis KBBU. Ekspedisi memburu Mat Salleh yang pertama telah diketuai oleh Residen Barraut, Jones (*Adjutan-in-charge*), Haji Abdul Rahim (Ketua Teluk Marudu) dan serombongan anggota polis yang kuat. Rombongan polis KBBU ini tiba di Pulau Jambongan (sebuah pulau yang terletak di utara Sandakan) pada 29 Ogos 1894. Seterusnya, pihak polis KBBU telah menghantar sepucuk surat kepada Mat Salleh dan meminta ia menyerahkan empat orang penjenayah yang dikehendaki oleh polis KBBU. Pembawa

maklumat yang kembali dari tempat Mat Salleh memberitahu pihak KBBU bahawa Mat Salleh mengatakan bahawa keempat-empat orang penjenayah yang diminta oleh polis KBBU enggan menyerah diri. Mat Salleh mengatakan ia sendiri akan pergi ke Sandakan untuk menyelesaikan masalah ini dengan pihak polis KBBU. (Wookey, 1956 : 407).

Sebagai tindak balas terhadap keengganan Mat Salleh menyerahkan empat orang penjenayah di bawah perlindungannya, Barraut dan rombongan polisnya menuju ke arah tempat tinggal Mat Salleh di Pulau Jambongan. Apabila mereka sampai di tempat itu, didapati Mat Salleh dan pengikutnya sedang sibuk membina kubu pertahanan yang diperbuat daripada batang-batang kayu balak. Sejurus selepas itu, pertempuran pun bermula. Kesudahannya, salah seorang polis Dayak (KBBU) tercedera dan salah seorang pengikut Mat Salleh terbunuh. Mat Salleh dan pengikutnya berundur ke dalam hutan dan berjaya melarikan diri. (*The British North Borneo Herald*, 16 September 1895 : 235).

Sekembalinya dari serangan pertama terhadap Mat Salleh, Jones menawarkan wang sebanyak \$500 untuk memberkas Mat Salleh. Bagi pihak KBBU, kejayaan serangan rombongan Barraut dan tindakan menawarkan wang untuk memberkas Mat Salleh telah memberi pengajaran kepada Mat Salleh agar tidak berani membuat kekacauan lagi pada masa yang akan datang (Wookey, 1956 : 408). Akan tetapi, pihak KBBU sebenarnya telah tersalah anggap tentang keberanian Mat Salleh. Pada 16 September 1895, Barraut telah mengirim sepucuk surat kepada Gabenor melaporkan bahawa beliau menerima maklumat yang menyatakan Mat Salleh mula membina sebuah kubu baharu di Lingkabau (lebih kurang 150 km di utara Sandakan). Barraut sendiri telah membawa satu rombongan pasukan polis ke sana. Sebaik sahaja mereka sampai di sana, Mat Salleh dan pengikutnya tiada lagi di situ. Mereka terpaksa berpuas hati dengan memusnah Kubu Mat Salleh di Lingkabau dan menangkap 60 orang suku kaum Dusun yang membantu Mat Salleh membina kubu itu (Wookey, 1956: 408). Pembatalan pemburuan rombongan polis KBBU yang diketuai oleh Baurraut telah dilaporkan dalam *The British North Borneo Herald* (16 November 1895 : 307) bahawa Mat Salleh dan pengikutnya berjaya melarikan diri di kawasan pedalaman.

Beberapa bulan kemudian, pihak KBBU di Sandakan menerima laporan yang menyatakan Mat Salleh mula mengganggu saudagar dan menyeludup senjata melalui Sungai Labuk. Laporan ini memberikan satu amaran awal kepada pihak KBBU di Sandakan tentang penentangan secara terancang yang bakal dilakukan oleh Mat Salleh. Kemudian,

dilaporkan bahawa penduduk di sekitar Sungai Labuk enggan membayar cukai kepala, dan mereka telah melantik Mat Salleh sebagai ketua mereka. Demi keselamatan, W.R Flint (*Administrative Officer*) bersama sepasukan anggota polis KBBU telah mengawal Sungai Labuk. Wang tawaran sebanyak \$700 untuk menangkap Mat Salleh juga telah dikeluarkan oleh pihak KBBU kepada orang awam. (Wookey, 1956 : 408).

Pada awal Ogos 1896, dilaporkan seorang pegawai KBBU telah diserang oleh Mat Salleh di Sungai Labuk. Kejadian ini menyebabkan satu lagi ekspedisi secara besar-besaran oleh polis KBBU untuk memburu Mat Salleh dijalankan. Dalam ekspedisi kali ini, Little telah mengetuai satu pasukan polis di Sungai Sugut; Alexander Rankin Dunlop di sekitar Paitan dan sepasukan polis lagi bertolak dari Kudat untuk memastikan Mat Salleh tidak bergabung dengan seorang lagi ketua pemberontak, Si Gunting yang beroperasi di sekitar Marudu (Wookey, 1956 : 408). Dua bulan kemudian, *The British North Borneo Herald* (16 Oktober 1896) melaporkan bahawa pasukan polis KBBU yang diketuai oleh Flint dan dibantu oleh dua orang pegawai tinggi yang lain, iaitu Dunlop dan Little berjaya menawan kubu Mat Salleh di Sungai Limbawan. Akan tetapi, Mat Salleh dan pengikutnya yang lain sekali lagi berjaya melarikan diri. Seterusnya *The British North Borneo Herald* (Wookey, 1956 : 409) melaporkan bahawa besar kemungkinan Mat Salleh telah melarikan diri ke Ulu Lingkabau. Ia tidak dapat berbuat apa-apa lagi kerana pengikutnya telah berpecah-belah. Namun enam bulan kemudian, iaitu pada 1 Mac 1897, 'Herald' (Wookey, 1956 : 409) telah memberikan komentar terhadap sepucuk surat yang ditulis oleh Nakhoda Tinggi seperti berikut :

Nakhoda Tinggi dan pengikutnya telah bertempur dengan Mat Salleh di luar kubunya di Padang, berdekatan dengan Sungai Sugut. Pertempuran di antara kedua-dua pihak berlangsung dari 6 pagi ke 6 petang ketika Mat Salleh dan pengikutnya yang lain berundur ke dalam kubu mereka. Nakhoda Tinggi sendiri mengakui bahawa bukanlah senang hendak mengalahkan Mat Salleh dengan anggota polis tempatan sahaja. Seterusnya ia melaporkan bahawa Mat Salleh mempunyai penyokong yang ramai, dikatakan 4,000 hingga 5,000 orang bersedia untuk menyertainya pada bila-bila masa sahaja. Namun pihak polis Kompeni mendapati bahawa Mat Salleh hanya mempunyai seramai 70 orang pengikut, itu pun termasuk wanita dan kanak-kanak.

Laporan '*Herald*' pada 1 Mac 1897 itu boleh dikatakan laporan terakhir tentang penentangan Mat Salleh terhadap KBBU di Residensi Sandakan. Hal ini adalah disebabkan Mat Salleh dan pengikutnya telah meninggalkan kawasan Sandakan. Buat masa ini Mat Salleh telah muncul di bahagian Pantai Barat Sabah pula.

Dilaporkan bahawa pentadbiran Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) di Sandakan sepanjang awal 1897 adalah aman dan sunyi daripada sebarang berita tentang kekacauan yang ditimbulkan oleh Mat Salleh. Akan tetapi, ada laporan yang menyatakan tatkala Mat Salleh sedang sibuk membina kubu pertahanannya di sekitar Ranau dan sudah kembali ke Inanam, iaitu kampung asalnya di Pantai Barat Sabah (Black, 1983 : 147). Ekoran daripada siri pemburuan polis KBBU terhadap Mat Salleh di Residensi Sandakan, adalah munasabah untuk Mat Salleh mengambil keputusan untuk berpindah ke satu tempat yang baharu dan selamat untuknya.

Pada 9 Julai 1897, Katick, iaitu kerani KBBU yang berjaya melarikan diri melalui sungai telah membawa bersamanya berita penyerangan Pulau Gaya oleh Mat Salleh ke Papar. Kemudian, seorang anggota polis berbangsa Sikh telah berlari sejauh empat puluh batu ke Membakut untuk membawa berita yang mengejutkan itu kepada pihak berkuasa KBBU di Pulau Labuan (Tregonning, 1956 : 238). Menurut kerani itu, seluruh pelabuhan Pulau Gaya telah dibakar dan dimusnahkan oleh Mat Salleh dan pengikutnya. Dalam serangan ini seorang konstable polis terbunuh dan Neubronner (*clerk in charge*) telah dijadikan orang tawanan Mat Salleh. Apabila bantuan Kapal Ranee dari Labuan tiba di Pulau Gaya, seluruh pelabuhan Pulau Gaya masih terbakar (Wookey, 1956 : 410). Berikut adalah gambaran penyerangan Pulau Gaya yang dilakukan oleh Mat Salleh (Black, 1983 : 147):

Semua bangunan di pulau ini, kecuali kampung orang Bajau telah dibakari sehingga menjadi abu. Tiada pegawai Eropah di situ semasa berlakunya kejadian yang tidak diingini ini. Akan tetapi beberapa orang kerani keturunan peranakan Eropah dan beberapa orang pedagang Cina telah ditangkap oleh pengikut Mat Salleh. Semua harta benda dan alat senjata Kompeni di pulau ini juga dirampas oleh mereka.

Dianggarkan bahawa pihak KBBU dan tauke Cina telah menanggung kerugian sebanyak \$ 100,000 ekoran daripada serangan ini. Pada 15 Julai 1897, Hewett, iaitu pemangku Residen Pantai Barat Borneo Utara pada

masa itu telah mengeluarkan arahan untuk membakar semua kampung di sekitar Sungai Inanam. Sehari kemudian, sebuah kubu Mat Salleh telah ditawan dan sebanyak 12 buah kampung di sepanjang Sungai Inanam telah dimusnahkan oleh pasukan polis yang diketuai Hewett (Cecilia Leong, 1982 : 128-129). Tindakan beliau yang agresif ini telah dibantah oleh Sultan Brunei. Hal ini adalah disebabkan kawasan di sepanjang Sungai Inanam masih di bawah kekuasaan Sultan Brunei. Akibatnya, Sultan Brunei telah menolak tuntutan kerugian yang diminta oleh KBBU atas serangan Pulau Gaya dengan memberikan alasan bahawa baginda juga mengalami kerugian yang serupa atas serangan di sepanjang Sungai Inanam oleh Hewett (Tregonning, 1956 : 239).

Walaupun pasukan polis yang diketuai oleh Hewett menyerang kampung-kampung di sepanjang Sungai Inanam tetapi mereka gagal menangkap Mat Salleh. Mat Salleh dilaporkan telah kembali ke kawasan Sugut, Residensi Sandakan. Akan tetapi pada awal bulan November 1897, Mat Salleh dan pengikutnya telah membuat serangan mengejut di Residensi Ambong, Pantai Barat Sabah. Semua pegawai Eropah telah mengundurkan diri. Sewaktu bantuan pasukan polis yang diketuai oleh Hewett tiba di Ambong, Kota Belud; Mat Salleh dan pengikutnya telah berundur ke arah Tempasuk. Dalam pada itu, Ormsby melaporkan kepada Hewett bahawa orang Bajau di Pirasan dan Kota Belud terlibat dalam serangan kali ini. Bilangan mereka yang terlibat dianggarkan antara 80 hingga 90 orang. Hewett dan Ormsby yang berpendapat bahawa mereka yang terhabit ini patut dihukum. Hal ini disebabkan mereka telah memusnahkan kedua-dua tempat itu dan sebuah kubu pertahanan yang belum siap dibina di Kota Belud (*The British North Borneo Herald*, 1st January 1898 : 6).

Berdasarkan kedua-dua serangan secara mengejut ini, dapat disimpulkan di sini bahawa taktik perang gerila yang diamalkan oleh Mat Salleh itu agak berjaya. Pihak polis KBBU hanya dapat melepaskan geram mereka dengan memusnahkan kampung-kampung yang dibuktikan menyokong gerakan Mat Salleh. Akan tetapi mereka gagal menangkap Mat Salleh selaku ketua gerakan penentang KBBU. Sepanjang bulan Disember 1897, semua gerakan memburu Mat Salleh oleh pihak polis KBBU tertumpu di Ranau pula. Di Ranau, Mat Salleh telah membina sebuah kubu pertahanan yang teguh dan kuat. Berikut adalah gambaran mengenai Kubu Mat Salleh di Ranau yang dilaporkan oleh Hewett yang tersiar dalam *The British North Borneo Herald* (16 April 1898 : 118) :

Kubu Mat Salleh adalah luar biasa utuh dan pihak tentera Kompeni tidak dapat berbuat apa-apa tanpa menggunakan

meriam dan senjata api. Bangunannya sebesar 20 elas persegi. Dindingnya diperbuat daripada batu besar yang setebal 8 kaki, dan celah-celahnnya disumbat dengan buluh besar. Walaupun 200 kali bedilan meriam telah dibuat ke atas kubu, namun pengikut Mat Salleh masih tidak diapa-apakan.

Pegawai tinggi KBBU yang menyertai serangan terhadap Kubu Mat Salleh di Ranau terdiri daripada Jones, Barraut, Wise, Ormsby dan Hewett sendiri. Mereka dibantu oleh 250 orang anggota polis Dayak, Dusun dan 38 orang anggota polis berbangsa Sikh. Senjata berat yang dibawa bersama mereka ialah meriam berkuasa 7 pound dan 38 double shell. Gerakan penyerangan Kubu Mat Salleh di Ranau buat kali ini ternyata gagal. Apabila pasukan polis yang diketuai oleh Hewett dan Jones mendekati Kubu Mat Salleh, mereka diserang dengan dahsyatnya oleh pihak lawan. Akibatnya, Jones sendiri terkorban manakala empat orang anggota polis berbangsa Sikh dan sembilan anggota polis yang lain cedera parah. Salah seorang daripada mereka kemudiannya meninggal dunia pada hari yang sama (*The British North Borneo Herald*, 1st January 1898 : 7). Dalam serangan kali ini, Hewett sendiri mengaku kalah dengan melaporkan bahawa ramai polis Kompeni cedera pada masa itu dan ternyata mereka bukanlah lawan pihak pemberontak. Atas sebab ini mereka terpaksa mengundurkan diri dari kubu Mat Salleh (*The British North Borneo Herald*, 1 Januari 1898 : 7).

Tatkala laporan tersebut dibuat, Mat Salleh dan pengikutnya yang lain masih menguasai kubu mereka. Memandangkan adalah mustahil untuk menawan kubu Mat Salleh pada kali ini, Hewett kembali ke Sandakan untuk mendapatkan lebih banyak bekalan senjata. Sekali lagi pada 5 Januari 1898, Hewett kembali ke Ranau dengan membawa sebuah lagi meriam berkuasa 7-pound dan bekalan senapang yang mencukupi untuk menyerang kubu Mat Salleh buat kali yang kedua (*The British North Borneo Herald*, 16 April 1898 : 118).

Sementara itu, sepasukan polis Dayak telah pergi ke Bundu Tuhan (terletak tidak berapa jauh dari Ranau) setelah menerima laporan bahawa Datu Syabandar telah membawa kanak-kanak dan pengikut wanita ke sana. Malangnya, rombongan polis Dayak ini kembali ke Ranau pada 6 Januari 1898 dengan tiga daripada mereka cedera parah dan seorang terbunuh. Pada hari yang sama, ketika Hewett, Wise, Barraut, Sarjan Sowan Singh dan Sarjan Major Shere Singh keluar untuk meninjau dan merancang lokasi yang paling sesuai untuk menyerang Kubu Mat Salleh, satu das tembakan dari jarak lebih

kurang 500 elai telah menembusi jantung Sarjan Major Shere Singh (*The British North Borneo Herald*, 16 April 1898 : 118).

Pada 8 Januari 1898, pasukan polis KBBU yang diketuai Hewett mula menembak dan mengebom Kubu Mat Salleh secara bertubi-tubi dari subuh hingga ke pukul tiga petang. Namun begitu, Hewett mendapati bahawa Mat Salleh dan pengikutnya masih mampu bertahan di dalam kubu mereka. Seterusnya, Hewett melaporkan bahawa sehingga pukul 1.30 pagi, didapati musuh mereka masih bertahan di dalam kubu. Yang aneh, pada pagi keesokan harinya; kubu Mat Salleh telah pun dikosongkan. Berikut diturunkan laporan Hewett (*The British North Borneo Herald*, 16 April 1898 : 117-118) mengenai kejadian tersebut :

Hujan lebat telah berhenti menjelang waktu malam, dan pada keesokan harinya, kami tidak terdengar apa-apa suara pun dari arah kubu. Kemudian saya telah menghantar beberapa orang untuk meninjau keadaan di kubu musuh. Mereka mendapati bahawa Mat Salleh dan pengikutnya telah hilang dari situ. Jejak kaki yang dijumpai di atas tanah basah membuktikan kepada kami bahawa mereka telah melaikkan diri melalui jalan hutan yang berdekatan dengan khemah anggota tentera Dayak.

Secara keseluruhannya, didapati di sini bahawa serangan Hewett terhadap kubu Mat Salleh di Ranau merupakan satu kegagalan. Pertama, serangan beliau kali ini telah mengorbankan Jones dan Sarjan Major Shere Singh dan beberapa orang anggota polis Dayak dan Sikh. Kedua, Mat Salleh dan pengikutnya yang lain berjaya melaikkan diri pada saat-saat genting. Dengan kata lain, setelah menghabiskan sebegini banyak masa, tenaga dan sejumlah wang yang besar; misi Hewett kali ini hanya dapat menawan sebuah kubu kosong yang ditinggalkan oleh Mat Salleh.

Sebulan kemudian, seorang peribumi berketurunan Randagong yang dihantar oleh Hewett untuk menjejaki Mat Salleh telah kembali ke Ranau. Ia melaporkan kepada Hewett bahawa Mat Salleh dan pengikutnya kini berada di Lowanti. Menurut pemberi maklumat yang sama, Mat Salleh telah menghantar pengikutnya ke Tambunan untuk meninjau sama ada orang Tambunan akan menerima atau tidak. Hasil peninjauan orang Mat Salleh mendapati separuh daripada orang Tambunan ingin berkecuali manakala separuh lagi akan menyokong gerakan penentangannya terhadap KBBU dengan syarat Mat Salleh membina kubu di luar kampung mereka.

Dengan maklumat ini dan setelah memusnahkan dua buah kubu Mat Salleh di Bundu Tuhan, Hewett dan pegawai KBBU yang lain mula bergerak kembali ke arah Pantai Barat Sabah. (Wookey, 1956 : 417-418).

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa penentangan Mat Salleh di Pantai Barat Borneo Utara merupakan satu kejayaan. Pertama, beliau telah mengejutkan pihak KBBU dengan menyerang dan memusnahkan pelabuhan utama KBBU di Pantai Barat Borneo Utara, iaitu Pulau Gaya pada 9 Julai 1897. Ekoran daripada itu, beliau juga berjaya membuat serangan mengejut ke atas Ambong di Kota Belud dan kemudian melarikan diri pada bulan November 1897. Ketiga, serangan terhadap kubu Mat Salleh yang diketuai oleh Hewett antara Disember 1897 hingga Januari 1898 di Ranau ternyata merupakan satu kegagalan. Semua perkembangan tersebut ternyata membuktikan kekuatan dan ketahanan yang ada pada pihak Mat Salleh.

Pertempuran demi pertempuran antara polis KBBU dengan Mat Salleh yang berpanjangan itu menyebabkan ada pegawai atasan KBBU yang ingin menyelesaikan perbalahan itu di meja rundingan. Salah seorang daripadanya ialah William Clarke Cowie (*Managing Director*) KBBU pada masa itu. Secara peribadi, Cowie berpendapat bahawa penentangan KBBU yang diketuai oleh Mat Salleh sepatutnya diselesaikan di meja rundingan dan kemudian menjadikan Mat Salleh dan pengikutnya berkhidmat untuk pihak KBBU pula. Untuk tujuan itu, Cowie sendiri telah melawat semula Borneo Utara pada awal 1898 untuk bertemu dengan Mat Salleh. Niat Cowie untuk menyelesaikan perbalahan di antara Mat Salleh dengan KBBU melalui rundingan jelas tercatat dalam bahagian pengenalan suratnya yang ditujukan kepada Mat Salleh seperti berikut (Wookey, 1956 : 419-420) :

Setelah menyedari apa yang telah berlaku di Borneo Utara sejak dua tahun yang lalu, saya datang dari Eropah dengan harapan dapat menyelesaikan permusuhan di antara anda dengan Kompeni. Saya berasa sedih atas semua pihak yang terkorban semata-mata kerana permusuhan ini. Saya juga prihatin akan keselamatan anda dan pengikut-pengikut anda

Dari segi latar belakang, Cowie merupakan orang yang terbaik untuk berunding dengan Mat Salleh disebabkan beliau merupakan rakan karib kepada Sultan Sulu. Dalam surat yang sama, Cowie menulis (Wookey, 1956 : 420) :

Saya telah meminta Sultan Sulu supaya menghantar sepucuk surat rasmi Kompeni untuk perhatian isteri anda. Bapa mertua anda adalah rakan karib saya sejak saya melawat Sandakan dan Lingkabau sebelum Kompeni Berpiagam Borneo Utara mengambil alih pentadbiran di Sabah daripada Sultan Sulu dan Sultan Brunei. Dalam surat itu, Sultan Sulu ada menyatakan kepada isteri anda bahawa anda boleh percaya akan saya .

Untuk meyakinkan Mat Salleh tentang niat baik yang ada pada Cowie, Sultan Sulu sendiri telah menulis sepucuk surat ringkas kepada Dayang Bandang, isteri Mat Salleh yang telah diterjemahkan seperti berikut (Wookey, 1956 : 421):

Sukacitanya dimaklumkan bahawa beta melawat Sandakan sepuluh hari yang lalu. Semasa berada di Sandakan, beta telah bertemu dengan seorang sahabat karib yang datang dari London. Beliau ialah encik Cowie. Beta berasa sungguh gembira atas kedatangan beliau ke Sandakan disebabkan beta menganggapnya sebagai bapa beta sendiri, iaitu Sultan Mohamad Jemalah. Beta yakin bahawa encik Cowie tidak akan menganiayai anakanda. Semoga anakanda dapat berjumpa dengannya seberapa segera yang boleh untuk menyelesaikan masalah yang timbul selama ini.

Jika diteliti, surat yang diutus oleh Sultan Sulu kepada Dayang Bandang itu berjaya memberikan keyakinan kepada Mat Salleh untuk berjumpa dan seterusnya berunding dengan Cowie. Ekoran daripada itu, Mat Salleh telah membalias surat Cowie dengan mengatakan bahawa beliau kini sedang berada di Mangis (berdekatan dengan Tambunan). Dalam surat , Mat Salleh juga menyatakan bahawa beliau ingin berjumpa dengan Cowie tetapi isterinya, Dayang Bandang takut akan ancaman pasukan polis yang berada di sekeliling Tambunan. Pada 14 April 1898, dua orang pembawa berita dari Tambunan melaporkan kepada Cowie bahawa Mat Salleh akan tiba di Menggatal dalam masa tiga hari lagi. Pembawa berita itu juga mengatakan Mat Salleh akan meninggalkan isterinya di Tambunan dan ia hanya akan diiringi oleh dua puluh orang pengikut ke Menggatal. Pada 18 April 1898, Pangeran Kahar yang berada di Menggatal melaporkan kepada Cowie bahawa Mat Salleh dan rombongannya sudah pun tiba. Oleh itu, pertemuan di antara Mat Salleh dengan Cowie ditetapkan sehari selepas itu. (Wookey, 1956 : 421).

Cowie sendiri melaporkan bahawa lawatan beliau ke Ulu Menggatal untuk berunding dengan Mat Salleh diiringi oleh Pangeran Kahar dan pengikutnya yang berjumlah seramai 250 orang semuanya. Di pihak Mat Salleh pula, beliau mempunyai pengikut asal berjumlah lebih kurang 20 orang. Akan tetapi, orang Tambunan dan orang kampung lain telah menyertai mereka di sepanjang perjalanan; apabila sampai di Ulu Menggatal, bilangan pengikutnya sudah menjadi seramai 300 orang semuanya. Seterusnya Cowie (Wookey, 1956 : 422) melaporkan :

Mat Salleh memakai topi keemasan, baju sulaman panjang berwarna hijau bersama-sama dengan seluar panjang gaya Sulu. Tubuhnya tidak dilengkapi sebarang senjata. Kelakuan mulianya pada pertemuan ini menyebabkan aku berasa aku sedang berhadapan dengan seorang Rob Roy Borneo Utara yang hebat. Oleh itu, dengan serta merta aku memberikan satu tabik kepadanya.

Dalam rundingan dengan Cowie secara lisan kali ini, Mat Salleh memberitahu Cowie bahawa tindakan Haji Otang di Sandakan merupakan punca kepada segala masalah yang beliau hadapi selama ini. Selain memberikan satu gambaran yang salah kepada pegawai yang mentadbir di daerahnya; Haji Otang juga mempengaruhi pihak KBBU untuk menentangnya. Jadi, apabila Mat Salleh ingin mengemukakan masalahnya kepada pihak berkuasa KBBU di Sandakan; salah faham telah pun timbul di pihak KBBU terhadapnya. Kedua, Mat Salleh meminta agar semua pengikutnya yang telah dipenjarakan itu dibebaskan dengan segera. Dan ketiga, mereka semua dibenarkan untuk menetap di Inanam.

Sehubungan dengan permintaan Mat Salleh itu, Cowie memberitahunya bahawa pihak KBBU tidak dapat membebaskan semua pengikutnya yang telah dipenjarakan atas sebab kesalahan jenayah. Kedua, buat masa sekarang adalah tidak sesuai untuk Mat Salleh dan pengikutnya yang lain untuk menetap di kawasan Inanam. Namun begitu, Mat Salleh dan pengikutnya dibenarkan tinggal di Tambunan atau di mana-mana bahagian di pedalaman kecuali Ulu Sugut dan Labuk. Menurut Cowie lagi, setelah Mat Salleh berbicara dengan pengikutnya; beliau bersetuju dengan kata-katanya tadi. Tambahan pula, Cowie meminta agar Mat Salleh menyerahkan semua *rifles* yang dirampasnya dari Pulau Gaya kepada kerajaan. Syarat ini juga diterima oleh Mat Salleh. Akhir sekali, Cowie memberitahu Mat Salleh bahawa jika dalam tempoh setahun ini ia dapat memastikan tempat ini aman atau berbaik-baik dengan kerajaan,

maka Cowie akan memberikannya hadiah dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengurusan untuk melantiknya sebagai Ketua Daerah di Borneo Utara (Wookey, 1956 : 423-424).

Rundingan peringkat pertama secara lisan antara Cowie dan Mat Salleh nampaknya agak berjaya. Ekoran daripada itu, satu upacara menaikkan bendera KBBU telah diadakan di Sungai Menggatal pada 22 April 1898. Pegawai atasan KBBU yang menghadiri upacara menaikkan bendera KBBU ini terdiri daripada Gabenor L.P Beaufort, Cowie, Wise dan Pearsin bersama-sama sekumpulan kecil anggota polis Sikh dan anggota marin kapal H.M.S Swift. Ketua tempatan yang hadir dalam majlis ini ialah Pangeran Kahar dan pengikutnya. Semasa memberikan ucapan, Cowie memberitahu para hadirin bahawa keamanan akan tercapai dengan perdamaian secara rasmi antara KBBU dengan Mat Salleh. Seterusnya Cowie juga memberitahu sidang hadirin bahawa KBBU telah mengambil alih Sungai Inanam dan tindakan itu akan membawa manfaat kepada semua pihak. Dilaporkan juga bahawa Pangeran Kahar kemudian bertanyakan penyokongnya sama ada mereka menerima semua peraturan yang ditetapkan oleh KBBU. Semua penyokong Pangeran Kahar dikatakan bersetuju dengan peraturan-peraturan KBBU. (Wookey, 1956 : 426).

Kemudian, Mat Salleh dilaporkan muncul di tempat itu dengan sebuah bendera putih dan diiringi oleh dua orang ketua tempatan tanpa sebarang senjata. Lalu Cowie pergi menyambut kedatangan mereka dan membawa mereka ke tengah-tengah tempat perhimpunan. Dalam majlis tersebut Mat Salleh memberitahu hadirin bahawa mulai dari hari itu ia berada di pihak kerajaan. Jadi, sebarang kekacauan yang berlaku selepas itu tiada kena mengena dengannya. Seterusnya, Mat Salleh telah bersumpah menggunakan al-Quran. Pada masa yang sama ada orang mencadangkan supaya Mat Salleh diberikan penghormatan untuk menaikkan bendera KBBU. Beliau bersetuju dengan cadangan itu lalu menaikkan bendera KBBU. Selepas berjabat tangan dengan semua hadirin, Mat Salleh dan pengikutnya menyeberangi sungai ke arah rumah Pangeran Kahar untuk mendapatkan surat berkelakuan baik yang dikeluarkan oleh Gabenor. Pada sebelah petang, Mat Salleh telah mengembalikan tiga pucuk *rifles* sebagaimana yang dipersetujui dan menghadiahkan kepada Cowie dan Gabenor dua bilah pedang dengan pesanan bahawa beliau lebih rela mati di tangannya sendiri daripada mencabuli perjanjian yang telah dibuatnya bersama Cowie. (*The British North Borneo Herald*, 2 May 1898 : 134).

Ekoran daripada itu, satu perjanjian bertulis yang bertarikh 23 April 1898 telah disiapkan dan dihantar kepada Mat Salleh untuk

ditandatanganinya. Saksinya ialah Pangeman Kahar. Berikut adalah syarat-syarat perjanjian antara KBBU dengan Mat Salleh (*The British North Borneo Herald*, 2 May 1898 : 134) :

Kepada Muhammad Salleh :

Memandangkan anda telah berdamai dengan kerajaan maka pihak kerajaan telah bersetuju untuk memberikan keistimewaan seperti berikut kepada anda :

- i. *Anda dan semua pengikut yang lain telah dimaafkan atas kesalahan menentang kerajaan Kompeni, namun demikian pengikut anda yang telah melarikan diri dari penjara dan melakukan perbuatan jenayah tidak akan dimaafkan.*
- ii. *Syabandar dan Mallam akan dibebaskan dari Penjara Sandakan dengan segera jika mereka masih terkurung di situ.*
- iii. *Pengikut anda yang berasal dari Inanam dibenarkan kembali ke tempat asalnya. Memandangkan ada antara mereka yang mungkin menimbulkan masalah di situ kelak, mereka ini tidak dibenarkan kembali ke Inanam buat masa ini sehingga O.K.K Serail atau Pegawai Daerah di situ memberikan kebenaran untuk mereka berbuat demikian kelak.*
- iv. *Mat Salleh dibenarkan menetap di Tambunan, atau di tempat-tempat lain di pedalaman Sabah kecuali di sekitar Sungai Sugut dan Sungai Labuk. Kerajaan berharap Mat Salleh akan menggunakan pengaruhnya untuk mempengaruhi penduduk di situ agar memihak kepada kerajaan pada masa yang akan datang.*
- v. *Sekiranya diminta oleh kerajaan, Mat Salleh haruslah membantunya untuk menangkap penjenayah yang telah melakukan kesalahan jenayah.*
- vi. *Mat Salleh haruslah sentiasa membekalkan maklumat yang diperlukan oleh kerajaan.*
- vii. *Sekiranya Mat Salleh datang ke sekitar pinggir laut, ia haruslah melaporkan kepada Pegawai Daerah terlebih dahulu.*

Semua perkembangan sebagaimana yang dibincangkan menunjukkan seolah-olah perjanjian damai yang dibuat antara Cowie dan Mat Salleh berjalan lancar tanpa sebarang masalah. Kedua, Mat Salleh kelihatan begitu

rela menerima syarat perdamaian yang ditetapkan oleh KBBU walaupun syarat (i) hingga (vii) dalam perjanjian tersebut bukan semuanya menguntungkan Mat Salleh dan pengikutnya. Jika diamati, rundingan antara Cowie dan Mat Salleh bukanlah selancar seperti yang dibincangkan. Sebenarnya, cadangan Cowie untuk berunding dan kemudian berdamai dengan Mat Salleh mendapat tentangan daripada kebanyakan ahli Lembaga Pengurusan KBBU. Dalam pada itu, Criswell dalam *The Mat Salleh Rebellion Reconsidered* (1971 : 159-160) mencatatkan :

Cowie sebenarnya belum mendapat sokongan sebulat suara daripada semua ahli Lembaga Pengarah Kompeni. Didapati sesetengah antara mereka tidak yakin akan tindakan yang diambil oleh Cowie. Mereka ini memihak kepada cadangan Gabenor Beaufort agar meminta bantuan tentera daripada kerajaan British untuk menghapuskan pemberontakan Mat Salleh dengan sepenuhnya.

Ekoran daripada itu, dilaporkan bahawa beberapa orang pegawai KBBU yang lain telah meletakkan jawatan sebagai bantahan terhadap tindakan yang telah diambil oleh Cowie untuk berunding dengan Mat Salleh. Alexander Rankin Dunlop, iaitu Residen Pantai Barat Borneo Utara pada masa itu dalam diariinya (1898 : 107) yang bertarikh 26 April 1898 mencatatkan :

Wise telah memohon untuk meletak jawatannya atas hal ehwal yang berkait rapat dengan pemberontakan Mat Salleh. Cowie telah berbincang dengannya dan memujuk agar ia jangan letak jawatan terlebih dahulu namun Wise sudah tetap dengan pendiriannya. Kemudian Cowie meminta saya untuk memujuk Wise agar mengubah pendiriannya. Saya memberitahu Cowie bahawa saya tidak mempunyai sebarang pengaruh atas Wise, dan kalau bukan kerana saya masih berhutang dengan Kompeni, saya juga akan mengambil tindakan yang sama seperti Wise.

Kebanyakan pegawai tinggi KBBU membantah tindakan berbaik-baik dengan Mat Salleh yang diambil oleh Cowie atas sebab peribadi yang tertentu. *The British North Borneo Herald* (16 Februari 1899 : 58) melaporkan bahawa sesetengah orang beranggapan bahawa kedudukan

Mat Salleh di Borneo Utara adalah lebih tinggi daripada Gabenor Kompeni; sesetengah orang pula beranggapan bahawa Cowie telah menjadi Raja Pantai Barat Borneo Utara di samping berperanan sebagai Gabenor di Residensi Sandakan. Seterusnya, Black (1983 : 151) telah memberikan komentar terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Cowie dalam menyelesaikan masalah penentangan Mat Salleh dengan mengatakan :

Berdasarkan satu pengumuman yang dibuat dari London, tugas rasmi yang diamanahkan kepada Cowie dalam lawatannya ke Borneo adalah untuk menyelesaikan beberapa masalah utama seperti pembinaan jalan keretapi, kelemahan dalam sistem telegraf, masalah carigali galian dan hal-hal lain yang berkaitan dengan industri pertanian. Namun setibanya di Borneo, beliau telah terbawa-bawa oleh masalah di antara Mat Salleh dengan Kompeni pula.

Tambahan daripada itu, Black (1983 : 161) memberitahu kita bahawa Gabenor Beaufort dan pegawai-pegawai tinggi KBBU yang lain membantah tindakan Cowie itu atas sebab kebencian mereka terhadap Mat Salleh selama ini. Pada mereka, Mat Salleh patut dihukum berdasarkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan olehnya pada masa yang lepas. Seterusnya, walaupun laporan yang dibuat oleh Cowie tentang rundingannya dengan Mat Salleh kelihatan agak cemerlang, namun pada 20 April 1898 (sehari selepas perundingan secara lisan antara Cowie dan Mat Salleh selesai); dilaporkan Mat Salleh dengan lebih kurang 200 orang pengikut yang bersenjata telah berjumpa dengan Cowie dan Gabenor semula. Kali ini, Mat Salleh telah mengemukakan semula kedua-dua permintaan yang ditolak oleh Cowie sehari sebelumnya, yakni (i) membebaskan semua pengikutnya yang ditahan di dalam penjara, dan (ii) menyerahkan kawasan di sekitar Ulu Sugut dan Ulu Inanam kepada mereka. Dalam pada itu, Mat Salleh memberitahu Cowie bahawa ia membuat tuntutan atas kedua-dua kawasan itu dengan Sultan Sulu dan Sultan Brunei dan bukannya dengan pihak KBBU. Sehubungan permintaan (i), Cowie menegaskan sekali lagi bahawa hanya Syabandar dan Malam akan dibebaskan (memandangkan usia mereka sudah tua). Berkenaan tuntutan (ii), Cowie memberitahunya bahawa ini merupakan kali pertama beliau diberitahu tentang kesangsian yang timbul terhadap hak Kompeni di atas kedua-dua kawasan tersebut. Akibatnya, sebaik sahaja Cowie meninggalkan Borneo Utara pada 20 Mei 1898, ada pihak yang melaporkan

Mat Salleh mula mencabuli kandungan perjanjian yang dibuat olehnya dengan pihak KBBU pada 20 April 1898. (Tarling, 1985 : 61).

Upacara menaikkan bendera KBBU oleh Mat Salleh sebagaimana yang dilaporkan dalam *The North Borneo Herald* bertarikh 2 Mei 1898 sebenarnya bercanggah dengan satu lagi laporan yang tersiar dalam akhbar yang sama bertarikh 16 November 1933. Dalam akhbar ini (16 November 1933 : 208), dilaporkan bahawa Mat Salleh telah dijemput untuk menaikkan bendera. Seorang saksi yang berada di tempat kejadian mengatakan bahawa pada ketika itu Mat Salleh bertanyakan bendera siapa ini. Kemudian ia melihat ke arah bendera dan mendapat bahawa logo bendera merupakan logo Kompeni Berpiagam. Lalu Mat Salleh mengatakan bahawa dirinya telah ditipu oleh pihak Kompeni. Berikut merupakan laporan (*The British North Herald*, 16 November 1933 : 208) yang dimaksudkan ini :

"Bukan ini bendera yang saya akui. Sekarang aku kena tipu. Jikalau begitu baiklah aku naik ke darat dan berperang lagi."

Laporan ini ternyata bercanggah dengan laporan sebelumnya yang menyatakan Mat Salleh secara suka rela menaikkan bendera KBBU dengan tangannya sendiri. Hal ini terbukti apabila timbulnya masalah lagi apabila Gabenor L.P. Beaufort menulis semula perjanjian antara KBBU dengan Mat Salleh. Mat Salleh menuntut bahawa Cowie telah bersetuju untuk membebaskan semua pengikutnya manakala L.P. Beaufort menegaskan bahawa pengampunan itu tidak melibatkan penjenayah yang telah melarikan diri dan kemudian menyertai Mat Salleh. Dalam perkembangan ini, Crisswell (1971: 161) menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah Kompeni Berpiagam Borneo Utara di London beranggapan bahawa Mat Salleh telah melanggar perjanjian yang dibuatnya dengan pihak Kompeni. Atas alasan ini, mereka telah meminta agar sebuah perahu perang dari Negeri-Negeri Selat dihantar ke Borneo Utara untuk menghapuskan pemberontakan Mat Salleh.

Cowie terus membantah tindakan ini dengan memberikan alasan bahawa perjanjian KBBU dengan Mat Salleh masih belum dicabuli. Akan tetapi, ahli Lembaga Pengurusan KBBU yang lain tidak bersetuju dengan pandangannya dan mencadangkan agar Gabenor Beaufort meminta pandangan terus daripada Swettenham di Negeri-Negeri Selat mengenai masalah ini. Cowie yang kemudian pulang ke London telah berjaya dalam polisi diplomasinya. Lalu beliau mengingatkan pegawai-pegawai KBBU

di Borneo Utara untuk menepati perjanjian yang dibuat oleh Kompeni dengan Mat Salleh. Malang sekali, permusuhan antara pegawai KBBU yang bertugas di Borneo Utara dengan Mat Salleh berterusan (Crisswell, 1971 : 161). Buat kali ini, permusuhan antara Mat Salleh dengan KBBU tertumpu di daerah Tambunan pula.

Sebelum Mat Salleh berunding dengan Cowie, beliau telah menghantar pengikutnya pergi ke daerah Tambunan untuk bertanyakan sama ada dua suku Dusun yang tinggal di sana menyambut kedatangannya. Pengikut yang dihantar ke sana melaporkan bahawa suku Dusun Tegahas akan menyertainya jika beliau membina kubunya di luar kampung mereka. Di satu pihak yang lain, suku Dusun Liwan tidak mahu menjalin sebarang hubungan dengan Mat Salleh. Dari segi latar sejarah, suku Dusun Tegahas dan suku Dusun Liwan di daerah Tambunan sering bermusuhan antara satu sama lain. Pertempuran demi pertempuran secara gerila antara mereka sudah pun berlaku sejak beberapa tahun yang lalu. Kendatipun perjanjian damai antara kedua-dua suku Dusun ini telah ditandatangani, namun perbalahan antara mereka belum selesai sepenuhnya ketika Mat Salleh tiba di Tambunan. (Black, 1983 : 162).

Perjanjian yang dibuat antara Mat Salleh dengan Cowie pada April 1898 membenarkan Mat Salleh tinggal di daerah Tambunan atau pun di daerah pedalaman kecuali di kawasan Ulu Sugut dan Labuk. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, Mat Salleh dan pengikutnya dilarang untuk tinggal di Inanam. Jadi, Mat Salleh memilih untuk tinggal di Tambunan. Menurut Tregonning, dengan membenarkan Mat Salleh tinggal di Tambunan; Cowie sebenarnya memberikan kawasan yang bukan dimiliki Kompeni. Hal ini disebabkan Tambunan ialah sebuah kawasan yang bebas daripada kekuasaan KBBU. (Tregonning, 1956 : 27).

Boleh dikatakan bahawa ketibaan Mat Salleh di Tambunan mendapat reaksi yang bercampur-campur di kalangan suku Dusun yang tinggal di situ. Pertama, suku Dusun Tegahas telah menyertai Mat Salleh dengan membantunya membina beberapa buah kubu pertahanan. Di satu pihak yang lain, suku Dusun Liwan memandang keadaan seperti ini sebagai satu ancaman yang amat bahaya kepada mereka. Perkembangan ini menyebabkan suku Dusun Liwan berasa risau dan mereka menghantar wakil mereka ke Labuan untuk meminta bantuan dan perlindungan daripada Gabenor KBBU. (Wookey, 1956 : 431).

Menurut Black (1983 : 162-163), perkembangan yang sedemikian seterusnya mengakhiri status kedaulatan suku Dusun Liwan atas Tambunan

yang dimiliki oleh mereka selama ini. Dilaporkan juga Mat Salleh telah menggunakan buruh paksaan untuk membina kubu pertahanannya. Sesiaapa yang enggan menolongnya dikatakan akan didenda seekor kerbau. Struktur kubu itu dilaporkan mempunyai dinding batu, lubang di bawah tanah dan setinggi dua tingkat. Rumah Mat Salleh terletak di dalam kubu (Wookey, 1956 : 429). Gabenor L.P. Beaufort berasa bimbang dengan semua perkembangan negatif ini. Jadi, dalam membalas mesej Mat Salleh pada 27 Disember 1898, beliau menasihati Mat Salleh supaya meninggalkan Tambunan. Dalam surat yang sama juga Gabenor L.P. Beaufort mengingatkan Mat Salleh sekali lagi bahawa jika ia dapat menunjukkan kelakuan yang baik selama setahun; hadiah akan diberikan kepadanya dan beliau sendiri akan menolongnya untuk menunaikan hajatnya pergi naik haji di Mekah. (Wookey, 1956 : 431).

Pada 15 Januari 1899, Gabenor Beaufort yang diiringi oleh Pegawai Daerah Keningau, F.W Fraser telah melawat Tambunan. Ketika inilah Gunsanad, iaitu ketua suku Dusun Liwan menjalankan upacara mengangkat sumpah untuk menyertai pihak KBBU. Dilaporkan oleh Gabenor sendiri bahawa seekor kerbau telah dikorbankan. Pada 19 Januari pula, Gabenor yang diiringi oleh Fraser telah pergi ke Sungai Pegalan, Kampung Taboh untuk bertemu dengan Mat Salleh. Dalam perjumpaan kali ini, Mat Salleh memberitahu Gabenor bahawa beliau dan suku Dusun Tegahas tidak berniat untuk menyerang suku Dusun Liwan. Punca utama perbalahan antara mereka adalah disebabkan suku Dusun Liwan memberi sokongan kepada bekas dua orang kanannya, iaitu Abdul Rahman dan Khatib Banjam yang kini sedang berbalah dengannya. Untuk menyelesaikan masalah ini, Gabenor memberikan jaminan kepada Mat Salleh bahawa beliau akan mengarahkan kedua-dua orang musuhnya keluar dari daerah Tambunan. Di satu pihak yang lain, Mat Salleh pula memberikan jaminan kepada Gabenor bahawa beliau akan memusnahkan kubu-kubu yang bertujuan untuk menyerang kampung suku Dusun Liwan. Pertemuan antara Gabenor Beaufort dengan Mat Salleh kali ini dikatakan sangat berjaya. Sebagai buktinya, perhatikan perenggan pertama sepucuk surat yang dikirimkan oleh Cowie kepada Gabenor L.P. Beaufort (Wookey, 1956 : 433) berhubung dengan kejayaan tersebut :

Saya berasa amat gembira atas laporan yang terkandung dalam sepucuk telegram yang dihantar melalui Residen di Labuan. Didapati penduduk tempatan di Tambunan mulai memihak kepada kerajaan dan mereka telah bersetuju untuk

membayar cukai kepala yang dikenakan ke atas mereka. Saya juga berasa gembira setelah diberitahu bahawa anda telah melawat Mat Salleh di kubunya. Yang penting adalah ia telah mengalu-alukan kedatangan anda ke kubunya. Tahniah diucapkan kepada kejayaan anda dalam menjaga keamanan di Tambunan.

Akan tetapi, kegembiraan yang dialami oleh Cowie nampaknya tidak berpanjangan. Beberapa minggu selepas itu, kekacauan antara penyokong Mat Salleh dengan suku Dusun Liwan timbul semula. Kali ini, dilaporkan bahawa Mat Salleh dan suku Dusun Tegahas menyerang penduduk di sebelah Sinsuran. Serangan itu dilakukan ketika suku Dusun Liwan sedang mengerjakan sawah mereka. Pihak Dusun Liwan kehilangan lebih kurang 80 ekor kerbau dan sejumlah 30 orang dikatakan terkorban dalam serangan kali ini. Pihak Mat Salleh dan suku Dusun Tegahas pula tidak banyak mengalami kerugian dalam kejadian ini. Demi menyelesaikan masalah ini, Fraser sekali lagi pergi ke Tambunan untuk berunding dengan Mat Salleh. Walaupun Mat Salleh memberi jaminan bahawa beliau dan pengikutnya akan memastikan kejadian yang sama tidak akan berulang. Secara peribadi, Fraser tidak banyak menaruh harapan terhadap jaminan Mat Salleh ini. Jadi, beliau meminta agar pihak KBBU menduduki Tambunan segera segera yang boleh. (Wookey, 1956 : 434).

Dalam hal yang sama, Cowie telah memutuskan untuk mendirikan sebuah pangkalan KBBU di Lembah Tambunan pada bulan Jun 1899. Gabenor KBBU disuruh untuk memaklumkan kepada Mat Salleh bahawa beliau dan beberapa orang ketua tempatan yang lain akan membantu Fraser dalam menjalankan pentadbiran di Lembah Tambunan. Mat Salleh menentang keras tindakan ini (Tregonning, 1956 : 28). Black (1983 : 164-165) mencatatkan bahawa Fraser kembali ke Tambunan pada 18 Oktober 1899 dan mula membina pangkalan KBBU tidak jauh dari kubu Mat Salleh dengan bantuan suku Dusun Liwan. Sehubungan hal ini, Mat Salleh menulis sepuak surat bantahan kepada Fraser dengan mengatakan bahawa pihak KBBU secara sengaja ingin menentangnya. Tambahan pula, pihak KBBU sudah mengambil Sandakan dan Labuk daripadanya, dan kini mereka mahu merampas Tambunan daripadanya pula. Fraser membala suratnya dengan memberikan penjelasan bahawa tujuan sebenar KBBU membina pangkalan di situ adalah untuk membantunya dan mengelakkan suku Dusun Liwan terus diserang oleh suku Dusun Tegahas.

R.M. Jasni (1981:90) pula mencatatkan bahawa Mat Salleh menganggap pembukaan pangkalan KBBU di Tambunan itu satu pencabulan terhadap Perjanjian Perdamaian Menggatal 1898 antara beliau dengan Cowie. Seterusnya, Crisswell (1971 : 161) mencatatkan bahawa terdapat khabar angin yang tersebar mengatakan pihak KBBU menawarkan sejumlah wang untuk menangkap Mat Salleh. Tambahan pula, Wookey (1956 : 437) mencatatkan :

Pada bulan September, Fraser menyedari bahawa Mat Salleh sedang merancang untuk menyerang daerah Keningau. Sebulan kemudian, dilaporkan kepada Kompeni bahawa Mat Salleh dengan secara rahsianya telah melawat Lawas (Sarawak) untuk membeli sejumlah besar senjata api. Dalam laporan ini juga dinyatakan bahawa tidak lama kemudian Mat Salleh akan menyerang Residensi Sandakan.

Dalam keadaan yang cemas ini Cowie masih berpegang kepada pendiriannya yang asal, yakni cuba menyelesaikan perbalahan antara KBBU dengan Mat Salleh secara aman tanpa sebarang pertumpahan darah. Secara jujur Cowie mengakui bahawa pihak KBBU masih berhutang dengan Mat Salleh dari segi pembayaran elauan yang dijanjikan sebelumnya. Akan tetapi, sepucuk surat bertarikh 29 November 1899 yang ditulis oleh Mat Salleh kepada Fraser dikatakan oleh Wookey telah menyebabkan Fraser mengubah cara penyelesaian perbalahan antara pihaknya dengan Mat Salleh (Wookey, 1956 : 442). Perhatikan surat berkenaan yang diterjemahkan oleh R.M. Jasni (1981 :94) seperti berikut :

Kepada Fraser, 29 November 1899 :

Surat ini datang daripada Paduka Muhammad Salleh sekarang ini mendirikan kerajaan sendiri di Tambunan dengan selamatnya. Mudah-mudahan surat ini dapat sampai kepada perintah. Seperti hajat perintah mahu jumpa Muhammad Salleh, saya banyak senang hati mahu jumpa Gabenor atau Cowie, tetapi susah kerana saya tidak dapat tinggalkan Tambunan.

Muhammad Salleh sakit kuat pada masa ini dan tidak dapat duduk atau makan. Kalau tuan mahu ada kacau atau mahu perang, lebih bagus lekas datang lawan, sebab Mat Salleh

sakit kuat, dan tuan sihat dan kuat. Tentu boleh senang dapat tangkap Mat Salleh. Dan kalau tuan ada hajat ambil Tambunan, Muhammad Salleh boleh ambil Sandakan dan Labuan. Muhammad Salleh tidak tipu perintah dan jangan cuba tipu Muhammad Salleh dan ambil Negeri ini. Kalau tuan mahu langgar kubu ini, tolong kirim surat.

Ketegangan yang sebenarnya antara pihak KBBU dan Mat Salleh dikatakan berlaku pada Disember 1899. Treggong dalam *The Mat Salleh Revolt* (1956 : 32) mencatatkan bahawa pada bulan Disember 1899, terdapat seorang pembawa utusan Kompeni yang berketurunan Bajau dan seorang lagi berketurunan Dayak dari Papar telah dibunuh oleh tiga orang pengikut Mat Salleh. Dengan serta merta pihak berkuasa di Papar telah mendirikan kubu pertahanan sementaranya dengan bantuan tenaga daripada 200 orang penduduk tempatan. Khabar angin yang mengatakan bahawa terdapat 200 orang Bajau sedang dalam perjalanan untuk menyerang Papar ini telah tersebar sehingga ke Putatan. Akibatnya semua kedai Cina di Putatan ditutup, dan bersama-sama dengan penduduk tempatan yang lain, mereka telah mlarikan diri ke arah pantai untuk mencari perlindungan.

Pada masa yang hampir sama, Gabenor L.P. Beaufort telah mengambil cuti panjang dan selepas itu meletakkan jawatan sebagai Gabenor KBBU. Tiga orang pegawai tinggi, iaitu Alexander Cook (*Treasurer General*), E.P. Gueritz (*Chief Judicial Officer*) dan R. Little (*Resident, West Coast*) terpaksa bergabung untuk mentadbir KBBU. Seterusnya Tregonning (1956 : 243) mencatatkan bahawa perkembangan terkini ini menyebabkan Cowie mengambil sikap lepas tangan dalam hal ehwal semasa di Borneo Utara lalu memberitahu Cook bahawa memandangkan ia sendiri tidak boleh berbuat apa-apa lagi, jadi Cook dibenarkan mengambil sebarang tindakan yang difikirkannya wajar ke atas Mat Salleh. Lalu pada 15 Disember 1899, Lembaga Pengurusan dari London telah membenarkan Cook menyerang kubu Mat Salleh demi keselamatan Residensi Sandakan. (Wookey, 1956: 443).

Pada 18 Disember 1899, Kapten Harrington telah mengetuai satu rombongan polis KBBU yang terdiri daripada 140 orang anggota polis dan 550 orang pembawa barang bertolak dari Pantai Barat Sabah menuju ke arah Tambunan untuk membuat serangan balas terhadap Mat Salleh. Rombongan Kapten Harrington tiba di Tambunan pada 31 Disember 1899. Sejurus selepas itu mereka terus mendirikan khemah

dan mengepung kubu-kubu Mat Salleh (Wookey, 1956 : 444). Pertempuran di antara pihak polis KBBU yang diketuai oleh Kapten Harrington dengan pihak Mat Salleh pun bermula. Pada 10 Januari 1900, Alexander Rankin Dunlop, iaitu Residen Pantai Barat Borneo mengetuai satu pasukan polis KBBU yang lain menuju ke Tambunan untuk membantu Kapten Harrington. Perhatikan catatan peribadi dalam *Diari Dunlop* (1898-1904 : 145) seperti berikut :

Beberapa orang penduduk tempatan menyatakan bahawa Mat Salleh telah dikepung oleh pasukan tentera yang diketuai oleh Harrington, tapi khabar angin yang sebegini sukar nak dipercayai. Kalau aku ada kelengkapan senjata yang mencukupi, aku akan menyerang suku Tegaas dari sini, malang sekali aku hanya mempunyai sejumlah 40 orang anggota tentera. Kemudian aku mengarahkan anggota tentera Dayak menyerang kubu Mat Salleh melalui sawah padi, dalam perjalanan kami bertemu dengan Fraser dan Dansey yang membawa bersama-sama dengan mereka anggota tentera Silk. Atas sebab malam semakin menjelang, kami terpaksa kembali ke khemah untuk beristirehat.

Pada 21 Januari 1900, pihak polis KBBU menuju ke Kampung Taboh dan Kampung Kelansatan untuk mengebom kubu Mat Salleh dan kubu Mat Sator serentak. Pengemboman buat kali yang kedua menyebabkan kubu Mat Sator terbakar. Salah seorang pengikut Bajau terkorban dan tujuh lagi pengikut Mat Salleh tercedera. Berikutan daripada kermalangan itu, Mat Sator dan pengikutnya yang masih hidup terpaksa berundur ke kubu induk Mat Salleh. Kemudian pada 22 Januari 1900, pasukan polis KBBU menumpukan penyerangan sepenuhnya terhadap kubu Mat Salleh. Kali ini, kubu Mat Salleh berjaya dikepong dari tiga sudut, yakni Lokasi Serangan No 1, di sebelah selatan; Lokasi Serangan No 2, di sebelah barat dan Lokasi Serangan No 3, di sebelah utara. Pada hari yang sama, 20 orang anggota polis India tambahan telah tiba dari Labuan (Wookey, 1956 : 445). Pertahanan pihak Mat Salleh masih teguh, maka pada 25 Januari 1900, pasukan penyerang pihak KBBU telah diarahkan untuk menampang Sungai Pengkalan yang membekalkan air ke dalam Kubu Mat Salleh. Kejadian ini menyebabkan Mat Salleh menerima satu tumparan yang berat, dan serangan pihak polis bertambah hebat pada 26hb. Seterusnya, Wookey (1956 : 446) mencatatkan:

Pada sepanjang 27hb Januari, serangan hebat dilakukan ke atas kubu Mat Salleh dari sebelah utara. Kami dapat mengetahui menjelang tengah hari, semangat para pemberontak sudah pun lemah memandangkan tiada lagi suara teriakan daripada mereka. Pada 29hb, meriam jenis '7-pounder' telah dipindahkan ke atas bukit Sinsuran, iaitu sejauh 850 elai dari kubu Mat Salleh. Sejak dari itu, pembedilan secara bertubi-tubi ke arah kubu Mat Salleh telah dilakukan sehingga 31hb.

Dengan gambaran serangan yang dicatatkan oleh Wookey itu, tahu lah kita betapa seriusnya serangan yang dibuat oleh pihak polis KBBU terhadap kubu Mat Salleh pada masa itu. Maka pada 1 Februari 1900, pihak KBBU menerima satu berita mengejut tetapi amat menggembirakan mereka. Berita yang dimaksudkan dilaporkan seperti berikut (Wookey, 1956 : 446) :

Pada 1hb Februari, jam 2.00 pagi; askar Kompeni telah menangkap seorang wanita tua yang dikenali sebagai Niuk yang dalam percubaan untuk melarikan diri dari kubu Mat Salleh ke Kampung Taboh. Niuk melaporkan bahawa Mat Salleh telah ditembak mati pada 31 Januari, tengah hari. Ia juga mengatakan bahawa ramai pengikut Mat Salleh telah terkorban, dan sejak dari empat hari yang lalu mereka tidak dapat makan dan minum. Atas sebab ini mereka semua merancang untuk melarikan diri dari kubu Mat Salleh.

Berdasarkan berita yang disampaikan oleh Niuk inilah menyebabkan pihak polis KBBU memperhebatkan serangan mereka terhadap Kubu Mat Salleh. Pengeboman yang bertubi-tubi buat kali ini diteruskan sehingga 5.00 pagi. Akhir sekali, sepasukan polis Dayak berjaya menyerbu masuk ke dalam Kubu Mat Salleh. Mereka mendapati kebanyakan orang yang mempertahankan kubu telah melarikan diri. Dengan itu, penentangan Mat Salleh yang tercetus sejak tahun 1894 telah berakhir.

Laporan secara rasmi tentang kematian Mat Salleh buat kali pertamanya tersiar dalam *The British North Borneo Herald* (16 Februari 1900 : 51). Dalam akhbar ini, dilaporkan bahawa Kapten Harrington telah menghantar sepucuk telegram untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa Kompeni bahawa Mat Salleh dengan beberapa pengikut kanannya telah dibunuh pada 31 Januari 1900. Dengan itu rombongan mereka akan bertolak

kembali ke pinggir pantai dalam sedikit masa lagi. Kemudian dilaporkan oleh pihak KBBU bahawa mayat Mat Salleh telah digali keluar dari kubur di dalam kubunya dengan beberapa kujur mayat pengikutnya yang lain. Mayatnya telah dikenal pasti dan disahkan oleh F.W. Fraser (Pegawai Daerah Keningau) dan beberapa orang ketua tempatan yang mengenali Mat Salleh. Sebutir peluru didapati telah menembusi bahagian kiri di antara dahi dan telinganya. Mayat Mat Sallehlah satu-satu mayat yang mendapat layanan yang istimewa kerana dikebumikan dengan baik berlandaskan agama Islam. (Wookey, 1956 : 447).

Penemuan mayat Mat Salleh itu dari satu segi mengesahkan kebenaran laporan yang dibuat oleh Niuk pada 1hb Februari 1900. Untuk mengetahui detik-detik Mat Salleh terkena tembakan pada masa itu, Dayang binti Lingkung, iaitu salah seorang bekas pengikut Mat Salleh yang berada di dalam kubu Mat Salleh (K.E.A. Hiew dan Thani bin Hashim, 1981 : 6) mengimbas kembali dengan mengatakan :

Pada masa itu kami sedang duduk untuk makan malam. Tiba-tiba satu bunyi tembakan kedengaran. Pada mulanya, Mat Salleh menyuruh bapaku untuk memeriksa beberapa orang pengikutnya yang tercedera. Tapi ia telah tukar fikirannya dan keluar seorang diri. Kemudian satu lagi tembakan kedengaran diikuti dengan satu jeritan yang kuat. Kami pun keluar melihat keadaan dan mendapati Mat Salleh terlentang di situ dengan bahagian kepalanya berdarah. Sebelum Mat Salleh menghembuskan nafasnya yang terakhir, ia telah meminta kami meninggalkan kubu. Setelah mengebumikan Mat Salleh di dalam kubu, kami pun mlarikan diri ke arah Kampung Sinsuran. Tapi masih ada orang lain yang terus berkubu di situ.

Serangan atas kubu Mat Salleh di Tambunan buat kali terakhir ini telah dipersoalkan oleh beberapa orang pegawai tinggi British pada masa itu. Berikut diturunkan bantahan antara beberapa orang pegawai kanan British tentang kematian Mat Salleh (Crisswell, 1971 : 162) :

Gabenor Clifford membantah dengan menyatakan bahawa Pesuruhjaya Tinggi tidak mempunyai hak campur tangan atas hal ehwal dalaman di Borneo Utara; pendapat Clifford ini disokong oleh Swettenham yang mengatakan Mat Salleh tidak pernah melanggar perjanjian yang dibuatnya dengan Cowie.

Swettenham mendakwa bahawa Cowie sendiri memberitahunya bahawa Mat Salleh telah diberikan kuasa untuk mentadbir Tambunan.

Akhir sekali, dilaporkan bahawa dalam penawanannya terakhir kubu Mat Salleh di Tambunan tiga puluh satu orang telah ditangkap (termasuk wanita dan kanak-kanak). Tawanannya termasuklah tiga orang isteri Mat Salleh, seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuannya. Isterinya yang pertama, iaitu Dayang Bandang telah dihantar balik kepada Sultan Sulu (Wookey, 1956 : 447). Dengan kesemua laporan rasmi yang tersebut di atas, maka sahlah bagi kita bahawa Mat Salleh pada akhirnya telah terkena tembakan peluru di bahagian kepalanya dan meninggal dunia di kubunnya pada 31 Januari 1900.

Mat Salleh Sebagai Tokoh Sejarah dan Tokoh Legenda Yang Dihormati dan Disanjungi

Dalam tajuk berita yang berbunyi : "Mat Salleh Bukan Penderhaka – Tun" (*Daily Express*, 24 Januari 1973 : 5), Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, iaitu Ketua Menteri Sabah pada masa itu telah memberikan pendapat peribadi beliau dengan mengatakan bahawa Mat Salleh sebenarnya bukan pemberontak dan juga bukan penderhaka, tetapi beliau ialah wira bangsa, pembela kemiskinan dan pahlawan yang memperjuangkan haknya yang telah dirampas oleh orang asing.

Cecilia Leong (1982 : 111) menyatakan bahawa hampir semua catatan mengenai sebab-musabab penentangan Mat Salleh ditulis oleh pihak pentadbir KBBU pada masa itu. Tindakan sebenar di pihak Mat Salleh telah diperkecilkkan dan usaha untuk membuat analisis tentang kelakuan yang sebenarnya tidak banyak dilakukan. Untuk sekian lama, pelajar di sekolah telah mengenali Mat Salleh sebagai pengacau keamanan. Selepas kemerdekaan, penduduk Sabah telah diingatkan agar menilai semula sejarah penentangannya terhadap KBBU. R.M. Jasni (1981, 29) telah memuji Mat Salleh dengan memberikan penjelasan berikut :

Antara begitu ramai pahlawan rakyat Sabah yang telah mengukir sejarah negeri ini dengan tinta darah yang diberikan oleh mereka kepada bangsa dan nusanya; Mat Sallehlah pahlawan rakyat yang amat menonjol dan menarik.

Ketiga-tiga sumber rujukan tersebut jelas menunjukkan bahawa selepas zaman pentadbiran KBBU, penduduk di Sabah mula memperoleh kesedaran dan menganggap Mat Salleh sebagai wira rakyat Sabah yang terbilang. Kendatipun pihak pentadbir KBBU telah mengecap Mat Salleh dengan kata-kata negatif seperti : pemberontak, perompak dan pembunuhan namun masih terdapat beberapa orang pegawai KBBU yang menyantuni perjuangan Mat Salleh. Salah seorang pegawai tinggi KBBU yang dimaksudkan ini tidak lain dan tidak bukan ialah Cowie, iaitu Pengarah Urusan KBBU pada zaman itu. Atas sanjungan beliau terhadap perjuangan Mat Sallehlah beliau sendiri belayar dari London ke Borneo Utara untuk berunding dengan Mat Salleh pada 19 April 1898 (Wookey, 1956 : 421). Dalam pertemuan dengan Mat Salleh, Cowie sendiri mengatakan bahawa ketika itu Mat Salleh tidak membawa sebarang senjata bersamanya. Kelakuannya pada masa itu menyebabkan ia terfikir bahawa ia sedang berhadapan dengan Rob Roy di Borneo Utara. Lalu dengan serta merta ia membalaik kehormatannya dengan satu tabik (Wookey, 1956 : 422).

Lebih daripada itu, *The British North Borneo Herald* (16 November 1933 : 206) memberikan gambaran pakaian Cowie semasa bertemu dengan Mat Salleh dengan menyatakan :

Ada pun Tuan Cowie itu memakai pakaian cara Sulu; berbaju sempit, berseluar sempit, bersulam dan bertakat benang emas dan berdastar. Maka disampainya di atas bahunya sebelah kanan, dan bertingking keris, berkepala gading. Terlalulah baik tindak tanduk dan bijaksana Tuan Cowie itu.

Kedua-dua catatan ini jelas membuktikan kepada kita bahawa walaupun Mat Salleh merupakan pemberontak KBBU namun secara peribadi Cowie, selaku Pengarah Urusan KBBU amat menghormati dan menyantunginya. Selain Cowie, banyak lagi sejarawan Barat telah memberikan ulasan yang amat baik terhadap Mat Salleh dalam tulisan atau kajian mereka. Wookey dalam mengakhiri tulisannya *The Mat Salleh Rebellion* (1956 : 450) umpamanya mencatatkan :

Dengan itu berakhirlah penentangan Mat Salleh terhadap Kompeni. Jadi apakah konklusi yang kita perolehi daripada penentangan Mat Salleh ini? Sebenarnya Mat Salleh bukanlah ketua penjenayah sebagaimana yang difikirkan

oleh pihak KBBU. Secara peribadinya saya berpendapat bahawa ia adalah seorang wira yang berpendirian dan berkeupayaan tinggi. Malangnya ia terbawa-bawa oleh nasihat orang lain yang beranggapan bahawa penubuhan Kompeni Berpiagam di Sabah telah merampas hak tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kematian Mat Salleh adalah satu tragedi kerana ia adalah seorang wira yang agung.

Tregonning dalam *The Mat Salleh Revolt : 1894-1905* (1956 : 36) pula mengakhiri kajian beliau dengan mengatakan bahawa penduduk tempatan di Sabah akan mengenang jasa Mat Salleh untuk selama-lamanya. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa Mat Salleh sememangnya merupakan pejuang tempatan Sabah yang tiada tolok bandingan pada zamannya. Penentangannya bermula disebabkan beliau mendapati KBBU telah merampas semua hak yang ada padanya selaku pembesar tempatan yang menguasai sekitar kawasan Sungai Sugut, Sungai Labuk di bahagian Sandakan dan Inanam di bahagian Pantai Barat Sabah.

Kedua, peraturan pemungutan cukai kepala dan cukai perahu yang dikenakan oleh KBBU terhadap penduduk tempatan juga menimbulkan rasa ketidakpuasan di kalangan penduduk tempatan. Itulah sebabnya semasa Mat Salleh berunding dengan Cowie, beliau memberitahu Cowie bahawa tindakan Haji Otang yang menguatkuasakan pungutan cukai kepala dan cuba menghasut pihak KBBU supaya bermusuhan dengannya merupakan punca utama yang menimbulkan masalah antaranya dengan pihak KBBU. Hal ini adalah disebabkan penduduk tempatan Sabah tidak dikenakan sebarang cukai sebelum tertubuhnya KBBU.

Ketiga, Mat Salleh cenderung memberikan perlindungan kepada para penjenayah yang dikehendaki oleh pihak polis KBBU seperti Mat Sator, Kamunta, Sidik dan banyak lagi. Keempat, walaupun perjanjian damai telah dipersetujui antaranya dengan Cowie pada peringkat awal, malang sekali, syarat-syarat perjanjian itu sebenarnya kabur dan tidak memihak kepadanya. Sehubungan itu, boleh dikatakan bahawa Cowie memang mempunyai niat yang baik untuk menyelesaikan masalah antara Mat Salleh dengan pihak KBBU. Namun tindakan Cowie mendapat tentangan daripada pegawai kanan KBBU yang lain. Hal inilah merupakan punca utama yang menyebabkan kematian Mat Salleh pada 31 Januari 1900. Seperkara yang jelas untuk kita adalah Mat Salleh dengan begitu berani sekali telah berjuang sehingga mengorbankan nyawanya sendiri.

Mat Salleh Sebagai Tokoh Legenda

Dalam perbincangan seterusnya, tumpuan yang lebih terperinci terhadap ciri-ciri yang telah menjadikan Mat Salleh tokoh legenda yang tiada tolok bandingan di bumi Sabah akan dijelaskan. Pertama, kisah legenda Mat Salleh memang tersebar luas melalui pengucapan lisan di kalangan penduduk tempatan di Sabah sejak dari dahulu hingga sekarang. Rakaman kisah legenda Mat Salleh yang diperolehi daripada sepuluh buah kampung yang berlainan di sekitar Pantai Barat Sabah pada tahun 1996 menunjukkan kisah legenda Mat Salleh masih segar dalam ingatan sesetengah penduduk di Sabah.

Sesuai sebagai tokoh legenda, kisah legenda yang diceritakan oleh pemberi maklumat legenda Mat Salleh sememangnya diwarnai dengan pelbagai kisah kesaktian dan unsur luar biasa lain yang tidak dimiliki oleh manusia biasa. Setakat ini, banyak juga kisah legenda Mat Salleh yang diwarisi secara lisan telah dirakam dan disiarkan dalam akhbar tempatan di Sabah. K.E.A. Hiew dan Thani Hashim dalam tulisan mereka yang berjudul "Mat Salleh Pahlawan Sabah yang Teragung" (*Sabah Times*, 27 Jun 1981 : 6) memuatkan beberapa kisah legenda Mat Salleh yang diceritakan oleh Dayang binti Lingkung (100 tahun). Beliau mengakui bahawa dirinya berada di dalam kubu Mat Salleh di Tambunan sehingga beliau ditembak mati pada 31 Januari 1900. Demi mengesahkan kesahihan ceritanya, Dayang binti Lingkung juga memberitahu penulis bahawa ceritanya itu diperolehi daripada bapanya yang merupakan salah seorang pengikut kanan Mat Salleh.

Menurut Dayang binti Lingkung, Mat Salleh dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sederhana. Beliau ialah salah seorang daripada empat orang anak Datu Buluh dan Alifah yang tinggal di Inanam. Kedua-dua orang ibu bapanya berketurunan Bajau jati dan bukan suku kaum campuran antara Bajau dan Sulu sebagaimana yang didakwa umum. Dari segi fizikalnya, Mat Salleh agak tinggi (6 kaki). Namun pada hari-hari kemudiannya, Mat Salleh memperoleh kekuatan yang istimewa. Ceritanya begini (K.A.E. Hiew dan Thani Hashim, 1981 : 6):

Mat Salleh pernah sesat dalam sebuah hutan di Luang Mondau (kira-kira 9 batu dari pekan Telipok) dalam salah satu pemburuan pada usia mudanya. Semasa tersesat, beliau berasa lapar dan dahaga tetapi di hutan itu tidak mempunyai sebarang makanan dan minuman. Sedang beliau duduk

berehat di bawah sepohon pokok ara, tiba-tiba muncul seorang wanita tua. Wanita tua telah mempelawa Mat Salleh yang sedang dahaga dan lapar itu menghisap susunya. Lalu Mat Salleh menurut apa yang disuruh oleh wanita tua dengan menghisap dan minum susunya. Kemudian wanita tua menghilangkan diri dan selepas itu Mat Salleh mula memperoleh semacam karisma dan dihormati oleh penduduk tempatan yang menganggapnya pemimpin mereka yang berwibawa.

Kisah tentang bagaimana Mat Salleh memperoleh kekuatan dan kesaktian luar biasa yang diceritakan oleh Dayang Lingkung turut ditemui dalam sumber-sumber bertulis yang lain. Namun setiap sumber mempunyai perbezaan yang tertentu. Pertama, satu laporan yang tersiar dalam *The British North Borneo Herald* (16 September 1897 : 253) menerangkan bahawa Mat Salleh telah dianggap oleh penduduk tempatan sebagai nabi yang dihantar ke bumi oleh Tuhan. Black (1983 : 139) memberitahu pembaca bahawa Alexander Cook (Bendahari Kompeni Berpiagam Borneo Utara, Sandakan) menganggap Mat Salleh sebagai "*New Mahdi for Sulus*" dengan memberikan alasan bahawa kepercayaan kaum Sulu terhadapnya adalah tidak terhingga. Dalam satu serangan yang dilakukan oleh polis Kompeni Berpiagam Borneo Utara terhadap Kampung Mat Salleh di Pulau Jambongan, Sandakan; mereka telah merampas beberapa buah bendera, payung sutera dan kain yang tertulis dengan inskripsi bahawa mereka setia kepada Mat Salleh dan akan menegakkan agama Islam. (Wookey, 1956 : 408).

Tambahan pula, mereka percaya bahawa Mat Salleh pernah menjalani satu upacara ritual yang dikenali sebagai "Upacara Kebal" yang menyebabkannya kebal daripada segala jenis senjata. Menurut laporan yang sama, seseorang yang ingin menjadi kebal harus pergi jauh ke dalam rimba dengan pakaian perangnya sekali. Di sana ia harus berpuasa dan berdoa untuk roh nenek moyangnya. Pada malam yang ketiga, orang itu akan berada dalam keadaan khayal lalu dapat berkomunikasi dengan nenek moyangnya yang akan memberitahu rahsia yang menyebabkan seseorang itu menjadi kebal. Tidak banyak orang yang berani berbuat demikian kecuali Mat Salleh.

Secara perbandingannya, Hang Tuah, Tok Janggut dan Panglima Nayan; iaitu tokoh-tokoh legenda di Semenanjung Malaysia juga dipercayai kebal. Hang Tuah umpamanya dikatakan menjadi kebal setelah beliau

berjaya memperdaya dan merampas Keris Taming Sari daripada lawannya, iaitu Taming Sari sendiri (Kassim Ahmad 1991 : 166). Dalam kes Tok Janggut pula, dilaporkan bahawa tatkala beliau dilahirkan, bidan kampung yang menyuruh ibunya menjemur urinya yang luar biasa tebal; dan kemudian mencampurkan uri kering itu dengan bubur untuk dimakan oleh Tok Janggut. Ibu Tok Janggut menurut apa yang disuruh oleh bidan kampung. Dengan berbuat begitulah Tok Janggut menjadi kebal (Ibrahim Mahmood, 1974 : 65). Panglima Nayan juga digambarkan sebagai tokoh legenda yang tidak boleh dibunuh dengan sebarang senjata. Menurut adik perempuannya sendiri, Nayan hanya dapat dibunuh dengan parangnya sendiri (Mohamad Abdullah, 1982 : 84). Jadi jelaslah kepada kita bahawa, tokoh-tokoh legenda ini merupakan manusia luar biasa yang kebal daripada segala jenis senjata biasa.

Ada pula orang yang mempercayai bahawa Mat Salleh memperolehi kuasa luar biasanya melalui perkahwinan dengan salah seorang puteri Sultan Sulu, iaitu Dayang Bandang. Dalam pada itu, Black (1983 : 140) mencatatkan bahawa salah satu sebab mengapa Mat Salleh memperolehi kedudukan sosial yang tinggi tidak lain dan tidak bukan kerana ia telah berkahwin dengan Dayang Bandang yang mempunyai pertalian darah dengan keluarga diraja Sultan Sulu. Di samping itu, penduduk tempatan juga percaya bahawa Dayang Bandang merupakan seorang puteri suci yang memiliki kuasa magis.

Berdasarkan kaca mata penduduk tempatan pada masa itu, Dayang Bandang merupakan puteri yang suci. Oleh sebab itu beliau pantang memijak tanah. Ada orang pula percaya bahawa Dayang Bandang merupakan seorang bomoh perempuan yang mempunyai ilmu sihir yang tinggi (Wookey, 1956 : 405, Crisswell, 1971 : 157, Cecilia Leong, 1982 : 117). R.M. Jasni dalam Bab : "Mat Salleh Pahlawan Rakyat Sabah" (1981 : 31) mencatatkan bahawa ke mana sahaja Dayang Bandang pergi, beliau akan diusung. Pemisahan di antara tapak kakinya dengan bumi merupakan pantang larang kelahirannya. Sekiranya pantang larang ini dicabuli, keluarganya kelak akan menerima bencana yang buruk. Selebihnya, dipercayai umum bahawa Dayang Bandang pakar dalam menilik masa depan seseorang, termasuk apa yang akan berlaku terhadap keluarganya. Anthony Gibon (1986 : 16-17) memberikan catatan mengenai ilmu tilik Dayang Bandang seperti berikut :

Dayang Bandang, iaitu isteri Mat Salleh dapat menilik apa yang akan berlaku terhadap mereka pada masa depan. Mat Salleh sangat terpengaruh dengan nasihatnya. Dengan kata lain, Mat Salleh sudah diberitahu awal-awal lagi bahawa

askar Kompeni akan menyerang mereka di Tambunan. Atas sebab ini Mat Salleh telah meminta Mat Sator untuk menghantar isteri dan anak-anaknya keluar dari Tambunan terlebih dahulu.

Kebanyakan orang (termasuk ahli sejarah) mempercayai bahawa Dayang Bandang amat mempengaruhi tindak-tanduk Mat Salleh. R.M. Jasni (1981 : 30) umpamanya mencatatkan bahawa kebanyakan penulis Barat menggambarkan Dayang Bandang sebagai bomoh perempuan yang amat garang; matanya bersinar-sinar dan beliau memiliki ilmu sihir yang cukup tinggi. Sebarang kemahuannya mesti dituruti Mat Salleh, dan Mat Salleh menerima kata-kata isterinya sebagai undang-undang.

Mohammad Abdul Rahman, seorang ahli sejarah tempatan Sabah dalam sebuah laporan akhbar yang berjudul "Mat Salleh Masih Hidup-Karut" (*Daily Express*, 13 Januari 1970 :4) memberitahu pembaca bahawa salah satu punca yang menyebabkan Mat Salleh ditembak mati di kubunya di Tambunan adalah disebabkan pada masa itu beliau tidak mendapat pertolongan yang sepenuhnya daripada Dayang Bandang. Menurut beliau lagi, isteri Mat Salleh ialah puteri Sulu yang bijak dalam ilmu sihir. Namun tatkala isterinya mendapati Mat Salleh berkahwin lagi; beliau berasa agak kecewa justeru itu tidak lagi memberi pertolongan yang sepenuhnya kepada Mat Salleh. Itulah sebabnya kepala Mat Salleh ditembusi peluru walaupun beliau kebal.

Mat Salleh juga dipercayai mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Wookey (1956 : 405) menjelaskan bahawa penduduk tempatan mempercayai bahawa Mat Salleh berupaya melontar seekor kerbau pada usia mudanya. Dayang Lingkung pula memberitahu bahawa Mat Salleh memiliki suara kuat yang boleh menakutkan mana-mana lelaki apabila beliau meradang (K.E.A. Hiew dan Thani Hashim, 1981 :6). Haji Osman bin Sauti, 67 tahun, ketika ditemui oleh Saat bin Razak memberitahu bahawa Mat Salleh dapat membawa isteri berserta barang-barang berat seorang diri semasa berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. En Latif bin Ating, 54 tahun, yang tinggal di Kampung Sisip pula memberitahu bahawa Mat Salleh berjaya mengangkat sebuah meriam seorang diri. Selain kekuatan fizikal sebagaimana yang dibincangkan, unsur kesaktian luar biasa turut diberikan kepada Mat Salleh. Perhatikan satu catatan yang diberikan oleh Mohindra (1970 : 5) seperti berikut :

Pada masa itu, Datu Paduka Mat Salleh naik ke atas kota sambil meninjau-ninjau dan melihat keadaan kubunya. Sebelum beliau sempat turun dari kubu, tiba-tiba kami

terdengar satu bunyi letupan yang memeranjatkan kami. Rupanya Mat Salleh yang pada ketika itu berada di atas kubu terkena tembakan di bahagian kepalanya. Peluru yang terkena bahagian kepalanya terus jatuh di depan Mat Salleh. Lalu Mat Salleh mengambil peluru itu dan dibawanya kepada kami yang berada di dalam kubu. Dahi beliau tidak tembus, hanya ada luak sahaja.

Kisah yang disampaikan oleh Mohindra ini terang-terang menerangkan bahawa sebagai wira yang kebal; kepala Mat Salleh tidak lut oleh tembakan peluru. Kebanyakan penduduk tempatan di Sabah juga percaya bahawa Mat Salleh memiliki kesaktian yang tidak dimiliki oleh orang sebarang. Jamdin Buyong (1981: 6) memberikan catatan tentang kesaktian Mat Salleh seperti berikut :

Datu Mat Salleh mempunyai kekuatan tenaga dan ilmu kebatinan yang luar biasa; menyebabkan pihak Inggeris menghormati dan menggeruninya. Sewaktu beliau berada dalam ketegangan; renungan matanya akan menjadi tajam dan bersinar-sinar, dan mulutnya boleh menghembuskan api. Gabenor British dalam lawatannya ke Keningau pada tahun 1898 melaporkan bahawa beliau pernah mendengar perbualan di kalangan orang kampung yang mengatakan mulut Mat Salleh boleh menghembuskan api; mata parangnya juga akan mengeluarkan sinaran api dan padi yang ditaburkan dari tangannya boleh bertukar menjadi tebuuan penyengat.

Gambaran tentang kesaktian Mat Salleh sebagaimana yang diberikan oleh Jamdin Buyong menunjukkan bahawa penduduk tempatan pada masa itu mempercayai bahawa Mat Salleh ialah manusia yang luar biasa. Jika Hang Tuah, wira epik Melayu dipercayai manusia luar biasa yang tidak akan mati (Kassim Ahmad, 1992 : 594), penduduk di Sabah juga percaya bahawa Mat Salleh belum mati walaupun beliau dilaporkan oleh pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara telah ditembak mati pada 31 Januari 1900 (*The British North Borneo Herald*, 16 Feb. 1900 : 51). Sekali lagi, Jamdin Buyong (1981, Lampiran A : 2) menyatakan bahawa masih ada kalangan penduduk Sabah yang meragui laporan KBBU bahawa Datu Mat Salleh telah terbunuh pada tengah hari tanggal 31 Januari 1900. Dalam kertas kerja yang sama, Jamdin Buyong memberikan beberapa andaian

yang menyatakan Mat Salleh sebenarnya belum mati. Pertama, Jamdin Buyong mempersoalkan satu laporan palsu tentang kematian Mat Salleh yang telah tersiar dalam akhbar *Singapore Free Press* pada tahun 1899. Laporan palsu yang dimaksudkan ini berbunyi sedemikian :

Pihak kami dimaklumkan bahawa Gabenor Kompeni Berpiagam Borneo Utara, iaitu L.P. Beaufort (yang sekarang berada di sini) telah menerima maklumat bahawa Mat Salleh, ketua pemberontak di Borneo telah dibunuh oleh suku tempatan di Tambunan.

Kemudian, akhbar *The British North Borneo Herald* (16 Mei 1899 : 153) menyebutkan laporan *The Singapore Free Press* itu sebagai salah menerima maklumat. Hal ini disebabkan Mat Salleh pada masa itu masih berada di kubunya di Tambunan. Seterusnya Jamdin Buyong mempersoalkan keraguan yang timbul dalam laporan kematian Mat Salleh oleh Gabenor Clifford (*The British North Borneo Herald*, 16 Mac 1900). Laporan yang dimaksudkan ini adalah seperti berikut :

Lima kujur mayat telah dikeluarkan sebelum mayat Mat Salleh ditemui. Paras muka dan saiz mayat ini menepati ciri-ciri fizikal yang ada pada Mat Salleh. Fraser, iaitu Pegawai Daerah Keningau yang pernah beberapa kali berjumpa dengan Mat Salleh telah mengesahkan bahawa inilah mayat Mat Salleh. Beberapa orang Dusun Tuaran, Dusun Tiawan dan Gunsanad juga mengesahkan bahawa mayat ini adalah Mat Salleh.

Jamdin Buyong merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Dayang binti Lingkung (K.E.A Hiew dan Thani Hashim, 1981: 6) untuk membuktikan keraguannya terhadap laporan Gabenor Clifford. Dalam tulisan ini, Dayang binti Lingkung mengakui dirinya (yang pada masa itu berumur 12 tahun) berada bersama-sama dengan Mat Salleh ketika peristiwa pembunuhan Mat Salleh itu berlaku. Berikut adalah kata-kata Dayang binti Lingkung :

"Pihak Inggeris tidak mempercayai kami apabila kami memberitahu mereka bahawa Mat Salleh telah mati dan mereka telah meminta bukti yang jelas daripada kami. Kami tidak mempunyai apa-apa pilihan tetapi mengambil salah

satu mayat pengikut Mat Salleh yang serupa dengannya dan menunjukkan kepada mereka”.

Secara perbandingan, apa yang dikatakan oleh Dayang binti Lingkung itu menimbulkan satu kemungkinan bahawa mayat yang dilihat oleh Fraser dan ketua-ketua tempatan yang lain sebenarnya ialah mayat salah seorang pengikut Mat Salleh yang serupa dengannya. Jika apa yang diceritakan oleh Dayang binti Lingkung itu benar, maka Mat Salleh sebenarnya masih hidup. Mohindra dalam tulisannya yang berjudul “Datu Mat Salleh Ghaib dari Kuburnya” (1970 : 5) turut menyebut tentang detik-detik Mat Salleh ditembak di kubunya di Tambunan. Menurut Mohindra, salah seorang pengikut Mat Salleh yang menggelar dirinya sebagai Mat Salleh Banjul bin Orang Kaya Haji Saman memberitahunya bahawa sebelum Mat Salleh meninggal dunia, beliau memesan supaya mereka menguburkannya di luar kubu agar kepalanya tidak dipotong oleh polis KBBU. Jadi, apabila Mat Salleh meninggal dunia, mereka telah menguburkan mayatnya di luar kubu sebagaimana yang telah dipesan oleh Mat Salleh. Selepas itu mereka kembali ke kubu untuk membuat persiapan melarikan diri ke Inanam. Pada jam lebih kurang 4.00 pagi, mereka mula melarikan diri dari kubu. Dalam perjalanan, mereka sekali lagi kembali ke tempat yang mereka menguburkan Mat Salleh dengan tujuan membawa mayat Mat Salleh kembali ke Inanam untuk dikebumikan. Apabila sampai di tempat itu, mereka semua berasa terkejut disebabkan mayat Mat Salleh telah ghaib dari situ.

Menurut Mat Salleh Banjul lagi, empat puluh hari selepas Mat Salleh meninggal dunia; tiba-tiba beliau muncul di hadapan masjid tempat mereka menunaikan sembahyang Jumaat. Tiada orang yang tahu dari mana datangnya Mat Salleh. Sembahyang Jumaat pada masa itu diketuai Haji Mohd Daud. Pada mulanya, hadirin yang berada di situ berasa ragu-ragu tentang identiti Mat Salleh. Akan tetapi, setelah Mat Salleh menghampiri Haji Mohd Daud dan dikenali olehnya lalu mereka yang hadir di masjid itu mula yakin bahawa orang itu sebenarnya ialah Mat Salleh. Selepas menunaikan sembahyang Jumaat, mereka pun berjamu selera bersama-sama Mat Salleh. Kemudian, Mat Salleh dijemput ke mimbar masjid untuk berucap. Berikut adalah ucapannya sebagaimana yang diberitahu oleh Mat Salleh Banjul (Mohindra, 1970 : 5):

“Mohd Daud dan anak-anakku sekalian. Sebenarnya saya datang hari ini adalah hendak berjumpa dengan kamu semua di sini. Selepas itu tak tau bila lagi kita akan berjumpa lagi . Tetapi anak-anakku, aku fikir kamu tidak percaya

saya ini ketua kamu yang telah kamu sangkakan mati di Tambunan. Jadi supaya kamu percaya, lihatlah di dahiku ini masih ada luka bekas tembakan peluru." Selepas menunjukkan tanda luka itu, Datu Paduka Mat Salleh berkata lagi, "Wahai anak-anakku, percayalah kamu bahawa saya sebenarnya tidak mati."

Seterusnya dikatakan oleh Mat Salleh Banjul bahawa Mat Salleh menyuruh sidang hadirin yang ada di situ untuk memejamkan mata mereka. Sebaik sahaja mereka membuka mata, Mat Salleh telah hilang dari situ. Segala yang diceritakan oleh Mat Salleh Banjul kepada Mohindra sebagaimana yang tercatat menunjukkan satu lagi kesaktian yang dipercayai ada pada Mat Salleh. Kepercayaan bahawa Mat Salleh tidak mati dikukuhkan oleh kemunculan seorang tua yang dikenali sebagai Haji Abdul Salam pada sekitar 1920-an hingga 1950-an. Ramai penduduk tempatan Sabah percaya bahawa Mat Salleh sudah membuat keputusan tidak mahu menentang pihak British lagi lalu menyamar sebagai Haji Abdul Salam. Berikut adalah catatan mengenai Haji Abdul Salam yang ditemui dalam kertas kerja Jamdin Buyong (1981, Lampiran A :3-4).

Menurut Mat Lin bin Misir, ia pernah berguru dengan Haji Abdul Salam dan tinggal bersama-sama di Kampung Labuan, Kota Belud antara 1928-1929. Kemudian, Haji Abdul Salam menghilangkan diri dengan membiarkan kelambunya berlabuh pada siang hari supaya tidak diketahui orang.

Haji Abdul Salam dikatakan pernah datang ke Kampung Pengalat Besar, Papar sebelum Perang Dunia Kedua (1941). Penduduk kampung percaya bahawa beliaulah Mat Salleh disebabkan sifat luar biasa yang ada padanya. Buktinya ialah sebuah surau yang sama-sama dibina olehnya tidak terjejas oleh tembakan peluru semasa serangan Jepun tercus di Sabah.

Haji Abdul Salam kemudian ditemui di Kampung Benoni, Papar pada tahun 1957, iaitu setelah dilihat di Kampung Petagas, Putatan. Terdapat juga penduduk di Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Tuaran, Tanjung Aru, Likas,

Inanam, Menggatal dan Kampung Dudar, Kota Belud mempercayai bahawa Haji Abdul Salam sebenarnya ialah Mat Salleh. Tambahan pula, Haji Abdul Salam dikatakan mengakui secara rahsia bahawa dia adalah Mat Salleh dengan menunjukkan tanda parut di bahagian kepalanya.

Anthony Gibon (1986 : 16-17) mencatatkan bahawa dari awal-awal lagi isteri Mat Salleh, iaitu Dayang Bandang telah menilik bahawa pasukan polis KBBU akan menyerang kubu mereka di Tambunan. Oleh itu, Mat Salleh telah menyuruh Mat Sator, orang kanannya untuk menghantar isteri dan anak-anaknya keluar dari Tambunan. Berikut merupakan catatan yang diberikan oleh Anthony Gibon (1986 : 17) mengenai bagaimana Mat Salleh mlarikan diri dari Tambunan :

Mat Salleh ialah orang yang terakhir meninggalkan kubunya di Tambunan. Pada kira-kira jam 8.00 malam, iaitu semalam sebelum tentera British sampai di Tambunan. Mat Salleh menyampaikan pesanan kepada salah seorang penduduk tempatan yang bernama Sodiki. Ia memberitahu Sodiki bahawa ia akan meninggalkan tempat ini dan meminta ia memaklumkan kepada semua orang kampung agar berundurkan diri lebih jauh dari kubunya di Kampung Tibabar. Tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada terkena bedilan meriam tentera Kompeni kelak.

Jika catatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Anthony Gibon ini benar, ini bermakna Mat Salleh dari awal-awal lagi telah meninggalkan kubunya di Kampung Tibabar, Tambunan dan ternyata belum mati lagi. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa kepercayaan penduduk terhadap kekuatan dan kesaktian yang ada pada Mat Salleh ini luar biasa sekali. Penduduk Islam di Sabah pada masa itu mempercayai bahawa beliau ialah nabi yang dihantar oleh Tuhan untuk membela nasib mereka yang tertindas. Seterusnya beliau dipercayai mempunyai kekuatan fizikal yang amat kuat, mempunyai isteri berketurunan kerabat diraja Sulu yang suci dan pakar dalam ilmu kebatinan. Lebih daripada itu, penduduk tempatan di Sabah mempercayai bahawa mulutnya boleh menghembuskan api, jagung atau beras yang ditaburkan dari tangannya akan bertukar menjadi tebuan penyengat, dan beliau mempunyai sebilah pedang sakti yang boleh mengeluarkan cahaya kilat. Akhir sekali, dipercayai bahawa

Mat Salleh adalah pahlawan yang kebal. Semua unsur kesaktian ini telah menjadikan Mat Salleh tokoh legenda yang terbilang di bumi Sabah.

Dari Tokoh Sejarah Ke Tokoh Legenda : Proses Kemunculan Wira Legenda

Seperkara yang jelas bagi kita adalah Mat Salleh merupakan tokoh sejarah yang telah diangkat menjadi "wira legenda" oleh penduduk tempatan di Sabah. Konsep "wira" akan dibincangkan secara terperincinya dalam Bab 5. Jadi buat masa ini, ada baiknya perhatian perbincangan diberikan terhadap proses yang menyebabkan Mat Salleh berubah daripada tokoh sejarah kepada wira legenda. Lumrahnya, ahli sesuatu masyarakatlah yang mengangkat seseorang tokoh sejarah menjadi tokoh legenda, sama ada semasa seseorang tokoh sejarah itu masih hidup atau selepas ia meninggal dunia. Dengan kata lain, kemunculan seseorang wira legenda berkait rapat dengan pemikiran dan latar belakang sesuatu masyarakat yang menciptanya. Dalam *The World Book Encyclopedia vol II* (1994 :155) mencatatkan setiap masyarakat memiliki legendanya yang tersendiri. Kebanyakan kisah legenda ini mencerminkan sikap dan sesuatu yang dianggap unggul oleh anggota masyarakat yang menciptanya. Seseorang wira legenda juga memiliki kualiti yang disanjungi oleh anggota masyarakat. Atas sebab ahli sesuatu masyarakatlah yang bertanggungjawab mencipta wira legenda masing-masing, jadi sebelum memahami proses kemunculan seseorang wira legenda; kita harus mengkaji latar sejarah masyarakat yang mencipta wira legenda itu dan kepercayaan mereka terhadap dimensi ghaib terlebih dahulu.

Memandangkan Mat Salleh merupakan tokoh sejarah yang hidup pada sekitar pertengahan hingga akhir kurun ke-19, jadi ada baiknya untuk kita meninjau latar belakang sejarah masyarakat Sabah pada tempoh masa tersebut. Sehubungan itu, Cecilia Leong (1982 : 4) mencatatkan bahawa tatkala James Brooke (Raja Putih Sarawak) melawat bahagian Pantai Utara dan Pantai Barat Sabah pada awal kurun ke-19, beliau mendapati kedua-dua kawasan tersebut masih berada dalam keadaan yang liar dan terbiar. *Handbook of British North Borneo, London, 1890* (dalam Khoo Kay Kim, 1981 : 34) memberikan gambaran tentang keadaan di Sabah pada sekitar 1890-an seperti berikut :

Taburan penduduk di Borneo Utara adalah tidak padat, dan masih terdapat banyak hutan belantara di Residensi Pantai Timur dan kawasan pedalaman yang belum dihuni oleh penduduk. Sejak dari dahulu lagi penduduk menjauhi diri dari bahagian Pantai Timur disebabkan aktiviti lanun, perompak dan pengait masih berleluasa. Taburan penduduk adalah lebih padat di Residensi Pantai Barat.

Kedua-dua sumber ini menggambarkan bahawa Borneo Utara (pada kurun ke-19) masih merupakan sebuah kawasan yang mundur. Penduduk pribumi Sabah di sekitar pantai merupakan lanun manakala di kawasan pedalaman aktiviti memotong kepala masih berleluasa. Sebelum tertubuhnya Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) pada tahun 1881, kebanyakannya suku kaum yang tinggal di pedalaman Sabah masih mengamalkan cara hidup yang primitif melainkan suku kaum yang sudah menerima ajaran Islam di bahagian pantai. Antara suku kaum yang agak besar bilangannya ialah suku kaum Dusun, Bajau, Sulu, Bugis dan Iranun. Jadi, ada baiknya untuk kita meninjau serba sedikit latar belakang sejarah suku kaum yang besar ini pada sekitar tahun-tahun 1890-an. Suku kaum Dusun merupakan suku kaum yang terbanyak di Sabah. Ada pihak yang berpendapat bahawa suku kaum Dusun ini mempunyai pertalian darah yang rapat dengan suku kaum Dayak (Iban) di Sarawak. Ada pihak yang berpendapat pula suku kaum Dusun ini mempunyai separuh pertalian darah dengan orang Cina. Sehubungan dengan itu, dalam *Handbook of British North Borneo, London, 1890* (Khoo Kay Kim, 1981 : 35) ada memberikan penjelasan tentang pertalian rapat antara suku kaum Dusun dengan orang Dayak di Sarawak berdasarkan pakaian dan gaya hidup mereka yang hampir sama .

Dari segi pertalian darah antara suku kaum Dusun dan Cina pula, sekali lagi *Handbook of British North Borneo, London* (Khoo Kay Kim, 1981 : 35) menjelaskan bahawa sejak dari dahulu lagi hubungan perdagangan di antara Tanah Besar China dengan Borneo adalah pesat sekali. Didapati bahawa ramai pelayar dan pedagang Cina berkahwin dengan wanita tempatan lalu menetap di Sabah. Sebahagian besar daripada suku kaum Dusun merupakan petani. Kaedah bertani mereka merupakan yang termoden berbanding dengan suku kaum yang lain di Borneo Utara dipengaruhi oleh cara bertani orang Cina. Dari segi kepercayaan pula, kebanyakannya suku kaum Dusun pada masa itu berpegang kepada kepercayaan animisme. Mereka percaya bahawa selepas mereka meninggal dunia; roh mereka akan

menuju ke puncak Gunung Kinabalu. Bagi mereka yang berbuat baik tidak mempunyai sebarang masalah untuk sampai di puncak gunung dan seterusnya ke syurga. Bagi mereka yang berbuat jahat pula akan gagal berbuat demikian dan hanya akan bergelut di sebelah bahagian gunung yang berbatu. (Khoo Kay Kim, 1981 : 35).

Kedua, suku kaum Bajau digambarkan dalam *Handbook of British North Borneo, London, 1890* (Khoo Kay Kim, 1981 : 34) sebagai gipsi laut yang suka akan pengembalaan, dan ahli keluarga mereka semuanya tinggal di dalam perahu. Mereka ini sebenarnya berketurunan Melayu, namun suku kaum Bajau mempunyai tubuh fizikal yang lebih tinggi, kuat dan kulit mereka lebih gelap daripada orang Melayu biasa. Suku kaum Bajau pada ketika itu juga digambarkan sebagai suku kaum yang hidup bebas dan tidak peduli untuk mengumpul atau menyimpan harta dalam sebarang bentuk. Mereka juga tidak risau sama ada mereka mempunyai makanan untuk dimakan pada minggu yang akan datang atau tidak. Dalam *Handbook of British North Borneo, London, 1890* (Khoo Kay Kim, 1981 : 34) juga mencatatkan bahawa kebanyakan suku kaum Bajau merupakan lanun yang aktif di sekitar laut Borneo Utara. Perhatikan catatan mengenai subsuku Bajau yang dikenali sebagai Balignini dalam *Handbook Of British North Borneo* (Khoo Kay Kim, 1981 : 34) seperti berikut :

Suku Balignini merupakan subsuku Bajau; mereka adalah penculik profesional tersohor yang beroperasi di sekitar perairan Makasar, Batavia, dan Singapura di sebelah selatan sehingga ke Manila di sebelah Utara. Pada mereka, perbuatan membunuh orang bukanlah satu undang-undang yang perlu dipatuhi.

Walau bagaimanapun, pada sekitar 1890-an, kebanyakan suku kaum Bajau sudah menukar cara hidup kembara mereka kepada cara hidup yang lebih tetap sebagai petani di darat. Satu lagi suku kaum Sabah yang utama ialah orang Sulu. Berikut diperturunkan catatan mengenai suku kaum Sulu yang terkandung dalam *Handbook of British North Borneo* :

Orang Sulu ini berasal dari Kepulauan Sugh. Umumnya mereka amat berani, garang dan gemar menimbulkan kekacauan. Sifat sebegini membolehkan mereka berniaga di sekitar perairan dan darat yang penuh dengan bahaya sejak dari zaman lampau lagi. Kini, ramai antara mereka telah menetap di beberapa buah kampung di sekitar pinggir

pantai di Borneo Utara. Nenek moyang mereka merupakan campuran darah antara orang Cina dengan orang Arab. Mereka akan menjadi rakan baik jika seseorang itu kenal akan mereka.

Dari segi kepercayaan, sehingga awal kurun ke-20 pun kebanyakan penduduk tempatan Sabah yang tinggal di sepanjang sungai yang boleh dihubungi menganut agama Islam, manakala mereka yang mendiami kawasan pedalaman merupakan "pagan" belaka (*The British North Borneo Herald*, 1 April 1922 : 56). Kebanyakan suku kaum yang menganut agama Islam di Sabah terdiri daripada orang Bajau, Sulu dan Iranun.

Kepercayaan Masyarakat Terhadap Dimensi Ghaib

William Howells, ahli antropologi yang tersohor di Amerika Syarikat pernah mengatakan bahawa manusia percaya akan wujudnya makhluk halus yang ia tidak nampak (Hutchinson, 1963 : 9). Kata-kata Howells ini menunjukkan bahawa kehidupan manusia penuh dengan misteri yang tidak semestinya boleh dilihat dengan matanya sendiri. Ada kalanya, manusia juga percaya akan perkara yang ia tidak dapat lihat dengan matanya atau diterangkan dengan hukum logik. Sebelum perkaitan antara kepercayaan terhadap dimensi ghaib dan kewujudan tokoh legenda dibincangkan, ada baiknya bagi kita meninjau hal-hal yang berkaitan dengan kepercayaan manusia terhadap dimensi ghaib terlebih dahulu.

Masyarakat primitif yang berpegang kepada kepercayaan animisme memang mempercayai di sekeliling mereka ada semacam kuasa ghaib yang menguasai kehidupan sehari-hari mereka. Untuk mengelakkan kuasa ghaib marah atau untuk memperoleh perlindungan daripadanya; masyarakat lampau mula memuja objek-objek alam seperti busut, pokok besar, bukit dan banyak lagi. Kebanyakan masyarakat lampau juga mempercayai kewujudan makhluk seni seperti hantu, penunggu di bukit, penunggu di laut atau dewa-dewi yang tinggal di kayangan. Penciptaan mantera di kalangan masyarakat Melayu umpamanya berkait rapat dengan kepercayaan orang Melayu terhadap kuasa ghaib; khususnya kuasa halus seperti semangat, roh, badi, puaka dan keramat. Harun Daud dalam tulisannya yang berjudul "Mantera : Satu Penelitian Tentang Manusia dan Kepercayaan" (1994 : 72-73) menyatakan bahawa mantera dicipta untuk "mengucap syukur" kepada kuasa ghaib dan "memohon perlindungan"

daripada kuasa tertentu supaya mereka tidak ditimpa bencana. Dengan kata lain, penciptaan mantera merupakan satu bukti yang menunjukkan betapa ketaranya kepercayaan orang Melayu pada suatu ketika dahulu tentang kewujudan dimensi ghaib. Selain itu, kepercayaan dalam agama utama di dunia ini seperti Kristianiti, Islam, Budhisme, Hinduisme dan banyak lagi turut berkait rapat dengan kepercayaan manusia terhadap dimensi ghaib. Dewa-dewa Hindu seperti Indra dipercayai mempunyai beribu biji mata, Brahman dipercayai mempunyai empat biji kepala dan Ganesha pula digambarkan mempunyai lapan pasang tangan (Hutchinson, 1963 : 23). Hal seperti ini menunjukkan betapa rapatnya kepercayaan agama Hindu terhadap dimensi ghaib.

Berdasarkan gambaran dewa Hindu yang diberikan ini, jelas kepada kita bahawa kepercayaan terhadap dimensi ghaib memungkinkan sesuatu yang di luar daripada kemampuan manusia itu berlaku. Semua ciri luar biasa yang diberikan kepada dewa Hindu ini mempunyai maksud tersiratnya yang tersendiri. Tangan-tangan yang ada pada Ganesha umpamanya mencerminkan kuasa yang ada pada Tuhan (Hutchinson, 1963 : 23). Dalam masyarakat Cina lampau juga kaya dengan kepercayaan terhadap dimensi ghaib. Terdapat tokoh sejarah yang disanjungi telah diberikan sifat kesaktian yang tertentu. Chang Tao-ling (T.M. 35-157) umpamanya dikatakan mempunyai kuasa luar biasa untuk mengubati pelbagai jenis penyakit kerana beliau berilmu magis Taois. Dipercayai juga beliau dapat membahagikan jasadnya dan muncul di dua tempat pada ketika yang sama (Walters, 1992 : 29-30). Ch'an Shih, seorang lagi wira rakyat Cina yang hidup dalam tahun-tahun 740-an pula dipercayai mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Umpamanya Walters (1995 : 108) mencatatkan bahawa Ch'an Shih dapat mengerakkan sebuah batu besar hanya dengan menggunakan pergerakan jari kakinya. Batu yang sama tidak dapat ditarik oleh sepuluh ekor lembu.

Anggota masyarakat Attika turut mempunyai wira sanjungan mereka yang kuat, iaitu Theseus. Sehubungan itu, Savill (1976 : 148) mencatatkan bahawa semasa Theseus masih kecil lagi, Aethra memberitahunya tentang sepasang kasut dan sebilah pedang pesaka peninggalan Cecrops yang ditanam di bawah sebuah batu besar. Dengan kekuatan luar biasa yang ada pada Theseus, ia dapat mengangkat batu itu lalu mengambil kasut dan pedang yang dimaksudkan ini. Tidak ketinggalan, masyarakat Melayu juga mempercayai seseorang wira mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Salah seorang daripadanya yang tersohor ialah Badang. Berikut diturunkan satu kisah kekuatan tenaga luar biasa yang ada pada Badang:

Maka ada sebuah batu di hadapan balairong itu terlalu besar, maka kata Nadi Bijaya Pikrama pada Badang. "Marilah kita berkuat-kuatan mengangkat batu ini; barang siapa tiada terangkat, alahlah ia." Maka sahut Badang. "Baiklah, angkatlah oleh tuan hamba dahulu."

Maka diangkat oleh Nadi Bijaya Pikrama, tiada terangkat; maka disungguh-sungguhnya, maka terangkat sehingga lutut, maka dihempaskannya ke tanah. Maka katanya, "Sekarang pengantian tuan hambalah."

Maka kata Badang, "Baiklah." Maka oleh Badang diangkatnya batu itu lalu dilambungnya, dilontarkannya ke sungai Kuala Singapura; itulah batu yang ada sekarang di hujung Tanjung Singapura itu". (Shellabear, 1983 : 36).

Selain kekuatan tenaga fizikal yang luar biasa, sesetengah anggota masyarakat juga percaya bahawa kegagahan seseorang wira ada kalanya dibantu oleh senjata sakti yang ada padanya. Alat senjata tradisional seperti pedang, panah sakti, keris dan sebagainya memainkan peranan yang tertentu dalam memperhebatkan sifat-sifat luar biasa yang telah diberikan oleh anggota masyarakat kepada seseorang wira sanjungannya . Dalam masyarakat Cina umpamanya, Lu Yen (T.M. 755-805), iaitu salah seorang wira tempatan Tanah Besar China yang terkenal dikatakan memiliki sebilah pedang sakti. Diceritakan bahawa Lu Yen merupakan seorang pakar seni pedang, dan seekor "naga api" telah menghadiahkan sebilah pedang magis kepadanya. Pedang magis inilah yang membolehkannya menghilangkan diri pada bila-bila masa sahaja (Walters, 1995 : 53). Kisah tokoh legenda di kalangan masyarakat Melayu turut mempunyai senjata saktinya yang tersendiri seperti panah dan keris. Dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983 : 72-73) umpamanya memberikan catatan yang berkaitan seperti berikut :

Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu sentiasa bermain panah lasykar, seperti orang berzikir. Maka tatkala itu tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffir Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri

di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata tuan Sidi Arab, sambil menarik panah itu : "Mati engkau Cau Pandan !" Ada pun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati.

Seterusnya, kepercayaan terhadap dimensi ghaib turut menyebabkan kebanyakan anggota masyarakat percaya bahawa wira sanjungan mereka merupakan manusia luar biasa yang kebal. Achilles, iaitu wira klasik Yunani yang terkenal dipercayai merupakan pahlawan yang kebal (*Collier's Encyclopedia*, vol. 1, 1989 : 70). Kepercayaan di kalangan masyarakat Melayu lampau tentang seseorang wira yang kebal amat ketara sekali. Dalam kisah legenda Mahsuri misalnya, ketika Mahsuri dijatuhkan hukuman bunuh; diceritakan orang bahawa tiada satu pun tombak yang dapat membunuhnya. Hanya setelah Mahsuri sendiri yang menyuruh mereka menggunakan tombaknya sendiri, barulah Mahsuri dapat dibunuh (Ibrahim Wan Soh, 1996 : 18). Panglima Nayan, wira rakyat Kedah pada awal kurun ke-20 turut dipercayai oleh penduduk tempatan Kedah sebagai wira yang kebal. Cheah Boon Kheng (1981 : 54) mencatatkan bahawa terdapat informan yang menceritakan Nayan mempunyai sejenis kuasa luar biasa yang menyebabkan ia tidak lut senjata.

Seterusnya, sifat-sifat keramat dan wali sering juga dikaitkan dengan seseorang tokoh legenda pada hari kemudiannya. Dalam kepercayaan Kristian, kebanyakan keramat atau wali (*saint*) Kristian awal dipercayai memiliki kuasa batiniah tertentu. Sehubungan itu, *Collier's Encyclopedia*, vol. 20 (1989 :341) mencatatkan dipercayai bahawa St. Anthony sering membantu orang menemui kembali barang yang telah hilang manakala St. Jude pula akan membantu orang yang sudah putus harapan. Dalam masyarakat Cina turut terdapat banyak sekali manusia biasa yang pada hari kemudiannya diberikan sifat-sifat keramat hingga orang itu jadi dewa atau dewi Cina. Salah seorang daripadanya yang terkenal ialah Ma Tsu (T.M. 960-989) yang dipercayai mempunyai ciri-ciri keramat dan diangkat menjadi salah seorang dewi Cina sehingga ke hari ini. Diceritakan oleh orang Cina dahulu bahawa pada suatu hari Ma Tsu telah bermimpi. Dalam mimpiinya ia dapat perahu bapa dan abangnya sedang karam semasa berada di lautan untuk menangkap ikan. Dengan menggunakan kuasa magis yang ada padanya, ia menghulurkan tangannya dan telah menyelamatkan bapanya. (Hartung, 1998 : 56).

Secara perbandingan, kuasa batiniah yang ada pada Ma Tsu mirip kepada kuasa batiniah yang ada pada salah seorang legenda keramat Melayu, iaitu Lebai Kader. Dalam pada itu, Noriah Taslim (1991 : 320-321) memberitahu bahawa Lebai Kader dapat melihat bala yang berlaku beribu-ribu batu jauh daripadanya. Beliau juga dapat menyelamatkan orang yang dalam kesusahan atau bahaya tanpa perlu bergerak dari tempatnya. Berdasarkan perbincangan ini, maka jelaslah kepada kita bahawa ciri kekuatan fizikal yang luar biasa kuat, senjata sakti, kekebalan dan sifat keramat merupakan satu kepercayaan universal di kalangan kebanyakan masyarakat terhadap wira sanjungan mereka. Dengan adanya pengaruh dan kepercayaan terhadap dimensi ghaib ini, maka tidak hairanlah kenapa penduduk tempatan Sabah turut memberikan pelbagai unsur kesaktian kepada Mat Salleh.

Proses Kemunculan Wira Legenda

Berdasarkan latar sejarah suku kaum yang tinggal di Sabah pada zaman Mat Salleh, dan kepercayaan masyarakat terhadap dimensi ghaib; sekarang ada baiknya bagi kita melihat pula faktor-faktor atau proses yang menyebabkan Mat Salleh berubah daripada tokoh sejarah yang terkenal kepada tokoh legenda pula. Noriah Taslim (1994 :69) ada menjelaskan tentang faktor-faktor yang menyebabkan munculnya wira-wira pada zaman keperwiraan seperti berikut:

Ada beberapa faktor sosiopolitik yang memunculkan zaman keperwiraan ini. Faktor yang terpenting adalah situasi politik yang tidak stabil akibat ancaman luar, penaklukan dan peperangan yang berlarutan. Keadaan ini memunculkan situasi sosial yang tidak damai dan tenteram. Dalam situasi yang sebegini akan muncullah semangat kesukuan atau kebangsaan yang kuat. Masyarakat dengan demikian memandang tinggi terhadap tokoh-tokoh yang berjuang untuk mempertahankan atau mengekalkan kedaulatan suku dan bangsa. Di dalam kegairahan mengagung-agungkan pahlawan bangsa inilah watak-watak diberi sifat-sifat luar biasa.

Berbalik kepada keadaan di Sabah pada zaman pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) pada akhir kurun ke-19, kebanyakan

ketua tempatan dan suku kaum yang tinggal di Sabah mendapati bahawa kepentingan dan kebebasan yang dinikmati oleh mereka selama ini telah terancam. Buktinya, Crisswell (1971 : 155) mencatatkan bahawa pembentukan KBBU menimbulkan pelbagai masalah kepada ketua tempatan di Sabah. Kebanyakan kawasan yang diperoleh oleh KBBU daripada Sultan Brunei merupakan kawasan bebas yang hak tulin masih dipegang oleh pangeran (ketua tempatan). Dengan kata lain, pangeran mempunyai kuasa mutlak di kawasan kekuasaan mereka secara turun-temurun itu.

Selain ketua tempatan, penduduk tempatan yang lain turut terasa bahawa kedatangan KBBU mengancam kehidupan bebas yang dinikmati oleh mereka sebelum itu. Sebagai contohnya, *The British North Borneo Herald* (1 April 1922 : 56) melaporkan bahawa suku kaum Bajau tidak suka akan pemerintahan KBBU. Hal ini disebabkan mereka beranggapan bahawa pihak KBBU telah merampas hak mereka yang diwarisi secara turun temurun. R.M. Jasni dalam *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh* (1981 : 31-32) turut menjelaskan bahawa sebelum terbentuknya KBBU, penduduk di sepanjang Sungai Sugut bebas mudik ke hulu dan ke hilir tanpa sebarang sekatan. Mereka berpegang kepada adat dan prinsip berkampung serta bermasyarakat. Akan tetapi, setelah Sultan Sulu memajak daerah Sugut kepada pihak KBBU, kebebasan penduduk di sekitar Sugut telah berakhir. Tindakan pihak KBBU mengganggu kebebasan penduduk tempatan menyebabkan mereka benci akan KBBU. Kebencian sedemikian bukan sahaja berpunca daripada kenyataan bahawa daerah Sugut sudah jatuh ke tangan Inggeris malah yang mereka tidak suka adalah orang asing sudah menjadi tuan mereka. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat tempatan dengan terbentuknya KBBU di Sabah ialah sistem cukai baharu yang perlu dibayar oleh mereka. Jika diteliti, masyarakat tempatan tidak memahami sistem penggunaan mata wang yang dikenakan untuk membayar cukai kepala atau cukai perahu. Berikut diturunkan bukti mengenai masalah tersebut :

Kewajaran untuk memungut cukai kepala (poll-tax) telah dijelaskan kepada penduduk tempatan secara sistematik, yakni setahun \$1.00 untuk sebuah keluarga dan 50 sen untuk orang bujang. Pada mereka yang masih tidak biasa menggunakan wang maka mereka dibenarkan membayar cukai kepala dalam bentuk rotan, gutta, madu lebah dan benda-benda lain.

Dalam keadaan yang tertekan dan penuh dengan ketidakpuasan inilah pembesar tempatan dan juga penduduk tempatan yang lain memerlukan pemimpin yang berupaya memperjuangkan nasib mereka dan menuntut balik hak mereka. Pemimpin yang mereka perlukan semestinya mempunyai ciri-ciri wira yang gagah berani dan mempunyai kekuatan yang luar biasa juga. Mat Salleh sememangnya tokoh yang amat berani dan sanggup memberikan perlindungan kepada penduduk tempatan walaupun dianggap sebagai penjenayah oleh polis KBBU dan pada masa yang sama sanggup pergi ke pejabat KBBU di Sandakan untuk membuat aduan secara rasmi. (Wookey, 1956 : 406).

Dalam keadaan yang sebeginilah munculnya Mat Salleh sebagai pemimpin yang berani dan sanggup memperjuangkan hak masyarakat tempatan. Seperkara lagi yang harus kita terima di sini ialah pemikiran suku kaum masyarakat tempatan di Sabah (seperti Dusun, Bajau, Sulu dan banyak lagi) yang pada akhir kurun ke-19 masih percaya kepada dimensi ghaib. Dari similah Mat Salleh telah diberikan sifat-sifat luar biasa sesuai sebagai pemimpin yang dapat memperjuangkan nasib mereka.

Oleh itu, masyarakat tempatan Sabah yang hidup pada masa itu mula mempercayai dan menyebarkan bermacam-macam kesaktian yang ada pada Mat Salleh. Antara kesaktian yang dimaksudkan adalah: sewaktu muda, Mat Salleh berdaya melontar seekor kerbau dengan kedua-dua belah tangannya, setelah menjalani satu upacara kebal, Mat Salleh telah menjadi kebal kepada sebarang senjata; sewaktu meradang, mata Mat Salleh menjadi berpinar-pinar dan mulutnya dapat menghembuskan api; benih padi atau jagung yang ditaburkan dari tangannya boleh bertukar menjadi tebuhan penyengat; isterinya merupakan puteri suci yang pantang memijak tanah, berilmu dan dapat menilik masa depan mereka dengan tepat, dan akhir sekali Mat Salleh tidak akan mati. Berdasarkan ciri-ciri kesaktian yang telah diberikan kepada sifat Mat Salleh, maka jelaslah bahawa satu perubahan telah berlaku. Mat Salleh yang pada mulanya merupakan tokoh sejarah telah diangkat menjadi tokoh legenda yang tiada tolok bandingan pada zamannya.

-Bab 4-

Teks dan Konteks

Kaedah Penyelenggaran – Kerja Lapangan

Kerja lapangan ini telah dilakukan di beberapa buah kampung di sepanjang Residensi Pantai Barat Sabah yang dikenal pasti mempunyai pemberi maklumat yang berpotensi menyampaikan kisah Mat Salleh secara lisan. Berdasarkan tinjauan awal, ramai pemberi maklumat yang berkaitan dengan kajian ini telah dikenal pasti. Daripada jumlah yang banyak itu, sebelas orang yang dianggap lebih berwibawa untuk menyampaikan kisah Mat Salleh telah dipilih. Maklumat mereka secara lisan dirakamkan melalui pita rakaman, dan kemudian ditranskripsikan menjadi teks-teks bertulis untuk kajian ini. Antara ciri-ciri yang menjadi kewajaran dalam pemilihan pemberi maklumat yang berwibawa ialah :

i) Umur pemberi maklumat.

Pemberi maklumat pilihan untuk kajian ini berjumlah sebelas orang. Mereka berada dalam lingkungan umur antara 38 tahun hingga 100 tahun (untuk mendapatkan versi-versi cerita legenda yang lebih menyeluruh mengikut peringkat umur). Jurang perbezaan umur yang begitu luas membuktikan bahawa legenda Mat Salleh tersebar luas di kalangan generasi tua dan muda. Seperkara yang perlu dijelaskan adalah semua generasi muda (di bawah umur 30 tahun) yang ditemui tidak dapat menyampaikan kisah legenda Mat Salleh yang lengkap. Golongan generasi muda ini hanya tahu kisah legenda Mat Salleh yang terlalu ringkas. Atas sebab ini, kajian ini tidak mengandungi kisah legenda Mat Salleh yang disampaikan oleh mereka yang umurnya 30 tahun ke bawah.

ii) Perbezaan sosial dan budaya pemberi maklumat.

Pemberi maklumat pilihan untuk kajian ini terdiri daripada suku kaum tempatan Sabah yang berlainan seperti orang Bajau, Melayu-Brunei, Kadazandusun dan campuran Bajau-Sulu. Suku kaum ini merupakan suku kaum majoriti yang tinggal di Sabah. Mereka mempunyai latar budaya yang tersendiri. Dengan berbuat demikian, kisah legenda Mat Salleh dapat dipastikan tersebar luas di kalangan penduduk tempatan yang berbeza dari segi status sosial dan budaya. Maklumat-maklumat ini dapat dilihat dalam Jadual 3.1 "Senarai Pemberi Maklumat Mengikut Kewajaran Umur, Suku Kaum, Tempat dan Pekerjaan".

Jadual 3.1

Senarai Pemberi Maklumat Mengikut Kewajaran Umur, Suku Kaum, Tempat dan Pekerjaan

| Bil | Pemberi Maklumat | Umur | Suku Kaum | Tempat | Pekerjaan |
|-----|----------------------------|------|---------------|------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | Sito bin Duraman | 82 | Bajau | Kg Ketiau, Putatan | Bomoh |
| 2 | Usu bin Siagah | 74 | Kadazan | Kg Kalasanan, Inanam | Nelayan |
| 3 | Lues binti Sepah | 50 | Bajau | Kg Masjid, Telipok | Penjaja |
| 4 | Syarif Yusof Shariff Bidin | 74 | Bajau | Kg Bukit Payung, Telipok | Penoreh Getah |
| 5 | Mali bin Nayan | 100 | Bajau-Sulu | Kg Kalasanan, Inanam | Nelayan |
| 6 | Yaakub Awang bin Duraman | 74 | Melayu-Brunei | Kg Seberang Putatan, Putatan | Timbalan Ketua Anak Negeri Putatan |
| 7 | Nasip bin Kumpar | 72 | Bajau | Kg Beringgis, Kinarut | Petani |
| 8 | Haji Atim | 60 | Bajau | Kg Beringgis, Kinarut | Petani |
| 9 | Haji Ampuan Hamzah Ali | 60 | Melayu-Brunei | Kg Benoni, Papar | Penternak Kambing |
| 10 | Ismail bin Abbas | 57 | Bajau | Kota Kinabalu | Bekas Pengarah DBP, Cawangan Sabah |
| 11 | Pianus Guntavid @ Joseph | 38 | Kadazandusun | Kota Kinabalu | Timbalan Pengarah Muzium Negeri Sabah |

Biodata dan Maklumat Sosiobudaya Pemberi Maklumat

Berdasarkan Jadual 3.1, kebanyakan pemberi maklumat yang ditemui terdiri daripada suku kaum Bajau. Mereka adalah seperti Sito Duraman, Lues Sepah, Syarif Yusof, Nasip Kumpar, Haji Atim dan Ismail Abbas. Yaakub Awang Duraman dan Haji Ampuan Hamzah Ali adalah berketurunan


Melayu-Brunei. Seterusnya Usu Siagah dan Pionus Guntavid berketurunan Kadazandusun.

Dari segi pekerjaan, Sito Duraman merupakan seorang bomoh di Kampung Ketiau, Putatan. Usu Siagah dan Mali Nayan ialah nelayan. Lues Sepah ialah penjaja buah-buahan di pekan Telipok. Syarif Yusof merupakan bekas penoreh getah. Yaakub Awang Duraman ialah Timbalan Ketua Anak Negeri, daerah Putatan dan mempunyai sebuah kedai runcit di Kampung Seberang Putatan. Nasip Kumpar dan Haji Atim merupakan penanam tembikai di Kampung Beringgis, Kinarut. Haji Ampuan Hamzah Ali ialah penternak dan penjual daging kambing di pekan Papar. Ismail Abbas pula ialah bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah. Dalam persaraannya, beliau bekerja di bahagian Penerbitan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah. Akhir sekali, Pianus Guntavid ialah Timbalan Pengarah Muzium Negeri Sabah pada masa beliau menyampaikan kisah Mat Salleh.

Dari segi taburan kawasan penyelidikan, kesemua pemberi maklumat yang ditemui tinggal di sepanjang Pantai Barat Sabah. Di Inanam, iaitu tempat asal Mat Salleh, pengkaji berkesempatan menemui dua orang pemberi maklumat, yakni Usu Siagah dan Mali Nayan yang masih menetap di Kampung Kalasan, Inanam. Di Kota Kinabalu, pengkaji berjumpa dengan Ismail Abbas dan Pianus Guntavid. Ismail Abbas sebenarnya berasal dari Tenghilan dan kisah Mat Salleh yang disampaikan olehnya turut berdasarkan kenangannya di Tenghilan juga. Manakala Pianus Guntavid pula berasal dari Tambunan. Berbeza dengan Ismail Abbas, beliau menyampaikan kisah Mat Salleh yang diperolehnya daripada orang tua di Tambunan.

Di Kampung Masjid, Telipok, pengkaji menemui Lues bt Sepah yang berasal dari Kota Belud. Oleh itu, beliau menyampaikan kisah Mat Salleh yang diwarisinya daripada orang tuanya di Kota Belud. Tempat-tempat lain yang ditemui pemberi maklumat adalah di Kampung Bukit Payung, Telipok (Syarif Yusof bin Syarif Bidin), Kampung Seberang Putatan, Putatan (Yaakub Awang Duraman), Kampung Ketiau, Putatan (Sito Duraman), Kampung Beringgis, Kinarut (Nasip Kumpar dan Haji Atim) dan akhir sekali di Kampung Benoni, Papar (Haji Ampuan Hamzah Ali). Lihat Lakaran Peta 3.1: "Taburan Kawasan Penyelidikan Legenda Mat Salleh" di bawah untuk mengenal pasti kedudukan kawasan penyelidikan.

**LAKARAN PETA 3.1 : TABURAN KAWASAN PENYELIDIKAN
LEGENDA MAT SALLEH**



Lebih daripada itu, kampung atau kawasan yang didiami oleh pemberi maklumat yang tersenarai di "Peta Lakaran 3.1" itu kebanyakannya ada kaitan dengan perjuangan Mat Salleh menentang penjajahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU). Usu Siagah dan Mali Nayang tinggal di Inanam, iaitu tempat asal Mat Salleh. Kampung Seberang Putatan yang didiami oleh Yaakub Awang Duraman mempunyai satu bekas tapak kubu Mat Salleh yang sekali gus menjadi tempat perkebumian bekas Ketua Menteri Sabah, iaitu Allahyarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.

Menurut Awang Yaakub Duraman, Kampung Seberang Putatan ini pernah dilawat oleh Haji Abdul Salam yang dipercayai sebagai penyamaran Mat Salleh yang tidak mati ditembak sebagaimana yang dilaporkan oleh polis Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Lawatan Haji Abdul Salam ke Kampung Seberang Putatan ini seterusnya dijadikan memorat Yaakub Awang Duraman. Tempat-tempat lain seperti Kampung Ketiau, Kinarut, Kampung Benoni dan Tenghilan juga pernah dilawat oleh Haji Abdul Salam dan menjadi memorat kepada pemberi maklumat seperti Sito Duraman, Nasip Kumpar, Haji Ampuan Hamzah Ali dan Ismail Abbas.

Menurut Lues bte Sepah, Mat Salleh pernah mendirikan kubunya di Kota Belud dan kisah mengenai Mat Salleh yang diceritakannya adalah berdasarkan penceritaan neneknya yang sememangnya tinggal di Kota Belud. Yang istimewa, keluarga Lues merupakan waris yang memiliki sehelai jaket yang dipercaya pernah dipakai oleh pengikut Mat Salleh semasa ia menentang pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Khabar mengenai jaket tersebut telah disiarkan dalam akhbar *Daily Express* (19 Julai : 1). Kesudahannya, jaket itu telah dibeli oleh pihak Muzium Negeri Sabah dan kini dipamerkan di ruang pameran muzium tersebut.

Manakala Pianus Guntavid menyatakan bahawa cerita yang disampaikan olehnya adalah berdasarkan apa yang pernah diceritakan oleh orang tua yang tinggal di Kampung Kepayan Lama, Tambunan; tempat terletaknya kubu Mat Salleh yang terakhir di Sabah. Selain itu, Pianus Guntavid juga pernah ditugaskan oleh pihak Muzium Negeri Sabah untuk membuat kajian terhadap Kubu Mat Salleh dan laporan mengenai kajiannya telah tersiar dalam makalah "Wacana Muzium Sabah" (Pianus Guntavid @ Joseph, 1994 : 6).

Untuk makluman umum, semua pemberi maklumat yang ditemui telah menyampaikan kisah Mat Salleh secara lisan dalam bahasa Melayu loghat Sabah. Semua "Teks" yang dirakam melalui pita rakaman itu kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim. Dengan berbuat demikian, keaslian bahasa pencerita dikekalkan. Tambahan pula aspek tatabahasa dalam struktur setiap ayat yang terkandung dalam "Teks" turut diketepikan. Perkataan bersifat kedaerahan yang tidak difahami oleh penutur luar akan dijelaskan maknanya di bahagian nota akhir. Suntingan lain yang dilakukan termasuklah tanda bacaan dan pembentukan perenggan. Demi memudahkan rujukan bagi tujuan membuat analisis; perenggan-perenggan tersebut telah dibahagikan kepada segmen, dan segmen-segmen itu diberikan nombor dan dicetak dalam bentuk huruf condong. Berikut diperturunkan semua "Teks":

Dokumentasi Teks :**Teks 1**

Pemberi Maklumat : Sito bin Duraman
Suku Kaum : Bajau
Umur : 82 tahun
Tempat : Kampung Ketiau, Putatan
Tarikh Teks Dirakam : 25 November 1996

Alhamdulillahi Rabbil Aalamin. As-solaatu wassalaamu ala asyrafil anbiyya'I wal mursalin. Wa ala aalihi wasohbihai aj-ma'iin. Ah, beginilah ... usul asal ini ... Mat Salleh 'kan. Begitu, dia tidak suka Sabah ini British yang kuasa. Kalau ikut sebenar-benarnya...orang Sabah ini, dia yang kuasalah! Lama, lama, lama, lama...aku pun tidak tahu lah tahun berapa? Tahun satu? Tahun seribu satu, saya punya nenek bilang; dulu British punya kedai bukan di sini, bukan KK¹ tu, sana Pulau Gaya. Ah, satu malam dia orang pakatlah. Ah, dia orang pakat mau apa tu- menyerang di sana. Siapa orang yang ada kedai di sana? Orang Cina juga, bukan orang Sabah. Jadi, sana tu ada polis; ada kedai. Siapa juga orang yang ada kedai di sana? Cina juga, bukan orang Sabah. (*Segmen 1*)

Jadi dia orang pergi Kuala Pibagul, sana Menggatallah. Dia orang ambil orang punya perahu. Ada satu dia orang punya kawan, pergi sana Sepanggar. Dia orang cari itu puntungan-puntungan baru yang hanyut dari darat. Macam tu, dia orang buka baju dia; ikat kepala; dia orang berenang pergi itu pulau. Kau tau , itu dulu dia orang punya kuat itu; dari sana berenang dia orang boleh tahan. Ah, Mat Salleh sudah dulu di sana tunggu. Bila datang di sana, apa lagi – seranglah! Tentera-tentera British dulu bukan siapa *bah*². Sikh itu, Bengali semua. Ah, dia orang hantam di sana. Ah, jadi itu satu tauke, tauke Cina. Dia orang bukan rampas apa-apa; bukan rampas itu tauke punya barang; bukan rampas itu kedai punya barang. Tidak, tidak, dia larang dia punya orang. 'Jangan,' dia bilang 'kacau macam tu!' Cuma dia orang bunuh itu tentera saja. Jadi itu tauke semua, dia orang tapuk dalam satu itu pulau. Tau dia tu, tauke Cina ada wang. Dulu taulah itu wang; wang Cina punya ada empat satu sen. Ah, satu, dua, tiga, empat. Itu hitam punya, tembaga punya; itu duit naga dari China pun satu sen satu. Jadi, campur sama itu British punya. Dia ambil itu wang; cerita nenek saya, dia orang ada satu perigi, jauh di sana. Dia orang pergi sana, sana ada orang pelihara babi. Jadi, orang Sabah tidak berani pergi sana, sebab ada babi! (*Segmen 2*)

Ah, amanlah tu ... aman habis sudah mereka memberontak di sana; dia balik-balik pergi seberang sana. Balik pergi seberang tu – Kuala Inanam. Dari Kuala Inanam dia orang terus jalan pergi atas. Ah, dia minta sama itu tauke tolong. Tiada apa lagi, dia minta tolong sama itu British *paun*. Apa lagi, tauke-tauke itu tolonglah. Dia punya orang itu banyak bikin makan. Jadi, dia orang tinggal di Inanam tu. Itu Mat Salleh punya kampung. Inanamlah. Orang Bajau *bah* tu. (*Segmen 3*)

Bila sudah British tau. Dia orang sudah dengar, dia punya tentera balik dari Kudat. Datang pakai kapal perang, pakai meriam. Ah, pakai itu bunyi dalam kapal, macam-macam ada. Jadi semua orang kampung takut, semua tapuklah. Ah, beginilah orang-orang kampung. Jadi British pergi Inanam itu 'kan. Ah, British bakar itu semua, dia orang bakar tu. Habis rumah kiri kanan semua kena bakar! (*Segmen 4*)

Datang itu Inanam, nama kampung -em... Kampung Pancalanan. Kota dia di sana; dia bikin kota di sana-Mat Salleh. Apa lagi, orang sekalian bangsa suka sama dia; orang Cina pun ada, Dusun pun ada; orang putih pun ada. Orang putih di sana satu-nama dia Tuan Pilly.³ Jadi ini macam, itu British sudah anu; British itu tentera banyak. Dia dengar sini ada satu kota, mata gelap kasi tau. Dia bilang, 'Dia orang ada sana Kampung Dusun. Atas bukit sana dia orang berhentilah; nampak lagi itu British. Bunyi apa tu? Bunyi senapang-trop! trop! trop! ahh! Tapi belum dia orang sampai di sana. Dia orang pandai cium lagi itu British sama dia orang punya kuli bawa barang. Jadi dia orang dengarlah, dia orang lari, lari, lariii. Ah ini kali dia orang lari pergi itu Bundu Tuhan. Bundu Tuhan sekarang kalau kita pakai jalan dari Penampang, mau batu lima puluh berapa tu? (*Segmen 5*)

Di sana dia orang berhentilah. Apa lagi, dia orang Dusun semua mau sama dia. Ada yang kasi beras; ada yang kasi ayam; ada yang kasi telur, ini macamlah. Ah, ini Dusun semua; bila dia kasi mandi, 'Ah, kau angkat itu batu,' Dusun bilang. 'Boleh angkatkah nek!?' Mat Salleh bilang, 'Cubalah!' Wah, batu begitu besar, tapi – "tap" dia angkat! Wah, lepas tu dia masuk kampung lagi, kasi mandi air sungai. Di mana dia pergi, di situ dia berhenti, kasi mandi. Dulu cerita 'kan, pakai itu kain; dia orang ambil, buka – "pop, pop, pop!"' (*Segmen 6*)

Mat Salleh ini, bila dia orang datang di Sinsuran. Sudah di Sinsuran, apa lagi – gembiralah orang Kampung Tabuh, kampung apa semua. Sana itulah dia ada bikin itu kota; cukup meriah, cukup ramai; siap di situ orang ada, semua cukup. Itu bukit dia orang potong, belakang dia orang ambil itu bambu; dia orang ambil itu bambu bikin itu pagar. Ah, beginilah ... Jadi ini British bila dia orang sudah tau di sana; dia orang ikut kiri punya jalan. Dia

orang taruh meriam di sana. Ah, itu sungai dia orang tutup tu. Em ...ni sungai di sini; ini Sinsuran di sini; ini Mat Salleh di sini.⁴ Wah, tutup sungai tu, apa lagi, susahlah orang semua! (*Segmen 7*)

Ah, itulah dia orang lari pergi Ranau. Ah, di sanalah keputusan peperangan Mat Salleh sama itu British di Ranau. Ah, dia orang ada bikin itu kota di bukit 'kan. Jadi sudah itu; British ada susahlah. Orang Ranau, orang itu semua ikut sama Mat Salleh; ada jaga di jalan. Lama, lama, lama... ada juga orang Ranau jadi British punya *spy*. Orang British ni cukup bijak *bah*. Mana dia tengok itu orang kampung. Ah, orang yang suka sama dia tu; ah, ini British kasi wang lagi; kasi belanja lagi sama itu kepala. Kepala tu bagi-bagilah. Ini Mat Salleh sudah taulah; dia ada di sana dengar-dengar; dia dengar apa macam tu. Dia bilang sama dia punya anu tentera-dia punya orang : "Sekarang ingat baik-baik," dia bilang. Jadi, dia orang potong itu kayu, pop! potong habis. Itu kayu dia orang taruh sana, taruh sini-bila dia tengok itu tentera naik, 'kan? Dia orang-pap, pap, pap, pap-satu kali hantam, habis, habis itu tentera semua mati. Jadi, apa lagi di sana, jadi dia punya betul ada satu bendera merah; dia tarik dia punya bendera; bendera itu, tumpah darahlah. (*Segmen 8*)

Sudah begitu, bila ada satu sama dia – tidak salah macam dia punya rupa dengan Mat Salleh. Ah, itu Tuan Pilly, sama itu Cina-Cina semua ada dalam kota. Bukan tau itu, apabila ini jaga di sana, dia orang *aim*, dia orang nampak itu orang macam Mat Salleh punya; dia orang hantam, kena kepala-lah-mati! Apa lagi, dia punya rakyat bilang; ini dia sudah mati. Datang pukul lima subuh; dia datang pakai itu kain. Orang bilang, "Eh, nek, kau masih hidupkah? Mat Salleh cakap, "Ini tadi dia punya kepala sudah kena," dia bilang, "Mat Salleh tidak mati." Dia bilang, "Jadi jangan kau orang lari banyak-banyak; perahan-rahanlah." "Eh, kau hidup ni!" orang bilang. Dia bilang, "Bukan saya, saya punya nombor dua; saya sudah jadi orang anubah; saya tidak mati!" (*Segmen 9*)

Lama, lama, lama...sudah habis tu; datang lagi satu musuh. Ini dia punya orang *bah*. Orang Bajau *bah*. Ah, datang *bah* pergi itu Kota Belud. Ini jadi Kota Belud punya pasal; itu Muali, dia pertahankan kotanya. Dia punya kota bukan dibikin dengan apa-apa; itu kain putih saja. Dia ada tulis sana. Kalau dia orang hantam meriam sana 'kan; tidak boleh kena punya. 'Pom!' sini saja, ah, tidak boleh masuk *bah*. Ah, itu tentera British bila sudah pakai teropongnya; dia orang bilang, "Sudah kenal!" Dia punya gaya, taruh, satu, satu, satu kayu; taruh di sana. Jadi, itu kayu taruh di sana ada erti- bila kau masuk, pijak itu kayu; kau jatuh! Hoi, jatuh bukan hidup lagi, mati *bah*! Ah, sudah apa macam...? (*Segmen 10*)

Jadi sudah itu, ini kisah Mat Salleh; dia ada satu anak, ini Tun⁵. Ah, bila dia sudah mau kahwin sama itu puteri Sultan Suluk; bila dia orang sudah di sana, buntinglah dia punya bini itu. Dia bilang, sekarang dia punya buntingan sudah tiga bulan. Jadi sekarang, bila jadi lahir, itu anak, lidah itu hitam. Jadi itu Tun tidak lari dari British, sebab bapa dia musuh British. Dialah yang mula-mula susun negeri kita 'kan. Kalau tau British; dialah anak Mat Salleh, jadi musuhlah. Yang betul dia punya nama, Tun bin Datu Harun sajalah. Datu Harunlah yang tolong sama dia. Bila Mat Salleh sudah itu macam; dia orang bilang dia mati; dia tidak mati, bininya masih dalam bunting lagi. Bila ini Tun keluar, bin Datu Harunlah. Dialah pelihara Tun. Ah, bila Mat Salleh sudah hilang, tidak ada lagi; jadi ini perempuan pun dia bawa, bunting tiga bulan, ah, Datu Harun kahwin sama dia. (*Segmen 11*)

Ah, Haji Abdul Salam—Mat Sallehlah tu! Waktu itu dia sudah jadi wali. Bila dia datang Kampung Ketiau; dia tidak pakai kapal tidak pakai apa-apa, sekejab saja dia sampai *bah*. Ah, dia tu wali Allah; makan tidak pandai; minum tidak pandai. Ah, wali sudah dia jadi tu, nak! Itulah sebab bila Tun ada anu, dia pergi sana; dia jumpa dia punya bapa. (*Segmen 12*)

Saya kasi tau, Haji Abdul Salam datang di sini nak, dia tak pandai makan. Dia datang di sini dekat satu bulan. Dia orang kampung mau kasi duit. Dia bilang, "Kau orang jangan ini macam, saya tidak mau itu duit. Itu kamu orang punya pahala; kamu orang dapatlah." Ah, dia kasi mandi. Ah, dia kasi mandi itu perahu bukan main besar; panjangnya dua puluh lapan kaki. Kau buka dia, lima kaki. Penuh air, empat orang saja angkat dari sungai. Ah, empat orang sudah boleh ringgan; sepuluh orang pun tidak boleh ringgan tu! Masa dia mandi; kau mandilah, suka hati kau. Air mandi itu dia ada baca-baca... (*Segmen 13*)

Lama, lama, lama... em... tahun berapa tu? Ah, ini kalau saya tiada silap; sama itu tahun saya orang pindah sini. Tahun lapan belas? Tahun sembilan belas? Ah, tahun seribu dua puluh! Ah, siapa dia punya polis; ah, polis Salleh sama dia punya orang tua—Orang Kaya Razumak. Kampung Kelawit dia orang datang; polis Salleh sama itu OKK Razumak – datanglah! “E h , bapa ; ada orang tua datang!”

"Ah, naik! Orang Kaya pun naik!"

"Bukan apa, saya dengar sini ada orang mandi kebal; orang mandi kuat, ada?"

Ini Orang Kaya yang salah sangka. Orang mandi kebal; orang mandi kuat; itu cuma berita. Ini bukan ini macam dia punya jalan. Dia punya jalan kasi mandi anak-anak jauh penyakit. Apa-apa dalam dia orang punya kekuatan; semua jadi, tiada yang tidak jadi. (*Segmen 14*)

"Anu ni, dia orang dari anu, dari ofis, siapa? Kasi tau dia, saya kasi

terbalikkan itu ofis,"dia bilang, "Kalau dia orang mau saya; sayalah Mat Salleh!" Ah, dia sendiri kasi tau tu."Saya tidak buat jahat lagi sekarang," dia bilang, "Tapi kalau dia orang buka ini pintu," dia bilang, "Ah, ayuh!" (Segmen 15)

Ah, ini Haji Abdul Salam bukan main lagi, kalau dia buka dia punya baju *bah*; pasang dia punya barang⁶ dari perempuan tu, British sudah tau *bah*. Mustahil juga, pasal dia pandai jalan cepat tu- dia ada satu bini, Jin *bah*. Jin Islam. Dia janji sama jin itu dua puluh lima tahun saja. Bila habis, habislah. Itulah dia jadi berani. (Segmen 16)

Kepala dia begini nak, ini kepala dia 'kan; sini ada tinggilah (sambil menunjukkan bahagian atas kepala sendiri), macam ada sungai - dalam sedikit. Dia punya tangan sini (sambil menunjukkan lengan tangan sendiri) kena itu damar punya. Taulah dulu itu damar bikin itu lampu punya; bila sudah hancur hanguslah. Jadi ada satu orang Kinarut; waktu Ranau dia dikatakan sudah mati 'kan; dalam kota *bah* dia itu –Ah, itu Pacik Sawat, dia bilang, pasal dia tau itu dia; pasal tangannya ada tanda damar."Kalau betul; dialah Mat Salleh!" Beceritalah Pakcik Sawat sama orang bisik-bisik *bah*. "Janganlah kau orang,"Haji Abdul Salam bilang, "British yang anu tu; nanti kau orang susah; kena tangkap nak. Kamu orang yang susah nanti."Begitulah dia kasi nasihat nak, "Tausah," dia bilang. Itulah sejarah dia. (Segmen 17)

Teks 2

| | |
|---------------------|----------------------------|
| Pemberi Maklumat | : Usu bin Siagah |
| Suku Kaum | : Kadazandusun |
| Umur | : 75 tahun |
| Tempat | : Kampung Kalasan, Inanam. |
| Tarikh Teks Dirakam | : 26 Nov 1996 |

Cerita pasal Mat Salleh, saya fikir, kita cerita dia punya lahir dulu. Mat Salleh itu lahir di Kampung Inanam. Bapa dia tu orang Suluk; mamak dia orang Kadazan; Kadazan dari Sugut. Mamaknya masuk Islam waktu berkahwin sama bapanya zaman Sultan Brunei. Bila dia sudah cukup dewasa; dia bertunang sama seorang perempuan di sini. Kemudian tunangnya itu kena rebut sama itu pemuda yang bernama Razuanda. Walaupun tunangnya sudah kena rebut; dia masih tidak mau buat kacau, kerana dia bilang, "Jangan kerana satu perempuan kita bermusuhan." Sebab dia itu berkawan sama ini adik Razuanda, orang yang merebut tunangnya. Sudah itu tunang kena rebut; dia terus hilang dari Kampung Inanam ni. (Segmen 1)

Sudah dia menghilangkan diri itu; beberapa tahun kemudian dia pulang. Waktu pulang di sini; dia sudah ada bini. Waktu inilah Mat Salleh buat perperangan sama itu British. Sebab dia mau menuntut. Yang saya dengar orang kampung cakap; dia itu mau kuasa juga *bah*. Puncanya yang lain pasal itu cukai kepala. Jadi kemudian daripada itu, dia orang bakarlah Pulau Gaya itu. Pasal ia kena bakar, ia diberi nama Api-Api. Selepas Pulau Gaya kena bakar; British pun datang memburunya.⁷ (*Segmen 2*)

Dia ada bikin kota di sini (Inanam). Kota pertama di bukit tinggi tidak dibikin apa-apa tembok. Kemudian British pun *brubut-brubut*⁸ sama dia orang ini. Kemudian dia orang undur, undurlah! Undur punya undur sampailah dia orang di Tambunan. Belum dia kena tembak itu; Mat Salleh ada dipanggil *meeting* sama itu British. British takut sama dia lalu mau kasi tanah di sebelah darat – British ambil sebelah laut. Ini macamlah cerita dia. Tapi dia itu tidak setuju, yang dia mau ambil ini : Tambunan, Inanam sama itu Sugut. Tempat-tempat itulah yang dia mau ambil; tapi tidak dapat persetujuan sama British. Jadi, dari sanalah mereka buat perperangan balik. (*Segmen 3*)

Kekuatan Mat Salleh itu dari bini dia. Sebelum mereka pergi perang; bininya kasi mandi sama rakyatnya dulu. Bila dia sudah kasi mandi; pergilah perang. Kau fikirlah : parang tidak makan; peluru pun tidak makan; jadi, keballah semua orang itu. Pasal saya dengar bini Mat Salleh itu Jin *bah*⁹ bukan manusia biasa. Pasal itu, dia tidak mahu injak itu tanah. Itulah yang diceritakan oleh nenek Bandul yang berusia seratus tahun itu kepada saya. Dia juga ada ikut sama Mat Salleh berperang. (*Segmen 4*)

Jadi sudah itu, dia punya rakyat kebanyakannya orang Dusun, orang Inanam sama itu orang Bajau dan orang Tambunan. Dekat kotanya di Tambunan itu ada dua simpang sungai. Sungai ke tempat Mat Salleh itu; British tutuplah¹⁰. Jadi, tiada airlah. Bila sungai itu hampir kering; ikan kecil-kecil itu banyak nampaklah. Jadi ada budak mau pergi buka itu batu dan ambil itu ikan. *Ngam-ngam* itu jam pukul 12.00 dan Mat Salleh sudah buka itu kain semua mau sembahyang. Jadi orang di dalam kota yang nampak ada budak hampir mau kena tembak kasi tau Mat Salleh. Dia orang bilang, "Ada budak mau kena tembak sudah!" Jadi Mat Salleh terus pergilah ambil sama budak itu. Sudah dia bawa masuk budak itu ke kota; polis British tembaknya. Mat Salleh terus kena tembak sama itu peluru emas dan kena di bahagian kepala. Tapi sudah kena tembak itu; dia tidak ada luka; dia tidak ada berdarah; itu peluru masih sumbat-sumbat di situ. Itulah cerita orang dulu yang ada ikut sama dia berperang. Sudah itu Mat Salleh kasi tau orang-orangnya bahawa "Ini malam engkau orang larilah sebab tempat saya ini sudah kena." Begitulah datang jam 12.00 malam,

dia orang berangkatlah. Dia orang cerita masa itu ngam-ngam ada orang sakit; mati juga itu malam. Jadi mati itu malam dia orang kasi kuburkan orang itu di dalam kota. Dan, selepas itu, dia orang jalanlah.¹¹ (*Segmen 5*)

Bininya itu dipikul oleh Mat Salleh, sebab dia punya bini itu tidak boleh injak tanah. Dia orang pergi Kudat; bila sampai di Kudat; bininya ditinggal sama Datu Harun. Dalam dia tinggal sama Datu Harun, dia bilang, "Saya sudah kena; jadi bini saya – saya wakilkan tinggalkan sama kau." Jadi di sini ada dua pertanyaan. Ada orang bilang dia sudah mati – kalau dia sudah mati macam mana dia boleh angkat bininya sampai ke Kudat? Kalau bilang dia hidup, kita tidak nampak dia lagi ... (*Segmen 6*)

Daripada itu kemudian dia punya kawan pahlawan itu ada tiga orang: Datu Unduk, Mat Sator dan Datu Langkap. Jadi, dia orang itu meradanglah di Kudat. Kalau tidak kerana mereka itu sabar kemudian – habislah Kudat! Itulah sahaja yang saya dengar itu cerita sama nenek saya yang sudah tua itu. (*Segmen 7*)

Teks 3

| | | |
|---------------------|---|-------------------------------|
| Pemberi Maklumat | : | Sharif Yusof bin Sharif Bidin |
| Suku Kaum | : | Bajau |
| Umur | : | 82 tahun |
| Tempat | : | Kampung Bukit Payung, Telipok |
| Tarikh Teks Dirakam | : | 2 Dec 1996 |

Ini cerita Mat Sallehlah, dulu 'kan. Ada itu Mat Salleh, dia punya bapa, Datu Harun. Bapa dia Datu Harun, saudara sama ini Tun Mustapha, tapi dia ini tidak cakap; kerana dia mengganas dulu – timbullah Tun Mustapha, Datu Harun punya anak. Dia orang cerita, saya tau 'kan. Tapi sudah begitu, Datu Mustapha lain; dia lain. Dia punya bapa Datu Harun, begini sajalah.¹² (*Segmen 1*)

Belakang dia sudah bujang; dia sudah pandai bawa diri, mana dia pergi? Inanamlah, dia punya kampung Inanam *bah* itu. Belakang dia pakat sama itu, ada nama – Datu Langkap dan dia punya kawan sama Mat Sator. Dua orang tu. Dia bilang, "Kita bakar Pulau Gaya. Pulau Gaya ada kedai." Dulu dia menunggu di situ, jadi, dia orang mengganas sanalah, bakar itu Pulau Gaya.¹³ Ah, dia punya cerita, panjang juga ni... (*Segmen 2*)

Sudah begitu dia bakar Pulau Gaya, lari, larii... Belakang datanglah itu tentera. Dulu itu Sikh, British punya tentera. Mat Salleh taruh itu surat. Dia bilang, "Kalau kamu orang berani, kamu orang *memucat*¹⁴ itu Tambunan." Wah, dia tulis begini! Apa lagi ini British. Dia orang bilang,

"OK!" Kita brubut (kejar) dia pergi Tambunan. Sana dia bikin apa ni? Kubu! Dia punya kubu dalam tanah; tapi dia punya bambu, kau taulah; itu bambu kena tajam begini 'kan. Ah, jadi dia punya orang banyak. Yang dia punya timbalan, Datu Langkap sama Mat Sator. Semua orang handalanlah tu. Jadi dia orang ada satu *guh*¹⁵ – dia orang punya tapak. Datang dia orang 'kan. Tembak meriam ini; kau tau 'kan – dia orang tidak makan, kalau peluru sebarang. Hantam peluru emaslah! (*Segmen 3*)

Sana Mat Salleh dia cakap, "Kalau begini, tidak tahan!" Sana dia punya rakyat banyak kenalah. Dia teriak, dia bilang, "Siapa kamu tinggalan saya," dia bilang, "Teriaklah kamu! Saya tidak boleh tahan, saya mau lari!" Wah, ini Mat Sator; dia buru saya!" dia bilang. Angkat tangan, wah, apa lagi! "Pom!" Dia sudah kena. Orang bilang Mat Salleh sudah mati – tidak juga! Ah begitu, dia orang angkat itu Mat Salleh. Dia punya kuburan, ini dua *bah*. Saya tidak tau, Tambunankah, di Ranaukah kuburan dia betul ini? Tapi orang bilang di Ranau, bukan di Tambunan. Ah, dia orang angkat. Apalah dia punya orang ni. "Larilah!" dia orang bilang, "Mat Salleh sudah kena!" Dia punya gong bunyi; bunyi sendiri itu gong dia – dia lari! Dia tau dia lari itu musim gong bunyi. "Mat Salleh sudah mati", kata Mat Sator. Ah, begitu ... (*Segmen 4*)

Sudah begitu, "Baiklah," dia bilang. Di Ranau lagi, British brubut sampai sana. Sampai sana dia kena tembak lagi. Satu dia Ranau ini – pokok pisang. Pokok pisang dia punya rupa; bukan dia punya orang. Hah, British tembak dia! Bukan alang-alang peluru – peluru emas baru dia mati! Sudah mati Mat Salleh, lama punya lama, jadi dia Haji Abdul Salam.¹⁶ Ah, dia punya kaki ada kenalah, ada tanda. Ah, dia pergi Inanam, saya tau beliau ada pergi sana – Haji Abdul Salam dia punya nama. Mat Salleh itu. Pasal dia balik sana - dia punya kampung. (*Segmen 5*)

Ah, pasal kami tau itu cikgu, kami sembahyanglah, kau taulah kami Islam 'kan. Haji Abdul Salam bilang, "Bah, sembahyanglah kita, saya mau bali kampung ni." Terus lalu kain itu, dia hilang! Kami tengoklah, orang banyak di sana. "Eh, Haji ini pulang! Dari mana dia pulang?" bilang satu imam di sana. Kira-kira ada sepuluh minitlah; dia pulang balik. Dia bilang, "Kamu sudah sembahyang?" Saya pulang *bah* – sekejab." Ah, orang sudah tau dia itu Haji Abdul Salam; dia ada tandalah. Sekarang dia tidak mau keluar; kalau dia keluar pun, orang anu (British) yang memerintah. Tapi dia tidak mau; dia tutup semua sekaliilah. Begitu dia orang tau; semua tau dia punya orang. (*Segmen 6*)

Lepas itu, lenyaplah dia. Tidak tau dia pergi apa nama itu tempat. Saya dengar dia punya tiang rumah, satu saja. Tiada banyak tiang, satu

saja, rumah dia. Pulau apa? Saya lupa itu pulaulah. Lenyaplah dia, perintah pun tidak ambil pedulilah, ingat dia sudah mati. Pada hal cikgu kenallah; hidup dia itu! Pasal kami tau, tanda dia di kaki itu, orang tua-tua yang bilang. (*Segmen 7*)

Tinggi *bah* dia punya orang itu. Tinggi! Jadi saya juga bukan kedapatan sama dia. Saya punya bapa, dia ada satu buku. "Ah, tengok itu buku kalau kamu orang mau tau dia punya sejarah. Kau orang pandai-pandailah," bilang bapa. Jadi, saya ingatlah dia punya cerita. Saya mana boleh jumpa Mat Salleh; itu waktu saya punya umur baru dua kiranya. Bapa saya yang cerita sama saya. Tapi betul juga; ngam juga itu. Buku tu tulisan jawi, panjang sejarahnya. "Ah, inilah sejarah", saya bilang. (*Segmen 8*)

Sudah begitu cikgu, putus itu cakap dia di Ranau –Mat Salleh punya kubur. Orang tapuk dia di sana, bukan ada apa-apa –pokok pisang. Sampai sekarang, Haji Abdul Salam. Ah, Haji Abdul Salam ada kasi itu hitam, putih, bikin galang sini; dia punya azimat. Semua kasi itu, di Inanam. Kain putih, sama hitam. Dia sendiri pasang tali, 'kan. Kasi sama orang, ikat sini. Ah, itulah, dia kasi itu. (*Segmen 9*)

Hoi, orangnya tinggi juga tau. Tua? Ada tua jugalah. Tapi kau tau orang yang ada itu 'kan, tuanya lain *bah*. Ah, pandai *bah*, itu saja. Dia itu berilmu kerana bapa dia. Si anu – Datu Harun 'kan. Dari dia, dapat ilmu dari sana. Dan kerja dia ini, anak pelihara jin. Dia rapat sama jin; dia pergi hutan, tidak tau berapa lama tu? Dia keluar, jadi ada ilmulah. Tapi kalau ikut orang cikgu, dia punya bapa, orang pandai juga itu. Habis lenyap lepas itu, sampai sekarang, saya tidak tau di mana dia pergi. (*Segmen 10*)

Teks 4

| | | |
|---------------------|---|---|
| Pemberi Maklumat | : | Lues binti Sepah ¹⁷ |
| Suku Kaum | : | Bajau |
| Umur | : | 50 tahun |
| Tempat | : | Berasal dari Kota Belud dan kini menetap di Kampung Masjid, Telipok |
| Tarikh Teks Dirakam | : | 23 November 1996 |

Yang saya tau dulu; orang tua-tua *bah* yang ceritakan itu. Mat Salleh konon-kononnya mau lawan sama itu kerajaan; mau perang tu. Dia mau cuba dia punya ilmu; ilmu kebal 'kan. Itulah sampai dia bikin kubu di Kota Belud. (*Segmen 1*)

Dia punya kubu dipasang bambu sama itu atap. Itulah orang tua-tua yang ceritakan. Ada juga orang kampung ikut sama dia. Konon ramai

juga tu. Bahagian yang dia tinggal cuma beberapa tempat saja *bah* itu. Menggatal ada juga dia tinggal sana sekejap. Inanam pun ada dia tinggal. Betul-betul dia punya bukit di Tambunan tu. Di sanalah tu dia buat bukit yang paling besar. Tambunan sana tu. (*Segmen 2*)

Dia punya bini langsung tidak boleh injak sama itu bumi. Di mananya tempat dia tapuk bininya pun; tak bunyi itu jalan di bumi. Kalau bukan manusia angkat dia; ada satu binatang angkat dia. Walaupun musuh datangkah, apakah, tetap mesti diangkat bininya tu! Kalau injak bumi – takut kena sumpah *bah*. Walau itu senapang bunyi, tembak sini, tembak sana –tidak kena dia orang juga. (*Segmen 3*)

Kalau itu orang tua-tua cerita pasal Mat Salleh dulu, punya syok. Apa senjata tembak sama dia orang pun –tidak kena! Kalau macam ini hari dia orang lari, ‘kan. Mau pergi Inanam; sampai di Inanam sana tu, mau pindah lagi. Bininya bilang, “Bang, kita larilah; nanti kita susah.” Apa macam mau lari? Bininya tidak boleh injak tanah sama sekali! (*Segmen 4*)

Kalau ikut cerita dia orang dulu-dulu ‘kan, Mat Salleh punya ilmu terlampau sudah *bah*. Kalau kau pukul dia, ‘kan. Satu kali pukul begini; dia punya warna kulit sudah jadi lain. Kalau pukul balik, lain sudah kulit dia. Dia punya kulit pandai tukar-tukar; bukan macam kita punya. (*Segmen 5*)

Dia punya rupa; kalau pagi – muda; tapi kalau sebelah pukul 12.00 tengah hari – ada tua sikit. Bila petang itu, sudah putih rambutnya; janggutnya pun pandai putih; jalannya pun pandai begini, begini (ambil meniru gaya orang tua berjalan). Kalau kau meradang sama dia dan kau ada senapang; tetap kau akan tembak sama dia, ‘kan? Sudah kau tembak itu, kau pergi tempat lain dan jumpa sama satu orang. Orang itu akan bilang, “Sayalah *bah* tu!” Cuma lain muka dia saja. (*Segmen 6*)

Dulu neneh saya ada ceritakan pasal dia punya ilmu itu. Apa lagi kau belajar; sedangkan ludah dia saja kau minum, kau pun tidak dimakan parang. Itu pun ludahnya saja. Kau ingatlah dia punya ilmu itu sampai mana sudah? Kalau kau ditembak orang, sana itu peluru terbang – tidak boleh kena kau. (*Segmen 7*)

Nenek saya banyak yang ikut sama dia. Yang betul ceritanya ‘kan. Sudah dia orang itu perang mau kalah sudah. Dia orang bilang, hilang Mat Salleh dari kota tiba-tiba. Ikut cerita waktu itu bininya ada mengandung. Mungkin itulah anaknya satu-satu itu. Selama berperang itu; dia tidak kena peluru atau apa-apa di badannya. Pada akhir itu, dia ada kena di sini-di hujung kaki jarinya; tapi tidak luka. Peluru yang kenakannya itu bukan peluru biasa. Betul-betul Mat Salleh tidak mati; nenek saya cerita pun-Mat Salleh tidak mati!¹⁸ (*Segmen 8*)

Ada sekali air sungai ke kubu Mat Salleh kena tutup.¹⁹ Dia orang tidak boleh ambil apa-apa. Sampai bininya lemah sudah, sebab tidak minum 'kan? Bila mau pergi ambil air, tetap ada penjaga kerajaan mau cari sama dia orang, 'kan? Kalau dia orang mau ambil air, dicuri saja konon. Dia orang pakai itu satu bambu panjang. Itu pun sudah dua hari mau tidak minum. Dia orang tidak kasi minum; tiada apa-apa – pun hidup juga! Tapi dia punya itu pengikut tidak tahan. Lapar boleh tahan; tapi minum tidak boleh – mestilah mau air juga. Itulah dia orang mau pergi curi itu air. Ada banyak penjaga di sana, tetap tidak boleh ambil. Jadi pun kalau dia orang keluar, taulah orang itu di kubu ada orang; sedangkan dia orang pindah pun di sebelah malam 'kan. Kau fikirlah, dia orang cerita dari Inanam ke Sungai Sugut – satu malam dia orang boleh sampai. Apa dia punya ilmu itu? (*Segmen 9*)

Lagi dia orang cerita 'kan, empat puluh empat hari dia hilang; tidak minum, tidak makan itu barang apa-apa pun; dia tidak pandai mati. Berapa orang lawan sama dia pun; dia tidak kalah punya. Itulah itu orang tua-tua tanya itu cucu *bah* 'kan, "Kamu orang taukah?" dia bilang, "Mat Salleh apakah sebab dia empat puluh empat hari tidak makan nasi dalam kubu dia, masih boleh hidup?" (*Segmen 10*)

Sudah beberapa puluh tahun Mat Salleh itu hilang 'kan. Yang dulu tu, tiba-tiba itu–ah, Datu Mustapha ada. Orang pun tidak tau dari manakah dia itu datang 'kan? Tiba-tiba saja Tun Mustapha itu ada. Dan, bilang Bajau tu, "Itu Tun Mustapha itu 'kan, memang ada kaitan sama itu Mat Salleh."²⁰ (*Segmen 11*)

Pasal dia sudah hilang, sudah beberapa tahunlah dia hilang; hilang saja bukan dia mati. Ada satu orang tua dulu pergi mencuba ilmu satu orang tua di Gunung Kinabalu sama itu budak-budak satu jantan. Jadi kehilangan Mat Salleh juga sama seperti juga itu jantan. Jadi mungkinlah dia orang kaitkan begitu... Kemudian ada orang ceritakan; ada orang kampung tidak mau diganggu apa-apa. Kau tau juga 'kan, dia orang mau lawan sama itu kerajaan. Dipujuk begini, begitu – tidak jadi. Jadi, mereka tu tetap mau lawan kerajaan tu. Apabila sudah begini, tiba-tibalah si anu itu muncul–Datu Mustapha. Jadi orang tua-tua dulu kaji dia; dari manakah dia, orang dia dari mana, dari mana? Ada sekali Datu Mustapha ada di kampung 'kan. Ada orang nampak kakinya ada bekas begini. Sebab tulah dia orang kaji. (*Segmen 12*)

Orang Kota Belud 'kan, dia orang sana tau kelahiran Mat Salleh dan dia orang tau kehilangan di mana Mat Salleh. Apa macam dia tu ada kaitan dengan Tun Mustapha. Dia orang boleh tau tu! Itulah dia orang pandai. Kami punya nenek satu perempuan ada ikut sama itu Mat Salleh. Tapi itu ilmu tidak tinggal dalam kami punya keluarga. (*Segmen 13*)

Ada sekali nenek saya cerita 'kan, tiba-tiba ada muncul seorang tua 'kan di surau di Kampung Labuan. Jadi ramai orang pergi sana. Panjang dia punya cerita pasal orang tua itu yang datang 'kan. Malam-malam banyaklah itu orang pergi sana, tapi dalam dua tiga hari itu. Bila tengah hari; setengah tua dia; nanti kalau sudah petang, bila dia ambil air sembahyang di tepi sungai tu-ada janggut putih sudah."Ah, inilah Mat Salleh!" bilang nenek, "Apa macam pun, tetap Mat Sallehlah!" Lepas itu datanglah Jepun. Datangnya Jepun di mana kampung juga ada itu surau. Terbakarlah semua surau itu sama itu Jepun. Tapi cuma surau di Kampung Labuan sana-kalau periuk api jatuh dari atas kapal terbang buangkan; bukan jatuh di atasnya-di sana dia terbang. Surau itu tidak pandai kena apa-apa. Lain tempat itu sudah kena semua. Itulah tempatnya kasi hidup orang yang lari ke situ. Surau itu ada singgah sama itu orang tua. (*Segmen 14*)

Pasal baju kebal Mat Salleh tu 'kan, habis berperang itu, tiada lagi yang anu *bah*. Jadi itu bajukah, apakah, siapa yang ada di sana, kasihilah. Ceritanya itu baju bukan untuk dia sendiri. Itu baju...macam siapa yang rapat sama dia 'kan, itu yang dia kasi pakai. Sebab tiada kebal ilmu orang itu. Mat Salleh tidak pakai itu baju kebal. Dia punya ilmu tetap ada di badannya. Saya rasa ceritanya begini...Itu baju kalau bukan tujuh, berapa? Kau tau itu benang bukan benang biasa konon. Orang dari jauh tidak boleh bikin itu baju, orang Kota Belud *bah* yang bikin. Benangnya berasal dari itu pisang. Kau tau itu kulit pisang 'kan. Boleh dibuat kain, boleh dibuat apa-apa. Bila dia orang rasa dia tidak boleh lawan sudah, itulah dia orang bikin itu baju kebal. Dia kasi pakai dia punya orang. Saya dengar tujuh orang dia punya pengikut. Ini orang Bajau dulu; kalau pergi berperang; angka lapan tidak boleh. Kalau ikut cerita dia orang; kalau ada orang jalan genap, tetap dia orang mati. Itulah baju kebal itu dibuat dalam angka tujuh. Beginilah cerita pasal Mat Salleh tu. (*Segmen 15*)

Teks 5

| | |
|---------------------|---|
| Pemberi Maklumat | : (i) Nasip bin Kumpar dan (ii) Haji Atim ²¹ |
| Suku Kaum | : Kedua-duanya orang Bajau |
| Umur | : (i) - 72 tahun dan (ii) - 62 tahun |
| Tempat | : Kampung Beringgis, Kinarut |
| Tarikh Teks Dirakam | : 9 November 1996 |

Tahun dua puluh em... sembilan, Haji Abdul Salam ada datang di Kinarut. Pertama, dia datang di Kinarut. Kedua, dia pergi Beringgis. Ketiga, dia datang ke Kawang. Jadi, sudah dia pergi Kawang; dia balik

pergi Kudatlah. Kata dia orang 'kan? Dia balik jumpa anaknya. Anaknya itu sebenarnya ada dalam cerita saja, tapi kita tidak nampak sama dia. "Anaknya dalam jagaan orang," dia orang bilang. (*Segmen 1*)

Saya bilang, bukan saja saya pernah jumpa sama dia. Saya ada pegang dia punya belakang lagi. Saya yang pegang dia punya belakang – urut, urut dia punya belakang. Kira-kira masa itu tahun dua puluh sembilan. Kira-kira lima, enam tahun saya. Saya dilahirkan masa itu, tahun dua puluh empat. Masa itu saya lima tahun; macam mana tidak boleh ingat? Dia datang di Kinarut, tempat kami orang kira-kira ada lima harilah. (*Segmen 2*)

Pakaian dia itu macam orang dulu pakai itu celana panjang. Dia pakai juga baju kot; pakaiannya macam Haji; macam orang Kota Beludlah. Kulitnya kurang lebih macam kita. (*Segmen 3*)

Di Kinarut; dia ada naik atas perahu. Perahu itu dia kasi naik atas; kasi isi air. Dia panggil ini orang-orang semua dalam kampung. Dia kasi mandilah. Kasi mandilah begini...begini...Lepas itu dia ada kasi azimat, macam itu Tua Pek Kong²² punya. Itu azimat macam ada tiga jenis *bah*. Ada ikat dengan kain – kain kuning, putih dan hitam. Orang pakai itu azimat; itu Jepun punya *time*, ditembak pun; jauh itu peluru pergi. Tapi sekarang mana ada lagi? Satu orang pun tidak ada...(*Segmen 4*)

Bila dia sudah balik; dia pergi Pengalatlah. Dia bikin lagi kasi kumpul-kumpul itu orang semua di sana – kasi mandilah di sungai. Selepas dari Pengalat, dia pergi Kawanglah. Tapi orang Kawang masa tu, orang bilang Jawa saja. Orang Kawang tidak peduli; dia orang kasi makan dia di dalam tempurung. Makankah, airkah – di tempurung orang Kawang kasi. Jadi kemudian dia bilang – "Terima kasihlah!" Tapi kemudian nampak itu orang tua-tua, beliau Jaya sama itu beliau Jumbong. "Eh," dia orang bilang. "Bagus kita naik atas rumah, apa bikin di sana? Kita hormat sama orang; walaupun orang Jawa, orang apa, kita hormat tetamu di rumah." Sudah kemudian naik di atas rumah begitu, begini ... Dia mau kira mandi orang Kawanglah. Tapi belum mandi; dia bilang, "Tidak apalah, kau cukur saja saya punya rambut." Kepada itu beliau Jumbong. Jadi dia pun cukur dia punya rambut. "Eh, kenapa ini pisau tidak tajam ni, pak?" dia bilang. "Saya juga tidak makan itu pisau," Haji Abdul Salam bilang. Pisau itu berbunyi – 'pekk!' saja. Jadi sudah begitu, dia gosok-gosok kepalanya, begini, ah, habis dia sudah gosok, makan itu pisau di kepala dia pula! Lepas itu dia cukur; dia sendiri cukur. Nah, itu orang nampak saja itu rambutnya jatuh atas tanah; itu orang pungut jadi azimat. (*Segmen 5*)

Sudah begitu dia baliklah. Balik pergi rumah. Dia bilang, "Saya punya jam sudah sampai. Mau jumpa tunggu saya ada umur. Kita jumpa lagi."

Dia bilang, "Kalau tidak, anak saya yang berjumpa dengan kamu." Itu saja dia punya pesanan. (*Segmen 6*)

Yang betul saya rasa, dalam fikiran saya sendiri ataupun Mat Salleh ini waktu dia undur, undur, undur pergi anu-Pensiangan. Rakyatnya semua pergi sanalah; ikut dia punya belakang. Jadi kemudian itu, British pun mau brubut punya brubut²³; tembak punya tembak; dia orang hantam balik dan kumpul sama itu Bajau. Cerita yang saya dengar sama itu orang; mata saya nampak-tidaklah! Jadi sudah jadi begini, ini Pensiangan ini; taulah – macam dia orang tua; saya orang tua – ada yang menyokong sama Mat Salleh; ada yang menyokong sama itu British, 'kan? Jadi, siapa yang mengikut British; itu yang mendapat pangkatlah! Jadi macam ada yang jadi ketua kampunglah, kiranya. (*Segmen 7*)

Itu British bilang, "Kami beri kemajuan kepada orang-orang kampung." Jadi, ada orang-orang kampung jadi kayalah. Tapi, Mat Salleh tidak kayalah; sebab dia tidak ikut sama itu British, 'kan. Jadi, kemudian, anulah, dia larilah! Akhirnya dikatakan orang dia sudah mati. Tapi dia tidak mati!²⁴ Orang bilang ada dia punya mayat; tapi mayat itu cuma pemandangan saja. Ah, macam pisangkah; kayukah, 'kan? Jadi orang tengok balik; dia yang jadi Haji Abdul Salam. Ah, dia tukar nama, takut ditangkap British! Jadi masa dia datang sini; dia pandai tua; pandai muda bah itu orang. Tapi orang Kinarut tidak anggap begini, begitu; dia orang bilang, "Mat Salleh ini, dia lalah Haji Abdul Salam!"²⁵ (*Segmen 8*)

Orang bilang dia tiada anak. Tapi Haji Abdul Salam bilang dia ada anak. Itulah dia bilang, anaknya akan bantu kamu di muka bumi ini. Dia bilang, "Semua orang Islam atau bukan Islam. Semua saya bantu. Jajahan ini dalam British, 'kan." Jadi sudah begitu-betul juga; ada anak dia itu orang pelihara; yang sebetulnya anak dia di pelihara sama itu Datu Harun. Anak Haji Abdul Salam itu-Tun Mustapha. Datu Harun cuma bapa angkatnya.²⁶ (*Segmen 9*)

Waktu dia mau pulang 'kan; keretapi sudah di setesyen *bah*; tapi dia masih di rumah. Dia bilang, "Tidak apa, tunggu *bah* itu barang. Pasal saya baru mau mandi." Tapi kami orang fikir ini apa macam? Itu keretapi sudah sampai! Kemudian sampai dia di sana, keretapi baru jalan. Masa itu dia balik Kudat *bah*. Orang bilang dia orang Paitan; itulah dia orang bilang. Saya pun tak tau; dia itu hilang atau pun tidaklah. (*Segmen 10*)

Ah, mengikut cerita, masa Mat Salleh meninggal 'kan. Ikut ceritalah, ah, saya tolong sama ini abang saya sambungkan cerita.²⁷ Mengikut orang punya cerita; ada makcik dia masa Tun wafat. Jadi orang mau kuburkan dia di sanalah- di tempat saya orang sana. amu taukah, kenapa Tun

Mustapha kena kuburkan di sini? Orang kampung tidak tau. Dia bilang, "Bila mana Tun Mustapha umur belasan tahun. Tidak tau barangkali umur lima belas, lapan belas atau sepuluhkah, berapakah? Jadi bapa dia ada bawa melawat itu dia punya kota pertama kali dia melawan British." Jadi dia bilang, "Kalau kau mati nak, kau mintalah dikebumikan di sini. Kerana inilah kubu yang pertama untuk saya melawan British." Dia orang bilang, "Kau taukah apa sebab itu Datu Harun bukan bapa dia betul?" Manakala British sudah langgar dia; dia rasa akan tewas; dia kasi tau Datu Harun, "Kau akunlah isteri ini isteri kau; kau akunlah anak ini anak kau; saya ini sama ada hidup atau mati." Jadi dari situ dia ghaiblah. Pandai hilang itu.

(Segmen 11)

Satu kali dia timbul-pertama kali dia tinggal di Ketiau, itu cerita abang saya. Jadi dia timbul di Ketiau; malam itu dia minta picik sama orang. Dia orang picik, picik badannya. Jadi dia orang bilang, "Keras betul badan kau ni nek!" Jadi dia orang ini tidak puas hati; dia orang tengok jari kakinya, ada tanda. Mestinya rupa kau. Orang bilang kau mati, rupanya kau hidup! "Janganlah kau orang ni," dia bilang, "Ini sudah jajahan British, nanti kau orang ni susah. Yang nama saya betul-memanglah Haji Abdul Salam; sayalah Mat Salleh. Ah sah, memang betul dia Mat Salleh. Jadi sambung dia punya cerita; itu anak dia mati; mau kubur di masjid, dia ada tempat di situ 'kan. Tapi dia tidak mau di situ, dia minta dikuburkan di Putatan. Jadi sudahlah dia mati. Itulah sejarah dia. (Segmen 12)

Teks 6

| | |
|---------------------|-----------------------------|
| Pemberi Maklumat | : Mali bin Nayan |
| Suku Kaum | : Bajau-Suluk |
| Umur | : 100 tahun |
| Tempat | : Kampung Kalasanam, Inanam |
| Tarikh Teks Dirakam | : 26 November 1996 |

Ada pun dulu Mat Salleh tinggal di Inanamlah. Tapi dia punya negeri di sana; apa nama tempat itu? Macam itu orang Suluk itu. Dia turun sini, ada dia punya nenek sini-Inanam ini! Habis, lama, lama, lama, lama; dia berpakat *bah-tujuh orang*²⁴, pakai perahu. Di sana lagi, ah, itu Pulau Gaya ada kedai; dia turun tujuh orang. Dia orang pakai perahu - pergi sana. (Segmen 1)

Jadi datang sana; banyak orang ini kena *jail*. Orang Dayakkah; orang berapa bangsa kena *jail* itu. Habis Mat Salleh naik sana itu; dia tengok itu *jail*, macam besi dia punya kancing. Dia satu kali hentak, buka terus itu besi! Orang itu dalam *jail* semua ikut sama dia, jadi, apa lagi, dia bukalah itu pintu

semua. Jadi banyaklah orangnya, apa bangsalah : Murutlah, itu bangsa semua ikut dia di Pulau Gaya itu. Jadi, habis keluarlah itu; habis semua ikut dia. Jadi banyaklah dia punya rakyat itu. Bertambah lagi dia punya kuat. Itu Mat Salleh punya kuat bukan mainlah, janganlah kau! Jadi sudah itu; dia orang ikut sama dia pulang di rumah.²⁹ (*Segmen 2*)

Ahlah, itu Mat Salleh boleh lenyap; hilanglah dia itu! Dia itu punya kuat-bukan ada lawan dia punya kuat itu. Pasal itu dia lawan sama perintah ini, enam tahun lawan perintah. Kau tengoklah, dia ada kota di sana-Tambunan, 'kan. Sanalah dia kuat lawan. Habis dia punya rakyat semua penuh sana. Habis dia taulah itu perintah punya kuat, dia jalan juga sana. Lawan juga sama perintah. Habis dia orang atur itu ubat³⁰, tidak boleh lawanlah. Habis itu sungai pun kena tutup; itu tempat ambil air habis kena tutup.³¹ (*Segmen 3*)

Dia ada dia punya kota sini, atas bukit itu. Dia lawan juga itu. Habis itu perempuan di rumah itu pergi sana tapuk. Kalau tidak, perintah tau sudah. Dia orang tembak di rumah. Tapi kalau dia orang nampak Mat Salleh turun dari kota, semua lariiii...! (*Segmen 4*)

Kalau dia nampak itu perintah 'kan- trop, trop, trop! baris itu peluru. Dia turun dari itu kota, semua undur pergi masuk kota. Dia bawa pedang satu saja ini macam, bukan dia bawa itu senapang, tidak! Dia satu kali, satu kali potong – putus saja. Dia punya kuat, Tuan Allah ada tolong sama dia juga, pasal ini macamlah. Kebalnya itu, tembak tidak kena *bah*. Itu tembak dia; kalau itu peluru baris —trop, trop, trop! berapa susun dia, trop, trop, trop baris sama dia; dia turun sama dia punya pedang. Semua lari; asal dia orang nampak dia. (*Segmen 5*)

Dia sembahyang di kota dia, ngam-ngam dia sembahyang; dia kena tembak, lepas dia kena tembak, dia terus hilang, ghaib! Hilang dia terus, tidak tau hilang di mana? Habis dia hilang, dialah itu Haji Abdul Salam.³² Dia pergi sini, semua orang tau sama dia; dia kasih itu bubur sama itu budak-budak. Semua budak-budak makan itu bubur dia. (*Segmen 6*)

Teks 7

Pemberi Maklumat : Yaakub Awang Duraman

Suku Kaum : Bajau-Brunei

Umur : 74 tahun

Tempat : Kampung Seberang Putatan, Putatan

Tarikh Teks Dirakam : 30 Oktober 1996

Waktu saya tau ini Kota Mat Salleh zaman British. Ah, kalau saya orang pergi bukit, ada buah-buahan ini-orang beliau dulu-dulu yang kasi tanam. Dia orang dulu tua daripada saya. Dia orang kasi taulah - ini Kota

Mat Salleh. Macam saya punya nenek; saya tanyalah, "Kenapa ini nama Kota Mat Salleh ini?" "Ini Mat Salleh zaman British," dia orang bilang, "Dia ini pasal berkenaan dengan ini wang cukai kepala *bah*." Dulu British minta cukai kepala satu ringgit setengah satu tahun, bayar cukai kepala *bah*. Tapi oleh sebab barangkali dia tidak mau *bah*! Orang kampung mana ada duit mau bayar, 'kan. Jadi dia tidak sanggup bayar itu cukai-cukai tanah; habis dia buat satu jalan beginilah. (*Segmen 1*)

Dia juga ada yang ikut sama dia. Ada yang juga tidaklah, 'kan. Jadi sudah begitu; dia kacau di Pulau Gaya sana, 'kan. Cerita dia ini; dia memang dari Inanamlah. Dia pakai perahu pergi pulau sana 'kan; dia lawanlah! Tapi dia ambil orang sini, orang sana; masuk kampung ini, masuk kampung sana tu, dia punya cerita. Kalau dia sini sudah kacau, ah, kalau British sini; dia sekejap sudah pergi Tambunan *bah*! Orang pun hairan. Sebab kita fikir 'kan? Ah, sekejap di sini – sana sudah dia di Tambunan. Sekejap, sekejap dia jalan *bah*. Tambunan dulu bukan macam sekarang punya jalan. Itu mau jalan berapa bulan, 'kan. Baru sampai! (*Segmen 2*)

Jadi daripada itu punya pasallah, tapi oleh sebab ini 'kan; saya ceritalah, orang dulu 'kan. Orang itu ada ilmu, ah, kalau dia ada sepuluh ilmu; tidak boleh kasi habis bah. Kalau dia kasi habis; dia punya rakyat bunuh sama dia balik. Ah, ini Mat Salleh begini, orang bilang ada dia punya murid, ah, dia ajar-ajar dulu. Mat Salleh punya cerita. Mungkin dia sudah tunjuk dia punya murid begini. Itulah dulu British itu pandai; macam itu orang Kota Belud dulu 'kan. Siapa yang paling kuat di sana 'kan. Dia orang kasi pangkat. Dia orang suruh cari Mat Salleh. Jadi dia orang tolonglah sama British. Ah, dia suruh bunuh Mat Salleh balik. (*Segmen 3*)

Jadi ini Mat Salleh fikir 'kan. Kalau dia lari sini; orang susah hati ikut sama dia; lari pergi sana pun susah. Dia buat satu sejarahlah 'kan. Dia sanggup mati sajalah! Dia punya mati; banyak orang bilang tidak betul. Supaya jangan itu kampung dikacau. (*Segmen 4*)

Itulah pasal apa? Kalau sudah ada 'kan. Macam di sini 'kan. Macam itu polis dulu 'kan; dia ada suara *bah*. Siapa dia di sini? Mat Salleh! Sekejab dia lari sana, Mat Salleh juga! Dia punya suara macam dia punya rakaman 'kan. Macam sekarang di mana? Ah, di Putatan – Mat Salleh juga! Orang bilang di K.K sana, ah, Mat Salleh juga! Eh, orang itu pun hairanlah, eh, Mat Salleh sini- kenapa dia boleh di sana pula ah! (*Segmen 5*)

Jadi pada masa itu, dia punya cerita 'kan. Dia orang bilang, "Ah, inilah tempat Mat Salleh lari, dia bawa dia punya orang di kota ini." Ah, habis itu, waktu Jepun, saya ada lari di sana tapuk. Bukan senang mau jumpa; itulah orang bilang, "Kota, kota, kota!" Itu Kota Mat Salleh 'kan?

Dia orang bikin itu lubanglah, mana tau macam kena tembakah; apakah. Tapi itu sejarah Mat Salleh; bukan dia ada apa-apa senjata; dia pakai parang saja *bah*. Kalau dia orang ada senjata, banyak dia punya orang – dia mana boleh kalah ‘kan. Itulah orang atur dia punya sejarah; pasal dia punya semangat *bah*. Semangat apa. Mempertahankan tempat! Kalau macam sekarang ‘kan? Begini di punya berani-memang rakyat setia ‘kan? (Segmen 6)

Dia punya parang itu ah, susah kita mau angkat. Orang tua punya cerita ah, kalau dia punya parang; kalau dia angkat-boleh. Kalau kita bawa dia punya parang-tidak boleh ah! Dia punya parang ah, kalau itu bambu-bambu besar begini ah; eh, sekejab sudah kena potong ah! Dulu Mat Salleh susah mau kalah. Kalau dia kena tembak, mana dia ada apa-apa. Kebal dia *bah* itu; dia kebal itu! Memang dia orang ada ilmu punya. (Segmen 7)

Habis datang itu Haji Abdul Salam. Susah orang mau cakap punya. Orang tua siapa sampai sekarang; dia punya umur sembilan puluhkah, seratus lebihkah, pun susah mau jumpa. Pasal ini satu beliau ah, bukan senang mau jumpa sama dia. Dia ada masa baru kita boleh jumpa sama dia. Macam ada...apa orang bilang- baru orang boleh jumpa. Saya pun hairan, apa macam saya boleh kena jumpa sama dia? (Segmen 8)

Saya punya mentua dulu bilang, “Kalau mau tau Mat Salleh; kalau dia buka dia punya kepala ni, dia orang bilang. “Dalam sini *bah* (ambil menunjukkan bahagian tengah kepalanya); macam ada sungai.”¹³ Tapi Haji mana mau buka itu kain di kepala. Tapi itu waktu ah, saya pun tidak berani mau cakap banyak-banyak. Dia pun tidak banyak cerita. Kalau kita tanya, “Ah, ini apa nenek?” “Ah, ini” dia bilang. “Kalau ada apa-apa kacau, gaduhlah, jangan takut. Kalau ada apa-apa penyakit – jangan takut.” (Segmen 9)

Kalau saya cerita ah, pasal itu Haji Abdul Salam. Saya tidak tau dia dari Bruneikah; dari manakah? Kulitnya putih saja. Dia punya gaya; kalau cakapkah, ah, senyum-senyum itu orang. Tapi dia tidak berani cakap dia dari mana. Saya orang bercakap bukan banyak sama dia. Kalau kita tanya sama dia, “Nek, ini apa ni?” Bukan duduk di rumah tanya; dia bawa di mana-mana saja, kasi —kasi itu wafak cincin ‘kan. Tanyalah, “Ini apa guna nek ni?” Dia bilang, “Ini mana tau ada orang gaduh, gaduhkah, ah, penyakit apakah. Jadi tidak rasa takut, kalau mandi.” Itu saja dia punya cakap. (Segmen 10)

Tapi kalau sekarang ah, kita cerita pasal itu Haji Abdul Salam macam saya punya pandangan mata ada nampak. Macam ada ah, macam saya nampak dia punya gaya *bah*. Eh, dia bawa dia punya beg itu ‘kan, besar dia

punya beg itu. Itulah saya bilang, kalau dia mau bermiaga; dia juga bukan minta duit. Tidak *bah*; waktu itu bukan juga orang ada banyak duit *bah*. (*Segmen 11*)

Habis dia jalan, baru itu Jepun datang. Patut juga Jepun datang ah, baru saya ingat sekarang ah, kena juga Haji punya cakap. Pasal waktu dia kasi itu barang; dia bilang, "Mana tau; ini kampung kacau nanti – ada gaduh!" (*Segmen 12*)

Ini Haji Abdul Salam; dua hari, tiga hari dia datang. Di sini, dua harilah ini macam. Dia memang tidak lama tinggal punya tu. Dia punya cerita begini; kalau saya jumpa sama dia panggilah "Nenek!" 'kan? Saya bilang, "Nenek dari mana datang?" "Eh," dia bilang, "Saya datang tidak tentu dari mana; saya suka jalan-jalan." "Nama nenek, siapa?" saya bilang. "Haji Abdul Salam." Ah, dia bilang itu saja. (*Segmen 13*)

Kalau ada orang sakit mata; dia bawa pergi itu sungai sana. Dia siram-siram sama itu air sungai; tidak tau apa yang dia kasi baca-baca kasi hilang itu sakit mata. Kadang-kadang itu kudis 'kan? Kau tunggu satu hari; pandai hilang tu! Jadi dalam saya orang punya hati, eh, saya punya sangka 'kan, "Jangan-jangan ini Mat Salleh ni!" Tidak ada orang tau dia betul-betul Mat Sallehkah, siapakah? Saya sendiri yang ingat macam ini *bah*; macam ada perasaan *bah*. (*Segmen 14*)

Tapi ini ceritalah 'kan? Banyak orang bilang Mat Salleh tidak mati. Dulu dia kena brubut (kejar), kena brubut – dia bikin satu benda. Jadi dia bikin satu benda sana ah, jadi British tidak kacau lagi *bah*. Ah, itu orang bilang – at Salleh sudah mati! (*Segmen 15*)

Teks 8

| | | |
|---------------------|---|-----------------------------------|
| Pemberi Maklumat | : | Haji Ampuan Hamzah bin Ampuan Ali |
| Suku Kaum | : | Melayu - Brunei |
| Umur | : | 63 tahun |
| Tempat | : | Kampung Benoni, Papar |
| Tarikh Teks Dirakam | : | 25 Oktober 1996 |

Mat Salleh... nama betul – Haji Abdul Salam, em ...nama samaran. Dia juga Abdul Salam; dia juga Mat Salleh. Sesudah dia sudah mati, Mat Salleh diistiharkan oleh kerajaan British Charted Kompeni –mati! Ubah nama Abdul Salam. Orang Sabah percaya Mat Salleh tidak mati. Begitu *bah* kepercayaan orang Sabah Mat Salleh tidak mati.³⁴ Itu sebab, kalau macam-macam peristiwa berlaku; orang bilang itu Mat Salleh. Sebetulnya, kalau ikut kajian kata orang yang ada pelajaran; semangat itu yang hidup *bah*. (*Segmen 1*)

Ya, Abdul Salam ada tinggal di Benoni. Jadi kasi mandi orang Benoni. Dia datang hampir tahun Jepun sudah. Dia sudah janggut putih; semua sudah putih. Kasi mandi itu orang. Dia kasi mandi satu-satu orang; mana yang dia kasi mandi; sudah umur panjang sampai hari ini pun ada. Mandilah, macam masuk dia punya kekuatan lebih tu. (*Segmen 2*)

Dia kasi mandi orang kampung dan kasi itu azimat. Azimat bukan azimat tulis. Dia kasi itu kain hitam sedikit, sedikit ini macam. Orang simpanlah. Kalau dikira 'kan; waktu Jepun, mana ada orang sana kacau? Orang Jepun pula yang kena bunuh di sini. Kalau sini dia kasi tiga azimat 'kan, ertinya tiga orang itu apa dia punya cakap pun ikutlah. Bukan dia bagi semua orang. Macam ini Pengalat; dia bagi dua atau tiga azimat; Kawang dia bagi dua atau tiga – begitu. Orang itu jadi dia punya kaptenlah itu. (*Segmen 3*)

Dia bukan lama datang. Tiga hari; tiga hari satu tempat. Tapi kalau tidak salah; tahun tiga puluh sembilan *bah* itu. Tiga tahun kemudian; baru Jepun datang. Itulah orang bilang, mana-mana yang sama-sama ikut dia perang di Pulau Gaya; macam nenek saya yang kasi tau. (*Segmen 4*)

Teks 9

| | |
|---------------------|----------------------------------|
| Pemberi Maklumat | : Ismail bin Abbas ³⁵ |
| Suku Kaum | : Bajau |
| Umur | : 57 tahun |
| Tempat | : Kota Kinabalu |
| Tarikh Teks Dirakam | : 2 November 1996 |

Haji Abdul Salam ada di Tenghilan *during nineteen fifty eight*. Waktu itu saya sudah lapan belas tahun. Dia datang selepas pendudukan Jepun. Ya, tahun lima puluh lapan. Jadi, apa-apa pun; dia itu *moving around bah*. Dia datang sini ajar silat 'kan. Dia itu guru silat *bah*. Dia macam mencari makan secara itulah. (*Segmen 1*)

Dia tidak berani keluar sebab dia masih takut British. Waktu itu Sabah masih di bawah British. Waktu dia datang di Tenghilan; dia jumpa satu orang namanya Lalin bin Tut. Lalin bin Tut ini bawa dia tinggal di rumahnya. Kemudian apabila sudah tinggal di rumah; Lalin ini minta dia mengajarlah dia orang silat. Jadi ramai kami budak-budak waktunya itu umur antara sembilan belas, dua puluh tahun begitu ikut serta belajar sama dia. (*Segmen 2*)

Saya sendiri bercakap sama dia, tanya dia, siapa sebenarnya dia? Jadi dia rasa keberatan. "Nama saya Abdul Salam," dia kata. Masa itu rambutnya sudah putihlah; sudah tualah waktu itu. Barang kali dalam tujuh

puluh tahun umur dia. Badan dia, kecil; bajunya, apa nama - pendek lengan. Seluarnya pendek juga. Kemudian dia ada pakai gelas mata. Dia pakai itu gelas mata yang boleh bawa masuk dalam air untuk tembak ikan. Jadi, dia gunakan cermin itu untuk membuat jala tangkap ikan. Itulah kerja dia; kalau dia tidak mengajar silat. (*Segmen 3*)

Lebih kurang empat bulan dia di Tenghilan. Lepas itu dia *moving from district to district*. Dia ajar ini-silatlah. Sebab dia mengindari pemerintah; pada fikirannya, British masih cari dia. Tapi sebenarnya, British tidak lagi cari dia. Anggap dia sudah mati, waktu di mana...ya, di Tambunan. Tapi saya yakin bahawa dia itu Mat Salleh sebab dia ada tunjukkan luka di kepala dia, besar! Luka di kepalanya itu besar; tengkoraknya pecah tapi tertutup balik oleh kulit-macam kena tembak. Jadi bila saya baca cerita Mat Salleh, dia memang kena tembak di kepala juga. Tapi dia tidak kata yang dia itu Mat Salleh. Dia Abdul Salam, dia kata.³⁶ (*Segmen 4*)

Kemudian kami pun belajarlah silat empat bulan. Kami bayar dalam sekitar satu ringgit sahaja, satu orang dalam satu bulan. Tapi nilai wang waktu tahun lima puluh lapan memang tinggi. Jadi dia ajar kami; dia buat gelanggang dalam belukar. Tidak ada orang tengok bila dia ajar silat. Orang lain dia tidak suruh tengok. Murid dia saja. Rahsia silat banyak dia ajar. Kemudian ilmu jampi dia adalah semua itu. Dan setiap malam Jumaat; dia pilih malam Jumaat untuk kami belajar. Dua kali dalam satu minggu. Malam Jumaat dan malam Isnin; dia pilih itu untuk kami belajar silat. Selalunya waktu terang bulan, baguslah. Tapi kalau tidak terang bulan, dia buat itu lampu. Lampu apa? Minyak tanah dia buat keliling. Jadi, teranglah tempat belajar kami itu. (*Segmen 5*)

Bila dia sudah ajar dua tiga minggu begitu. Dia bawa kami pergi ulu sungai. Jauh dalam dua batu jalan. Tempat itu dalam hutan besar, ada sungai sana; dia kasi mandilah. Sana kami berdiri; kami itu ada sepuluh orang 'kan. Semua berdiri di tepi sungai. Dia berdiri satu orang di bawah sungailah. Ah, dia ambil itu air sungai; dia siramlah kami. Dia ada bacabaca tapi dia tidak ajar kami apa yang dia baca itu. Itu ilmu dialah. Kononnya itu kasi kuat imanlah yang dibaca itu. Kuat iman ah, macam kepercayaan kepada Tuhan semua itu. "Kalau kita ragu-ragu," dia bilang, "Kita kena goda. Macam kita lembap; ada binatang-binatang besar." Kalau kita cukup yakin; semua itu sepintas lalu saja - begitu. Jadi setiap malam Jumaat, kami mesti dimandikan. Dan itu juga boleh mencepatkan pandai silat. (*Segmen 6*)

Dia juga ada kasi itu wafak cincin. Wafak itu dalam ... *I think* bahasa Arablah. Itu bukaan cincin; ia macam timah. Kemudian ia tulislah ayat-ayat Quran di situ. Ada dia bawa itu. Dia nanti bungkus dengan kain hitam, ikat sini-di lengan, kain hitam, ah, begitu. (*Segmen 7*)

"Ini, kalau Tuhan tolong," dia bilang, "Tidak luka oleh paranglah." Kalau dia mau kasi itu wafak. Dia kasi yang terakhir ini; bila dia mau pulang sudah. Bila dia anggap sudah tamat pelajaran silat; dia kasi ini wafaklah. Lepas itu dia macam hilang begitu saja. Memang anak-anak muda dulu; dia orang memang berani; kalau ada itu wafak, naik semangat itu! (*Segmen 8*)

I think Mat Salleh punya orang semua ada itu wafak. Jadi ini sebab menjadikan orangnya berani. Mata Mat Salleh itu tajam. Tajam mata dia itu! Susah mau tengok *bah*. Macam Tun Mustapha punya mata, tajam juga. Tapi Mat Salleh lebih. Badan Mustapha hampir sama dengan dia. Kalau tengok fizikal, Mat Salleh dan Mustapha – sama . Tapi ada orang kata badannya ada masa tinggi; ada masa rendah – itu macam. Mustapha begitu; waktu dia hiduplah. Orang cakaplah. Dan Haji Abdul Salam memang begitu; dia punya badan. (*Segmen 9*)

Teks 10

| | |
|---------------------|--------------------------------------|
| Pemberi Maklumat | : Pianus Guntavid @ Joseph |
| Suku Kaum | : Kadazandusun |
| Umur | : 38 tahun |
| Tempat | : Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu |
| Tarikh Teks Dirakam | : 13 Mac 1997 |

Yang saya tau cerita Mat Salleh dari orang tua di Kampung Kepayan Lama itulah. Di Tambunan itu; dia ada dua cerita *bah* sebenarnya. Yang satu *pro*; yang satu *kontra*. Yang *pro* Mat Salleh itu memang di kawasan Tibabar dan juga kawasan Kampung Kepayan Lama. Itulah cerita *pro* dia. Maksud *pro*, mereka itu sambut kedatangan Mat Sallehlah. Maksudnya, dia orang terima Mat Salleh itu sebagai seorang pemerintah. (*Segmen 1*)

Tapi orang yang di sebelah Sinsuran di sana itu; dia orang tidak setuju ah, kedatangan Mat Salleh. Sebab dia orang ini tau Mat Salleh ini tidak begitu baik dengan British. Tidak juga cakap orang Sinsuran ini *pro* British. Mereka sana kira salah satu kampung yang terbesar di Tambunan. Mereka itu bukan juga *pro* British tapi *pro* peace; mereka itu mau keamanan. (*Segmen 2*)

*People in Sinsuran considered Mat Salleh as an intruder *bah*; nobody is supposed to rule Tambunan. Eventhough the British; they*

were not suppose to be there. Tapi Mat Salleh pergi sana. Dia kasi nampaklah itu surat. Dia bilang, "Ini surat dari Sultan Brunei." *According to some people*, dia buat-buat itu suratlah. Orang yang *pro* Mat Salleh; dia orang terima dia lah. Tapi ada orang bilang; siapa yang tidak mau ikut; Si Mat Salleh akan *chop* dia punya *head*. (*Segmen 3*)

Actually, yang bikin itu Kota Mat Salleh, orang Kampung Kepayan Lama sendiri yang buat. Yang di Tibabar itu, keseluruhan. Tapi pada masa itu juga ada beberapa orang dari Kampung Sinsuranlah, datang tolong sana. Sebab pada masa itu, dia sudah buat persetujuan untuk perdamaianlah. Tapi apabila sudah siap kota di sana, ah, dia buat helah balik. Sebab dia mau *control* seluruh Tambunan *bah*. (*Segmen 4*)

Sebab itu dia buat banyak kota di Tambunan. Di Tibabar, dia buat itu kota kecil. Di Kepayan Lama itu, dia punya istanalah. Kemudian di sebelah dekat dengan Sinsuran itu, ada kota lagi sana; sana ada anu *bah*. Kalau dulu, jalan ke Tambunan itu; sama ada dari Keningau ataupun ulu Sungai Papar. Sungai itu tembus pergi Tambunan. Dari Papar ke Sukom dan terus ke Tibabar; banyak dia punya kota itu. Bila orang British mau masuk; terpaksa dia orang lalu ini kubu-kubu semua itu; barulah mereka boleh sampai ke Tibabar. (*Segmen 5*)

Dulu cerita orang kampung, dia punya isteri ada itu *bah*. Kalau itu jagung; dia ambil dan dia kasi tabur; boleh jadi apa orang bilang – saktilah. Boleh jadi tebuan. Tahi kerbau itu diambil kasi anu; boleh jadi tebuan – kononnya lah. Jadi, orang semua takut sama dialah itu. Isterinya ada kuasa, ada ilmu. Itulah dia tidak boleh pijak itu bumi.³⁷ Dia kena angkat; kena usung atau pun kena naik itu kerbau. Masa berperang pun, dia tidak boleh pijak itu tanah. Tapi cerita orang; dia terpijak itu bumi dalam peperangan yang terakhirlah. Itulah sebab di situlah dia jatuh di situ–kubu terakhimya. (*Segmen 6*)

Tapi juga ada cerita yang cakap dia tidak mati di situ, kononnya lah. Tapi sejauh mana betul cerita itu, kita tidak tau. Sebab menurut orang di Kampung Sinsuran yang biasa dengan dia, dan juga orang-orang yang tinggal di kawasan itu; yang kontra, orang itu betul-betul kenal dia, ah, waktu itu dia sudah mati dan dikuburkan. Dia orang kasi buka balik itu kubur; dia orang tengok, ah, kononnya memang benarlah dia. Tapi ada cerita kononnya dia tidak mati. Dia lari dari itu anu, Kubu Mat Sator dari Kampung Kepayan Lamalah. Kemudian dia suruh isterinya pergi ke kubu utamanya untuk mengelirukan British. Tapi sejauh mana dia punya cerita, kita kurang pastilah. (*Segmen 7*)

Tapi ada juga cerita yang mengatakan bahawa selepas tahun sembilan belas tiga puluh lima dan sampai perang Jepun, ada orang

Dia juga ada kasi itu wafak cincin. Wafak itu dalam ... *I think* bahasa Arablah. Itu bukaan cincin; ia macam timah. Kemudian ia tulislah ayat-ayat Quran di situ. Ada dia bawa itu. Dia nanti bungkus dengan kain hitam, ikat sini-di lengan, kain hitam, ah, begitu. (*Segmen 7*)

"Ini, kalau Tuhan tolong," dia bilang, "Tidak luka oleh paranglah." Kalau dia mau kasi itu wafak. Dia kasi yang terakhir ini; bila dia mau pulang sudah. Bila dia anggap sudah tamat pelajaran silat; dia kasi ini wafaklah. Lepas itu dia macam hilang begitu saja. Memang anak-anak muda dulu; dia orang memang berani; kalau ada itu wafak, naik semangat itu! (*Segmen 8*)

I think Mat Salleh punya orang semua ada itu wafak. Jadi ini sebab menjadikan orangnya berani. Mata Mat Salleh itu tajam. Tajam mata dia itu! Susah mau tengok *bah*. Macam Tun Mustapha punya mata, tajam juga. Tapi Mat Salleh lebih. Badan Mustapha hampir sama dengan dia. Kalau tengok fizikal, Mat Salleh dan Mustapha – sama . Tapi ada orang kata badannya ada masa tinggi; ada masa rendah – itu macam. Mustapha begitu; waktu dia hiduplah. Orang cakaplah. Dan Haji Abdul Salam memang begitu; dia punya badan. (*Segmen 9*)

Teks 10

| | |
|---------------------|--------------------------------------|
| Pemberi Maklumat | : Pianus Guntavid @ Joseph |
| Suku Kaum | : Kadazandusun |
| Umur | : 38 tahun |
| Tempat | : Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu |
| Tarikh Teks Dirakam | : 13 Mac 1997 |

Yang saya tau cerita Mat Salleh dari orang tua di Kampung Kepayan Lama itulah. Di Tambunan itu; dia ada dua cerita *bah* sebenarnya. Yang satu *pro*; yang satu *kontra*. Yang *pro* Mat Salleh itu memang di kawasan Tibabar dan juga kawasan Kampung Kepayan Lama. Itulah cerita *pro* dia. Maksud *pro*, mereka itu sambut kedatangan Mat Sallehlah. Maksudnya, dia orang terima Mat Salleh itu sebagai seorang pemerintah. (*Segmen 1*)

Tapi orang yang di sebelah Sinsuran di sana itu; dia orang tidak setuju ah, kedatangan Mat Salleh. Sebab dia orang ini tau Mat Salleh ini tidak begitu baik dengan British. Tidak juga cakap orang Sinsuran ini *pro* British. Mereka sana kira salah satu kampung yang terbesar di Tambunan. Mereka itu bukan juga *pro* British tapi *pro* peace; mereka itu mau keamanan. (*Segmen 2*)

*People in Sinsuran considered Mat Salleh as an intruder *bah*; nobody is supposed to rule Tambunan. Eventhough the British; they*

were not suppose to be there. Tapi Mat Salleh pergi sana. Dia kasi nampaklah itu surat. Dia bilang, "Ini surat dari Sultan Brunei." *According to some people*, dia buat-buat itu suratlah. Orang yang *pro* Mat Salleh; dia orang terima dia lah. Tapi ada orang bilang; siapa yang tidak mau ikut; Si Mat Salleh akan *chop* dia punya *head*. (*Segmen 3*)

Actually, yang bikin itu Kota Mat Salleh, orang Kampung Kepayan Lama sendiri yang buat. Yang di Tibabar itu, keseluruhan. Tapi pada masa itu juga ada beberapa orang dari Kampung Sinsuranlah, datang tolong sana. Sebab pada masa itu, dia sudah buat persetujuan untuk perdamaianlah. Tapi apabila sudah siap kota di sana, ah, dia buat helah balik. Sebab dia mau *control* seluruh Tambunan *bah*. (*Segmen 4*)

Sebab itu dia buat banyak kota di Tambunan. Di Tibabar, dia buat itu kota kecil. Di Kepayan Lama itu, dia punya istanalah. Kemudian di sebelah dekat dengan Sinsuran itu, ada kota lagi sana; sana ada anu *bah*. Kalau dulu, jalan ke Tambunan itu; sama ada dari Keningau ataupun ulu Sungai Papar. Sungai itu tembus pergi Tambunan. Dari Papar ke Sukom dan terus ke Tibabar; banyak dia punya kota itu. Bila orang British mau masuk; terpaksa dia orang lalu ini kubu-kubu semua itu; barulah mereka boleh sampai ke Tibabar. (*Segmen 5*)

Dulu cerita orang kampung, dia punya isteri ada itu *bah*. Kalau itu jagung; dia ambil dan dia kasi tabur; boleh jadi apa orang bilang – saktilah. Boleh jadi tebuhan. Tahi kerbau itu diambil kasi anu; boleh jadi tebuhan – kononnyaalah. Jadi, orang semua takut sama dialah itu. Isterinya ada kuasa, ada ilmu. Itulah dia tidak boleh pijak itu bumi.³⁷ Dia kena angkat; kena usung atau pun kena naik itu kerbau. Masa berperang pun, dia tidak boleh pijak itu tanah. Tapi cerita orang; dia terpijak itu bumi dalam peperangan yang terakhirlah. Itulah sebab di situlah dia jatuh di situ–kubu terakhirlnya. (*Segmen 6*)

Tapi juga ada cerita yang cakap dia tidak mati di situ, kononnyaalah. Tapi sejauh mana betul cerita itu, kita tidak tau. Sebab menurut orang di Kampung Sinsuran yang biasa dengan dia, dan juga orang-orang yang tinggal di kawasan itu; yang kontra, orang itu betul-betul kenal dia, ah, waktu itu dia sudah mati dan dikuburkan. Dia orang kasi buka balik itu kubur; dia orang tengok, ah, kononnya memang benarlah dia. Tapi ada cerita kononnya dia tidak mati. Dia lari dari itu anu, Kubu Mat Sator dari Kampung Kepayan Lamalah. Kemudian dia suruh isterinya pergi ke kubu utamanya untuk mengelirukan British. Tapi sejauh mana dia punya cerita, kita kurang pastilah. (*Segmen 7*)

Tapi ada juga cerita yang mengatakan bahawa selepas tahun sembilan belas tiga puluh lima dan sampai perang Jepun, ada orang

nama Haji Abdul Salam mengakui diri sendirinya itu Mat Salleh.³⁸ Tapi kurang pasti betul-betulkah dia Mat Salleh. Kononnya macam terjadi di situ, orang Jepun walaupun tembak itu masjid pun tidak kenalah tu masjid di Papar. (*Segmen 8*)

Dia punya kubu selain di Tambunan, ada di Putatan. Itu Tun Mustapha dikuburkan di situ.³⁹ Mungkin itu Tun Mustapha adalah cicit kepada Mat Salleh⁴⁰. Menurut Ketua Kampung Mujamal ini, ah, yang bapa dia terlibat secara langsung dengan Mat Salleh. Dia orang ada tolong bikin kota di sana. Dia bilang, "Mat Salleh ini kebal dan dia ada dua bilah pedang." Sebelah kanannya itu, ah, dia ambil dan dicabut, ah, apa itu—untuk bagi arahan kepada oranglah. Kalau yang kiri itu, ah, untuk peperangan saja dia pakai. Orang bilang, pedang inilah ada kilat. (*Segmen 9*)

Ah, menurut ketua kampung itu juga. Dia ada itu topi; topi macam itu *trojan*. Tapi dia bikin dengan kayulah. Kalau ditengok macam *trojan*. Itu topi istimewanya. Di Tambunan dia ada pakai itu topi; di tempat lain saya kurang pastilah. Itulah sebab orang bilang dia kebal. Satu lagi, mungkin dia kebal itu; dia ada pakai itu baju saring. Saring yang bulat tutup habis badannya itu. Barang kali dia ambil saring itu dari Brunei itu. Kalau pakai, parang tidak tembuslah. (*Segmen 10*)

Actually, Mat Salleh bukan mati kena tembak oleh peluru. Dia mati kena itu bambu. Itu bambu dia bikin itu kubu. Dalam itu bambu dia kasi isi itu batu. Jadi bila tembak dengan peluru tidak tembus! Tapi yang kasi jatuh itu kota ialah meriam seratus paun itu. Bom! bila hancur itu bambu. Bambu pecah yang tercucuk masuk dalam badannya. (*Segmen 11*)

Ini Sinsuran ada *different tribe* dan di Tibabar juga *different tribe*. Di Tibabar, dia orang panggil Dusun Tegaas; di Sinsuran dia orang panggil Bundu Liwan. *In the past*, kedua-dua kampung itu sudah tidak ngam bah. Dia orang bermusuhan. Mereka tidak boleh berdekatan, mestи berjauhan bah. Itulah Mat Salleh gunakan kumpulan Tibabar ini untuk mengawal Tambunan. Orang Tibabar ini jarang keluar pergi K.K, tapi Bundu Liwan ini selalu keluar dari Tambunan. *They are more exposed bah.* (*Segmen 12*)

Nota

Pengenalan Pengenalan 110110 Pengenalan Pengenalan 110110

- ¹ KK ialah singkatan kepada bandar Kota Kinabalu.
- ² Bah merupakan penyedap bunyi yang biasa digunakan oleh para penutur dialek tempatan di Sabah. Demi membezakannya daripada kata asal, saya condongkan penyedap bunyi ini dalam semua "Teks" yang seterusnya.
- ³ Ejaan nama ini berdasarkan bunyi sebutan pencerita semata-mata.
- ⁴ Sambil bercerita Sito cuba melukiskan kedudukan di antara kubu Mat Salleh, tempat letaknya meriam British dan sungai yang mengalir ke arah kubu Mat Salleh atas lantai dengan menggunakan jari tangannya.
- ⁵ Tun yang dimaksudkan oleh Sito ialah Tun Datu Mustapha, iaitu bekas Ketua Menteri Sabah.
- ⁶ Barang yang dimaksudkan oleh Sito Duraman ialah tangkal azimat.
- ⁷ Peristiwa penyerangan Mat Salleh terhadap Pulau Gaya ini turut diceritakan dalam Teks 1, *Segmen 1 & 2*.
- ⁸ Kedua-dua perkataan ini menerangkan keadaan kejar mengejar.
- ⁹ Teks 1: *Segmen 16* turut menyatakan bahawa Mat Salleh pernah berkahwin dengan jin Islam.
- ¹⁰ Tindakan pihak British menutup sungai yang mengalir ke kubu Mat Salleh turut diceritakan dalam Teks 1; *Segmen 7*.
- ¹¹ Segmen cerita ini hampir sama dengan Teks 1: *Segmen 9* yang menyatakan Mat Salleh terkena tembakan di bahagian kepalanya tetapi bukan dia yang mati; ada pengikutnya yang hampir sama muka dengannya yang mati.
- ¹² Secara perbandingan, Teks 1: *Segmen 11* menyatakan Tun Mustapha ialah anak kepada Mat Salleh. Datu Harunlah yang menolong Mat Salleh membesarakan Tun Mustapha. Dalam Teks 2: *Segmen 6* turut mengatakan Mat Salleh mewakilkan Datu Harun menjaga isterinya yang sedang bunting. Namun Teks 2 tidak menyatakan bahawa anak yang bakal dilahirkan itu ialah Tun Mustapha.
- ¹³ Peristiwa penyerangan Mat Salleh terhadap Pulau Gaya turut diceritakan dalam Teks 1 dan Teks 2.
- ¹⁴ Berdasarkan cerita; besar kemungkinan "memucat" membawa maksud "menyerang".
- ¹⁵ Saya tidak pasti apakah yang dimaksudkan dengan kata "guh". Namun menurut cerita, kata ini ada kaitan dengan sesuatu yang terdapat di dalam kubu Mat Salleh.
- ¹⁶ Dalam Teks 1: *Segmen 11 & 12* menyatakan Mat Salleh yang sudah hilang itu muncul semula sebagai Haji Abdul Salam.
- ¹⁷ Keluarga Lues binti Sepah ini merupakan pemilik sehelai jaket kebal yang dipercayai pernah dipakai oleh pengikui Mat Salleh. Kini, jaket tersebut telah dibeli dan dipamerkan di Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu. Lihat Yatim Taubatal Andam, *Court Reserves Judgement Over Mat Salleh's Jacket Dispute* dalam *Daily Express*, Sabah, 19 July 1995.

¹⁸ Teks 1 : *Segmen 9*, Teks 2 : *Segmen 5* dan Teks 3 : *Segmen 4* turut mengatakan Mat Salleh tidak ditembak mati. Mengenai jenis peluru yang digunakan untuk menembak Mat Salleh; Teks 2 : *Segmen 5* dan Teks 3 : *Segmen 5* menyatakan bahawa "peluru emas" digunakan. Tambahananya, Teks 1 : *Segmen 11* menyatakan bini Mat Salleh berbunting tiga bulan dan menyerahkan isterinya di bawah jagaan Datu Harun. Begitu juga Teks 2 : *Segmen 6* menceritakan Mat Salleh melarikan diri ke Kudat dan menyerahkan isterinya kepada Datu Harun. Manakala Teks 3 : *Segmen 1* mengatakan Datu Harun ialah bapa Mat Salleh.¹⁹

¹⁹ Peristiwa sungai yang mengalir ke kubu Mat Salleh ditutup turut diceritakan dalam Teks 1 : *Segmen 7* dan Teks 2 : *Segmen 5*.²⁰

²⁰ Tek 1 : *Segmen 11* menyatakan bahawa Tun Mustapha ialah anak kepada Mat Salleh dan dibesarkan oleh Datu Harun. Teks 2 : *Segmen 6* pula menceritakan Mat Salleh membawa bininya lari ke Kudat dan kemudian dia wakilkan Datu Harun menjaga isterinya. Teks 2 tidak memberitahu kita bahawa Tun Mustapha ialah anak kepada Mat Salleh. Manakala Teks 3 : *Segmen 1* pula mengatakan Datu Harun ialah bapa Mat Salleh dan Tun Mustapha bersaudara dengan Mat Salleh.

²¹ Semasa bertemu bual dengan Nasip bin Kumpar, secara kebetulan Hj Atim berada di rumahnya. Oleh itu, Teks ini merupakan gabungan antara kedua-dua orang ini. Tambahan pula, kisah yang disampaikan oleh Nasip Kumpur ialah memoriat dirinya.

²² Tua Pek Kong merupakan Dewa Taois Cina yang popular.²³

²³ Kata ini membawa maksud kejar mengejar.

²⁴ Seperti juga dengan Teks 1, Teks 2, Teks 3 dan Teks 4; Teks ini turut menceritakan bahawa Mat Salleh itu sebenarnya tidak mati!²⁵

²⁵ Selain Teks ini, Teks 1, Teks 3 dan Teks 4 turut mengatakan Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh.

²⁶ Bahagian cerita ini yang mengatakan Tun Mustapha ialah anak kepada Mat Salleh ada persamaan dengan Teks 1 : *Segmen 11*, Teks 2 : *Segmen 6* dan Teks 4 : *Segmen 11*.

²⁷ Haji Atim yang secara kebetulan berada di rumah Nasip mula bercerita pula.

²⁸ Bilangan "tujuh" orang ini diterangkan dalam Teks 4 : *Segmen 15* sebagai adat orang Bajau yang tidak boleh berjalan dalam angka genap seperti dua, empat, enam dan seterusnya.

²⁹ Babak penyerangan Mat Salleh terhadap Pulau Gaya yang diceritakan di sini berbeza dengan apa yang telah diceritakan dalam Teks 1 – Teks 3. Bandingkan dengan Teks 1 : *Segmen 2*, Teks 2 : *Segmen 2* dan Teks 3 : *Segmen 2*.

³⁰ Besar kemungkinan, yang dimaksudkan dengan "ubat" oleh Mali ialah ubat bedil.

³¹ Peristiwa sungai yang mengalir ke arah kubu Mat Salleh ditutup turut diceritakan dalam Teks 1 : *Segmen 7*, Teks 2 : *Segmen 5* dan Teks 4 : *Segmen 9*.

³² Lihat juga Teks 1 : *Segmen 12*, Teks 3 : *Segmen 5*, dan Teks 5 : *Segmen 8*.

³³ Teks 1 : *Segmen 17* menceritakan bahawa di tengah kepala Haji Abdul Salam mempunyai tanda yang serupa dengan apa yang diceritakan di sini.

³⁴ Kepercayaan bahawa Mat Salleh itu tidak mati dan kemudian bertukar nama kepada Haji Abdul Salam turut muncul dalam Teks 1 : *Segmen 12*, Teks 3 : *Segmen 5*, Teks 5 : *Segmen 8* dan Teks 7 : *Segmen 6*.

³⁵ Ismail Abbas yang saya temui di Kota Kinabalu sebenarnya berasal dari Tenghilan.

³⁶ Kisah Mat Salleh yang menyamar sebagai Haji Abdul Salam turut diceritakan dalam Teks 1 : *Segmen 12*, Teks 3 : *Segmen 5*, Teks 5 : *Segmen 8*, Teks 7 : *Segmen 6* dan seluruh Teks 8.

³⁷ Teks 2 : *Segmen 4* dan Teks 4 : *Segmen 3* turut menceritakan isteri Mat Salleh itu berilmu dan pantang memijak bumi.

³⁸ Bahagian cerita ini ada persamaan dengan Teks 1 : *Segmen 12*, Teks 3 : *Segmen 5*, Teks 5 : *Segmen 8*, Teks 7 : *Segmen 6*, Teks 8 dan Teks 9 : *Segmen 4*.

³⁹ Tempat perkuburan Tun Mustapha (bekas Ketua Menteri Sabah) terletak di salah sebuah bukit di Putatan yang dipercayai sebagai bekas kubu Mat Salleh turut diceritakan dalam Teks 5 : *Segmen 10* dan Teks 7 : *Segmen 6*.

⁴⁰ Secara perbandingan, Teks 1 : *Segmen 11* menyatakan bahawa Tun Mustapha ialah anak Mat Salleh dan Datu Harun diwakilkan untuk membesarinya. Teks 2 : *Segmen 6* cuma menyatakan Mat Salleh melarikan diri ke Kudat dan mewakilkan Datu Harun menjaga isterinya. Teks 4 : *Segmen 11* pula menyatakan Tun Mustapha berkaitan dengan Mat Salleh tetapi tidak menyatakan apa kaitannya antara kedua-dua orang itu. Dalam Teks 5 : *Segmen 8* pula, dikatakan Tun Mustapha ialah anak kepada Haji Abdul Salam.

-Bab 5-

Analisis Struktural Atas Teks-Teks Legenda Mat Salleh

Dalam bab ini, kaedah analisis struktural akan digunakan untuk membuat analisis secara terperinci atas sepuluh "Teks" verbatim yang telah ditranskripsikan di Bab 3 : "Dokumentasi Teks". Penggunaan kaedah analisis struktural akan memberi tumpuan kepada beberapa tema kecil yang terkandung dalam "Teks". Tema-tema kecil ini akan menampilkan beberapa ciri istimewa ketokohan Mat Salleh sebagai wira rakyat yang disanjungi pelbagai suku kaum di Sabah.

Sesuai sebagai wira rakyat, "Teks-teks" yang ditranskripsikan itu menjelaskan bahawa Mat Salleh merupakan wira tempatan Sabah yang menentang penjajahan British di Sabah dengan mendapat sokongan ramai di kalangan penduduk tempatan. Dalam Teks 1 umpamanya menyatakan bahawa perjuangan Mat Salleh disokong oleh sekalian bangsa yang menetap di Sabah. Penyokong Mat Salleh yang disebutkan oleh pencerita Teks 1 adalah seperti suku Dusun, Cina dan juga bangsa Barat yang dikenali sebagai Tuan Pilly (Teks 1 : *Segmen 5*). Teks 2 menyebut bahawa kebanyakan penyokong Mat Salleh terdiri daripada orang Dusun, orang Inanam dan orang Bajau (Teks 2 : *Segmen 5*). Teks-teks lain (Teks 3 hingga Teks 10) turut membicarakan sokongan yang diberikan oleh penduduk Sabah kepada Mat Salleh dalam perjuangannya menentang penjajahan British di Sabah.

Demi menonjolkan ketokohan yang ada pada Mat Salleh sebagai wira rakyat Sabah, eloklah analisis secara terperinci dibuat atas semua "Teks" yang telah ditranskripsikan. Analisis yang akan dilakukan nanti merupakan analisis "thematic" perbandingan "Teks". Tema-tema kecil yang penting menjadi dasar analisis struktural dan dibincangkan seperti berikut.

Asal Usul Mat Salleh

Teks 1 memulakan kisah Mat Salleh dengan menyebut zaman pemerintahan British di Sabah (Teks 1 : *Segmen 1*). Teks 8 mengatakan pada zaman Mat Salleh, Sabah berada di bawah pemerintahan *British Chartered Company*, seterusnya Teks 8 mengatakan Mat Salleh menyamar sebagai Haji Abdul Salam setelah dilaporkan mati oleh *British Chartered Company* (Teks 8 : *Segmen 1*). Teks-teks lain (Teks 2 : *Segmen 2*, Teks 3 : *Segmen 2*, Teks 4 : *Segmen 1*, Teks 5 : *Segmen 7*, Teks 6 : *Segmen 1*, Teks 7 : *Segmen 1*, Teks 9 : *Segmen 2* dan Teks 10 : *Segmen 2*) turut mengisahkan Mat Salleh itu hidup pada zaman pemerintahan British di Sabah. Dari segi latar masa, semua teks menyampaikan kisah Mat Salleh pada zaman pemerintahan British di Sabah.

Dari segi asal usul tempatnya, Teks 1 : *Segmen 3*, Teks 2 : *Segmen 1*, Teks 3 : *Segmen 2*, Teks 4 : *Segmen 2*, Teks 6 : *Segmen 1* dan Teks 7 : *Segmen 2* menyebut bahawa Mat Salleh berasal dari Inanam. Teks 5 menumpukan perkaitan antara Haji Abdul Salam dengan Mat Salleh. Jadi, Teks 5 memulakan kisahnya dengan menyebut kedatangan Haji Abdul Salam di Kinarut (Teks 5 : *Segmen 1*). Oleh itu, Teks 5 tidak menyebut tentang tempat asal Mat Salleh. Begitu juga dengan Teks 8 dan Teks 9 yang mengisahkan perkaitan antara Mat Salleh dengan Haji Abdul Salam. Teks 10 pula memberikan tumpuan kepada kisah Mat Salleh di Tambunan dengan mengatakan :

Yang saya tau cerita Mat Salleh dari orang tua di Kampung Kepayan Lama itulah. Di Tambunan itu, dia ada dua cerita bah sebenarnya. (Teks 10 : Segmen 1)

Dari segi asal usul keturunan suku kaum, Teks 1 dan Teks 4 menceritakan kepada kita bahawa Mat Salleh berketurunan Bajau (Teks 1 : *Segmen 3*, Teks 4 : *Segmen 15*). Teks 2 pula menceritakan asal usul keturunan Mat Salleh yang agak berbeza daripada Teks 1 dan Teks 4. Dalam Teks 2, diceritakan bapa Mat Salleh orang Sulu dan ibunya berketurunan Kadazan dari Sugut (Teks 2 : *Segmen 1*). Selain itu, Teks 6 juga menyebut bahawa Mat Salleh ialah orang Sulu (Teks 6 : *Segmen 1*). Teks 3 tidak menyebutkan asal usul Mat Salleh dari segi suku kaum, namun Teks 3 mengisahkan bahawa bapa Mat Salleh ialah Datu Harun dan Mat Salleh ialah saudara Tun Mustapha (Teks 3 : *Segmen 1*). Teks 5 menyebut bahawa Haji Abdul Salam mewakilkan Datu Harun memelihara anaknya

dan anaknya ialah Tun Mustapha. Dengan kata lain, Teks 5 memberitahu kita bahawa Tun Mustapha ialah anak Mat Salleh (Teks 5 : Segmen 8). Dari segi persamaannya, Teks 1 juga menyebutkan bahawa Tun Mustapha ialah anak Mat salleh. Perhatikan segmen cerita daripada Teks 1 seperti berikut:

Bila Mat Salleh sudah itu macam, dia orang bilang dia mati; dia tidak mati! Bininya masih dalam bunting lagi. Bila itu Tun keluar, bin Datu Harunlah. Datu Harunlah pelihara Tun. (Teks 1 : Segmen 11).

Akan tetapi, Teks 10 menyatakan bahawa Tun Mustapha ialah cicit kepada Mat Salleh (Teks 10 : Segmen 9). Akhir sekali, Teks 7, Teks 8 dan Teks 9 tidak ada menyebutkan tentang asal usul Mat Salleh dari segi keturunan suku kaum dan hal-hal mengenai ibu bapanya. Berdasarkan kesemua teks itu, dapat disimpulkan bahawa Mat Salleh hidup pada zaman pemerintahan British di Sabah dan beliau berasal dari Inanam. Namun dari segi keturunannya, semua "Teks" mempunyai persamaan dan perbezaannya yang tersendiri. Teks 1 dan Teks 4 umpamanya menyatakan bahawa Mat Salleh ialah orang Bajau. Teks 2 dan Teks 6 menyatakan bahawa Mat Salleh ialah orang Sulu. Tambahannya, Teks 2 ada menyebutkan bahawa ibu Mat Salleh berketurunan Kadazan. Teks 3 menamakan Datu Harun sebagai bapa Mat Salleh dan Mat Salleh ialah saudara Tun Mustapha. Teks 5 dan Teks 1 pula menyatakan bahawa Tun Mustapha ialah anak Mat Salleh. Teks 10 pula ada menyebutkan Tun Mustapha ialah cicit Mat Salleh. Semua ini sebenarnya menambahkan misteri yang ada pada legenda Mat Salleh. Kesimpulannya, Mat Salleh mempunyai keturunan yang bersifat "multi-etnik" sebagaimana yang disebut dalam teks-teks yang berlainan.

Hal-hal Peribadi Mat Salleh

Teks 1 menceritakan bahawa isteri Mat Salleh ialah puteri Sultan Sulu. Semasa isterinya mengandung tiga bulan; Mat Salleh mewakilkan Datu Harun untuk menjaga isterinya. Menurut Teks 1 lagi, Mat Salleh menyebut bahawa apabila anaknya dilahirkan; lidahnya berwarna hitam. Anaknya yang dimaksudkan ialah Tun Mustapha (Teks 1 : Segmen 11). Teks 1 juga mengisahkan bahawa Mat Salleh pernah berkahwin dengan jin Islam dan perkahwinan antara Mat Salleh dengan jin Islam dikatakan selama

25 tahun sahaja (Teks 1 : *Segmen 16*). Teks 2 : *Segmen 4* turut menyatakan isteri Mat Salleh merupakan jin.

Teks 2 mewarnai hal peribadi Mat Salleh dengan satu peristiwa iaitu tunangnya direbut oleh adik rakannya, Razuanda. Justeru itu, Mat Salleh meninggalkan Inanam buat sementara waktu. Selepas beberapa tahun, barulah Mat Salleh kembali ke Inanam. Pada masa itu, Mat Salleh sudah berkahwin dengan Puteri Sulu (Teks 2 : *Segmen 1 & 2*). Teks 4 memberitahu bahawa isteri Mat Salleh pantang memijak bumi. Ke mana sahaja isterinya pergi; beliau sama ada diusung atau duduk di atas seekor binatang. Walau apa pun yang berlaku (termasuk semasa pertempuran) isterinya tetap tidak akan memijak bumi (Teks 4 : *Segmen 3*). Teks 10 pula menceritakan bahawa isteri Mat Salleh orang yang berilmu. Biji jagung yang ditaburkan dari tangannya akan menjadi tebuan. Begitu juga dengan tahi lembu, jika ditaburkan oleh isterinya turut akan bertukar menjadi tebuan. Tambahannya, Teks 10 juga ada menyebut bahawa isteri Mat Salleh pantang memijak bumi. Menurut Teks 10 lagi, kyonnya dalam peperangan Mat Salleh yang terakhir di Tambunan, disebabkan isterinya terpijak bumi lalu mereka kalah dalam peperangan itu (Teks 10 : *Segmen 6*).

Beberapa orang pengikut setia Mat Salleh turut disebutkan dalam beberapa teks. Teks 1 umpamanya menyebut tentang Mat Salleh mempunyai pengikut berbangsa Barat yang bernama Tuan Pilly (Teks 1 : *Segmen 5*). Teks 2 pula menyebut tentang tiga orang pengikut setia Mat Salleh yang dikenali sebagai Datu Unduk, Mat Sator dan Datu Langkap. Mereka mengganas di Kudat untuk membala dendam (Teks 2 : *Segmen 7*). Teks 3 menyebut bahawa Mat Salleh bersama-sama Datu Langkap dan Mat Sator menyerang Pulau Gaya (Teks 3 : *Segmen 2*). Teks 10 pula mengisahkan bahawa untuk mengelirukan pihak British; Mat Salleh telah melarikan dirinya melalui kubu Mat Sator (Teks 10 : *Segmen 7*). Dengan kata lain, Mat Sator bersama-sama dengan Mat Salleh menentang British di Tambunan.

Perwatakan Mat Salleh

Secara fizikal, Teks 3 menjelaskan bahawa Mat Salleh tinggi orangnya (Teks 3 : *Segmen 8*). Dari segi air mukanya, Teks 4 menyebut bahawa wajah Mat Salleh boleh berubah dari semasa ke semasa. Beginilah gambaran wajah Mat Salleh yang diberikan dalam Teks 4 :

Dia punya rupa, kalau pagi - muda : tapi kalau sebelah siang pukul 12.00 tengah hari - ada tua sikit ; bila petang itu dia sudah putih rambutnya, janggutnya pun pandai putih; jalannya pun pandai begini ... begini ... (Teks 4 : Segmen 6).

Teks 5 yang menganggap Haji Abdul Salam sebagai Mat Salleh turut menyebut bahawa wajahnya boleh berubah-ubah, yakni sekejap kelihatan muda dan sekejap kelihatan tua pula (Teks 5 : Segmen 7). Teks 5 juga menceritakan jari kaki depan Mat Salleh mempunyai satu tanda yang membolehkan orang mengenalinya (Teks 5 : Segmen 12). Sehubungan dengan itu, Teks 4 juga menceritakan bahawa Mat Salleh terkena tembakan peluru di hujung jari kakinya (Teks 4 : Segmen 8). Teks 7 mengisahkan bahawa bapa mertuanya mengatakan bahawa bahagian tengah kepala Mat Salleh lebih dalam daripada kedua-dua belah tepinya (Teks 7 : Segmen 9). Secara kebetulan, Teks 1 turut menerangkan bahagian tengah kepala Haji Abdul Salam lebih dalam daripada kedua-dua belah tepinya. Teks 1 juga memberitahu bahawa di bahagian tangan Mat Salleh ada bekas dibakar damar (Teks 1 : Segmen 17).

Seterusnya, Teks 9 menceritakan bahawa renungan mata Mat Salleh sangat tajam sehingga sukar untuk seseorang menentangnya. Dari segi saiz badannya, Teks 9 menyebut bahawa saiz badan Mat Salleh hampir sama dengan saiz badan Tun Mustapha (Teks 9 : Segmen 9). Manakala Teks 10 (Segmen 10) menceritakan semasa di Tambunan, Mat Salleh ada memakai sejenis topi yang istimewa. Di samping itu, Mat Salleh juga mempunyai dua bilah pedang. Pedang yang terletak di sebelah kanannya digunakan untuk memberi arahan kepada pengikutnya. Pedang disebelah kirinya digunakannya untuk berperang dan dipercayai boleh menghasilkan cahaya kilat. Mat Salleh juga memakai sejenis baju yang diperbuat daripada bahan logam (Teks 10 : Segmen 9 dan Segmen 10). Teks 2, Teks 6 dan Teks 8 pula tidak menggambarkan tanda-tanda fizikal Mat Salleh itu secara khusus.

Teks 1 menyebut bahawa semasa Mat Salleh berada di Bundu Tuhan; orang Dusun di sana menguji kekuatannya dengan menyuruh Mat Salleh mengangkat batu besar dan dengan senang sahaja Mat Salleh dapat melakukannya (Teks 1 : Segmen 6). Teks 4 menceritakan bahawa beberapa orang berlawan dengan Mat Salleh tetapi tiada seorang pun yang dapat mengalahkannya (Teks 4 : Segmen 10). Teks 6 turut menggambarkan kekuatan fizikal Mat Salleh dengan mengatakan Mat Salleh cuma hentak sekali sahaja; kancing penjara yang mengurung orang tawan British terus

terbuka (Teks 6 : Segmen 2). Teks 7 menggambarkan kekuatan fizikal Mat Salleh dengan mengatakan :

Dia punya parang itu, ah, susah mau kita angkat. Orang tua punya cerita ah, kalau dia punya parang; kalau dia pegang - boleh. Kalau kita bawa dia punya parang - tidak boleh (Teks 7 : Segmen 7).

Teks 4 (Segmen 10) dan Teks 7 (Segmen 2) menyebut bahawa Mat Salleh dapat berjalan dengan luar biasa laju dari satu tempat ke satu tempat yang jauh. Teks 1 menceritakan kesaktian luar biasa yang ada pada Mat Salleh dengan mengatakan :

Dia punya kota bukan dibina dengan apa-apa, itu kain putih saja. Dia ada tulis sana. Kalau dia orang hantam meriam sana 'kan; tidak boleh kena punya. Ah, ini tentera British, bila dia sudah pakai teropongnya; dia orang bilang - sudah kena (Teks 1 : Segmen 10).

Teks 1 turut menyebut bahawa kayu yang dipasang di sekeliling kota itu mempunyai kesaktian yang tertentu. Apabila dipijak oleh musuh, musuh itu akan jatuh lalu mati di sana (Teks 1 : Segmen 10). Teks 3 (Segmen 10) pula mengisahkan Mat Salleh mempunyai ilmu sakti dengan mengatakan :

"Dia itu berilmu kerana bapa dia, si anu, Datu Harun 'kan. Dari dia dapat ilmu dari sana. Dan kerja dia ni, anak pelihara jin. Dia rapat sama jin. Dia pergi hutan. Tidak tau berapa bulan itu ? Dia keluar, jadi ada ilmu bah"

Teks 4 juga menyebutkan bahawa Mat Salleh mempunyai ilmu sakti yang cukup mendalam (Teks 4 : Segmen 5). Seterusnya, Teks 4 menceritakan warna kulit Mat Salleh boleh berubah-ubah. Sekali dipukul, warnanya akan bertukar kepada warna yang lain (Teks 4 : Segmen 5). Lebih daripada itu, Teks 4 menyatakan bahawa selama empat puluh empat hari Mat Salleh tidak minum dan tidak makan pun, beliau tetap akan hidup (Teks 4 : Segmen 10). Gambaran seperti berikut yang diberikan dalam Teks 7 (Segmen 5) turut menonjolkan satu lagi kesaktian yang ada pada Mat Salleh :

"Dia ada suara bah. Siapa dia? Mat Salleh juga. Sekejap dia lari ke sana - Mat Salleh juga. Dia punya suara macam dia punya rakaman 'kan. Macam sekarang di mana? Ah, di Putatan, Mat Salleh juga! Orang bilang di K.K. (Kota Kinabalu) sana, Mat Salleh juga! Eh, orang itu pun hairanlah, eh, Mat Salleh di sini; kenapa dia di sana pula, ah?"

Teks 2 menyatakan bahawa Mat Salleh kebal orangnya dengan menyatakan apabila bahagian kepala Mat Salleh terkena tembakan peluru bahagian kepalanya tidak luka dan tidak berdarah. Cuma, peluru itu tersumbat di situ sahaja (Teks 2 : Segmen 5). Tidak ketinggalan, Teks 3 turut mengisahkan bahawa Mat Salleh tidak lut peluru. Itulah sebabnya polis British terpaksa menembak dengan menggunakan peluru emas dan bukan peluru biasa (Teks 3 : Segmen 5). Teks 4 menceritakan lebih daripada itu dengan menyebut bahawa sedangkan ludah Mat Salleh sahaja jika diminum oleh seseorang; orang itu tidak dimakan parang (Teks 4 : Segmen 7). Teks 5 yang menganggap Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh turut memberitahu bahawa rambut Haji Abdul Salam tidak dimakan pisau cukur (Teks 5 : Segmen 5).

Di satu pihak yang lain, Teks 6 memberikan gambaran ilmu kekebalan Mat Salleh yang berbeza kerana menyatakan peluru yang ditembak ke arah Mat Salleh pasti tidak akan mengena sasarannya (Teks 6 : Segmen 5). Teks 4 turut menyebut bahawa apa-apa sahaja senjata yang ditembak ke arah Mat Salleh pasti tidak akan mengena sasarannya (Teks 4 : Segmen 4). Teks 7, Teks 8 dan Teks 9 tidak ada menyebut tentang kekebalan Mat Salleh secara khusus. Sebaliknya, Teks 10 mengisahkan peristiwa yang mana Mat Salleh terbunuh akibat bambu yang tercucuk ke dalam tubuhnya. (Teks 10 : Segmen 11). Dengan kata lain, Teks 10 menganggap hanya buluh tajam yang dapat membunuh Mat Salleh.

Kebaktian dan Eksplot Mat Salleh

Hampir semua teks memberikan tumpuan kepada pengembalaan Mat Salleh dari satu tempat ke satu tempat lain dalam konteks penentangannya terhadap penjajahan British di Sabah. Teks 1 umpsamanya memulakan peristiwa penyerangan Pulau Gaya oleh Mat Salleh dan pengikutnya (Teks 1 : Segmen 2). Selepas menyerang Pulau Gaya, mereka kembali ke kubu di Inanam.

Tatkala diserang balas oleh tentera British, mereka mula berpindah ke tempat lain (Teks 1 : *Segmen 3*). Dari Inanam, Mat Salleh dan pengikutnya dikatakan telah berpindah ke Bundu Tuhan (Teks 1 : *Segmen 5*). Dari Bundu Tuhan mereka berpindah pula ke Sinsuran (Tambunan) dan mendirikan kubu mereka yang paling besar. Setelah kubunya di Sinsuran diserang, Mat Salleh dan pengikutnya berpindah ke Ranau pula (Teks 1 : *Segmen 7*). Di Ranau seorang pengikut Mat Salleh yang menyerupainya ditembak mati (Teks 1 : *Segmen 9*). Lalu Teks 1 mengakhiri kisah pengembalaan Mat Salleh dengan menyebut tentang kubu saktinya yang dibina dengan kain sahaja di Kota Belud (Teks 1 : *Segmen 10*).

Teks 2 memulakan kisah pengembalaan Mat Salleh dengan peristiwa tunang Mat Salleh direbut oleh pemuda yang bernama Razuanda dan Mat Salleh menghilangkan diri dari Inanam (Teks 2 : *Segmen 1*). Kemudian, peristiwa serangan Pulau Gaya turut disebut dalam Teks 2 dan dari situ dikatakan bahawa Mat Salleh dan pengikutnya berpindah ke Tambunan (Teks 2 : *Segmen 3*). Setelah kepala Mat Salleh terkena tembakan sebutir peluru emas; dikatakan oleh Teks 2 bahawa Mat Salleh yang tidak mati telah membawa isterinya mlarikan diri ke Kudat untuk berjumpa dengan Datu Harun (Teks 2 : *Segmen 6*).

Seperti dengan Teks 1, Teks 3 memulakan kisah pengembalaan Mat Salleh dengan peristiwa Mat Salleh dan pengikutnya menyerang Pulau Gaya (Teks 3 : *Segmen 2*). Dari Pulau Gaya, Mat Salleh dan pengikutnya pergi ke Tambunan (Teks 3 : *Segmen 3*). Dari Tambunan, Mat Salleh dan pengikutnya dikejar oleh tentera British sehingga ke Ranau (Teks 3 : *Segmen 4*). Setelah ditembak di Ranau, Mat Salleh yang tidak mati telah kembali ke Inanam (Teks 3 : *Segmen 5*).

Teks 4 hanya menyebut nama tempat yang pernah didiami oleh Mat Salleh dan pengikutnya. Tempat-tempat itu ialah Kota Belud, Menggatal, Inanam dan Tambunan (Teks 1 : *Segmen 1 & 2*). Teks 4 tidak menyebut kisah pengembalaan Mat Salleh secara terperinci. Teks 5, Teks 7, Teks 8 dan Teks 9 yang memberikan tumpuan kepada kisah Haji Abdul Salam yang dianggap oleh mereka sebagai Mat Salleh turut memberikan tumpuan kepada pengembalaan Haji Abdul Salam di sepanjang Pantai Barat Sabah. Teks 5 umpamanya menyebut bahawa Haji Abdul Salam pernah singgah di Kinarut, Kampung Beringgis, Kawang dan kemudian balik ke Kudat (Teks 5 : *Segmen 1*). Teks 7 memberikan tumpuan kepada kunjungan Haji Abdul Salam ke Kampung Ulu Putatan dan peristiwa yang berlaku di sana semasa Haji Abdul Salam mengunjungi Kampung Ulu Putatan. Teks 8 mengisahkan pengembalaan Haji Abdul Salam ke Kampung Benoni,

Kampung Pengalat dan Kawang (Teks 8 : *Segmen 2 & 3*). Teks 9 memberikan tumpuan kepada peristiwa yang berlaku semasa Haji Abdul Salam berada di Tenghilan. Akhir sekali, Teks 10 yang memberikan tumpuan kepada detik-detik Mat Salleh di Tambunan hanya menyebut Mat Salleh pernah membina kubu di Kampung Tibabar, Kampung Kepayan Lama, Kampung Sinsuran, dan dari sepanjang Sungai Papar ke Sukom (Teks 10 : *Segmen 5*).

Sudut Pandangan Pencerita

Dalam mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan, Teks 1 secara jelas menyatakan sumber kisah Mat Salleh yang diperolehinya dengan mengatakan : "Nenek saya ada bilang..." (Teks 1 : *Segmen 1*). Beberapa teks lain turut mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan olehnya dengan merujuk kepada nenek mereka (Teks 2 : *Segmen 4*, Teks 4 : *Segmen 7, Segmen 8* dan *Segmen 14*, Teks 7 : *Segmen 1* dan Teks 8 : *Segmen 4*). Selain neneknya, Teks 1 juga merujuk kepada orang-orang tertentu dalam menyampaikan peristiwa lain yang berlaku dalam kisahnya. Semasa menceritakan tanda khas untuk membuktikan bahawa Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh; Teks 1 merujuk kepada apa yang pernah dikatakan oleh pak ciknya yang bernama Sawat (Teks 1 : *Segmen 17*). Teks 2 pula merujuk kepada bekas pengikut Mat Salleh yang bernama Bandul (Teks 2 : *Segmen 4*). Berkenaan kisah Mat Salleh yang tidak ditembak mati oleh polis British, Teks 2 memberitahu kita bahawa khabar itu diperolehinya daripada orang tua-tua yang pernah mengikuti Mat Salleh berperang (Teks 2 : *Segmen 5*).

Teks 3 pula menyebut bahawa ia memperoleh cerita Mat Salleh daripada bapanya yang juga mempunyai sebuah buku catatan tentang perjuangan Mat Salleh. Kata-kata Teks 3 seperti berikut menunjukkan bahawa beliau cukup yakin dengan cerita Mat Salleh yang diwarisinya. "Bapa saya yang cerita sama saya, betul juga ngam juga cerita itu." Buku itu tulisan Jawi, panjang sejarahnya (Teks 3 : *Segmen 8*). Selain neneknya; Teks 4 juga merujuk kepada kata orang tua-tua untuk mengesahkan kesahihan ceritanya (Teks 4 : *Segmen 1, Segmen 4* dan *Segmen 5*). Ini termasuk kata-kata orang kampungnya seperti penduduk di Kota Belud (Teks 4 : *Segmen 13*). Teks 5 pula merujuk kepada apa yang pernah dikatakan oleh mak cik Tun Mustapha dan abangnya sendiri dalam mengesahkan bahawa Haji Abdul Salamlah Mat Salleh (Teks 5 : *Segmen*

10 dan Segmen 11). Teks 7 turut merujuk kepada cerita orang dulu (Teks 7 : Segmen 3 dan Segmen 7), orang tua (Teks 7 : Segmen 7) dan bapa mertuanya sendiri (Teks 7 : Segmen 9) dalam menyampaikan kisah Mat Salleh.

Seterusnya, Teks 10 dengan terang menyatakan ia memperoleh cerita Mat Salleh melalui orang tua di Kampung Kepayan Lama, Tambunan (Teks 10 : Segmen 1), orang Kampung Sinsuran (Teks 10 : Segmen 7) dan seorang Ketua Kampung yang dikenali sebagai Mujamal (Teks 10 : Segmen 9). Antara kesemua teks yang diperolehi, hanya Teks 9 tidak merujuk kepada sesiapa kecuali beliau ada mengatakan : "Jadi bila saya baca cerita Mat Salleh, dia memang kena tembak di kepala juga." (Teks 9 : Segmen 4). Dengan kata lain, Teks 9 menjelaskan kepada kita bahawa beliau pernah terbaca cerita Mat Salleh melalui sumber bertulis.

Secara keseluruhannya, kita dapat kesemua teks yang dibincangkan mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan oleh mereka itu dengan merujuk kepada orang yang hidup sezaman dengan Mat Salleh. Yang paling menarik, sesetengah antara mereka (Teks 2, Teks 4, Teks 8) merujuk kepada pengikut Mat Salleh sendiri dalam menyampaikan kisah Mat Salleh. Selain merujuk kepada orang tertentu dalam mengesahkan kesahihan ceritanya, pemberi maklumat turut menyebut peristiwa bersejarah yang diketahui umum dalam cerita mereka. Teks 1 umpamanya memulakan kisahnya dengan menyebut zaman pemerintahan British di Sabah. kemudian diikuti dengan petempatan British di Pulau Gaya dan peristiwa penyerangan Mat Salleh dan pengikutnya terhadap Pulau Gaya (Teks 1 : Segmen 1 dan Segmen 2). Peristiwa Mat Salleh menyerang Pulau Gaya turut muncul dalam Teks 2 : Segmen 2, Teks 3 : Segmen 2 dan Segmen 3, Teks 6 : Segmen 2, Teks 7 : Segmen 2, dan Teks 8: Segmen 4. Namun demikian, Teks 4, Teks 5, Teks 9 dan Teks 10 tidak menyebut peristiwa ini. Peristiwa Mat Salleh dan pengikutnya yang lain melarikan diri ke Tambunan juga mendapat perhatian pemberi maklumat. Teks 1 umpamanya menyatakan :

Mat Salleh ini, bila dia orang datang di Sinsuran (Tambunan). Sudah di Sinsuran, apa lagi, gembiralah orang Kampung Taboh, kampung apa semua. Sana itulah dia ada bikin itu kota cukup meriah, cukup ramai, siap di situ orang ada, semua cukup. (Teks 1: Segmen 7)

Peristiwa yang hampir sama turut muncul dalam penceritaan Teks 2 : Segmen 3 dan Segmen 5, Teks 3 : Segmen 3, Teks 4 : Segmen 2 dan

Teks 7 : Segmen 2. Hampir keseluruhan Teks 10 pula menumpukan penceritaan Mat Salleh di Tambunan. Peristiwa bersejarah lain yang diketahui umum dan muncul dalam teks-teks lain adalah seperti :

- i) Rundingan antara pihak British dengan Mat Salleh (Teks 2 : Segmen 2).
- ii) Pungutan cukai kepala oleh pihak British terhadap penduduk Sabah (Teks 2 : Segmen 3, Teks 7 : Segmen 1).
- iii) Bahagian kepala Mat Salleh terkena tembakan peluru (Teks 2 : Segmen 5).

Dalam kesemua teks yang diperolehi, setiap pemberi maklumat telah menyebut nama kampung atau pekan yang benar-benar terdapat di Sabah. Tempat-tempat yang dimaksudkan ialah : Menggatal (Teks 1 : Segmen 2, Teks 4 : Segmen 2), Inanam (Teks 1 : Segmen 3, Teks 2 : Segmen 1 dan Segmen 3, Teks 3 : Segmen 2, Teks 4 : Segmen 2, Teks 6 : Segmen 1), Pulau Gaya (Teks 1 : Segmen 1, Teks 2 : Segmen 2, Teks 3 : Segmen 2 dan Segmen 3, Teks 6 : Segmen 1 dan Segmen 2, Teks 7 : Segmen 2, Teks 8 : Segmen 4), Ranau (Teks 3 : Segmen 4) Tambunan (Teks 2 : Segmen 3 dan Segmen 5, Teks 3 : Segmen 3, Teks 4 : Segmen 2, Teks 7 : Segmen 2, Teks 10 : Segmen 1), Sugut (Teks 1 : Segmen 1 dan Segmen 3), Bundu Tuhan (Teks 1 : Segmen 5 dan Segmen 6), Kudat (Teks 2 : Segmen 6, Teks 5 : Segmen 1), Kampung Sinsuran, Tambunan (Teks 1 : Segmen 7, Teks 10 : Segmen 5, Segmen 7 dan Segmen 12), Kampung Kepayan Lama, Tambunan (Teks 10 : Segmen 1, Segmen 4 dan Segmen 5), Kampung Tibabar (Teks 10 : Segmen 5 dan Segmen 12), Ranau (Teks 1 : Segmen 8), Kota Belud (Teks 1 : Segmen 10, Teks 4 : Segmen 13, Teks 7 : Segmen 3), Kampung Labuan, Kota Belud (Teks 4 : Segmen 14), Putatan (Teks 10 : Segmen 9), Kampung Ketiau, Putatan (Teks 1 : Segmen 13, Teks 5 : Segmen 12), Kampung Kelawit (Teks 1 : Segmen 14), Kinarut (Teks 5 : Segmen 1, Segmen 4), Kampung Beringgis (Teks 5 : Segmen 1), Kampung Kawang (Teks 5 : Segmen 1, Teks 8 : Segmen 3), Kampung Pengalat, Papar (Teks 5 : Segmen 5, Teks 8 : Segmen 3, Teks 10 : Segmen 8), Kampung Benoni, Papar (Teks 8 : Segmen 2) dan Tenghilan (Teks 9 : Segmen 1). Nama-nama tempat atau kampung yang muncul dalam kesemua teks ini merupakan tempat-tempat yang masih wujud di seluruh Sabah sehingga ke hari ini.

Selain nama tempat dan kampung yang disenaraikan, teks-teks yang diperolehi turut menyebut tanda alam untuk mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan. Hasil tinggalan yang paling banyak dirujuk adalah kubu

atau kota pertahanan yang pernah dibina oleh Mat Salleh di seluruh Sabah. Kubu Mat Salleh yang disebutkan ialah : Kubu Mat Salleh di Inanam (Teks 1 : *Segmen 5*, Teks 2 : *Segmen 3*, Teks 6 : *Segmen 4*), Kubu Mat Salleh di Tambunan (Teks 1 : *Segmen 7*, Teks 2 : *Segmen 5*, Teks 3 : *Segmen 3*, Teks 4 : *Segmen 2*, Teks 6 : *Segmen 3*), Kota Mat Salleh di Tibabar, Tambunan (Teks 10 : *Segmen 4*), Kota Mat Salleh di Kampung Kepayan Lama, Tambunan (Teks 10 : *Segmen 5*), Kubu Mat Salleh di Ranau (Teks 1 : *Segmen 8*), Kubu Mat Salleh di Kota Belud (Teks 1 : *Segmen 10*, Teks 4 : *Segmen 1*) dan Kota Mat Salleh di Putatan (Teks 5 : *Segmen 10*, Teks 7 : *Segmen 1*). Tapak kubu yang tersenarai di atas masih berada di tempat yang disebutkan sehingga ke hari ini.

Beberapa teks lain merujuk kepada hasil tinggalan lain. Teks 1 menyebut tentang sebuah perigi yang digunakan oleh Mat Salleh untuk menyimpan wang dan hartanya. Menurut pencerita Teks 1, tempat itu terdapat orang memelihara babi. Oleh itu, orang Sabah yang beragama Islam tidak akan pergi ke situ (Teks 1 : *Segmen 2*). Teks 3 menyebut tentang tempat di mana Mat Salleh menghilangkan diri. Dalam pada itu, Teks 3 menceritakan bahawa terdapat sebuah rumah di sebuah pulau yang amat unik kerana hanya mempunyai sebatang tiang. Rumah tersebutlah didiami oleh Mat Salleh (Teks 3 : *Segmen 7*). Seterusnya, Teks 4 menyatakan bahawa terdapat sebuah surau di Kampung Labuan (Kota Belud) yang pernah dikunjungi seorang tua yang dipercayai ialah Mat Salleh. Tatkala serangan Jepun ke atas Sabah, surau itulah yang memberikan perlindungan kepada ramai orang. Dalam pada itu, Teks 4 (*Segmen 14*) menyatakan :

"Tapi cuma surau di Kampung Labuan sana, kalau periuk api jatuh dari atas kapal terbang buangkan. Bukan jatuh di atasnya – di sana dia terbang."

Teks 5 semasa menjelaskan perkaitan antara Tun Mustapha dan Mat Salleh dengan merujuk kepada tempat pengebumian Tun Mustapha di salah sebuah bukit di Kampung Ulu Putatan. Menurut Teks 5, di bukit itulah dikatakan terdapat kubu Mat Salleh yang pertama dan sebab itulah Mat Salleh meminta anaknya, iaitu Tun Mustapha supaya dikebumikannya di tempat tersebut (Teks 5 : *Segmen 10*). Dengan kata lain, tempat (bukit) pengebumian Tun Mustapha pada masa sekarang dijadikan bukti pertalian darah antara Mat Salleh dan Tun Mustapha oleh Teks 5. Pencerita Teks 4 mengakui dirinya mempunyai sehelai jaket kebal yang dikatakannya pernah dipakai oleh pengikut rapat Mat Salleh. Pencerita Teks 4 juga menyatakan

bahawa Mat Salleh tidak perlu memakai jaket kebal itu kerana beliau kebal. Tambahan pula, jaket kebal tersebut dibuat oleh orang Kota Belud daripada sejenis daun pisang khas (Teks 4 : Segmen 15).

Selain hasil tinggalan, peristiwa bersejarah dan benda-benda lain turut dimasukkan untuk mengesahkan kesahihan cerita tentang Mat Salleh ; Teks 1, Teks 5, Teks 6, Teks 7, Teks 8 dan Teks 9 mempunyai memoratnya yang tersendiri terhadap Haji Abdul Salam. Mereka semua mengaitkan identiti Haji Abdul Salam dengan Mat Salleh. Sehubungan itu, beberapa teks dengan yakin mengatakan :

- i) "Ah, Haji Abdul Salam – Mat Sallehlah tu! Waktu itu dia sudah jadi wali; waktu dia datang Kampung Ketiau." (Teks 1 : Segmen 12)
- ii) "Dia bilang, "Ini sudah jajahan British, nanti kau orang ni susah. Yang nama saya betul; memanglah Haji Abdul Salam – sayalah Mat Salleh." (Teks 5 : Segmen 11)
- iii) "Mat Salleh ... nama betul; Abdul Salam, nama samaran. Dia juga Abdul Salam, dia juga Mat Salleh." (Teks 8 : Segmen 1)
- iv) "Tapi saya yakin bahawa dia itu Mat Salleh, sebab dia ada tunjuk luka di kepala dia – besar!" (Teks 9 : Segmen 4)

Secara kontranya, Teks 10 berasa ragu-ragu akan identiti Haji Abdul Salam yang dikatakan sebagai Mat Salleh oleh Teks 1, Teks 5, Teks 8 dan Teks 9. Dalam menyatakan keraguannya, Teks 10 mengatakan :

"Tapi ada juga cerita yang mengatakan bahawa selepas tahun sembilan belas tiga puluh lima dan sampai perang Jepun; ada orang nama Haji Abdul Salam mengakui diri sendiri itu Mat Salleh. Tapi kurang pasti betul-betulkah dia Mat Salleh." (Teks 10 : Segmen 8)

Sesetengah pemberi maklumat turut memberikan bukti untuk menyakinkan kita bahawa mereka betul-betul pernah menemui Haji Abdul Salam. Dalam pada itu, Teks 1 mengatakan :

"Saya kasi tau, Haji Abdul Salam datang di sini (Kampung Ketiau) nak, dia tidak pandai makan. Dia datang di sini dekat satu bulan." (Teks 1 : Segmen 13).

Teks 5 memberitahu kita bahawa :

"Tahun dua puluh sembilan, Haji Abdul Salam ada datang di Kinarut. (Teks 5 : Segmen 1). Saya bilang, bukan saja saya pernah jumpa sama dia, saya ada pegang dia punya belakang lagi. Saya yang pegang dia punya belakang; urut-urut dia punya belakang." (Teks 5 : Segmen 2)

Begitu juga dengan Teks 7 yang mengatakan :

"Saya pun hairan, apa macam saya boleh kena jumpa sama dia (Haji Abdul Salam)." (Teks 7 : Segmen 8)

Seterusnya, Teks 8 turut menyatakan bahawa :

"Ya, Abdul Salam ada tinggal di Benoni." (Teks 8 : Segmen 2)

Akhir sekali, Teks 9 mengatakan :

"Saya sendiri bercakap sama dia (Haji Abdul Salam). Tanya dia, siapa sebenarnya dia?" (Teks 9 : Segmen 3)

Beberapa peristiwa penting dalam kenangan pencerita tentang Haji Abdul Salam boleh diringkaskan seperti berikut :

- i) Lawatan Haji Abdul Salam ke kampung pemberi maklumat. (Sebahagian besar Teks 1, Teks 5, Teks 7, Teks 8 dan Teks 9).
- ii) Peristiwa Haji Abdul Salam menjalani upacara mandi suci dengan orang kampung dan memberikan orang kampung tangkal azimat (Teks 1 : Segmen : 13, Teks 5 : Segmen 4, Teks 7 : Segmen 10 & Segmen 14, Teks 8 : Segmen 3 dan Teks 9 : Segmen 6 & 7).
- iii) Tanda dan bekas di bahagian tubuh Haji Abdul Salam yang digunakan untuk membuktikan bahawa beliaulah Mat Salleh. (Teks 1 : Segmen 17, Teks 7 : Segmen 9, Teks 9 : Segmen 4).
- iv) Haji Abdul Salam merupakan seorang wali Allah. (Teks 1 : Segmen 12).

Dalam kesemua "Teks" yang telah ditranskripsikan, pencerita turut memasukkan unsur kekaguman dan sanjungan kepada Mat Salleh, justeru itu menonjolkan ketokohan Mat Salleh sebagai wira rakyat tempatan Sabah yang disanjungi dan dikagumi ramai. Teks 1 misalnya menyatakan

sanjungan yang diberikan oleh penduduk tempatan terhadap Mat Salleh dengan merujuk kepada sokongan padu dan taat setia yang diberikan oleh mereka dengan menjadi pengikut setia Mat Salleh. Perhatikan apa yang telah dikatakan oleh pencerita Teks 1 :

"Datang itu Inanam, nama kampung... Kampung Pancalanan. Kota tu di sana; dia bikin kota di sana, Mat Salleh. Apa lagi, orang sekalian bangsa suka sama dia. Orang Cina pun ada, Dusun pun ada, orang Putih pun ada. Orang Putih dia ada satu - nama dia Tuan Pilly." (Teks 1 : Segmen 5)

Sokongan padu yang diberikan oleh penduduk tempatan kepada Mat Salleh turut disebut dalam Teks 4 : *Segmen 8*, Teks 5 : *Segmen 7* dan Teks 6 : *Segmen 2*. Teks 2 pula menonjolkan ciri keperwiraan Mat Salleh dengan mengisahkan bahawa Mat Salleh tidak menghiraukan keselamatan diri dalam percubaannya menyelamatkan seorang budak yang hampir ditembak oleh polis Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Akibatnya, bahagian kepalanya sendiri terkena tembakan peluru (Teks 2 : *Segmen 5*). Teks 7 pula menyatakan disebabkan semangat memperjuangkan tempat sendiri yang ada pada Mat Salleh; pengkaji masa kini cuba menyusun sejarah perjuangannya (Teks 7 : *Segmen 6*). Hal ini jelas menunjukkan Teks 7 menyanjungi perjuangan Mat Salleh. Keadaan yang sama berlaku kepada Teks 8 yang mengatakan sehingga ke hari ini, jika ada apa-apa peristiwa yang berlaku, orang akan mengaitkannya dengan Mat Salleh. Sebetulnya, semangat Mat Salleh itu masih hidup (Teks 8 : *Segmen 1*). Sebaliknya, Teks 7 mengatakan :

Itulah dulu British itu pandai; macam itu orang Kota Belud dulu 'kan, siapa yang paling kuat sana 'kan; dia kasi pangkat; dia suruh cari Mat Salleh. Jadi, dia orang tolong Britishlah. Ah, dia suruh bunuh Mat Salleh balik! (Teks 7 : Segmen 3)

Secara perbandingan, Teks 10 menyampaikan dua aspek sanjungan yang berlainan terhadap Mat Salleh, yakni (i) orang Tambunan di Kampung Tibabar dan Kampung Kepayan Lama yang menganggap Mat Salleh itu wira mereka, dan (ii) orang Tambunan di Kampung Sinsuran yang tidak beranggapan sedemikian. Mereka menganggap Mat Salleh sebagai penceroboh di tempat tinggal mereka (Teks 10 : *Segmen 2*).

Rumusan Analisis

Berikut saya perturunkan satu rajah yang dapat menjelaskan kedudukan tema-tema secara perbandingan dalam semua "Teks" yang telah dianalisiskan untuk perbincangan selanjutnya.

Jadual 4.1

Analisis "Thematic" Yang Menjelaskan Kedudukan Tema Secara Perbandingan Dalam Teks 1 – Teks 10.

| Teks | Ayat Usul | Perwatakan (fizikal dan kesaktian yang lain) | Ketukohan : Kebaktian & Keperwiraan | Sudut Pandangan/ Sikap Terhadap Cerita |
|------|---|--|---|---|
| 1 | <ul style="list-style-type: none"> - berasal dari Inanam - hidup dalam zaman pemerintahan British - berketurunan Bajau - isteri pertama ialah jin Islam - isteri kedua ialah puteri Sultan Sulis | <ul style="list-style-type: none"> - dapat mengangkat sebijut batu besar dengan senang sahaja - dapat bergerak dengan pantas - kedua-dua belah tepi kepala/sayap meninggi - ada tanda bekas dibakar darar di bahagian tangan dan kepala/sayap - Mat Salleh tidak akan mati - Haji Abdul Salam (Mat Salleh) tidak perlu makan dan minum | <ul style="list-style-type: none"> - menyering Pulau Gaya, membantu tentara British dan menyelamatkan tauke Cina - mengembarnya dari Inanam ke Bundu-Tuhan ; dari Bundu-Tuhan berpindah ke Tambunan; dari Tambunan berpindah ke Ranau ; akhirnya ke Kota Belud dalam usahanya menentang pengaruh British | <ul style="list-style-type: none"> - mengesahkan kesahihan ceritanya dengan merujuk kepada nenek dan pak ciknya - kemengen terhadap Haji Abdul Salam yang dikatakan ialah Mat Salleh - merujuk kepada kubu Mat Salleh di Inanam, Kota Belud dan Tambunan - menyenjung dan mengagumi perjuangan Mat Salleh dengan mengatakan di mana sahaja Mat Salleh pergi, belum disusai ramai dan disokong oleh sekalan bangta |
| 2 | <ul style="list-style-type: none"> - berasal dari Inanam - bapanya orang Sulu dan ibunya orang Kadazan dari Sugut - hidup dalam zaman pemerintahan British - isterinya ialah jin | <ul style="list-style-type: none"> - Mat Salleh itu kebal (walau pun kepala/sayapnya terkena tembak peluru tetapi ia tidak haka dan tidak berdarah) | <ul style="list-style-type: none"> - berperang dengan British disebabkan mahu memuntut kuasa/sayap sebagai pembesar tempatan dan cakar kepala yang membebarkan rakyat - menyering Pulau Gaya dan keraduan mengembarnya sehingga ke Tambunan - menyelamatkan seorang budak di luar kubu yang hampir ditembak oleh askar British | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada neneknya dan Blandul yang dikatakan sebagai pengikut Mat Salleh untuk mengesahkan kesahihan ceritanya - merujuk kepada kubu Mat Salleh di Inanam dan di Tambunan - mengagumi dan menyenjung perjuangan Mat Salleh |

| | | | | |
|---|--|---|--|---|
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> - berasal dari Inanam - anak kepada Datu Harun dan bersaudara dengan Tun Mustapha - hidup dalam zaman pemerintahan British | <ul style="list-style-type: none"> - orangnya tinggi - kebal orangnya semasa ditembak di Ranau ia tidak mati , ia mati hanya setelah ditembak dengan peluru emas, selepas itu ia bertukar menjadi Haji Abdul Salam - kakinya ada tanda ditembak oleh senapang | <ul style="list-style-type: none"> - bersama pengikutnya Mat Sator dan Datu Langkap menyerang Pulau Gaya - semasa menentang British, ia mengembawa dari Inanam ke Tambunan dan kemudian ke Ranau | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada bapa dan sebuah buku catatan kepunyaan bapanya untuk mengesahkan kesahihan ceritanya - mempunyai kenangan terhadap Haji Abdul Salam yang dipercayai sebagai Mat Salleh - menyanyungi dan mengagumi perjuangan Mat Salleh |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> - Mat Salleh pernah tinggal di Inanam, Kota Belud, Menggatal dan Tambunan - isterinya mempunyai pantang memijak tanah - menyatakan Tun Mustapha ada kaitan dengan Mat Salleh | <ul style="list-style-type: none"> - kulitnya boleh berubah-ubah warna - rupanya boleh berubah dari muda ke tua - di hujung kakinya ditembak oleh peluru tetapi tidak ada luka - Mat Salleh itu kebal - Mat Salleh tidak perlu makan dan minum selama empat puluh hari pun masih dapat hidup - Orang yang minum ludah Mat Salleh turut akan menjadi kebal - peluru yang ditembak ke arah Mat Salleh tidak akan kena sasaran - Mat Salleh dapat berlawan dengan beberapa orang sekaligus | <ul style="list-style-type: none"> - berperang dengan kerajaan pada masa itu, iaitu Kompeni Berpiagam Borneo Utara (British) | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada nenek dan orang kampung yang pernah menjadi pengikut Mat Salleh di Kota Belud untuk mengesahkan kesahihan ceritanya - merujuk kepada sebuah surau di Kampung Labuan yang dikatakan pernah dilawat oleh Mat Salleh dan surau itu tidak diapa-apakan oleh meriam tatkala diserang oleh tentera Jepun - berasa kagum dan menyanyungi kehebatan dan kesaktian yang ada pada Mat Salleh |
| 5 | <ul style="list-style-type: none"> - hidup dalam zaman | <ul style="list-style-type: none"> - rambut Haji Abdul | <ul style="list-style-type: none"> - berperang dengan | <ul style="list-style-type: none"> - kenangan terhadap |

| | | | | |
|---|--|---|--|--|
| | <p>pemerintahan British</p> <ul style="list-style-type: none"> - membesar Datu Harun memelihara anaknya, iaitu Tun Mustapha | <p>Salam yang dikatakan Mat Salleh itu tidak dapat dipotong dengan pisau cukur</p> <ul style="list-style-type: none"> - jari kaki Haji Abdul Salam ada tanda seperti Mat Salleh - seluruh tubuh Haji Abdul Salam berotot keras - Haji Abdul Salam ada kalanya kelihatan muda dan ada kalanya kelihatan tua | <p>British</p> <ul style="list-style-type: none"> - Haji Abdul Salam memandikan orang kampung Kinarut, Kawang dan Benoni - Haji Abdul Salam memberikan tangkal azimat untuk melindungi orang kampung | <p>Haji Abdul Salam pada sekitar tahun 1920-an dan mengakui pernah mengurut badannya</p> <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada tempat perkuburan Tun Mustapha pada zaman sekarang yang merupakan bekas kubu Mat Salleh - menyatakan ada sesetengah pihak yang menyokong Mat Salleh ada sesetengah pihak yang ingin pangkat menyokong British |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> - berasal dari Inanam - hidup dalam zaman pemerintahan British | <ul style="list-style-type: none"> - mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa - kancing besi penjara yang ditandang olehnya terus buka - orangnya kebal - peluru yang di tembak ke arahnya tidak akan kena sasar - pedangnya cukup tajam, sekali potong, semua benda akan terus putus - boleh menghilangkan diri | <ul style="list-style-type: none"> - berperang dengan British selama 6 tahun - menyelamatkan orang yang dipenjarakan oleh British di Pulau Gaya | <ul style="list-style-type: none"> - mempunyai kubu di Inanam - kenangan Haji Abdul Salam yang memberikan bubur kepada kanak-kanak di Inanam |
| 7 | <ul style="list-style-type: none"> - berasal dari Inanam - hidup dalam zaman pemerintahan British | <ul style="list-style-type: none"> - dapat menggunakan sebuah parang berat yang tidak dapat diangkat oleh orang biasa - kebal dan tidak akan diapa-apukan oleh tembakan peluru | <ul style="list-style-type: none"> - mempunyai semangat mempertahankan tempatnya sendiri - berperang dengan pihak British | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada nenek dan bapa mertuanya untuk mengesahkan kesahihan cerita - merujuk kepada sebuah bekas kubu Mat Salleh yang masih |

| | | | | |
|---|--|--|--|---|
| | | <p>tembakan peluru</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua belah tepi kepalanya meninggi - berupaya bergerak dengan pantas - suaranya dapat muncul dari satu tempat ke satu tempat yang lain - Haji Abdul Salam dapat mengubati penyakit mata dan kudis | <p>pihak British disebabkan oleh soal cukai kepala</p> <ul style="list-style-type: none"> - menyerang Pulau Gaya dan selepas itu mengembawa sehingga ke Tambunan - demi tidak mahu menyusahkan orang lain; Mat Salleh buat ikhtiar seolah-olah ia sudah mati | <p>Salleh yang masih berada dekat dengan tempat tinggalnya</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempunyai kenangan terhadap Haji Abdul Salam yang dipercaya sebagai Mat Salleh - menyanyungi Haji Abdul Salam yang mempunyai budi pekerti yang baik, memberikan tangkal azimat dan dapat mengubati pesakit mata |
| 8 | <ul style="list-style-type: none"> - hidup dalam zaman pemerintahan British Chartered Company | <ul style="list-style-type: none"> - Mat Salleh tidak mati | <ul style="list-style-type: none"> - semangat Mat Salleh masih hidup sehingga ke hari ini | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada pengikut Mat Salleh termasuk seneknya untuk mengesahkan kesahihan ceritanya - memorat terhadap Haji Abdul Salam yang melawat ke Kampung Benoni, memandikan dan memberikan tangkal azimat kepada orang kampung. - menyanyungi perjuangan Mat Salleh |
| 9 | <ul style="list-style-type: none"> - hidup dalam zaman penjajahan British | <ul style="list-style-type: none"> - kepala Mat Salleh itu ada tanda parut ditembak oleh senapang - kepala Haji Abdul Salam juga ada parut ditembak oleh senapang - renungan mata Mat Salleh tajam, begitu juga dengan Tua Mustapha | <ul style="list-style-type: none"> - Haji Abdul Salam mengembawa dari satu tempat ke satu tempat kerana mahu menghindari pihak British - Haji Abdul Salam mengajar seni silat kepada orang Kampung Tenghilan, | <ul style="list-style-type: none"> - kenangan terhadap Haji Abdul Salam dan mengakui dia pernah belajar silat dengan Haji Abdul Salam |

| | | | | |
|----|---|---|---|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> - badan Mat Salleh itu ada kala tinggi, ada kala rendah, Haji Abdul Salam dan Tun Mustapha juga begitu | <ul style="list-style-type: none"> menguatkan iman orang kampung dengan cara memandikan mereka dengan air sungai | |
| 10 | <ul style="list-style-type: none"> - hidup dalam zaman pemerintahan British - isterinya berilmu dan pantang memijak tanah | <ul style="list-style-type: none"> - memakai sejenis tops kayu yang menyerupai trojen - memakai dua bilah pedang, yang sebuah kanan digunakan untuk memberi arahan dan yang sebuah kiri digunakan untuk berperang - dipercayai kebal orangnya dan hanya boleh dibunuh dengan buluh tajam | <ul style="list-style-type: none"> - berperang dengan British di Tambunan - mendapat sokongan daripada orang Kampung Tibabar dan orang Kampung Kepayan Lama tetapi bukan orang Kampung Sinsuran | <ul style="list-style-type: none"> - merujuk kepada Ketua Kampung Kepayan Lama, Mujumal - merujuk kepada kubu Mat Salleh yang dibina di Tibabar dan Kubu Mat Sator di Kampung Kepayan Lama - menyatakan ada pihak yang menyokong Mat Salleh dan ada pihak yang tidak menyokong Mat Salleh |

Merujuk kepada Rajah 4.1, seseorang akan menemui banyak sekali ciri keperwiraan dan ketokohan yang ada pada Mat Salleh, sesuai dengan tarafnya sebagai wira rakyat yang disanjungi penduduk tempatan Sabah. Berikut diberikan rumusan secara terperinci berdasarkan analisis '*thematic*' perbandingan teks dengan merujuk juga kepada persamaan ciri-ciri keperwiraan yang diberikan kepada beberapa orang wira tradisional yang lain. Khususnya, Hang Tuah, Tok Janggut, Amir Hamzah, Panglima Nayan dan wira-wira lain.

Menyentuh asal usul Mat Salleh, beberapa teks cenderung menghubungkaitkan keturunan beliau dengan kaum-kaum yang berbeza. Ciri asal usul keturunannya yang multi-etnik seperti ini menunjukkan bahawa Mat Salleh ialah wira rakyat untuk pelbagai kaum. Asal usul multi-etnik Mat Salleh yang disebutkan dalam teks adalah seperti : Bajau (Teks 1 dan Teks 4), Sulu (Teks 2 dan Teks 6) dan Kadazandusun (Teks 2). Ada pula teks yang menyatakan Mat Salleh mempunyai pertalian darah dengan Datu Harun, iaitu bapa kepada Tun Mustapha sendiri, (Teks 1, Teks 3, Teks 5 dan Teks 10). Ciri asal usul Mat Salleh yang multi-etnik ini menjelaskan bahawa beliau ialah wira rakyat untuk pelbagai kaum. Pertalian darah antara Mat Salleh, Datu Harun dan Tun Mustapha pula menunjukkan betapa mulianya keturunan yang cuba diberikan oleh penduduk tempatan Sabah kepada Mat Salleh.

Dalam aspek perwatakan (sama ada dari segi fizikal mahu pun ciri-ciri dalaman yang lain); teks-teks tertentu cenderung memberikan dimensi luar biasa kepada Mat Salleh. Untuk menunjukkan Mat Salleh lebih hebat daripada manusia biasa, ciri kesaktian yang diberikan kepada Mat Salleh dapat ditemui dalam Teks 1 dan Teks 4. Teks 1 umpamanya menyatakan bahawa Mat Salleh mempunyai sebuah kota yang dibina dengan kain putih sahaja dan ada kata-kata sakti yang tertulis pada kain putih itu. Jadi, sewaktu diserang dengan meriam, tembakan meriam tidak akan mengena sasarannya. Akan tetapi, jika pihak tentera British memakai teropong dan melihat dari jauh, mereka nampak seolah-olah meriam mereka terkena sasaran pula (Teks 1 : *Segmen 10*). Teks 4 pula mengatakan bahawa rupa Mat Salleh boleh berubah-ubah. Beliau kelihatan muda pada sebelah pagi; kelihatan lebih tua pada sebelah tengah hari dan kelihatan seperti orang tua pada sebelah petang (Teks 4 : *Segmen 6*).

Teks 9 memberitahu tentang keistimewaan fizikal yang ada pada Mat Salleh. Dikatakan oleh Teks 9 bahawa renungan mata Mat Salleh itu sangat tajam hingga orang lain sukar untuk menentang pandangannya. Seterusnya, kekuatan fizikal yang perlu ada pada seseorang wira juga diberikan kepada Mat Salleh. Penceritaan seperti Mat Salleh dengan senang sahaja dapat mengangkat batu besar (Teks 1 : *Segmen 6*); Mat Salleh dapat melawan beberapa orang sekali gus (Teks 4 : *Segmen 10*) dan Mat Salleh cuma perlu sekali tendang sahaja, kancing yang mengunci pintu besar penjara terus terbuka (Teks 6 : *Segmen 2*) menunjukkan bahawa Mat Salleh mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa.

Diceritakan juga dalam teks-teks bahawa Mat Salleh mempunyai senjata istimewa sebagaimana wira Melayu Hang Tuah yang mempunyai sebilah keris sakti yang dikenali sebagai Keris Taming Sari. *Hikayat Hang Tuah* mencatatkan bahawa hulubalang yang memiliki Keris Taming Sari akan menjadi kebal dan tidak lut senjata (Kassim Ahmad, 1992 : 165-166). Dalam Teks 7 pula dinyatakan bahawa pedang Mat Salleh tidak dapat diangkat oleh orang biasa, dan hanya Mat Salleh sahaja yang dapat mengangkat pedangnya (Teks 7 : *Segmen 7*). Teks 10 menyatakan bahawa Mat Salleh mempunyai dua bilah pedang. Pedang yang terletak di sebelah kanannya digunakan untuk memberi arahan kepada pengikutnya manakala pedang di sebelah kirinya yang digunakan untuk berperang dapat menghasilkan cahaya kilat (Teks 10 : *Segmen 9*). Senjata istimewa yang ada pada Mat Salleh memberikan kekuatan dan kuasa kepada Mat Salleh.

Beberapa teks lain juga cenderung memberikan ciri-ciri penandaan wira untuk Mat Salleh seperti yang terdapat pada wira tradisional lain. Dicatatkan dalam *Hikayat Banjar* bahawa kepala Ki Mas Lalana

mempunyai parut akibat dipukul oleh ibunya semasa kecil. Parut itulah yang menyebabkan ibu kandungnya dapat mengenalinya kembali setelah berpisah untuk sekian lamanya (Ras, 1990 : 291). Selain itu, Amir Hamzah, seorang lagi wira tradisional juga mempunyai tanda tahi lalat hijau di dahinya sejak dilahirkan (Emeis, 1975 : 197). Secara perbandingan, Teks 1 menyatakan bahawa bahagian tangan Mat Salleh itu ada bekas dibakar damar (Teks 1 : *Segmen 17*). Teks 1 juga menyatakan bahawa lidah anak Mat Salleh yang bakal dilahirkan itu hitam warnanya (Teks 1 : *Segmen 11*). Seterusnya Teks 4 menyatakan di hujung kaki Mat Salleh ada tanda terkena tembakan peluru (Teks 4 : *Segmen 8*). Teks 7 menyatakan bahawa di bahagian tengah kepala Mat Salleh lebih dalam daripada kedua-dua belah tepinya (Teks 7 : *Segmen 9*). Teks 9 menyatakan di bahagian kepala Haji Abdul Salam ada parut terkena tembakan senapang, begitu juga dengan Mat Salleh (Teks 9 : *Segmen 4*). Semua tanda ini digunakan oleh pencerita teks untuk mengesahkan bahawa Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh atau untuk mengenali seseorang yang dijumpainya kemudian sebagai Mat Salleh.

Ciri menuntut ilmu sebagaimana yang ada pada kebanyakan wira rakyat turut ada pada Mat Salleh. Hang Tuah lima bersaudara umpamanya pernah mempelajari ilmu isyarat hulubalang, ilmu firasat dan ilmu perajurit daripada seorang petapa di bukit yang bernama Aria Putera (Kassim Ahmad, 1992 : 30-31) dan kemudian mempelajari ilmu perajurit dengan Sang Persata Nala yang bertapa di Gunung Wirana Pura, Majapahit (Kassim Ahmad, 1992 : 169;175). Seorang lagi wira tradisional Kedah, iaitu Panglima Nayan juga pernah mempelajari seni silat daripada Tok Guru Awang Panjang sebelum ia menjadi orang yang handal (Mohamad Abdullah, 1982 : 70). Seterusnya, Teks 3 turut menyatakan bahawa Mat Salleh pernah masuk ke dalam hutan selama beberapa bulan untuk menuntut ilmu kebatinan. Sebaik sahaja beliau keluar dari hutan, beliau memiliki ilmu sakti yang tidak ada pada orang biasa (Teks 3 : *Segmen 10*).

Jika wira tradisional Melayu yang lain seperti Hang Tuah, Tok Janggut dan banyak lagi diperdayai kebal; begitu juga dengan Mat Salleh. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah yang memperoleh Keris Taming Sari dikatakan tidak akan mati jika diserang dengan sebarang jenis senjata (Kassim Ahmad, 1991 : 179). Teks 2 menceritakan ciri kekebalan yang ada pada Mat Salleh dengan mengatakan bahawa apabila bahagian kepala Mat Salleh terkena tembakan peluru; bahagian kepalanya itu tidak luka dan tidak berdarah. Cuma peluru itu tersumbat di situ sahaja (Teks 2 : *Segmen 5*). Teks 3 pula mengisahkan bahawa Mat Salleh tidak lut oleh sebarang peluru (Teks 3 : *Segmen 5*). Teks 4 mewarnai kekebalan yang ada pada Mat Salleh dengan mengatakan bahawa jika ludahnya diminum orang; orang itu

akan menjadi kebal (*Teks 4 : Segmen 7*). Teks 5 yang menganggap Haji Abdul Salam sebagai Mat Salleh menyatakan bahawa rambutnya itu tidak dimakan pisau cukur (*Teks 5 : Segmen 5*).

The British North Borneo Herald (16 September 1897 : 253) pernah melaporkan bahawa pembacanya sangat berminat akan cerita lisan yang mengatakan Mat Salleh pernah menjalani satu upacara ritual yang dikenali sebagai "Upacara Kebal" yang membolehkan seseorang pengamalnya tidak lut senjata. Diceritakan bahawa orang yang ingin memperoleh ilmu kebal ini haruslah masuk ke dalam hutan dengan berpakaian lengkap sebagai seorang pahlawan. Di sana ia harus berpuasa selama tiga hari tiga malam dan pada masa yang sama berkomunikasi dengan roh nenek-moyangnya. Jika berjaya, pada hari yang ketiga orang berkenaan akan berada dalam keadaan tidak sedar diri, dan pada ketika inilah roh nenek-moyangnya akan memberitahu rahsia yang membolehkannya menjadi kebal. Diceritakan juga tidak ramai orang di Borneo yang berani menjalani "Upacara Kebal" ini kecuali Mat Salleh.

Ciri kekebalan yang ada pada Mat Salleh ini dengan jelas menunjukkan bahawa sebagai wira, Mat Salleh tidak mudah dibunuh. Secara kontranya, hanya Teks 10 yang menyatakan bahawa Mat Salleh terbunuh akibat buluh pecah yang tercucuk ke tubuh badannya (*Teks 10 : Segmen 11*). Dari segi hal peribadinya, dinyatakan oleh Teks 1 bahawa Mat Salleh pernah berkahwin dengan jin Islam selama 25 tahun. Hasil daripada perkahwinan itu, jin Islam telah memberikan Mat Salleh satu tangkal azimat yang membolehkannya bergerak dengan pantas dan menjadikannya berani (*Teks 1 : Segmen 16*). Selain jin Islam, dinyatakan oleh Teks 1 dan beberapa teks lain bahawa Mat Salleh mempunyai seorang isteri yang merupakan manusia biasa tetapi berketurunan kerabat diraja. Teks 1 dan Teks 2 menyatakan bahawa isteri Mat Salleh merupakan puteri Sultan Sulu (*Teks 1 : Segmen 11* dan *Teks 2 : Segmen 2*). Seterusnya Teks 2, Teks 4 dan Teks 10 menyatakan bahawa sebagai puteri yang suci, isteri Mat Salleh mempunyai pantang-larangnya, iaitu beliau pantang memijak bumi (*Teks 2 : Segmen 6*, *Teks 4 : Segmen 3* dan *Teks 10 : Segmen 6*). Teks 10 juga ada menyatakan bahawa isteri Mat Salleh orang yang berilmu. Biji jagung atau tahi lembu yang ditaburkan dari tangannya akan bertukar menjadi tebuan (*Teks 10 : Segmen 6*). Akan tetapi, sebagai manusia biasa isteri Mat Salleh yang kedua itu boleh mengandung dan terpaksa dibawa lari setiap kali berlakunya pertempuran (*Teks 1 : Segmen 11* dan *Teks 2 : Segmen 6*).

Ciri keramat atau wali yang ada pada Mat Salleh turut dijumpai dalam beberapa teks. Teks 4 umpamanya menyatakan bahawa selama empat

puluh empat hari tidak makan atau minum, Mat Salleh tetap akan hidup tetapi bukan pengikutnya yang lain (*Teks 4 : Segmen 10*). Begitu juga dengan Haji Abdul Salam yang dinyatakan oleh Teks 1 sebagai Mat Salleh juga tidak perlu makan dan minum (*Teks 1 : Segmen 12*). Ciri keramat yang sedemikian mempunyai persamaan dengan pahlawan Majapahit, Sang Winara Semantera yang dinyatakan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Diceritakan bahawa Sang Winara Semantera pernah bertapa selama tujuh tahun di dalam bumi tanpa tidur, makan atau minum (Kassim Ahmad (peny.), 1992 : 187). Satu lagi ciri keramat yang dapat ditemui dalam Teks 7 ialah Mat Salleh boleh muncul di banyak tempat pada masa yang sama (*Teks 7 : Segmen 5*).

Kisah perjuangan Mat Salleh menentang penjajahan British di Sabah turut mendapat tempat yang istimewa dalam hampir semua teks. Penentangan Mat Salleh terhadap polis atau tentera British yang melibatkan perperangan dan seterusnya pengembalaan Mat Salleh dari satu tempat ke satu tempat yang lain menunjukkan bahawa Mat Salleh ialah wira rakyat yang gagah, berani dan sanggup berjuang demi kepentingan penduduk tempatan di Sabah. Ciri keperwiraan yang sedemikian merupakan ciri universal yang harus ada pada semua wira rakyat bagi mana-mana bangsa di dunia ini.

Teks 1 menyatakan Mat Salleh dan pengikutnya berjaya menyerang Pulau Gaya (pusat pentadbiran Kompeni Berpiagam Borneo Utara di Pantai Barat Sabah). Semasa menyerang Pulau Gaya, Mat Salleh dikatakan berenang seorang diri ke situ terlebih dahulu sementara pengikutnya yang lain sampai kemudian. Tindakan ini menunjukkan bahawa Mat Salleh lebih kuat dan berani daripada pengikutnya yang lain. Teks 1 juga menyatakan semasa menyerang Pulau Gaya, Mat Salleh mengingatkan pengikutnya supaya membunuh tentera British sahaja dan bukannya penduduk tempatan di Pulau Gaya. Selepas itu, mereka telah menyelamatkan tauke-tauke Cina dari Pulau Gaya dan kemudian tauke Cina yang telah diselamatkan olehnya telah memberi mereka bantuan kewangan. Pencerita Teks 2 pula menceritakan bahawa Mat Salleh sanggup menggadaikan nyawanya demi menyelamatkan seorang budak (*Teks 2 : Segmen 5*). Semua ini merupakan sifat-sifat penyayang kerana meletakkan kepentingan orang bawahan daripada kepentingan sendiri yang ada pada wira seperti Mat Salleh ini.

Menurut Teks 2, punca Mat Salleh berperang dengan pihak British adalah disebabkan soal cukai kepala dan pada masa yang sama ia ingin menuntut balik kuasanya sebagai pembesar tempatan di Sabah. Itulah sebabnya Mat Salleh dan pengikutnya menyerang dan membakar Pulau

Gaya (Teks 2 : *Segmen 2*). Sebagai perbandingan, wira Melayu lain khususnya Tok Janggut yang menentang penjajahan British juga disebabkan kuasa mereka sebagai pembesar tempatan tergugat dan penguatkuasaan pelbagai jenis cukai yang membebankan penduduk tempatan (Ibrahim Mahmood, 1974 : 68). Dalam keadaan kesusahan seperti ini, rakyat jelata memang memerlukan seorang wira untuk membela nasib mereka. Dalam Teks 2, Mat Sallehlah wira yang dimaksudkan itu.

Teks 6 turut menyatakan tujuan Mat Salleh menyerang Pulau Gaya adalah untuk menyelamatkan sekalian bangsa, seperti bangsa Murut, bangsa Dayak dan Cina yang telah dipenjarakan oleh pihak penjajah British (Teks 6 : *Segmen 2*). Teks 7 turut menyebutkan bahawa orang kampung yang miskin tidak mampu membayar cukai kepala menyebabkan Mat Salleh menentang pihak British (Teks 7 : *Segmen 1*). Ketiga-tiga teks ini dengan terang menyatakan bahawa Mat Salleh sebagai wira pelindung kepada sekalian bangsa yang menetap di Sabah daripada peraturan punggutan cukai yang dilaksanakan oleh penjajah British di Sabah.

Sebagai wira pelindung, dinyatakan juga dalam beberapa teks bahawa perjuangan Mat Salleh mendapat sokongan daripada pelbagai etnik penduduk tempatan. Wira Melayu yang lain seperti Tok Janggut dikatakan mempunyai seramai 2,000 orang penyokong semasa beliau menentang pihak British (Ibrahim Mahmood, 1974 : 66). Sehubungan dengan itu, Teks 1 menyatakan bahawa Mat Salleh mendapat sokongan daripada orang Dusun, orang Cina serta seorang bangsa Barat yang bernama Tuan Pilly (Teks 1 : *Segmen 5*). Teks 1 juga menyatakan di mana-mana sahaja Mat Salleh pergi, ada ramai orang yang menyokongnya (Teks 1 : *Segmen 6* dan *Segmen 7*). Teks 2 menyebut bahawa ramai orang Dusun, orang Inanam dan orang Bajau yang menyokong perjuangan Mat Salleh (Teks 2 : *Segmen 5*). Teks 5 pula menyatakan ada orang yang menyokong Mat Salleh tetapi ada pula orang yang menyokong pihak British. Dinyatakan dalam Teks 5 bahawa orang yang menyokong British disebabkan faktor kekayaan tetapi tidak bagi orang yang menyokong Mat Salleh. Teks 1 dan Teks 7 turut menyebut bahawa pihak British bijak menggunakan taktik kotor untuk membeli sokongan rakyat tempatan. Sesiapa yang menyokong pihak British akan diberikan pangkat atau wang (Teks 1 : *Segmen 8* dan Teks 7 : *Segmen 3*). Teks 10 pula menyatakan sesampainya Mat Salleh di Tambunan; orang kampung di sebelah Tibabar dan Kepayan Lama menyokongnya (Teks 10 : *Segmen 3*). Secara kontranya, hanya Teks 10 menyatakan bahawa orang kampung di sebelah Sinsuran yang takut akan kekacauan tidak menyokongnya (Teks 10 : *Segmen 2* dan *Segmen 3*).

Jika Hang Tuah dipercayai belum mati dan hanya menghilangkan diri (Kassim Ahmad, 1992 : 594), Mat Salleh juga dikatakan tidak mati walaupun telah ditembak dengan senapang di bahagian kepalanya. Setelah Mat Salleh ditembak, ada orang mengatakan bahawa beliau sudah mati. Akan tetapi Teks 1 menyatakan bahawa Mat Salleh itu belum mati (Teks 1 : *Segmen 11*). Mat Salleh cuma menyamarkan diri lalu dikenali sebagai Haji Abdul Salam. Menurut Teks 1 lagi, pada masa itu Mat Salleh sudah menjadi wali Allah yang tidak perlu makan dan minum (Teks 1 : *Segmen 12*). Teks 2 pula mengisahkan bahawa selepas Mat Salleh terkena tembakan di Tambunan, pada malam yang sama beliau memikul dan membawa isterinya ke Kudat untuk dijaga oleh Datu Harun (Teks 2 : *Segmen 6*). Menurut Teks 2 lagi, kalau Mat Salleh telah mati masakan beliau dapat membawa isterinya sampai ke Kudat; jadi beliau sebenarnya cuma menghilangkan diri selepas itu (Teks 2 : *Segmen 6*). Teks 3 juga menyatakan bahawa Mat Salleh yang dikatakan mati sebenarnya tidak mati tetapi melenyapkan diri dengan begitu sahaja. Menurut Teks 3 lagi, Mat Salleh telah pergi ke sebuah pulau yang terdapat rumahnya yang cuma mempunyai sebatang tiang sahaja (Teks 3 : *Segmen 7*).

Cerita tentang Mat Salleh menghilangkan diri dan bukannya mati juga dinyatakan dalam Teks 4 : *Segmen 12*, Teks 5 : *Segmen 7*, Teks 6 : *Segmen 6*, Teks 7 : *Segmen 12*, Teks 8 : *Segmen 1* dan Teks 9 : *Segmen 4*. Dari segi perbezaannya, hanya Teks 10 menyatakan bahawa Mat Salleh mati bukan disebabkan ditembak oleh peluru tetapi terkena buluh tajam yang pecah (Teks 10 : *Segmen 11*). Cara kematian Mat Salleh yang sebegini mempunyai persamaan dengan Tok Janggut yang dipercayai hanya boleh dibunuh dengan menggunakan buluh tajam. Dengan kata lain, hampir semua pencerita teks mempercayai bahawa Mat Salleh tidak mudah menemui ajalnya.

Yang istimewa, sesetengah pemberi maklumat telah menggunakan teknik tertentu untuk mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan oleh mereka. Kebanyakan pencerita memperlihatkan keyakinan mereka akan kebenaran ciri-ciri keperwiraan yang ada pada Mat Salleh. Teks 1, Teks 2, Teks 4, Teks 7 dan Teks 8 merujuk kepada apa yang telah diberitahu oleh nenek yang sebaya dengan Mat Salleh. Teks 2 juga merujuk kepada bekas pengikut Mat Salleh yang dikenali sebagai nenek Bandul dan orang tua-tua yang berada bersama Mat Salleh di kubunya di Tambunan untuk mengesahkan kesahihan ceritanya (Teks 2 : *Segmen 4* dan *Segmen 5*). Teks 3 pula menyatakan ia memperolehi cerita Mat Salleh melalui bapanya, dan bapanya juga mempunyai sebuah buku catatan yang ditulis dalam tulisan Jawi (Teks 3 : *Segmen 8*). Teks 5 merujuk kepada abangnya

dan apa yang pernah didengar daripada mak cik Tun Mustapha dalam mengesahkan ceritannya. Teks 7 juga merujuk kepada cerita yang pernah diberitahu oleh bapa mertuanya. Akhir sekali, Teks 10 merujuk kepada orang tua-tua di Kampung Kepayan Lama dan Ketua Kampung untuk mengesahkan kebenaran cerita tentang Mat Salleh yang disampaikannya.

Selain merujuk kepada orang tertentu, pemberi maklumat juga merujuk kepada kesan tinggalan (*landmarks*) untuk mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan oleh mereka. Pengarang *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983) juga merujuk kepada tanda alam tertentu dalam menceritakan seseorang tokoh legenda. Semasa mengisahkan Badang umpamanya, pengarang *Sejarah Melayu* menyebut bahawa apabila Badang terhempas ke atas sebiji batu besar di Kuala Sayung; kepalanya tidak pecah tetapi batu itu terbelah dua. Oleh itu, tempat tersebut dipanggil orang Batu Belah dan masih terdapat di Kuala Sayung sehingga ke hari ini (Shellabear, 1983 : 35). Dalam kes Mat Salleh, tanda alam yang banyak disebut oleh para pemberi maklumat ialah kubu atau kota yang pernah didirikan oleh Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya. Kubu yang pernah didirikan oleh Mat Salleh adalah banyak dan bertaburan di seluruh Sabah. Taburan kubunya yang disebut oleh pemberi maklumat adalah seperti di Inanam (Teks 1 : *Segmen 5*, Teks 2 : *Segmen 3* dan Teks 6 : *Segmen 4*); di Tambunan (Teks 1 : *Segmen 7*, Teks 2 : *Segmen 5*, Teks 3 : *Segmen 3*, Teks 4 : *Segmen 2* dan Teks 6 : *Segmen 3* dan Teks 10 : *Segmen 4*, *Segmen 5*); di Ranau (Teks 1 : *Segmen 8*); di Kota Belud (Teks 1 : *Segmen 10* dan Teks 4 : *Segmen 1*) dan di Putatan (Teks 5 : *Segmen 10* dan Teks 7 : *Segmen 1*). Tapak kubu Mat Salleh yang disebutkan dalam teks-teks semuanya masih boleh dijumpai di tempat yang dinyatakan sehingga ke hari ini, dan pada masa yang sama dapat membantu mengesahkan kesahihan cerita yang disampaikan oleh pemberi maklumat dan menyakinkan pendengarnya.

Seterusnya, Teks 1, Teks 5, Teks 6, Teks 7, Teks 8 dan Teks 9 mempunyai kenangan mereka yang tersendiri terhadap Haji Abdul Salam yang dipercayai merupakan Mat Salleh yang belum mati. Dalam Teks 1, Haji Abdul Salam dikatakan pernah melawat Kampung Ketiau, Putatan pada sekitar tahun 1920-an. Pada masa itu, Mat Salleh dikatakan sudah menjadi wali Allah dan tidak perlu makan dan minum (Teks 1 : *Segmen 12*). Teks 1 juga menyatakan bahawa Haji Abdul Salam sendiri memberitahu orang bahawa beliaulah Mat Salleh (Teks 1 : *Segmen 15*). Teks 5 menyatakan memorat abangnya yang bersemuka dengan Haji Abdul Salam yang melawat Kampung Ketiau. Menurutnya, orang kampung mendapati di hujung kakinya ada tanda seperti Mat Salleh. Lalu Haji Abdul Salam

mengaku di depan mereka bahawa beliaulah Mat Salleh. Oleh sebab Mat Salleh tidak mahu menyusahkan penduduk kampung, beliau menggunakan nama Haji Abdul Salam (Teks 5 : *Segmen 11*).

Teks 6 menyatakan semasa Haji Abdul Salam melawat Inanam, beliau memberikan bubur kepada kanak-kanak di situ (Teks 6 : *Segmen 6*). Teks 7 pula menyatakan bahawa Haji Abdul Salam yang melawat Kampung Ulu Putatan dapat mengubati penyakit mata orang kampung dengan menyiram air sungai ke muka pesakit, dan pada sangkaannya, beliaulah Mat Salleh (Teks 7 : *Segmen 14*). Pencerita Teks 8 menyatakan ia pernah melihat Haji Abdul Salam yang melawat Kampung Benoni, Papar; memandikan orang kampung dan memberi mereka tangkal azimat (Teks 8 : *Segmen 2* dan *Segmen 3*). Pencerita Teks 9 pula mendakwa bahawa ia sendiri pernah belajar seni silat dengan Haji Abdul Salam yang melawat Tenghilan pada sekitar 1950-an, dan ia pernah melihat parut di kepalanya yang seperti pernah ditembak oleh senapang. Menurut Teks 9, bahagian kepala Mat Salleh juga pernah ditembak oleh senapang (Teks 9 : *Segmen 4*). Peristiwa Haji Abdul Salam memandikan orang kampung dan memberi tangkal azimat juga diceritakan dalam Teks 9: *Segmen 6* dan *Segmen 7*. Jadi, bolehlah disimpulkan bahawa keenam-enam pemberi maklumat yang mempunyai memorat terhadap Haji Abdul Salam sememangnya bertemu dengan orang yang sama tetapi di tempat yang berlainan antara tahun 1920-an hingga tahun 1950-an.

Kebanyakan pengkaji sastera rakyat mengakui bahawa seseorang "wira legenda" mempunyai ciri-ciri yang lebih hebat daripada manusia biasa, tetapi tidak dapat mengatasi kekuasaan Tuhan dan alam tabii (Mohd Khalid Taib, 1989 : 175). Hal ini memang bertepatan dengan Mat Salleh. Dari segi asal usulnya, semua teks menyatakan bahawa ibu bapa Mat Salleh ialah manusia biasa, begitu juga dengan Mat Salleh. Teks 2 umpamanya menyatakan bahawa bapa Mat Salleh berketurunan Sulu dan ibunya orang Kadazandusun. Kemudian, ibunya memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan bapanya (Teks 2 : *Segmen 1*). Teks 3 pula menyebut nama bapa Mat Salleh sebagai Datu Harun (Teks 3 : *Segmen 1*). Begitu juga dengan puteri Sulu yang menjadi isterinya sedang mengandung semasa mereka melarikan diri (Teks 1 : *Segmen 11*).

Tempat lahir Mat Salleh juga merupakan tempat biasa yang terletak di Sabah. Teks 1, Teks 2 dan Teks 6 menyebut bahawa Mat Salleh berasal atau dilahirkan di Inanam (Teks 1 : *Segmen 3*, Teks 2: *Segmen 1* dan Teks 6 : *Segmen 1*). Sebagai manusia biasa, Mat Salleh juga akan berasa kecewa apabila putus cinta. Ini dinyatakan oleh Teks 2 bahawa setelah tunangnya di Inanam direbut oleh pemuda yang bernama Razuanda, Mat Salleh

berasa kecewa lalu berpindah dari Inanam (Teks 2 : *Segmen 1*). Peristiwa Mat Salleh dan pengikutnya melarikan diri dari satu tempat ke satu tempat yang lain, kemudian membina kubu pertahanan untuk melindungi mereka juga menunjukkan bahawa sebagai manusia biasa; Mat Salleh dan pengikutnya juga memerlukan perlindungan.

Sejarah perjuangan Mat Salleh juga banyak dikaji dan ditulis oleh sejarawan tempatan Sabah dan sejarawan Barat (seperti Cecilia Leong (1982), R.M. Jasni (1981), Wookey (1956), Crisswell (1971) dan banyak lagi). Selain itu, *The British North Borneo Herald*, iaitu satu-satunya akhbar rasmi di Borneo pada zaman pemerintahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) turut menyiar banyak berita tentang penentangan Mat Salleh terhadap KBBU (*The British North Borneo Herald* : 01 Jan 1898 : 6-7, 16 April 1898, 16 Feb. 1900 : 89, 16 May 1900 dan 16 Nov 1933 : 206 – 208). Semua berita bersejarah tentang Mat Salleh ini membuktikan kepada kita bahawa Mat Salleh ialah tokoh sejarah yang utama di Sabah.

Namun pada akhirnya, dari seorang tokoh sejarah, Mat Salleh telah diangkat menjadi tokoh legenda dengan diselitkan ciri asal usul daripada berbilang etnik, ciri kesaktian, ciri senjata istimewa, ciri penandaan wira, ciri kekebalan, ciri menuntut ilmu, ciri isteri yang mulia, ciri keramat dan wali, ciri ketidakakmatian; teknik-teknik yang digunakan oleh para pemberi maklumat untuk mengesahkan kesahihan ceritanya dengan merujuk kepada orang yang terdekat dengan mereka, tanda peninggalan alam tertentu, memorat pemberi maklumat, keperwiraan dan kebaktian yang dicurahkan olehnya.

Jadi, dapatlah dirumuskan di sini bahawa Mat Salleh memang mendapat tempat yang istimewa di hati penduduk tempatan di Sabah. Jadi Mat Salleh merupakan wira rakyat di Sabah yang tiada tolol bandingan pada zamannya. Itulah sebabnya sehingga ke zaman teknologi maklumat ini, masih ada penduduk di Sabah yang menyanjungi ketokohan Mat Salleh. Sebuah sajak (Jamdin Buyong, *Wadah*, 1997) untuk Mat Salleh yang berhasil pada zaman moden seperti di bawah menjelaskan segala-galanya kepada kita :

Engkau masih hidup
Engkau belum mati
Cuma kami tidak tahu
Di manakah rumahmu

-Bab 6-

Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh

Pengertian dan Konsep Wira

Kamus Dewan (1993 : 1465) memberikan pengertian kepada kata "wira" sebagai pahlawan lelaki yang gagah berani dan gagah perkasa. *Kamus Dwibahasa* (1985 : 579) pula memberikan dua pengertian yang berbeza kepada kata *hero*, yakni (I) orang yang gagah berani; pahlawan; perwira, dan (II) watak (pelakon) utama dalam cerita atau sandiwara. Memandangkan penyelidikan ini berkaitan dengan Mat Salleh, iaitu salah seorang tokoh sejarah yang telah diangkat menjadi tokoh legenda keperwiraan, maka konsep dan pengertian wira yang menjadi tumpuan di sini berkaitan dengan wira dalam definisi (I) dan bukan watak utama dalam sesbuah karya sastera seperti dalam definisi (II). Untuk mendalami konsep dan pengertian wira, ada baiknya pengertian kata *hero* (wira) menurut perspektif masyarakat Barat ditinjau terlebih dahulu. Sehubungan dengan itu, John Lash dalam buku *The Hero: Manhood and Power* (1995 : 5) memberikan catatan seperti berikut :

Mitos dan sejarah telah mencatatkan ramai watak manusia yang telah dianggap sebagai wira yang memiliki kesaktian yang luar biasa. Sesiapa sahaja boleh bertindak sebagai wira, sebagai contohnya seseorang ibu menyelamatkan anaknya daripada bahaya kebakaran, namun wira yang dimaksudkan ini memiliki sifat keperwiraan yang lebih daripada ini. Ia haruslah melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh manusia

biasa. Ciri inilah yang membezakan maksud "wira" dan "tindakan ala-wira".

Lash (1995 : 5) menyatakan bahawa mitos dan sejarah manusia telah mencatatkan banyak sekali nama tokoh yang mencapai kedudukan sebagai manusia luar biasa (*superhuman*). Dengan kata lain, Lash memberitahu kita bahawa pada mereka yang mempunyai ciri *superhuman* inilah yang dianggap sebagai wira. Seterusnya, Lash juga cuba membezakan tindakan yang dianggapkan sebagai gagah berani (*heroic*) dengan ciri-ciri yang menyebabkan seseorang sebagai wira. Pada Lash, wira merupakan orang yang memiliki ciri-ciri istimewa yang dapat mengatasi manusia biasa yang lain dan bukannya mereka yang pernah melakukan perbuatan yang gagah berani pada saat-saat kecemasan seperti seseorang ibu yang pernah menyelamatkan anak-anaknya daripada bahaya kebakaran dan sebagainya.

Bowra (1966 : 91) menjelaskan bahawa seseorang wira merupakan manusia yang diberikan ciri-ciri luar biasa dan telah diterima oleh sesebuah masyarakat sebagai manusia yang lebih istimewa atau hebat daripada orang lain. Seterusnya, Mohd Khalid Taib (1993 : 7) memberikan huraian tentang konsep wira sebagaimana yang telah diberikan oleh Edmonson seperti berikut :

Wira bukannya dilahirkan seperti manusia biasa tetapi adalah dibina daripada suatu tradisi yang diwarisi. Wira merupakan tokoh-tokoh yang berjaya menakjubkan manusia sekeliling sehingga mereka menjadi legenda walaupun mereka masih hidup. Seseorang itu dianggap pula sebagai wira kerana manusia yang sezaman dengannya telah mengiktiraf beberapa syarat dan aspek perlakuan keperwiraan. Maka sesiapa yang memenuhi syarat-syarat berkenaan, manusia sezaman akan mengakui tokoh tersebut sebagai wira.

Penjelasan tentang konsep dan pengertian wira sebagaimana yang diberikan oleh Lash, Bowra dan Edmonson ternyata memberikan penekanan kepada ciri-ciri istimewa dan ciri yang lebih hebat daripada orang lain untuk menentukan ciri asas untuk seseorang supaya layak tergolong sebagai wira. Jika diamati, seseorang yang layak dianggap sebagai wira sebenarnya mempunyai ciri istimewa yang sekali gus merupakan citra sesebuah masyarakat yang mencipta wira masing-masing.

Ada kalanya, seseorang wira telah diberikan kelahiran yang istimewa pada saat-saat ia dilahirkan. Oleh itu, wira-wira Yunani yang terkenal seperti Achilles dikatakan sebagai anak kepada dewi, Trojan, Aeneas dan Heracle merupakan anak kepada Dewa Zeus dan sebagainya (Bowra, 1966 : 94).

Selain diberikan pertalian yang rapat dengan dewa atau dewi sebagaimana yang dinyatakan; seseorang wira mungkin diberikan tanda-tanda yang luar biasa sebelum ia dilahirkan di dunia ini. Dalam masyarakat Islam umpamanya, sebelum Ali dilahirkan, ibunya Fatimah binti Asad telah bermimpi biliknya dipenuhi cahaya. Cahaya itu memancar keluar dari biliknya dan kemudian menerangi seluruh bandar Mekah. Di angkasa, ibu Ali ternampak sebutir bintang terang sedang bergerak ke arahnya... (Jan Knappert, 1985 : 238). Hal yang hampir sama juga berlaku terhadap Hang Tuah. Sebelum berpindah dari Sungai Duyung ke Bentan, Hang Mahmud (bapa Hang Tuah) dikatakan telah bermimpi bulan turun dari langit. Kemudian, Hang Mahmud melihat cahaya bulan penuh di atas kepala Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1992 : 22). Kedua-dua contoh tersebut menunjukkan bahawa seseorang wira (bukan semuanya) mungkin diberikan tanda-tanda kelahiran yang istimewa.

Kebanyakan wira juga ditandakan dengan wajah dan penonjolan diri yang luar biasa di khalayak ramai. Bowra (1966 : 99) mencatatkan bahawa kelainan sifat luar biasa yang ada pada wira dapat dilihat dengan kehadiran mereka di mana-mana sahaja. Achilles dan Sigurth umpamanya kelihatan menonjol di khalayak ramai disebabkan kekacakan mereka. Dengan kata lain, kelainan sifat fizikal yang sebegini sudah cukup untuk menonjolkan kehebatan yang ada pada wira berbanding dengan manusia biasa. Tidak ketinggalan, Hang Tuah turut diberikan gambaran wajah yang tampan dan penonjolan diri yang luar biasa apabila muncul di khalayak umum. Perhatikan satu catatan tentang penonjolan diri Hang Tuah semasa beliau mengiringi Sultan Mansur Syah melawat Majapahit sebagaimana yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983 : 88) seperti berikut:

Adapun akan Laksamana Hang Tuah, barang tempat ia pergi, gegak gempita bunyi orang daripada hebat melihat sikap lakunya. Jika ia di perseban, perseban gempar; jika ia di panggungan, panggungan gaduh, dan segala perempuan Jawa anak dara-dara; jikalau ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gila akan Hang Tuah.

Selain wajah yang tampan dan penonjolan diri yang istimewa di khalayak ramai, seseorang wira biasanya memiliki sifat fizikal yang sangat kuat. Sehubungan itu, Bowra (1966 : 97) sekali lagi memberitahu pembaca bahawa seseorang wira mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyebabkan manusia biasa menyanjungi mereka. Ia mungkin memiliki kekuatan fizikal yang luar biasa, dengan kekuatan luar biasa inilah membezakan wira dengan manusia biasa. Cuchulainn, seorang wira rakyat Indo-German umpamanya dikatakan dapat membunuh seratus orang musuh dalam satu malam; merejam empat belas batang lembing sekali gus dan lariannya lebih laju daripada angin (Lash, 1995 : 9). Rustam, salah seorang wira klasik Iran juga digambarkan sebagai manusia istimewa yang mempunyai kekuatan fizikal yang mengagumkan. Dikhabarkan bahawa semasa Rustam masih kecil, beliau pernah membunuh seekor gajah yang mengamuk di dalam istana bapanya hanya dengan sebelah tangan yang memegang sebatang cokmar (Savill, 1977 : 43).

Tidak ketinggalan, dalam budaya Melayu juga terdapat wira yang mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Kita perhatikan salah satu gambaran tentang kekuatan fizikal yang ada pada Badang sebagaimana yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983 : 35) seperti berikut :

Pada suatu hari Raja Singapura berbuat sebuah palang, panjangnya lima belas depa di hadapan istana. Telah sudah, maka disuruh baginda sorong, empat lima puluh orang tiada tesorong; sampai dua tiga ratus orang juga tiada tesorong, sampai dua tiga ribu orang juga tiada tesorong. Maka Badang pun dititahkan oleh baginda menyorong palang itu. Maka oleh Badang dengan seorang juga disorongnya palang itu; melancar lalu ke seberang. Maka oleh baginda akan Badang itu dijadikan hulubalang.

Selain daripada kekuatan yang luar biasa; seseorang wira juga bertanggungjawab terhadap keselamatan pengikutnya atau orang di bawah jagaannya. Dalam erti kata lain, wira sering diharapkan sebagai penyelamat yang akan muncul dalam situasi yang cemas atau genting. Itulah sebabnya Lash (1995 : 6) mengatakan bahawa wira sering dikaitkan dengan orang yang selalu menyelamatkan seseorang atau sesuatu benda lain. Kebijaksanaan juga merupakan satu lagi keistimewaan yang ada pada kebanyakan wira. Odysseus umpamanya merupakan wira klasik Yunani yang bijak dalam soal peperangan. Pada suatu ketika beliau pernah menyamar

sebagai pengemis lantas berjaya masuk ke dalam bandar Troy untuk menjalankan kegiatan pengintipannya. Kemudian, beliau dan askar-askarnya berjaya mengalahkan tentera Troy dengan kuda kayu raksasa yang terkenal. Itulah sebabnya Bowra (1966 : 101) mengatakan bahawa :

Odysseus ialah wira tersohor yang memiliki daya akal yang tajam. Ia juga merupakan pemimpin dan pahlawan yang pakar dalam penggunaan tipu muslihat untuk menyelamatkan diri daripada sebarang bahaya yang dihadapinya.

Sejarah membuktikan kepada kita bahawa situasi peperangan sering melahirkan wira bangsa yang tersohor. Hal ini disebabkan dalam situasi peperanganlah, kegagahan, keberanian dan semangat melindungi bangsa dan negara oleh seseorang wira itu dapat ditonjolkan. Tambahan pula, dalam peperanganlah seseorang wira akan berjuang untuk apa sahaja atas nama bangsa atau agamanya. Wira bangsa klasik Perancis, iaitu Roland misalnya pernah berjuang atas nama agama Kristian (Bowra, 1966 : 107). Sesetengah wira diberikan kelahiran yang luar biasa dan perjuangan yang luar biasa dalam hayat hidupnya; maka tidak hairanlah kebanyakan wira turut mati dalam keadaan yang membanggakan masyarakat sekelilingnya. Hal ini ditegaskan oleh Bowra (1966 : 118) bahawa :

Hayat wira akan diakhiri secara gemilang atas kejayaan dan sumbangan yang dicurahkannya kepada masyarakat. Apabila sampai ke ujian yang terakhir, wira juga sanggup mengorbankan diri atas nama sifat kelelakian sempurna yang tiada pada manusia biasa.

Tinjauan seterusnya adalah mengenai apakah yang dimaksudkan dengan istilah "wira rakyat" (*culture hero*) yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Edmonson (1971 : 150) memberikan catatan terhadap istilah "wira rakyat" sebagai tokoh wira yang mewakili seluruh masyarakat Seterusnya, Edmonson (1971 : 150) turut membincangkan ciri-ciri yang ada pada seseorang wira rakyat seperti bijak, kuat, dan berani. Mereka juga bersedia pada bila-bila masa untuk bertarung dengan musuh. Tambahan pula, mereka sentiasa bersedia untuk berkorban. Jika terkorban, mereka berjanji bahawa mereka akan kembali untuk menolong anggota masyarakat yang memerlukan perlindungannya.

Jika diteliti, ciri-ciri wira rakyat sebagaimana yang diberikan oleh Edmonson tidak jauh berbeza dengan ciri-ciri wira universal yang telah dibincangkan sebelum ini. Pada dasarnya, wira rakyat juga merupakan wira; yang berbeza hanyalah wira rakyat merupakan wira yang mendukung citra seluruh masyarakatnya. Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan di sini bahawa terdapat banyak ciri yang menyebabkan seseorang itu layak tergolong sebagai wira. Namun kita harus memahami hakikat bahawa bukan setiap wira memiliki semua ciri yang telah dibincangkan oleh Lash, Bowra dan Edmonson. Namun dapat disimpulkan bahawa wira merupakan manusia istimewa yang memiliki beberapa ciri keperwiraan (seperti sifat fizikal yang kacak, kuat, gagah, berani, bijak dan sanggup mempertahankan kebaikan masyarakat) yang didukung bersama oleh sesebuah masyarakat.

Citra Wira Rakyat - Mat Salleh

Selepas membincangkan ciri-ciri universal yang ada pada wira, sekarang biar kita tinjau pula teks-teks yang telah disampaikan oleh semua pemberi maklumat untuk melihat sejauh manakah Mat Salleh yang dianggap sebagai wira oleh penduduk tempatan Sabah menepati ciri-ciri universal wira. Berdasarkan kesemua teks yang telah ditranskripsikan secara verbatim, dapat disimpulkan bahawa dalam persepsi penduduk tempatan Sabah, Mat Salleh memiliki sifat-sifat dan ciri-ciri keperwiraan yang akan dibincangkan seterusnya.

Pertama, dalam kaca mata penduduk tempatan di Sabah, Mat Salleh mempunyai tubuh badan yang tinggi dan kuat. Hal ini disebabkan saiz badan yang tinggi dan kuat amat diperlukan oleh setiap wira. Syarif Yusof bin Syarif Bidin (Teks 3 : *Segmen 8* dan *10*) memberitahu bahawa Mat Salleh merupakan pahlawan yang tinggi. Sito bin Duraman (Teks 1 : *Segmen 2*) pula menyebut tentang kekuatan yang ada pada Mat Salleh dengan menceritakan bahawa semasa menyerang Pulau Gaya; Mat Salleh telah berenang seorang diri dari pantai ke Pulau Gaya. Selain itu, pencerita Teks 1 (*Segmen 6*) juga menyebut bahawa apabila Mat Salleh tiba di Bundu Tuhan, beliau dengan senang sahaja dapat mengangkat batu besar dengan kedua-dua belah tangannya di hadapan orang Dusun yang ingin menguji kekuatan fizikalnya. Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 2*) pula memberitahu bahawa hanya dengan sekali tendang, pintu penjara di Pulau Gaya yang dikunci dengan rantai besi terus terbuka dan banduan di dalam penjara telah dibebaskan oleh Mat Salleh.

Sebagai perbandingannya, beberapa hasil penulisan tentang sejarah dan ketokohan Mat Salleh turut menonjolkan ciri fizikal Mat Salleh yang tinggi dan kuat. Dalam tulisan K.E.A Hiew dan Thani Hashim (*Sabah Times*, 27 Jun 1981 : 6) mencatatkan bahawa Mat Salleh ialah pahlawan yang ketinggiannya enam kaki. Wookey (1956 : 405) pula mencatatkan bahawa pada usia mudanya; Mat Salleh berupaya melontarkan seekor kerbau dengan kedua-dua belah tangannya. Kekuatan fizikal luar biasa yang ada pada Mat Salleh juga merupakan ciri universal yang ada pada hampir semua wira di seluruh dunia. Antara contohnya, Rustam, iaitu wira klasik Iran juga dikisahkan mempunyai kekuatan fizikal yang luar biasa. Dalam pada itu, diceritakan orang pada usia mudanya, Rustam pernah membunuh seekor gajah hanya dengan sebelah tangan yang memegang sebatang cokmar sahaja (Sheila Savill, 1977 : 43).

Badang, seorang wira Melayu yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1983 : 36) dikatakan dapat mengangkat batu besar di hadapan istana semasa bertaruh dengan Seri Rana Wira Kerma, pahlawan dari India. Selain ciri fizikal yang tinggi dan kuat, sifat gagah dan berani merupakan satu lagi citra penduduk tempatan Sabah terhadap Mat Salleh. Dalam pada itu, Sito Duraman (Teks 1 : *Segmen 2*) dan Syarif Yusof (Teks 3 : *Segmen 2*) mempunyai cerita yang sama tentang Mat Salleh yang berenang ke Pulau Gaya sebelum pengikut-pengikutnya yang lain tiba untuk melakukan serangan. Tindakan Mat Salleh berada di Pulau Gaya terlebih dahulu jelas menunjukkan bahawa Mat Salleh mempunyai keberanian yang lebih daripada pengikutnya.

Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 3*) menceritakan bahawa walaupun Mat Salleh mengetahui pihak pemerintah itu kuat; dia masih mahu berlawan dengannya. Dalam Teks 6 (*Segmen 4*) pula menceritakan semasa musuh melakukan serangan; Mat Salleh berjalan seorang diri turun dari kubunya. Tindakan Mat Salleh yang berani mengakibatkan pihak musuh berasa takut lalu mengundurkan diri. Sejarawan turut memberitahu kita bahawa Mat Sallehlah satu-satunya pemimpin tempatan yang berani mengangkat mata pihak KBBU. Pihak KBBU sebenarnya mempunyai kekuatan pasukan polis yang terdiri daripada pegawai polis Barat, anggota polis berbangsa Sikh dan Dayak yang dilengkapi dengan alat senjata moden seperti senapang dan meriam. Memahami hakikat ini, Mat Salleh masih berani membawa pengikutnya pergi ke pejabat KBBU di Sandakan untuk membuat aduan terhadap sistem cukai yang diperkenalkan oleh pihak KBBU (Wookey, 1956 : 405). Apabila diserang, Mat Salleh dan pengikutnya akan membala balik serangan. Pertempuran secara terbuka antara Mat Salleh dengan pihak

polis KBBU berterusan selama hampir enam tahun. Dalam tempoh enam tahun itu, Mat Salleh tidak pernah mengaku kalah atau menyerah diri.

Sebelum berlakunya pertempuran yang terakhir di Tambunan; dicatatkan oleh sejarawan bahawa Mat Salleh telah mengutus sepucuk surat kepada Gabenor KBBU. Dalam surat itu dengan terang-terang Mat Salleh mengingatkan Gabenor KBBU supaya jangan menipunya lagi. Mat Salleh juga mengundang pihak KBBU supaya datang cepat menyerang kubunnya (R.M. Jasni, 1981 : 94). Catatan sejarah seperti ini menonjolkan sifat gagah dan berani yang ada pada Mat Salleh. Sifat gagah berani tidak lain dan tidak bukan ialah salah satu ciri universal wira yang diakui umum. Edmonson (1971 : 150) umpamanya menyatakan bahawa wira adalah manusia yang luar biasa gagah, kuat dan pintar. Mereka berdaya bertarung dan mengalahkan musuh dengan kelebihannya ini.

Achilles dan Odysseus merupakan wira Yunani yang terkenal dengan keberanian yang terserlah dalam Peperangan Troy. Odysseus umpamanya telah menyamar sebagai pengemis dan mengenepikan segala risiko untuk masuk ke dalam istana Troy (Bowra, 1966 : 101-103). Begitu juga dengan wira antarabangsa terkenal yang lain seperti Hercules (Yunani), Arjuna (Hindu), Kuan Kung (Cina), Roland (Perancis) dan banyak lagi pernah menonjolkan sifat gagah beraninya sama ada semasa menghadapi musuh atau bertarung dalam peperangan. Mat Salleh juga disanjung sebagai wira yang mempunyai sifat mulia seperti kesabaran dan meletakkan kebajikan dan keselamatan pengikutnya lebih daripada nyawa atau keselamatan diri. Usu bin Siagah (Teks 2 : *Segmen 1*) menceritakan bahawa ketika tunang Mat Salleh telah dikebas oleh pemuda yang dikenali sebagai Razuanda; Mat Salleh masih dapat mengawal perasaannya. Dalam kes ini, Mat Salleh bukan sahaja tidak mengambil sebarang tindakan yang melulu malah merestui perhubungan kedua-dua orang kekasih itu lalu berpindah ke tempat lain. Bahagian cerita Teks 2 ini menunjukkan bahawa Mat Salleh merupakan wira yang cukup sabar dan dapat mengawal perasaannya.

Dayang binti Lingkung (*Sabah Times*, 27 Jun 1981 : 6) turut menyampaikan cerita yang serupa dengan Usu Siagah dengan mengatakan bahawa apabila Mat Salleh pulang daripada pemburuan di hutan, tunangnya telah mengikut jejaka yang lain. Setelah Mat Salleh mengetahui hal ini, beliau bukan sahaja tidak menunjukkan kemarahannya malah merestui perhubungan mereka. Dari segi menjaga kebajikan atau keselamatan orang di bawahnya lebih daripada nyawa sendiri, Teks 2 (*Segmen 5*) menyatakan bahawa ketika seorang budak yang sedang menangkap ikan di sungai hampir ditembak oleh polis ; Mat Salleh mengenepikan keselamatan dirinya

lalu terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan budak itu. Akibatnya, Mat Salleh sendiri yang terkena tembakan. Bahagian cerita ini terang-terang menunjukkan kepada kita bahawa demi menyelamatkan nyawa seorang budak, Mat Salleh telah bertindak gagah berani tanpa mempedulikan keselamatan dirinya.

Syarif Yusof (Teks 3 : *Segmen 4*) menceritakan bahawa sewaktu tentera KBBU menyerang kubu Mat Salleh di Tambunan secara bertubi-tubi, dan ketika Mat Salleh berasakan mereka tidak dapat mempertahankan serangan musuh yang cukup hebat itu, lalu beliau menyuruh pengikutnya melarikan diri terlebih dahulu. Kemudian beliau bertindak dengan mengangkat tangannya tinggi-tinggi dan menyebabkan dirinya ditembak terlebih dahulu. Kejadian ini merupakan satu lagi penonjolan sifat gagah berani Mat Salleh yang mementingkan keselamatan pengikutnya lebih daripada nyawa sendiri.

Mat Salleh turut dipuji sebagai wira rakyat yang sanggup memberi perlindungan kepada sesiapa sahaja, termasuk penjenayah yang dikehendaki oleh pihak polis KBBU. Syarif Yusof (Teks 3 : *Segmen 2* dan *Segmen 3*) menyatakan bahawa Datu Langkap dan Mat Sator ialah pengikut handalan Mat Salleh. Datu Langkap dan Mat Sator merupakan antara penjenayah yang dikehendaki oleh polis KBBU pada masa itu. Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 2*) memberitahu bahawa Mat Salleh pergi ke Pulau Gaya dan menyelamatkan semua banduan KBBU yang dikurung di dalam penjara. Hal ini menyebabkan sejarawan seperti Tarling (1995 : 6) mencatatkan bahawa Mat Salleh merupakan seorang ketua penjahat yang gemar menerima penjenayah yang meminta perlindungan daripadanya.

Buktinya, semasa di Sandakan; Mat Salleh pernah memberikan perlindungan kepada Badang, penjenayah yang dikehendaki pihak polis kerana disyaki membunuh Si Long, saudagar berketurunan Dayak, dan seorang ketua tempatan Bajau yang sering menimbulkan kekacauan (Tarling, 1985 : 49). Jika diteliti, tindakan memberi perlindungan kepada sesiapa sahaja termasuk penjenayah yang dikehendaki oleh kerajaan merupakan satu lagi ciri universal untuk seseorang wira rakyat. Bowra (1966 : 105) umpamanya pernah mengatakan bahawa lumrahnya wira merupakan pemimpin kepada sesuatu masyarakat dan bertanggung jawab atas sesiapa yang di bawah naungannya. Lash (1995 : 6) turut menyatakan bahawa wira dalam kebanyakan persepsi manusia ialah orang yang akan muncul dalam keadaan yang tegang, dan selalu muncul tepat pada masanya untuk menyelamatkan sesiapa sahaja dalam keadaan bahaya.

Mat Salleh juga disanjung sebagai wira yang telah memberikan kebaktian yang tidak terhingga kepada masyarakat sekelilingnya. Sito Duraman (Teks 1 : *Segmen 1*) memulakan ceritanya dengan menyatakan Mat Salleh tidak suka negerinya dikuasai kuasa asing. Pada hemat Mat Salleh, orang tempatan yang harus menguasai tempatnya sendiri. Usu bin Siagah (Teks 2 : *Segmen 2*) dan Yaakub Awang Duraman (Teks 7 : *Segmen 1*) memberitahu bahawa salah satu punca Mat Salleh menentang kerajaan ialah beliau tidak mahu orang tempatan membayar cukai kepala yang diminta oleh pihak KBBU. Menurut pencerita Teks 7 (*Segmen 1*), orang kampung yang miskin pada masa itu tidak mampu membayar cukai kepala yang berjumlah sebanyak satu ringgit setengah seorang.

Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 2*) memberitahu bahawa Mat Salleh pergi ke Pulau Gaya untuk menyelamatkan orang-orang tempatan yang telah dipenjarakan oleh pihak KBBU. Selepas diselamatkan, penyokong Mat Salleh telah bertambah ramai. Hal ini merupakan satu kebaktian yang telah diberikan oleh Mat Salleh kepada penduduk tempatan Sabah. Sebagai pemimpin dan wira, Mat Salleh sememangnya disukai ramai dan penentangan Mat Salleh terhadap KBBU mendapat sokongan yang padu daripada penduduk tempatan yang terdiri daripada pelbagai suku kaum, termasuk juga bangsa asing. Boleh dikatakan bahawa salah satu ciri yang terdapat dalam keperwiraan Mat Salleh adalah perjuangannya disokong oleh kebanyakan penduduk tempatan di Sabah.

Sito bin Duraman (Teks 1 : *Segmen 4*) mengatakan bahawa semua suku kaum di Sabah menyanjungi Mat Salleh. Dalam Teks 1 (*Segmen 5*) juga menyatakan bahawa pengikut Mat Salleh terdiri daripada orang Dusun, Orang Cina dan juga pemimpin bangsa Barat yang dikenali sebagai Tuan Pilly. Teks 1 (*Segmen 6*) turut menyatakan bahawa apabila Mat Salleh sampai di Bundu Tuhan, semua orang Dusun di sana mengalu-alukan kedatangannya. Demi menunjukkan sokongan mereka kepada Mat Salleh; mereka memberikan Mat Salleh dan pengikutnya bekalan makanan seperti beras, telur dan ayam. Akhir sekali, dalam Teks 1 (*Segmen 7*) juga menceritakan bahawa tatkala Mat Salleh sampai di Tambunan; orang Kampung Taboh, orang Kampung Sinsuran dan orang kampung yang lain semuanya berasa gembira dan mengalu-alukan kedatangannya.

Usu bin Siagah (Teks 2 : *Segmen 5*) memberitahu bahawa penyokong Mat Salleh terdiri daripada orang Dusun, orang Inanam, orang Bajau dan orang Tambunan. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 7*) menyebut bahawa terdapat ramai orang tua-tua yang menjadi pengikut Mat Salleh. Pianus Guntavid (Teks 10 : *Segmen 1*) turut menceritakan bahawa orang Kampung

Tibabar dan orang Kampung Kepayan Lama di Tambunan menyambut kedatangan Mat Salleh dan menerima sebagai pemimpin mereka.

Seterusnya, penduduk tempatan di Sabah turut memberikan imej manusia luar biasa dan ciri-ciri kesaktian lain kepada Mat Salleh. Hal ini berkaitan dengan psikologi masyarakat yang percaya akan hal-hal yang berkaitan dengan dimensi ghaib. Oleh itu dalam persepsi mereka seseorang wira bukanlah sebarang manusia tetapi merupakan manusia luar biasa yang memiliki pelbagai ciri kesaktian yang luar biasa. Dari aspek fizikal yang luar biasa, Haji Atim (Teks 5 : *Segmen 12*) menyebut bahawa seluruh badan Mat Salleh itu keras. Bukti yang diberikan dalam Teks 5 (*Segmen 12*) ialah semasa orang Kampung Ketiau memicik dan mendapati tubuh orang tua yang menggelar dirinya Haji Abdul Salam itu keras, maka tahualah mereka bahawa beliau ialah Mat Salleh.

Ismail bin Abbas (Teks 9 : *Segmen 9*) menceritakan bahawa renungan mata Mat Salleh mempunyai pandangan yang sangat tajam hingga orang biasa susah untuk menentang matanya. Selain itu, Teks 9 (*Segmen 9*) juga mengatakan ada penduduk Sabah yang mempercayai tubuh badan Mat Salleh boleh berubah-ubah, yakni ada masa beliau kelihatan tinggi dan ada ketika pula tubuhnya kelihatan rendah. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 5*) memberitahu bahawa kulit Mat Salleh boleh bertukar-tukar warna. Teks 4 (*Segmen 6*) turut ada menyatakan bahawa rupa Mat Salleh juga boleh berubah-ubah. Menurut Lues, pada sebelah pagi Mat Salleh kelihatan muda; pada sebelah tengah hari, ia kelihatan tua sedikit, dan pada sebelah petang; ia kelihatan seperti orang tua yang berambut dan berjanggut putih. Nasip bin Kumpar (Teks 5 : *Segmen 8*) turut memberitahu bahawa Haji Abdul Salam yang juga merupakan Mat Salleh boleh menjadi tua dan menjadi muda.

Kedua, Mat Salleh dipercayai ramai sebagai pahlawan yang kebal dan tidak dapat dibunuh oleh sebarang senjata tajam, termasuk peluru. Usu Siagah (Teks 2 : *Segmen 5*) menyebut bahawa tatkala bahagian kepalanya terkena tembakan peluru emas; bahagian itu tidak luka dan tidak berdarah. Syarif Yusof (Teks 3 : *Segmen 3*) menceritakan bahawa jika ditembak dengan meriam sekali pun tidak akan mengapa-apakan Mat Salleh. Teks 3 (*Segmen 4*) sekali lagi menceritakan ketika Mat Salleh ditembak, semua orang ingat beliau sudah mati, namun beliau tidak mati. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 7*) pula menceritakan bahawa ilmu kebal yang ada pada Mat Salleh cukup mendalam hingga orang yang minum ludahnya sahaja sudah tidak dimakan parang.

Nasip bin Kumpar (Teks 5 : *Segmen 5*) yang mengatakan Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh memberitahu bahawa semasa Mat Salleh berada di Kawang, Papar; orang kampung Kawang yang disuruh mencukur rambutnya mendapati rambut Haji Abdul Salam tidak dimakan pisau cukur. Akan tetapi, hanya dia sendiri yang dapat mencukur; rambutnya. Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 5*) turut memberitahu bahawa Mat Salleh orang yang kebal. Yaakub Awang Duraman (Teks 7 : *Segmen 7*) pula memberitahu bahawa kalau Mat Salleh ditembak sekali pun, peluru itu tidak akan mengapa-apakannya. Akhir sekali, Pianus Guntavid (Teks 10 : *Segmen 9*) memberitahu bahawa Ketua Kampung yang bernama Majumal memberitahunya bahawa Mat Salleh kebal.

Beberapa hasil tulisan penulis tempatan Sabah turut mencatatkan tentang kekebalan Mat Salleh. Mohindra dalam tulisannya "Datu Mat Salleh Ghaib dari Kuburnya" (*Daily Express*, 08 April 1970 : 5) ada memberitahu pembaca bahawa ketika kepala Mat Salleh tertembak di kuburnya di Tambunan, peluru itu tidak dapat menembusi kepalanya. Ciri kekebalan ini merupakan ciri universal yang ada pada kebanyakan wira. Dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 1992 : 179) umpamanya mencatatkan :

Patik dengar daripada segala penjurit yang tua, jikalau ada keris Taming Sari itu pada Laksamana, bahawa sekali-sekali Laksamana tiada mati oleh senjata.

Dengan kata lain, setelah Hang Tuah memperoleh Keris Taming Sari, beliau telah menjadi pahlawan yang kebal. Tok Janggut, seorang lagi wira Melayu di Semenanjung juga dikatakan oleh penduduk tempatan di Kelantan sebagai pahlawan yang tidak lut senjata (Ibrahim Mahmood, 1974 : 62). Selain dipercayai kebal, Mat Salleh juga diberikan pelbagai sifat mitos. Syarif Yusof (Teks 3 : *Segmen 5 dan Segmen 9*) menceritakan bahawa setelah Mat Salleh ditembak dan dikebumikan; orang yang pergi menggali kembali kuburnya mendapati hanya batang pokok pisang atau pokok kayu yang tinggal di situ. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 8*) memberitahu bahawa Mat Salleh telah ghaib dari kuburnya di Tambunan secara tiba-tiba. Mali bin Nayan (Teks 6 : *Segmen 3*) turut memperkatakan bahawa Mat Salleh boleh lenyap dan menghilangkan diri.

Yaakub bin Awang Duraman (Teks 7 : *Segmen 5*) menyatakan satu sifat mitos yang ada pada Mat Salleh dengan mengatakan Mat Salleh boleh muncul di kedua-dua tempat pada masa yang sama. Contoh yang diberikan dalam Teks 7 (*Segmen 5*) ialah ada orang nampak Mat Salleh di Putatan dan pada

masa yang sama ada orang lain nampak ia berada di Kota Kinabalu pula. Sifat mitos yang boleh muncul di kedua-dua tempat pada masa yang sama juga terdapat dalam wira masyarakat Cina. Berikut diturunkan catatan mengenai Chih Kung (TM 425 - 514) yang terkandung dalam *An Encyclopedia of Myth and Legend : Chinese Mythology* (1992 : 32) :

Pada tahun 483, Chih Kung telah difitnah melakukan kesalahan menipu pihak yang berkuasa lalu dimasukkan ke dalam penjara. Yang menghairankan orang ramai adalah walaupun ia telah digari dan diperhatikan oleh penjaga penjara, namun pada masa yang sama ia kelihatan sedang berjalan-jalan di luar penjara.

Selain sifat mitos, Mat Salleh juga diberikan ciri keramat oleh penduduk tempatan Sabah. Sito Duraman (Teks 1 : *Segmen 12* dan *Segmen 13*) menyebut bahawa semasa Haji Abdul Salam (Mat Salleh) tiba di Kampung Ketiau; beliau sudah menjadi wali Allah. Menurut Teks 1 lagi, beliau tidak menggunakan sebarang alat pengangkutan dan terus muncul di Kampung Ketiau. Pada masa itu juga diceritakan bahawa Haji Abdul Salam tidak perlu minum dan makan, dan beliau menjalankan satu upacara mandi yang akan menambahkan kekuatan dan kesihatan orang kampung. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 10*) turut mengatakan bahawa selama empat puluh empat hari Mat Salleh tidak makan dan minum pun masih boleh hidup.

Sebagai perbandingannya masyarakat Melayu di Kedah turut memberikan ciri keramat yang hampir sama dengan ciri keramat Mat Salleh ini kepada tokoh legenda keramat mereka, iaitu Lebai Kader. Lebai Kader juga dinyatakan sebagai tokoh keramat yang tidak perlu makan dan minum (Noriah Taslim, 1991 : 316-317). Ciri keramat lain yang dinyatakan dalam Teks 4 (*Segmen 14*) ialah terdapat sebuah surau di Kampung Labuan, Kota Belud yang tidak mengalami sebarang kesan akibat serangan bom dan peluru semasa pendudukan Jepun di Sabah kerana surau itu pernah dilawat oleh seorang tua yang dipercayai adalah Mat Salleh.

Seterusnya, kisah Haji Abdul Salam menjalani upacara mandi suci turut diceritakan dalam Teks 5 (*Segmen 4* dan *Segmen 5*) dan Teks 8 (*Segmen 2*). Yaakub Awang Duraman (Teks 7 : *Segmen 14*) pula memberitahu bahawa upacara mandi suci yang dilakukan oleh Haji Abdul Salam mampu mengubati pelbagai jenis penyakit seperti sakit mata dan kudis. Ismail Abbas (Teks 9 : *Segmen 6*) pula menyatakan bahawa upacara mandi suci yang dikendalikan oleh Haji Abdul Salam boleh menjauhi manusia daripada dirasuk oleh kuasa ghaib yang lain seperti jelmaan binatang besar.

Kisah mengenai seseorang wira yang telah diberikan ciri-ciri keramat yang kemudian mempunyai kuasa mengubati pelbagai jenis penyakit merupakan satu lagi ciri universal yang terdapat pada sesetengah wira di dunia ini. Sebagai contohnya, Ma Tsu seorang tokoh legenda di Tanah Besar China yang kemudian diberikan sifat-sifat keramat turut memiliki kuasa mengubati penyakit dengan sejenis tangkal azimat yang dikatakan telah diberikan kepadanya oleh seorang dewa. (Hartung, 1998 : 56).

Unsur misteri tentang hal-hal peribadi dalam kehidupan Mat Salleh turut dijadikan citra penduduk tempatan Sabah. Pertama, perkahwinan antara Mat Salleh dengan Dayang Bandang yang dipercayai puteri Sulu yang suci dan berilmu ternyata merupakan satu unsur misteri dalam hidup Mat Salleh sendiri. Lues binti Sepah (Teks 4 : *Segmen 3*) menyatakan bahawa isteri Mat Salleh pantang memijak tanah. Teks 4 (*Segmen 3*) menyatakan bahawa dalam situasi pertempuran atau semasa berpindah, kalau bukan manusia yang menggendongnya; pasti ia duduk atas belakang binatang. Jika menghadapi serangan musuh, peluru yang ditembak ke arahnya pasti tidak akan mengena sasaran.

Usu Siagah (Teks 2 : *Segmen 4*) memberitahu bahawa isteri Mat Salleh ialah jin dan bukan manusia biasa. Hal ini menyebabkan ia pantang memijak tanah. Teks 2 (*Segmen 4*) turut memberitahu bahawa kekuatan Mat Salleh sebenarnya diperoleh daripada isterinya. Sebelum mereka pergi berperang, isteri Mat Salleh akan mandikan pengikut-pengikutnya, sesiapa yang dimandikan oleh isterinya akan menjadi kebal belaka. Pianus Guntavid (Teks 10 : *Segmen 6*) menyatakan bahawa isteri Mat Salleh berilmu. Biji jagung atau tahi kerbau yang ditaburkan dari tangannya boleh bertukar menjadi tebuan penyengat. Teks 10 (*Segmen 6*) juga menyatakan bahawa isteri Mat Salleh pantang memijak bumi. Menurut cerita orang kampung, dalam pertempuran yang terakhir antara Mat Salleh dengan pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) di Tambunan, isteri Mat Salleh terpjak tanah lalu menyebabkan mereka kalah di tangan pihak KBBU.

Dayang binti Lingkung (*Sabah Times*, 27 Jun 1981 : 6) yang mengakui dirinya sebagai bekas pengikut Mat Salleh menceritakan satu unsur misteri yang dialami Mat Salleh pada usia mudanya. Menurut Dayang Lingkung pernah berlaku satu peristiwa di mana Mat Salleh terjumpa dengan seorang wanita tua yang penuh misteri di dalam sebuah hutan belantara. Setelah menghisap susu wanita tua itu, Mat Salleh telah memperoleh ciri kepimpinan dan kepahlawanan yang tidak ada pada orang biasa.

Kalau kehidupan Mat Salleh dikatakan penuh dengan misteri, begitu juga dengan kematianinya. Sito Duraman (Teks 1 : Segmen 9) memberitahu bahawa pihak tentera KBBU sebenarnya menembak seorang pengikut Mat Salleh

yang serupa dengan Mat Salleh. Oleh itu, Mat Salleh sebenarnya belum mati sebagaimana yang disangkakan oleh orang ramai. Usu Siagah (Teks 2 : Segmen 6) juga menyatakan bahawa kebanyakan orang menyangka Mat Salleh sudah ditembak mati, tetapi Teks 2 (Segmen 6) mempersoalkan kalau Mat Salleh sudah mati masakan dia masih boleh menggendong isterinya sampai ke Kudat untuk diserahkan kepada Datu Harun.

Dalam catatan sejarawan, pihak KBBU melaporkan bahawa Mat Salleh telah ditembak mati di kubunya di Tambunan akibat daripada satu tembakan curi yang menembusi dahi kepalanya. Mayat beliau telah disahkan oleh Fraser (Pegawai Daerah Keningau), Gunsanad (Ketua suku Dusun Tiawan) dan beberapa orang suku kaum Dusun Tuaran yang pernah bersua muka dengan Mat Salleh beberapa kali (*The British North Borneo Herald*, 16 Mac 1900). Namun demikian, penduduk tempatan mendapati bahawa kematian Mat Salleh sememangnya penuh dengan misteri. Mereka memegang kuat kepada kepercayaan bahawa Mat Salleh kebal, oleh itu masakan beliau boleh ditembak mati dengan begitu senang. Berdasarkan kepercayaan inilah terdapat bermacam-macam cerita misteri di sebalik kematian Mat Salleh.

Dayang binti Lingkung (*Sabah Times*, 27 Jun 1981 : 6) pernah menceritakan bahawa tatkala mereka mlarikan diri dari kubu Mat Salleh dan memberitahu anggota polis yang menangkap mereka bahawa Mat Salleh sudah meninggal dunia. Pihak polis British tidak percaya bahawa Mat Salleh sudah meninggal dunia. Untuk menyakinkan pihak polis apa yang dikatakan oleh mereka itu benar, mereka pun menunjukkan sekujur mayat seorang pengikut Mat Salleh yang serupa dengan Mat Salleh kepada pihak British. Kata-kata Dayang Lingkung itu seolah-olah menyakinkan kita bahawa mayat Mat Salleh yang disahkan oleh pihak British kemudian sebenarnya bukan Mat Salleh. Dengan kata lain, Mat Salleh belum meninggal dunia.

Menurut catatan yang diberikan oleh Mohindra pula, ketika Mat Salleh meninggal dunia di kubunya di Tambunan; pengikutnya telah menguburkan beliau di luar kubu. Dalam perjalanan pulang ke Inanam, pengikutnya telah kembali ke tempat mereka menguburkan Mat Salleh. Apa yang mengejutkan mereka ialah mayat Mat Salleh telah ghaib dari situ. Beberapa minggu kemudian, Mat Salleh telah muncul semula di sebuah masjid. Selepas meninggalkan beberapa pesanan, Mat Salleh pun menghilangkan diri (*Daily Express*, 8 April 1970 : 5). Catatan yang diberikan oleh Mohindra ini cuba menyakinkan kita bahawa Mat Salleh sebenarnya belum mati.

Masyarakat Melayu selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka juga percaya bahawa wira mereka iaitu Hang Tuah tidak mati. Dalam *Hikayat*

Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1992 : 594) mencatatkan bahawa sebenarnya Hang Tuah belum mati tetapi telah menetap di salah satu tempat di ulu Sungai Perak. Kalau kita tinjau dari aspek psikologi rakyat; kebanyakannya orang tidak mahu wiranya mati atau tidak dapat menerima hakikat bahawa wira mereka itu boleh mati. Jika tidak, ketika dalam keadaan yang bahaya atau cemas; siapa pula yang akan muncul untuk menyelamatkan mereka?

Misteri yang mengatakan Mat Salleh tidak mati bertambah menarik dengan kemunculan seorang tua yang dikenali sebagai Haji Abdul Salam (1920-an hingga 1950-an) di beberapa buah kampung di sepanjang Pantai Barat Selatan Sabah. Pengembaran Haji Abdul Salam dari sebuah tempat ke sebuah tempat yang lain merupakan satu misteri yang belum terjawab sehingga ke hari ini. Ismail Abbas (Teks 9 : *Segmen 2*) memberitahu bahawa semasa Haji Abdul Salam pergi ke kampungnya, iaitu di Tenghilan; beliau berkelakuan seolah-olah pihak polis masih mencarinya. Haji Abdul Salam tinggal di Tenghilan selama sebulan dan mengajar pemuda di situ seni silat. Yang mengejutkan Ismail Abbas (Teks 9 : *Segmen 4*) ialah Haji Abdul Salam pernah menunjukkan bekas parut seperti yang pernah ditembak oleh peluru di bahagian kepalanya kepada beliau. Dengan tanda inilah Ismail Abbas berpendapat bahawa Haji Abdul Salam ialah Mat Salleh.

Cerita mengenai Haji Abdul Salam yang hampir sama turut diceritakan oleh Yaakub Awang Duraman (Teks 5), Nasip bin Kumpar dan Haji Atim (Teks 6) dan Ampuan Hamzah bin Ampuan Ali (Teks 8). Kesemua pemberi maklumat tersebut memberitahu bahawa Haji Abdul Salam dan Mat Salleh ialah orang yang sama. Hal ini disebabkan ketika Mat Salleh membuat keputusan tidak mahu berlawan dengan pihak British lagi lalu beliau menukar namanya kepada Haji Abdul Salam dan mula mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kemunculan dan pemergian Haji Abdul Salam seperti juga dengan Mat Salleh. Orang kampung di Sabah tidak tahu asal usulnya dan sehingga ke hari ini, mereka juga tidak tahu di manakah beliau telah menghilangkan diri.

Jadi, dapat disimpulkan bahawa penduduk tempatan Sabah memang mempunyai citra mereka yang tersendiri terhadap wira mereka seperti Mat Salleh. Kebanyakannya ciri keperwiraan yang diberikan kepada Mat Salleh, seperti tubuh fizikal yang tinggi, kekuatan yang luar biasa, sifat gagah berani, menentang pihak yang berkuasa demi kebaikan rakyat dan banyak lagi turut tercatat dalam hasil kajian sejarawan. Yang penting, kajian ini mendapati bahawa sesetengah ciri dan sifat wira yang diberikan kepada Mat Salleh seperti yang dibincangkan juga menepati ciri-ciri universal seseorang wira yang terdapat di seluruh dunia.

-Bab 7-

Legenda Mat Salleh dan Cerita Asal Usul

Dalam tempoh hampir enam tahun (1894-1900) Mat Salleh menentang pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara secara terbuka; banyak sekali tinggalan seperti kubu, jaket, meriam dan nama tempat yang masih wujud sehingga ke hari ini. Tinggalan ini kemudian dikaitkan dengan aktiviti perjuangan Mat Salleh. Antara tinggalan yang mempunyai cerita asal usul ialah :

Cerita Asal Usul Nama Tempat : Api-API

Kebanyakan penduduk tempatan Sabah tahu bahawa bandar Kota Kinabalu (ibu negeri Sabah) dipanggil juga sebagai Api-API. Panggilan Api-API sebenarnya mempunyai cerita asal usulnya yang tersendiri. Salah satu cerita asal usul nama Api-API ini mempunyai kaitan dengan perjuangan Mat Salleh menentang pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU). Menurut Usu Siagah (Teks 2 : Segmen 2), disebabkan Mat Salleh tidak berpuas hati dengan penguasaan British di Sabah, beliau pun berpaktat dengan pengikutnya untuk menyerang pangkalan KBBU di Pulau Gaya. Dalam serangan di Pulau Gaya, Mat Salleh dan pengikutnya telah membakar pulau itu. Disebabkan pulau itu terbakar, maka tempat itu juga dipanggil Api-API.

Pulau Gaya merupakan salah sebuah pulau yang terletak bersebelahan bandar Kota Kinabalu. Ada penduduk tempatan menceritakan bahawa disebabkan pada waktu malam tempat ini diterangi oleh sejenis serangga yang dikenali sebagai api-api, maka tempat ini juga dipanggil sebagai Api-API. Di samping terdapat banyak versi cerita asal usul tentang Api-API, Usu Siagah telah mengisahkan satu cerita asal usul nama Api-API yang berkaitan dengan perjuangan Mat Salleh terhadap KBBU.

Cerita Asal Usul Kubu Mat Salleh Di Putatan

Kubu Mat Salleh di Putatan terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Kinabalu. Menurut Jamdin Buyong, kubu ini digunakan oleh Mat Salleh untuk menyembunyikan ahli keluarga, wanita dan orang tua sebelum beliau menyerang Pulau Gaya pada tahun 1897. Orang kampung di Putatan memanggilnya Kota Mat Salleh. Kubu ini terletak di atas sebuah bukit kecil di Kampung Ulu Putatan, bersebelahan dengan tanah perkuburan Islam dan masih wujud sehingga sekarang.

Menurut Yaakub Awang Duraman (Teks 5), sewaktu kecil beliau dengan ahli keluarganya yang lain sering mendaki bukit ini untuk memetik buah-buahan. Setiap kali beliau berada di bukit ini, orang tuanya sering memberitahunya bahawa di sinilah Kota Mat Salleh. Setelah ditanya mengapakah bukit ini dipanggil Kota Mat Salleh, maka orang tuanya akan mula menceritakan bahawa Mat Salleh dan pengikutnya yang lain enggan membayar cukai kepala maka mereka memilih untuk melawan dengan pihak Inggeris. Dengan kata lain, kubu Mat Salleh di Putatan ini secara langsung telah mengingatkan kembali penduduk tempatan tentang kisah Mat Salleh menentang penjajah British sekali gus mengingatkan mereka tentang keberanian dan kehebatan Mat Salleh.

Kubu Mat Salleh di Putatan ini turut menimbulkan satu lagi cerita asal usul yang agak menarik di kalangan penduduk di sekitar Putatan khususnya dan di seluruh Sabah amnya. Hal ini disebabkan cerita ini berkaitan dengan pertalian darah antara Allahyarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun (bekas Ketua Menteri Sabah) dengan Mat Salleh. Dalam satu wawancara antara penulis dengan Datuk Jamdin Buyong (Low Kok On, 1996 : 20), beliau sendiri menyatakan perasaan hairan tentang permintaan Allahyarham Tun Datu Mustapha dan isterinya untuk dikebumikan di bekas kubu Mat Salleh di Putatan. Sebagai bekas Ketua Menteri Sabah, beliau memang diperuntukkan tempat perkuburan yang istimewa di Masjid Negeri Sabah. Dari sinilah munculnya satu misteri dan cerita asal usul yang menarik mengenainya di kalangan penduduk tempatan Sabah. Diturunkan transkripsi secara verbatim Haji Atim dalam bahagian akhir Teks 6 seperti berikut untuk perbincangan seterusnya :

Ah, mengikut orang punya cerita, masa dia (Tun Mustapha) meninggal 'kan, ikut ceritalah, ah, saya tolong sama ini abang saya sambungkan cerita. Mengikut orang punya cerita, ada mak cik dia cerita. Masa dia wafat, jadi orang mau kubur dia

di sanalah; di tempat saya orang sana. Kamu taukah, kenapa Tun Mustapha kena kuburkan di sini? Orang kampung tidak tau. Mak cik dia bilang, mengikut cerita dia, bila mana Tun Mustapha umur belasan tahun; tidak tau barangkali umur lapan belas, lima belas atau sepuluhkah; berapakah...jadi bapa dia ada bawa melawat itu dia punya kota (kubu) pertama kali dia melawan British. Jadi dia bilang,'Kalau kau mati nak, kau mintalah dikebumikan di sini. Kerana inilah kubu yang pertama saya melawan British.

Beginilah cerita asal usul yang tersebar di kalangan penduduk tempatan berdekatan kubu Mat Salleh di Kampung Ulu Putatan sehingga ke hari ini. Kubu Mat Salleh di Kampung Ulu Putatan ini bukan sahaja mengingatkan kembali penduduk tempatan di sekitar Putatan tentang kisah perjuangan Mat Salleh bahkan telah memperkembangkan satu lagi cerita pertalian darah antara Tun Mustapha dengan Mat Salleh. Menurut cerita yang disampaikan oleh Haji Atim, penduduk tempatan percaya bahawa Mat Salleh ialah bapa kepada Tun Mustapha. Buktinya terkandung dalam cerita yang disampaikan oleh Haji Atim tadi.

Cerita Asal Usul Kesaktian Surau di Kampung Labuan, Kota Belud dan Kesaktian Surau di Kampung Pengalat Besar, Papar.

Terdapat cerita asal usul tentang dua buah surau, iaitu surau di Kampung Labuan, Kota Belud dan surau di Kampung Pengalat Besar, Papar yang mempunyai kesaktian luar biasa setelah Mat Salleh mengunjungi kedua-dua surau itu. Pertama, Puan Lues binti Sepah (Teks 4 : Segmen 14) menyebut cerita asal usul bagaimana surau yang terletak di Kampung Labuan, Kota Belud tidak diapa-apakan oleh meriam atau peluru semasa penyerangan Jepun atas Sabah. Sehubungan itu, Lues binti Sepah mengisahkan :

Ada sekali nenek saya cerita 'kan, tiba-tiba ada muncul seorang tua 'kan di surau di Kampung Labuan. Jadi ramai orang pergi sana; panjang dia punya cerita pasal orang tua yang datang itu 'kan. Malam-malam banyaklah itu orang pergi sana, tapi dalam dua tiga hari itu, bila tengah hari; setengah tua dia; nanti kalau sudah petang (bila dia ambil air sembahyang di tepi sungai tu) ada janggut putih sudah. 'Ah,

inilah Mat Salleh!', bilang nenek. 'Apa macam mana pun, tetap ini Mat Sallehlah.'

Lepas itu datanglah Jepun. Datangnya Jepun di mana-mana kampung juga ada itu surau; terbakarlah semua surau itu sama Jepun. Tapi cuma surau di Kampung Labuan sana; kalau periuk api jatuh – dari atas kapal terbang dibuangkan; bukan jatuh di atasnya – di sana dia terbang. Surau itu tidak pandai kena apa-apa. Lain tempat itu sudah kena semua. Itulah tempatnya kasi hidup orang yang lari ke situ. Surau itulah ada singgah sama itu orang tua. (Teks 4 : Segmen 14)

Sebuah surau yang terletak di Kampung Pengalat Besar, Papar turut memiliki cerita asal usul bagaimana surau itu tidak diapa-apakan oleh serangan meriam dan peluru. Menurut pencerita Teks 10 (Segmen 8), ada sebuah surau di Papar yang pernah dilawati oleh Haji Abdul Salam (mengakui dirinya Mat Salleh) tidak diapa-apakan oleh serangan askar Jepun. Tambahan pula, Jamdin Buyong (1981 : Lapiran A : 4) turut menyampaikan cerita berunsur asal usul terhadap surau di Kampung Pengalat Besar, Papar yang disebutkan oleh pencerita Teks 10 (Segmen 8) seperti berikut :

Haji Abdul Salam dikatakan pernah datang ke Kampung Pengalat Besar, Papar sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu sebelum tahun 1941. Penduduk kampung menganggapnya sebagai Datu Mat Salleh kerana sifat luar biasa yang ada padanya. Diceritakan oleh penduduk kampung bahawa semasa Haji Abdul Salam berada di situ, beliau bersama-sama penduduk kampung membinakan sebuah surau. Semasa serangan Jepun, surau yang dibina oleh Haji Abdul Salam itu tidak terjejas oleh serangan meriam dan peluru Jepun.

Beginilah satu lagi cerita asal usul yang menunjukkan betapa hebatnya kesaktian yang ada pada Mat Salleh sehingga kedua-dua buah surau yang pernah dilawat atau dibina olehnya tidak terjejas oleh serangan senapang atau meriam.

Cerita Asal Usul Meriam Mat Salleh

Pada tahun 1982, Ratan Kler dalam laporannya " Did Mat Salleh Use This Gun?" (*The Borneo Bulletin*, 6 Februari 1982 : 14) secara tidak langsung mendedahkan satu lagi cerita berunsur etiologikal yang berkaitan dengan Mat Salleh. Kali ini, ceritanya berhubung kait dengan salah sebuah meriam yang dipercayai berusia 100 tahun, dan pernah digunakan oleh Mat Salleh untuk berperang dengan pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara pada sekitar tahun-tahun 1890-an.

Menurut Ratan Kler, sesetengah penduduk di Kampung Inanam Laut (kira-kira 10 kilometer dari bandar Kota Kinabalu) percaya bahawa meriam tersebut mempunyai kuasa sakti untuk mengembalikan kekuatan seseorang dan berupaya mengubati pelbagai jenis penyakit. Semasa laporan ini dibuat, meriam itu dikatakan telah dipinjam oleh orang kampung di Tuaran untuk menggunakan kuasa mistik yang ada pada meriam. Menurut pemilik meriam ini, iaitu Alim bin Insud; orang kampung akan merendamkan meriam di dalam air dan kemudian mereka akan mandi dengan air itu untuk memperoleh kekuatan tambahan.

Alim bin Insud sendiri mengatakan dia percaya bahawa meriam Mat Salleh sememangnya mempunyai sejenis kuasa istimewa. Hal ini disebabkan walaupun beliau meletakkan meriam tersebut di bawah rumpun buluh untuk sekian lama, namun meriam itu tidak berkarat. Setiap kali orang kampung melalui rumahnya, mereka pasti akan bertanyakan meriam Mat Salleh. Malang sekali, Alim bin Insud tidak tahu banyak tentang sejarah meriam Mat Salleh kecuali dia diberitahu oleh bapanya bahawa Mat Salleh pernah menggunakan meriam itu untuk mempertahankan kubunya di Inanam.

Cerita Asal Usul Jaket Kebal Pengikut Mat Salleh

Satu berita berjudul "Baju Pahlawan Mat Salleh Menjadi Rebutan" yang tersiar dalam akhbar *Daily Express* (Yatim Taubatal Andam, 19 Julai 1995 : 1) telah menggemparkan kebanyakan penduduk di seluruh Sabah. Asal usul jaket tersebut berkaitan dengan aktiviti penentangan Mat Salleh terhadap Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) dan mempunyai cerita asal usul yang tersendiri. Lues binti Sepah (Teks 4 : Segmen 15) semasa menyampaikan asal usul jaket tersebut menceritakan :

Pasal baju kebal Mat Salleh tu 'kan; habis berperang itu, tiada lagi yang anu bah, jadi itu bajukah, apakah, siapa yang ada di sana, kasilah. Ceritanya itu baju bukan untuk dia sendiri. Itu baju... macam siapa yang rapat sama dia 'kan, itu yang dia kasi pakai. Sebab tiada kebal ilmu orang itu. Mat Salleh tidak pakai apa-apa. Dia punya ilmu tetap ada di badannya. Saya rasa ceritanya begini ... itu baju kalau bukannya tujuh, berapa? Kau tau itu benang bukan benang biasa konon. Orang dari jauh tidak boleh bikin itu baju, orang Kota Belud bah yang bikin. Benangnya berasal dari itu pisang. Kau tau itu kulit pisang 'kan, boleh dibuat kain, boleh dibuat apa-apa. Bila dia orang rasa dia orang tidak boleh lawan sudah, itulah dia orang bikin itu baju kebal. Dia kasi pakai dia punya orang. Saya dengar tujuh orang dia punya pengikut. Ini orang Bajau dulu, kalau pergi perang, angka lapan tidak boleh. Kalau ikut dalam cerita dia orang, kalau ada orang jalan genap, tetap dia orang mati. Itulah baju kebal itu dibuat dalam angka tujuh.

Daripada cerita Lues binti Sepah di atas, kita diberitahu bahawa disebabkan Mat Salleh pahlawan yang kebal, jadi jaket kebal yang diperbuat oleh orang Kota Belud daripada daun pisang diberikan kepada pengikut Mat Salleh yang lain. Lagipun, mengikut pantang larang orang Bajau, sesiapa yang hendak keluar berperang, mereka mesti berada dalam bilangan yang ganjil. Jadi pada Lues binti Sepah, jaket yang sedemikian rupa mempunyai tujuh helai semuanya. Akan tetapi sehingga ke hari ini, hanya sehelai yang diketahui umum.

Kelima-lima cerita asal usul yang berkaitan dengan legenda Mat Salleh mempunyai nilai dan cirinya yang tersendiri. Yang jelas untuk kita adalah Mat Salleh bukan sahaja tersohor sebagai wira rakyat Sabah, tokoh legenda keperwiraan bahkan perjuangannya turut meninggalkan pelbagai cerita asal usul yang masih tersebar di kalangan penduduk tempatan Sabah sehingga ke hari ini.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, penulis telah mengenal pasti dan berjaya memperoleh sebelas orang pemberi maklumat di seluruh Pantai Barat Selatan Sabah yang masih mendukung kisah legenda Mat Salleh. Kisah-kisah legenda Mat Salleh yang dirakamkan secara lisan telah ditranskripsikan secara verbatim dalam bentuk sepuluh "Teks" yang berlainan. Dengan berbuat demikian, kisah legenda Mat Salleh yang juga merupakan tradisi lisan penduduk tempatan Sabah telah didokumentasikan. Jika tidak, besar kemungkinan tradisi lisan yang sedemikian akan hilang bersama-sama dengan pemergian pemberi maklumat pada suatu hari nanti.

Dalam penyelidikan ini juga, khususnya semasa analisis struktural dilakukan terhadap sepuluh "Teks Legenda Mat Salleh"; cetusan pemikiran masyarakat tempatan Sabah terhadap ketokohan Mat Salleh melalui naratif lisan telah pun diabadikan. Memahami hakikat bahawa kisah legenda merupakan salah satu genre sastera rakyat yang mencampuradukkan fakta sejarah dan kepercayaan masyarakat setempat, maka dalam penyelidikan ini penulis telah mengkaji dua aspek penting ketokohan Mat Salleh, yakni (I) Mat Salleh Sebagai Tokoh Sejarah, dan (II) Mat Salleh Sebagai Tokoh Legenda. Dalam pada itu, kita dapat memahami proses perubahan tokoh sejarah seperti Mat Salleh yang diangkat menjadi seorang tokoh legenda dengan diberikan sifat-sifat mitos dan kesaktian yang luar biasa kepadanya.

Melalui analisis teks, persepsi masyarakat tempatan di Sabah tentang imej seseorang wira rakyat juga dapat diteliti. Hal ini penting memandangkan pihak Kompeni Berpiagam Borneo Utara (KBBU) selama ini telah mengecap Mat Salleh sebagai ketua pemberontak dan ketua penjenayah. Dengan meneliti persepsi penduduk tempatan Sabah terhadap Mat Salleh, kita dapat mengimbangi imej buruk yang telah diberikan oleh pihak pentadbir KBBU terhadap Mat Salleh. Dalam penyelidikan ini juga

kepercayaan masyarakat tempatan di Sabah terhadap dimensi ghaib dapat didalaminya. Diketahui umum bahawa kepercayaan terhadap dimensi ghaib sebenarnya merupakan sifat universal yang terkandung dalam pemikiran animisme dan pelbagai agama utama di dunia ini. Dengan melihat kepada ciri-ciri wira, sifat-sifat mitos dan kesaktian luar biasa yang diberikan kepada Mat Salleh; kita dapat memahami keinginan yang terpendam dalam hati masyarakat tempatan Sabah tatkala mereka berhadapan dengan ancaman dan tekanan daripada kuasa asing, khususnya pihak berkuasa KBBU.

Kajian terhadap definisi legenda dan konsep wira telah memberikan satu alternatif kepada sejarawan untuk mengkaji sejarah budaya masyarakat tempatan di Sabah. Kajian sejarah Mat Salleh bukan sahaja dilakukan melalui kaedah sejarah tetapi pada masa yang sama turut memberi tumpuan kepada pemikiran dan konsepsi penduduk tempatan melalui kisah legenda Mat Salleh yang disampaikan secara lisan.

Melalui penyelidikan ini, kita juga berpeluang mengaitkan kesan peninggalan sejarah dengan cerita asal usul di sebaliknya. Cerita asal usul ini penting untuk memahami sejauh manakah penduduk tempatan mengenang dan menyanjungi semangat perjuangan wira tempatan seperti Mat Salleh yang sanggup mengorbankan nyawanya demi menentang penjajah asing. Akhir kata, kalau bangsa agung lain berbangga kerana mempunyai wira yang disanjung ramai, penduduk tempatan Sabah juga sungguh bertuah kerana di Sabah juga terdapat wira rakyat yang setanding dengan wira dunia lain.

Rujukan

- A.A. Guyah. 1961. "Sensuron, Tuhawon and Mat Salleh", *Sabah Times*, 9 Mei, hlm.3.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1977. "Perjuangan Orang-orang Melayu Naning Menentang Inggeris, 1831-1832". *Jurnal Sejarah*, Jil. XV, hlm.12-25.
- _____. 1980. "Kebangkitan Terengganu 1928: Satu Perbicaraan Mengenai Beberapa Tokoh dan Peranan Mereka", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, vol.9, hlm.55-72.
- _____. 1981. "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak.", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, vol.10, hlm.103-116.
- Alexander Rankin Dunlop's Diary 1890-1902*, Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.
- Amil Jaya. 1970. "Benarkah Mat Salleh Masih Hidup?", *Daily Express*, 6 Januari, hlm.4.
- "An Account of the Last Expedition against Muhammad Salleh, Commonly Called Mat Salleh". 1915. *The British North Borneo Herald*, 17 May, p.96.
- "Attack On Mat Salleh's Fort". 1898. *The Brirtish North Borneo Herald*, 1 January, p.6-7.
- "Attack on Mat Salleh's Fort in Ranau". 1898. *The British North Borneo Herald*, 16 April.
- Beliefs and Religion*. 1972. Bletchley Bucks: The Open University Press.
- Black, Ian. 1983. *A Gambling Style of Government*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bowra, C.M. 1966. *Heroic Poetry*, New York: Macmillan.
- Braginsky, V.I. 1990. "Hikayat Hang Tuah: Malay Epic and Muslim Mirror". *Bijdragen*, Deel 146, p. 399-412.

- Cheah Boon Kheng. 1981. "Social Banditry and Rural Crime in North Kedah: 1909 – 1929". *JMBRAS*, vol.54, p.98-132.
- Collier's Encyclopedia vol.1. 1989. New York: Macmillan Educational Company, p.70.
- Collier's Encyclopedia vol.20. 1989. New York: Macmillan Educational Company, p.340-341.
- Datu Bandira Datu Alang. 1992. *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "Death of Mat Salleh". 1900. *The British North Borneo Herald*, 16 February, p.89.
- De Jong, Josselin. 1986. "The Rise and Decline of a National Hero" dalam Noriah Taslim, *Asas-Asas Pembinaan Epik*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hlm.12-13.
- "Didik Rakyat Menerusi Cerita-Cerita Sejarah: Mat Salleh Bukan Penderhaka – Tun". 1973. *Daily Express (Harian Ekspress)*, 24 Januari, hlm.5.
- Edmonson, Munro S. 1971. *Lore: An Introduction to the Science of Folklore and Literature*, New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Emeis, M.G. 1973. *Bunga Rampai Melayu Kuno*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Encyclopedia International, Vol 10. 1973. New York: Grolier Incorporated.
- Ensiklopedia Malaysiana, Jilid 7. 1995. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd., hlm.419.
- "Extracts from the Diary of Mr D.D. Daly, The Assistant Resident of Dent Province". 1886. *The British North Borneo Herald*, 1 February, p. 21.
- Fung and Wagnalls Encyclopedia, vol.18, vol.28. 1876. U.S.A: Fung and Wagnalls Corporation.
- Gibon, Anthony. 1986. *Tambunan: The People, Their Culture and Customary Laws*. Penampang: Kadazan Cultural Association, p.14-19.
- Haron Daud. 1994. "Mantera: Satu Penelitian tentang Manusia dan Kepercayaan" dalam *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, Paul. 1996. "Looking for Arthur". *Daily Express, Leisure*, 3 November, p.7
- Hartung, David. May 1998. "Matsu's Long March". *Going Places*. Kuala Lumpur: Marketing Services Division Malaysia Airlines, p. 56-60.
- Hewett, G. 1922. "The Mat Salleh Expedition". *North Borneo Police Magazine* 1957, p.3.

- Honih Asung. 1997. "Hayati Kemerdekaan menerusi Perjuangan Paduka Mat Salleh", *Harian Mercu*, 27 Ogos, hlm.12.
- H.N. Evans, Ivor. 1922. "Among Primitive People in Borneo", *The British North Borneo Herald*, 1 April, p. 56.
- Hutchinson, Paul. 1963. *The World's Great Religion*, New York: Time Incorporated.
- Ibrahim Nik Mahmood. 1974. "The To' Janggut Rebellion of 1915". W.R. Roff, *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.62-85.
- Jamdin Buyong. 1981. "Teori Kematian Datu Mat Salleh", *Kertas Kerja Perjuangan Pribumi Menentang Penjajahan Di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat*, 12-16 Ogos 1981, Persatuan Sejarah Sabah.
- _____. 1997. "Sajak". *Wadah*, Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. 1985. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (penyelenggara). 1992. *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.E.A. Hiew dan Thani bin Hashim. 1981. "Mat Salleh: Pahlawan Sabah Yang Teragung". *Sabah Times*, 27 Jun, hlm.6.
- Khoo Kay Kim (penyelenggara). 1981. *Sabah: History and Society*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Knappert, Jan. 1985. *Islamic Legends: History of the Heroes, Saints and Prophets of Islam*, Netherland: E.J Brill.
- Lash, John. 1995. *The Hero: Manhood and Power*, London: Thames and Hudson.
- Leong, Cecilia. 1982. *Sabah The First Hundred Years*, Kuala Lumpur: Percetakan Nanyang Sdn. Bhd.
- Low Kok On. 1996. "Mat Salleh Legenda Terbilang Negeri di Bawah Bayu", *Berita Minggu*, 11 Ogos, hlm. 20.
- M.A. Rahman. 1970. "Mat Salleh Masih Hidup – Karut". *Daily Express*, 13 Januari, hlm. 4.
- "Mat Salleh". 1899. *The British North Borneo Herald*, 2 January, p.4.
- "Mat Salleh Bangkit Melawan Penjajah", *Utusan Borneo*, 16 Julai 1997, hlm 9.
- Mohamad Abdullah. 1982. "Panglima Nayan, 1896-1923 : Riwayat Hidup Seorang Penyamun dari Tradisi Lisan Negeri Kedah", Cheah Boon Kheng (ed.), *Tokoh-Tokoh Tempatan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 67-88.

- Mohd. Khalid Taib. 1989. "Legenda Sebagai Genre Tradisi Lisan dan Relevansinya kepada Historiografi Melayu", *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: 21-23 Ogos, hlm.165-189.
- _____. 1991. "Legenda-Legenda Nama Tempat dan Orang Terkenal di Semenanjung Malaysia" dalam Mohd. Taib Osman (Penyelenggara), *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.256-309.
- _____. 1993. "Konsep dan Kedudukan Wira dalam Teks Melayu Klasik Terpilih: Satu Tinjauan dari Sudut Etika Sezaman dan Universal" dalam Siti Aisah Murad, *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.1-29.
- Mohamad Abdul Rahman. 1970. "Mat Salleh Benar Mati Di Tibabar", *Daily Express*, 8 Januari, hlm.4.
- Mohindra. 1970. "Datu Mat Salleh Ghaib dari Kuburnya?" *Daily Express*, 8 April, hlm.5.
- "More Details On The Kudat Raid". *The British North Borneo Herald*, 16 May 1900.
- "Negotiations With Mat Salleh". 1898. *The British North Borneo Herald*, 16 May.
- Neil Crisswell, Colin. 1971. "The Mat Salleh Rebellion Reconsidered", Kuching: Sarawak Museum Journal, vol. 16.
- "News on Mat Salleh". 1895. *The British North Borneo Herald*, 16 September, hlm. 235.
- _____. 1895. *The British North Borneo Herald*, 1 Oktober, p.247.
- _____. 1895. *The British North Borneo Herald*, 16 November, p.307.
- _____. 1896. *The British North Borneo Herald*, 16 August, p.243.
- _____. 1898. *The British North Borneo Herald*, 16 November.
- _____. 1899. *The British North Borneo Herald*, 16 May, p.153.
- Noriah Taslim. 1991. "Makna Legenda Keramat Melayu: Satu Analisis Struktural Teks Legenda Keramat Lebai Kader dari Kedah" dalam Mohd. Taib Osman (penyelenggara), *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.310 – 334.

- _____. September 1994. "Genre Epik: Antara Kesukuan dan Kesejagatan". *Dewan Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.65-71.
- _____. 1998. "Legenda Pendosa: Bentuk Tradisional dalam Latar Kontemporari" *Kertas Kerja Seminar Folklore Kampung Aying*, 1-3 Oktober, Jabatan Kesusastraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- "Old Menggatal: Site of Historical Interest Near Jesselton". 1933. *The British North Borneo Herald*, 16 November, p.206-208.
- Pianus Guntavid. 1994. "Nostalgia Kota Mat Sator di Kepayan Lama, Tambunan", *Wacana Muzium Sabah*, Oktober – Disember, hlm.6.
- Ras, Johannes Jacobus. 1990. *Hikayat Banjar* (Terj. Siti Hawa Salleh), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratan Kler. 1982. "Did Mat Salleh Use This Gun?", *The Borneo Bulletin*, 6 February, hlm.14-15
- Rebbin Noyo. 1994. "Kubu Datu Paduka Mat Salleh di Kampung Lingkabau, Ulu Sugut, Kinabatangan", *Wacana Muzium Sabah*, Oktober – Disember 1994, hlm.5.
- R.M. Jasni. 1981. *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Sabah.
- Rutter, Owen. 1922. *British North Borneo*, London: Constable.
- Savill, Sheila. 1976. *Pears Encyclopedia of Myths and Legends: Classical Greece and Rome*, London: Pelham Books.
- _____. 1977. *Pears Encyclopedia of Myths and Legends: The Orient*, London: Pelham Books.
- Scholes, Robert and Kellogg, Robert. 1966. *The Nature of Narrative*, London: Oxford, New York: Oxford University Press.
- Shellabear, W.G. 1983. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- "Summary of Negotiation Connected with Mat Salleh". 1898. *The British North Borneo Herald*, 2 May, p.133-134.
- Sweeney, Amin. 1973. Professional Malay Story-Telling. *JMBRAS*, vol.46 (2).
- Tarling, Nicholas. 1985. "Mat Salleh and Krani Usman". *Journal of Southeast Asian Studies*, vol 16, p.46-68.
- The Encyclopedia Americana: International Edition*, vol. 24. 1990. Danbury, Connecticut: Grolier Incorporated, p.98.
- "The Mat Salleh Expedition". 1897. *The British North Borneo Herald*, 1 August, p.202-203.

- The World Book Encyclopedia*, vol.11. 1962. Illinois, USA: Field Enterprises Educational Corporation.
- Tregonning, K.G. 1956. The Mat Salleh Revolt: 1894-1905, *JMBRAS*, xxix, 1, p.20-36.
- Umar Junus. 1989. *Fiksyen dan Sejarah: Suatu Dialog*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ibrahim Wan Soh. 1996. "Legenda Langkawi: Sumpah Mahsuri", dalam *Warna Sari Sastera Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Penerbit Fajar Bakti, hlm.13-18.
- Wookey, W.K.C. 1956. "The Mat Salleh Rebellion", *Sarawak Museum Journal*, vol.7.
- Yatim Taubatal Andam. 1995. "Dispute over Mat Salleh's Jacket", *Daily Express*, 19 Julai, hlm.1.

Indeks

- Abdul Rahman, 5, 18, 19, 20, 33, 52, 65, 169
 Abdul Rahman Limbong, 18, 19
 Abdullah Zakaria Ghazali, 19, 33, 166
 Aenied, 8
 Aethra, 75
 Aisah, 31, 169
 Alexander Cook, 36, 55, 63
 Alexander Rankin Dunlop, 4, 38, 48, 56, 166
 Ali, 82, 83, 85, 104, 144, 157
 Alifah, 62
 Allah, 24, 76, 89, 101, 126, 138, 139, 154
 Al-Quran, 46
 Ambong, 34, 40, 43
 Amil Jaya, 5, 65, 166
 Amin Sweeny, 11
 Anthony Gibon, 31, 64, 70
 Aria Putera, 134
 Arjuna, 149
 Attika, 75
 Awang Batil, 11
 Awang Tunggal, 14
 Badang, 33, 75, 76, 139, 145, 148, 150
 Bajau, 28, 30, 31, 33, 34, 39, 40, 55, 56, 62, 72, 73, 74, 79, 80, 82, 83, 86, 87, 88, 91, 92, 94, 96, 97, 99, 100, 101, 105, 113, 114, 115, 128, 132, 137, 150, 151, 163
 Balignini, 73
 Bambu, 109
 Bandul, 91, 121, 128, 138
 Barat, 3, 4, 8, 9, 19, 26, 28, 34, 35, 39, 40, 43, 48, 49, 55, 56, 60, 61, 62, 65, 66, 71, 72, 81, 83, 113, 116, 120, 136, 137, 141, 142, 143, 148, 151, 157, 164, 168
 Barraut, 33, 36, 37, 41
 Batavia, 73
 Batu Belah, 139
 Belanda, 18
 Bendahari KBBU, 36
 Bengali, 86
 Bentan, 144
 Biji jagung, 116, 135, 155
 Black, 4, 28, 30, 31, 39, 49, 51, 52, 53, 63, 64, 166
 Bomoh, 82
 Braginsky, 18, 166
 Brahman, 75
 British, 3, 4, 6, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 31, 32, 33, 37, 38, 40, 41, 42, 46, 47, 48, 50, 57, 58, 60, 63, 65, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 79, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 99, 100, 101, 102, 104, 105, 106, 107, 108, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 125, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 135, 136, 137, 141, 156, 157, 158, 159, 160, 166, 167, 168, 169, 170, 171
 Budapest, 9
 Budhisme, 75
 Bugis, 72

- Buli Sim Sim, 21
 Bundu Tuhan, 41, 43, 87, 117, 120, 123, 128, 147, 151
- Cau Pandan, 77
 Cecilia Leong, 3, 4, 31, 35, 40, 59, 64, 71, 141
 Ceerops, 75
 Ch'an Shih, 75
 Charlemagne, 17
 Cheah Boon Kheng, 77, 167, 169
 Crisswell, 4, 6, 27, 28, 32, 48, 50, 51, 54, 64, 79, 141, 169
 Cuchulainn, 145
- Daily Express, 5, 6, 65, 85, 94, 153, 156, 162, 166, 167, 168, 169, 171
 Dansey, 56
 Dasaratha, 17
 Datu Balu, 28, 30, 31
 Datu Bandira Datu Alang, 34, 74, 167
 Datu Buluh, 62
 Datu Harun, 3, 59, 84, 89, 92, 94, 96, 99, 100, 109, 114, 115, 118, 120, 129, 130, 132, 138, 140, 156, 159
 Datu Langkap, 92, 93, 116, 129, 150
 Datu Syabandar, 41
 Datu Unduk, 92, 116
 Datuk Bahaman, 9
 Dayak, 32, 33, 35, 37, 41, 42, 55, 56, 57, 72, 137, 148, 150
 Dayang Bandang, 6, 28, 31, 44, 59, 64, 65, 70, 155
 Dayang binti Lingkung, 5, 31, 58, 62, 67, 149, 155
 Dewa Zeus, 144
 Diari Dunlop, 4, 56
 Dol Said, 9, 33
 Dumpsas, 31
 E.P Gueritz, 55
 Encyclopedia International, 8, 26, 167
 Engku Besar, 22
 Ensiklopedia Malaysiana, 8, 167
 Etiologikal, 12, 13, 14
- Gabenor Clifford, 58, 67
 Gabenor Creagh, 35, 36
 Gallie, 8
 Ganesha, 75
 Greek, 17
 Gunsanad, 52, 67, 156
 Gunung Kinabalu, 73, 96
- H.M.S Swift, 46
 Haji Abdul Rahim, 36
 Haji Abdul Salam, 69, 70, 85, 89, 90, 93, 94, 97, 98, 99, 100, 101, 103, 104, 105, 106, 107, 109, 114, 117, 119, 120, 121, 125, 126, 128, 129, 130, 131, 134, 135, 136, 138, 139, 140, 152, 153, 154, 157, 161
- Haji Atim, 82, 83, 99, 152, 157, 159, 160
 Haji Mohd. Isa, 25
 Haji Osman bin Sauti, 65, 148
 Haji Otang, 45, 61
 Haji Salahudin, 36
 Hang Mahmud, 144
 Hang Tuah, 9, 18, 24, 26, 63, 66, 132, 133, 134, 136, 138, 144, 153, 156, 166, 168
 Harun Daud, 74
 Hasil rompakan, 19
 Hercules, 149
 Hewett, 39, 40, 41, 42, 43, 168
 Hikayat Banjar, 133, 170
 Hindu, 8, 75, 149
 Hinduisme, 75
 Hong Kong, 6, 28
- Ibrahim Nik Mahmood, 18, 22, 23, 27, 33, 64, 137, 153, 168
- Iliad, 8
- Inanam, 28, 31, 32, 39, 40, 45, 46, 47, 49, 51, 61, 62, 68, 70, 82, 83, 84, 87, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 100, 113, 114, 115, 116, 119, 120, 123, 124, 127, 128, 129, 130, 137, 139, 140, 151, 156, 162
- Indo-German, 145
- Indra, 75
- Inskripsi, 34

- Iran, 145, 148
 Iranun, 34, 72, 74, 167
 Ismail Abbas, 82, 83, 85, 105, 152, 154, 157
Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah, 83
Jaket, 162
James Brooke, 71
Jaya, 5, 14, 98, 170
Jin Islam, 90, 135
Johol, 9, 14
Johor, 18
Jones, 33, 36, 37, 41, 42
Joseph T. Shipley, 17
Josselin de Jong, 18
Jumbong, 98
Kampung Benoni, 69, 83, 85, 104, 120, 123, 131, 140
Kampung Beringgis, 83, 97, 120, 123
Kampung Bukit Jambul, 23
Kampung Kelantsatan, 56
Kampung Kelawit, 89, 123
Kampung Kepayan Lama, 85, 107, 108, 114, 121, 122, 123, 124, 127, 132, 139, 152
Kampung Ketiau, 83, 85, 86, 89, 123, 125, 139, 152, 154
Kampung Labuan, 69, 97, 123, 124, 129, 154, 160, 161
Kampung Pancalanan, 87, 127
Kampung Petagas, 69
Kampung Seberang Putatan, 83, 84, 85, 101
Kampung Selarong Batang, 19, 20
Kampung Sisip, 65
Kampung Taboh, 52, 56, 57, 122, 151
Kampung Tibabar, 5, 70, 121, 123, 127, 132, 152
Kamunta, 61
Kapal Rancee, 39
Kapten Harrington, 55, 56, 57
Katick, 39
Kawang, 97, 98, 105, 120, 121, 123, 130, 153
Kebaktian, 119, 128
Kebal, 63, 65, 103, 135, 162
Kelantan, 14, 18, 19, 21, 22, 23, 26, 33, 153, 168
Keramat, 12, 13, 14, 15, 170
Keris, 24, 64, 133, 134, 153
Kesultanan Melayu Melaka, 18, 156
Ketua Anak Negeri, 82, 83
Ketua Kampung Mujamal, 109
Ketua Marudu, 35
Khatib Banjam, 52
Ki Mas Lalana, 133
Kinarut, 82, 83, 85, 90, 97, 98, 99, 114, 120, 123, 126, 130
Kompeni Berpiagam Borneo Utara, 3, 4, 20, 27, 30, 32, 39, 43, 44, 50, 63, 65, 66, 67, 70, 72, 78, 84, 85, 127, 129, 136, 141, 155, 158, 162, 164
Koran, 32, 35
Kota Belud, 34, 40, 43, 69, 70, 83, 85, 88, 94, 96, 97, 102, 120, 121, 123, 124, 125, 127, 128, 129, 139, 154, 160, 163
Kota Kinabalu, 4, 6, 82, 83, 85, 86, 94, 105, 107, 119, 154, 158, 159, 162, 166, 168, 170
Kristianiti, 75
Kuala Pibagul, 86
Kuala Sayung, 139
Kuala Singapura, 76
Kuan Kung, 149
Kubu Mat Salleh, 31, 37, 40, 41, 42, 56, 57, 85, 124, 159, 160
Kudat, 38, 69, 87, 92, 96, 99, 109, 116, 120, 123, 138, 156, 169
Kumpulan Penyamun, 26, 27
Lahad Datu, 69
Lalin bin Tut, 105
Langkap, 33, 116, 150
Langkong, 33
Latar masa, 10
Latar tempat, 13
Latif bin Ating, 65, 148
Latin, 8
Lawas, 54
Lebai Kader, 15, 78, 154, 170
Lebai Mahmud bin Haji Osman, 23

- Legenda, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 21, 27, 62, 71, 78, 83, 147, 148, 164, 165, 167, 168, 169, 170
- Likas, 69
- Linda Deigh, 9
- Lingkabau, 37, 38, 44, 170
- Lisan, 23, 169
- Little, 38, 55
- Lowanti, 42
- Luang Mondau, 62
- Lues Sepah, 82, 83
- Lunggai, 31
- Ma Tsu, 77, 78, 155
- Mahsuri, 9, 15, 77, 167
- Majapahit, 134, 136, 144
- Makasar, 73
- Mali Nayan, 83, 84
- Mallam, 47
- Mangis, 44
- Mansor Abdullah, 24
- Masjid Negeri Sabah, 159
- Mat Kilau, 5, 9
- Mat Salleh, 3, 4, 5, 6, 7, 16, 20, 21, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 106, 107, 108, 109, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169, 170, 171
- Mat Salleh Banjul bin Orang Kaya Haji Saman, 68
- Mat Sator, 33, 56, 61, 65, 70, 92, 93, 108, 116, 129, 132, 150, 170
- Mayat, 58, 156
- Mekah, 34, 52, 144
- Melaka, 9, 18, 76
- Melayu-Brunei, 82, 83
- Membakut, 39
- Memorat, 12, 13
- Menggatal, 44, 45, 46, 54, 70, 95, 120, 123, 129, 170
- Meriam, 162
- Mesir, 8
- Miassin, 6
- Mohamad Abdullah, 23, 24, 25, 27, 64, 134, 169
- Mohd. Khalid Taib, 9, 169
- Mohindra, 65, 66, 68, 69, 70, 153, 156, 169
- Mr Neubronner, 39
- Mr Ormsby, 40
- Muali, 88
- Muar, 14
- Muhammad Salleh, 30, 166
- Munro S. Edmonson, 16, 143, 149
- Muzium Negeri Sabah, 6, 82, 83, 85, 94, 107
- Mycenaean, 17
- Nadi Bijaya Pikrama, 76
- Nakhoda Tinggi, 38
- Naning, 33, 166
- Nasip Kumpar, 82, 83, 85, 153
- Negeri-Negeri Selat, 50
- Nelayan, 82
- Niuk, 57, 58
- Nusantara, 10
- O.K.K Serail, 47
- Odysseus, 145, 146, 149
- Odyssey, 8
- Palalun, 31
- Pangeran, 44, 45, 46, 47
- Panglima Nayan, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 63, 64, 77, 132, 134, 169
- Papar, 39, 55, 69, 82, 83, 104, 108, 109, 121, 123, 140, 153, 160, 161
- Pawang Langkat, 14
- Pearsin, 46

- Pekan Chukai, 14
 Penampang, 87
 Pendukung, 11
 Penjara Sandakan, 47
 Pensiangan, 99
 Peperangan Trojan, 17
 Perancis, 17, 146, 149
 Pionus Guntavid, 83
 Pirasan, 40
 Portugis, 18
 Pulau Gaya, 34, 39, 40, 43, 45, 86, 91, 92, 100, 101, 102, 105, 116, 119, 120, 122, 123, 128, 129, 130, 136, 137, 147, 148, 150, 151, 158, 159
 Pulau Jambongan, 21, 33, 35, 36, 37, 63, 65
 Pulau Labuan, 39
 Putatan, 55, 69, 82, 83, 85, 86, 100, 101, 102, 109, 119, 120, 123, 124, 139, 140, 153, 159, 160
 R.M. Jasni, 6, 31, 59, 170
 Raja Singapura, 145
 Rama, 17
 Ramayana, 17
 Ranau, 6, 39, 40, 41, 42, 43, 88, 90, 93, 94, 120, 123, 124, 128, 129, 139, 166
 Randagong, 42
 Ratan Kler, 162, 170
 Razuanda, 90, 116, 120, 140, 149
 Residen Sandakan, 33
 Residensi Sandakan, 28, 30, 35, 39, 40, 49, 54, 55, 65
 Robert A. Georges, 9
 Robin Hood, 8
 Rom, 8
 Romawi, 8
 Rusia, 17
 Rustam, 145, 148
 Saat bin Razak, 65, 148
 Sabah Times, 5, 62, 148, 149, 155, 156, 166, 168
 Sandakan, 4, 20, 21, 27, 30, 31, 33, 35, 36, 37, 39, 41, 44, 45, 53, 55, 61, 63, 65, 69, 80, 148, 150
 Sang Persata Nala, 134
 Savill, 75, 145, 148, 170
 Sawat, 90, 121
 Sejarah Melayu, 18, 76, 139, 144, 145, 148, 170
 Selangor, 14, 15
 Selarong Batang, 25
 Semenanjung Malaysia, 5, 17, 18, 21, 27, 29, 63, 169
 Semenanjung Tanah Melayu, 22
 Senjata, 41, 133
 Sepanggar, 86
 Sheikh Omar Basheer, 14
 Shellabear, 18, 76, 139, 144, 145, 148, 170
 Si Awang, 14
 Si Gunting, 35, 38
 Si Long, 33, 150
 Siam, 77
 Sidi Arab, 76, 77
 Sigurth, 144
 Sikh, 39, 41, 42, 46, 86, 92, 148
 Singapore Free Press, 67
 Singapura, 73, 76
 Sinsuran, 53, 57, 58, 87, 107, 108, 109, 120, 121, 122, 127, 132, 137, 151
 Sitimah, 31
 Sito Duraman, 82, 83, 85, 90, 148, 151, 154, 155
 Sodiki, 70
 St Jude, 77
 Suara Perkim, 34
 Sukom, 108, 121
 Sultan Abdul Samad, 14
 Sultan Brunei, 40, 44, 49, 79, 90, 108
 Sultan Jamalul Kiram, 31
 Sultan Mansur Syah, 144
 Sultan Muzaffir Syah, 76
 Sultan Sulu, 28, 31, 43, 44, 49, 59, 64, 79, 115, 128, 135
 Sulu, 28, 30, 31, 33, 34, 44, 45, 60, 62, 63, 64, 65, 70, 72, 73, 74, 80, 82, 114, 115, 116, 128, 132, 140, 155
 Sumeria, 8
 Sungai Besar, 25
 Sungai Duyung, 144
 Sungai Labuk, 37, 38, 47, 61

- Sungai Limbawan, 38
Sungai Petani, 23, 25
Sungai Sugut, 20, 28, 30, 32, 35, 36, 38, 47, 61, 65, 79, 96
Swettenham, 50, 58
Syarif Yusof bin Syarif Bidin, 83, 147
- Tagaas, 31, 51
Tahi kerbau, 108
Tambunan, 5, 31, 34, 35, 42, 44, 45, 47, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 58, 59, 62, 64, 65, 67, 68, 69, 70, 83, 85, 91, 92, 93, 95, 101, 102, 106, 107, 108, 109, 114, 116, 117, 120, 121, 122, 123, 124, 127, 128, 129, 130, 132, 137, 138, 139, 149, 150, 151, 153, 155, 156, 167, 170
Taming Sari, 24, 64, 133, 134, 153
Tanah Besar China, 72, 76, 155
Tanjung Aru, 69
Taois, 75, 98
Tarling, 4, 30, 33, 35, 36, 50, 150, 171
Teh, 23, 25
Telipok, 62, 82, 83, 85, 92, 94
Teluk Darvel, 36
Tema, 12, 13, 113, 132
Tempasuk, 40
Tempatan, 156, 169
Terengganu, 9, 18, 19, 33, 166
Thani Hashim, 5, 31, 62, 65, 67, 70, 148
the Song of Roland, 8
Theseus, 75
Tok Guru Awang Panjang, 24, 134
Tok Surau, 14
Tregonning, 3, 4, 6, 35, 39, 40, 51, 53, 55, 61, 171
Troy, 146, 149
Tua Pek Kong, 98
Tuan Pilly, 87, 88, 113, 116, 127, 137, 151
Tuaran, 5, 67, 69, 156, 162
Tuhan, 28, 63, 70, 75, 87, 106, 107, 120, 128, 140
Tun Fatimah, 9
- Usman Sangkalang, 30
Usu Siagah, 83, 149, 152, 155, 156, 158
- W.R Flint, 38
Walters, 75, 76
William Clarke Cowie, 43
William Howells, 74
Wira bangsa, 146
Wise, 41, 46, 48
Wookey, 4, 6, 20, 21, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 39, 43, 44, 45, 46, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 63, 64, 65, 80, 141, 148, 171
- Yaakub Duraman, 85
Yunani, 8, 77, 144, 145, 149